



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 9**

**Isnin**

**30 Julai 2018**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)</i>	(Halaman 29)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 30 Julai 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Perdana Menteri menyatakan untuk kerajaan memerihalkan projek kereta nasional ketiga yang diumumkan oleh beliau ketika melawat Jepun:

- (a) apakah justifikasi dan adakah kerajaan mengambil iktibar mengenai kegagalan Proton selama ini; dan
- (b) jika ia bakal dipacu oleh sektor swasta, apakah bezanya dengan Proton sekarang.

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Larut pada 1 Ogos 2018 dan Yang Berhormat daripada Rembau pada 15 Ogos 2018 kerana menyentuh isu yang sama. Industri automotif amatlah penting jika kita bercita-cita menjadi negara maju. Sebuah negara maju perlu mengadakan kebolehan tinggi dalam bidang kejuruteraan. Sebuah kereta mempunyai lebih 4,000 komponen dan dengan izin, *parts* yang hanya boleh dikeluarkan oleh industri *engineering* ataupun kejuruteraan.

Industri automotif boleh menjana pengeluaran produk *engineering* yang boleh menampung industri lain dalam negara dan untuk eksport. Dengan adanya Proton dan Perodua, banyak perusahaan *engineering* dapat diadakan. Proton tidak gagal. Pada satu masa, Proton menguasai hampir 80 peratus di pasaran Malaysia. Proton dapat mengumpul **.....reserve** sebanyak lebih daripada RM4 bilion. Kilang canggih Proton di Tanjong Malim dibangunkan dengan duit sendiri berjumlah RM1.8 bilion.

Kemerosotan Proton disebabkan dasar membenarkan kereta dari semua negara masuk ke pasaran Malaysia. Negara-negara ini mengenakan syarat supaya Proton tidak dapat menembusi pasaran mereka. Negara-negara ini mempunyai kilang yang amat besar dan mengeluarkan berjuta-juta kereta setahun. Mereka juga menyekat kemasukan kereta ke dalam pasaran mereka.

Sehubungan itu, kerajaan pada masa ini dalam proses kajian semula Dasar Automotif Nasional bagi memastikan industri automotif tempatan kekal kompetitif. Kajian ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan termasuk projek kereta nasional baharu, pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, peningkatan eksport dan lain-lain. Kerajaan juga terbuka ke atas mana-mana cadangan berkenaan dengan pelaksanaan projek kereta nasional baharu termasuk cadangan untuk bekerjasama dengan negara lain. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi menjawab soalan ini. Saya sedar bahawa apa yang Yang Amat Berhormat huraikan itu betul, industri automotif itu penting untuk negara. Akan tetapi sejak 33 tahun lalu apabila kita perkenalkan Proton pertama iaitu kita nampak bahawa pelbagai kos termasuk AP, *import duty* dan *import excise*. Mengikut P. Gunasegaram dari KiniBiz menjangkakan RM300 bilion telah ditanggung kerana dasar melindungi kereta Proton.

Kita tahu apa Yang Amat Berhormat katakan itu betul, pada mulanya berjaya tetapi disebabkan saingan yang begitu sengit sekali dalam pasaran dunia, menjadikan kita tidak ada *economies of scale*. Jadi Yang Amat Berhormat, sekiranya Yang Amat Berhormat untuk mengutarakan kereta nasional ketiga, apakah kita akan mengulangi *protectionism* yang perlu kita buat untuk kereta Proton? Kedua, bagaimana kita lihat kalau itu dipacu oleh syarikat swasta, bukannya yang ada sekarang pun 51 peratus adalah milik DRB-HICOM dan juga Geely sebanyak 49.9 peratus? Sekiranya ini boleh dilakukan, kenapa perlu ada yang kereta nasional ketiga?

Akhir sekali, dulu pun kita ada kerjasama dengan syarikat seperti Mitsubishi, kemudian kita bincang dengan Volkswagen, akhirnya terpaksa pilih antara Renault dengan Geely dan ini disebabkan *economies of scale*, kita tidak ada pasaran itu. Apa pandangan dan penjelasan Yang Amat Berhormat? Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu Proton berjaya menembusi pasaran Malaysia dan juga pasaran luar negeri.

**■1010**

Kita dapat menjual 25,000 kereta Proton di Great Britain, di UK dan di lain-lain tempat. Akan tetapi oleh kerana pemerintahan yang kurang cekap, yang tidak tahu berkenaan dengan industri yang menyebabkan prestasi Proton merosot. Pertamanya kerana kerajaan yang dahulu membenarkan masuk segala kereta ke dalam Malaysia tanpa *reciprocity* iaitu tanpa memberi peluang kepada kereta Proton memasuki pasaran mereka. Dengan adanya kereta yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat gergasi masuk ke dalam pasaran Malaysia dan bersaing dengan Proton, sebab itulah Proton sukar untuk menandingi dengan mereka. Dengan kerana itu pasaran Proton pun merosot, diambil alih oleh pasaran kereta-kereta yang diimport dari luar negara.

Apabila merosot pasaran Malaysia untuk kereta Proton, maka industri automotif juga menghadapi masalah dan ramailah daripada mereka tidak dapat bersaing dengan bekalan dari luar negeri. Bahkan ada syarikat Malaysia yang membekalkan barangan kepada Proton yang sebenarnya diimport dari negara lain. Ini bermakna kita tidak mempunyai kebolehan mengeluarkan barangan kita sendiri dengan harga yang kompetitif. Ini semuanya bergantung pada dasar kerajaan. Kerajaan baharu ini mempunyai dasar yang berlainan. Kita akan bantu Proton dan industri tempatan. Kita dapati umpamanya hanya setelah Proton dibeli oleh syarikat luar negeri, barulah kerajaan memberi bantuan.

Begitu lama sekali Proton meminta bantuan daripada kerajaan tetapi kerajaan tidak memberi. Ada wang sebanyak lebih RM1 bilion yang dijanjikan untuk *research* tetapi Proton tidak diberi. Apabila sahaja Proton dijual kepada negara asing, barulah bantuan diberi. Ini ternampak seolah-olah kita tak nak galak supaya orang tempatan mempunyai kebolehan mengeluarkan kereta. Selagi ada dasar yang semacam itu, maka sukarlah industri tempatan mencapai kemajuan. Nampak seolah-olah dasar dulu ialah mengutamakan import daripada pengeluaran tempatan tetapi kerajaan yang ada sekarang ini mempunyai dasar yang lain. Saya harap Ahli Yang Berhormat daripada parti-parti lawan sila lihatlah kemudian apa kami akan laku. Terima kasih. [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua sebelah sini, sebelah barisan kerajaan. Tidak ada? Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memandangkan persaingan dengan kereta import, adakah kerajaan bercadang bahawa lesen pengimport akan ditamatkan atau mengehendkan memandangkan kalau jika

kerajaan akan ada hasrat membina kereta nasional yang ketiga. Memandangkan itu juga dalam *trend international* bahawa kereta yang mana di Jepun banyak syarikat-syarikat gergasi yang berusaha sama dengan kereta antarabangsa seperti Mitsubishi dengan kereta yang lain di Amerika dan juga Mazda dengan Ford yang berusaha sama di Jepun. Adakah kerajaan akan bercadang bahawa kereta nasional yang ketiga akan jika berusaha dengan kereta asing dengan bersama-sama membina satu kereta nasional dengan syer yang lebih di negara kita seperti 51 peratus yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia, 49 peratus dipegang oleh kereta yang lain. Adakah kita akan mengusahakan kepada *trend* ini? Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, kita berada sekarang dalam zaman *free trade* iaitu negara-negara tidak harus menyekat kemasukan barangan dari negara lain dengan mengenakan cukai yang lebih tinggi. Kita bersetuju dengan *free trade* tetapi yang kita dapati ialah walaupun cukai diturunkan, ada sekatan-sekatan yang lain yang dilakukan oleh negara-negara yang maju. Mereka mengenakan syarat tertentu seperti *standard Euro 5* umpamanya yang memerlukan pengeluaran asap daripada kereta itu kurang *carbon monoxide* dan ada lagi syarat-syarat lain yang mana kalau kita tidak dapat menepati syarat itu, kita tidak boleh eksport ke negara mereka.

Ada juga sebuah negara yang mengenakan cukai *agriculture*, cukai pertanian ke atas kereta yang diimport ke negara mereka. Ini tidak juga menyekat kemasukan kereta kita ke pasaran itu tetapi kita amat terbuka. Segala kereta yang dikeluarkan walaupun dibuat dengan tin milo, boleh masuk Malaysia. *We are very open* pada ini. Kita terbuka, siapa buat kereta, boleh masuk. Kita tidak boleh masuk negara mereka. Inilah masalah yang kita hadapi. Jadi sebab itu kita perlu kaji kemungkinan kita ada syarat-syarat tertentu supaya kereta asing tidak dapat masuk dengan mudah ke negara kita dan memberi peluang kepada Proton dan kereta-kereta tempatan menguasai pasaran tempatan. Ini sedang kita memikir.

Berkenaan dengan saham yang dipegang oleh syarikat asing, kita bersetuju bekerjasama dengan syarikat gergasi daripada negara-negara lain yang lebih cekap dalam bidang automotif. Kita sedia memberi saham yang cukup kepada mereka mengikut rundingan tetapi yang penting ialah kita perlu berkuasa dan perlu mengambil bahagian yang bermakna dalam pengurusan syarikat-syarikat ini. Kita sudah sampai kepada tahap yang mana rakyat Malaysia mampu mengeluarkan kereta daripada A to Z iaitu daripada mereka bentuk, melukis sehinggalah memasarkan kereta tempatan, hampir 100 peratus. Akan tetapi walaupun demikian kalau kita tidak, kita jual syarikat

kita kepada orang asing sehingga kita tidak memainkan peranan di dalam pengurusan syarikat itu, maka sukarlah bagi rakyat Malaysia menguasai kecekapan dalam bidang *engineering* yang terlibat dalam usaha mengeluarkan kereta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ketiga, Yang Berhormat Machang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat. Tidak dapat dinafikan bahawasanya Proton ini telah mewujudkan peluang pekerjaan yang begitu besar termasuklah industri-industri hiliran. Kita sentiasa menyokong Proton ini, dari dulu lagi Yang Amat Berhormat. Sewaktu Proton dimomokkan oleh pembangkang pada waktu itu, kami di sinilah yang mempertahankan Proton. *[Tepuk]* Ini kenyataan.

■1020

Jadi soalan saya, Yang Amat Berhormat, semenjak Proton ditubuhkan pada 7 Mei 1983 dengan modal berbayarnya RM150 juta pada waktu itu, sehingga kini berapa banyakkah bantuan-bantuan daripada kerajaan, jika ada, yang telah diberikan di dalam bentuk *outright grant* ataupun *soft loan* untuk membantu Proton? Ini kerana kita sedar sekiranya Proton mengalami masalah, ia akan membawa akibat yang buruk pada negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, pada satu zaman dahulu, ada bantuan yang cukup kuat kepada Proton sehingga modal Proton itu pun datang daripada kerajaan. Apabila Proton itu kekurangan wang, kerajaan memberi pinjam wang sebanyak RM800 juta supaya Proton dapat meningkatkan kebolehnya dan mencapai kemajuan. Akan tetapi, entah macam mana, dalam jangka masa 10 tahun dahulu, dasar ini ditukar. Tidak ada bantuan, pasaran dibuka kepada semua kereta dari lain negara.

Janji untuk memberi bantuan untuk *research and development* yang mana ini diberi kepada lain-lain syarikat tetapi kepada Proton, ia tidak diberi. Proton terpaksa belanjakan duit sendiri untuk buat *research and development*. Akan tetapi yang peliknya, apabila Proton sudah dijual, wang untuk *research and development* ini barulah diberi kepada Proton yang dikuasai oleh syarikat asing. Inilah sebabnya yang Proton sukar mendapat keuntungan. Kalau ada betul-betul bantuan yang ikhlas daripada kerajaan, saya yakin Proton juga mampu mencapai kejayaan seperti diannya mencapai kejayaan di zaman purba dulu. Terima kasih. *[Tepuk]*

2. **Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]** minta Menteri Pertahanan menyatakan falsafah dan strategi baru Kementerian Pertahanan berkenaan prinsip kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi yang bakal diperkenalkan.

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab ini di depan bekas Menteri Pertahanan. Ketua Pembangkang dan Perdana Menteri juga bekas Menteri Pertahanan.

Kerajaan Pakatan Harapan komited dalam mengukuhkan kedaulatan dan integriti wilayah dalam menghadapi ancaman keselamatan yang semakin kompleks dan dinamik. Dalam era globalisasi, ancaman keselamatan kini lebih menjurus kepada pelaku *non-state actor* yang mana melibatkan ancaman keselamatan bukan tradisional seperti jenayah rentas sempadan, keganasan, penyeludupan manusia, *kidnap for ransom*, jenayah siber dan sebagainya. Ancaman ini jika tidak ditangani dengan cermat, ia berupaya menjejaskan kelangsungan dan keharmonian negara serta kesejahteraan ekonomi.

Untuk itu, falsafah dan strategi pertahanan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan masih lagi berlandaskan kepada Dasar Pertahanan Negara, di mana objektif Dasar Pertahanan Negara adalah bagi melindungi dan mempertahankan kepentingan strategik negara yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi negara.

Terdapat enam prinsip asas pertahanan yang digariskan dalam DPN iaitu berdikari, Pertahanan Menyeluruh (HANRUH), komited terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA), sokongan usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke arah keamanan sejagat, langkah-langkah menangani keganasan dan diplomasi pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kerajaan baharu ini, Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan kajian semula Dasar Pertahanan Negara agar falsafah, prinsip dan strategi pertahanan adalah seiring dengan cabaran dan kemajuan semasa. Pada masa yang sama, kita akan meneruskan dasar-dasar lama yang kita lihat ia membawa faedah kepada keselamatan negara.

Seperti yang disebutkan tadi, peningkatan ancaman keselamatan bukan tradisional seperti keganasan atau *terrorism* dan keselamatan siber serta ancaman keselamatan tradisional yang masih relevan pada masa kini seperti isu Laut China Selatan dan isu persempadanan perlu diambil kira dalam menambah baik Dasar Pertahanan Negara. Selain daripada itu, perkembangan fenomena revolusi industri keempat yang mempunyai kaitan dengan aspek kemajuan teknologi informasi turut

diambil kira dalam memastikan pembangunan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia mendepani cabaran semasa dan akan datang.

Dasar Pertahanan Negara akan sentiasa mendukung dan berpandukan kepada Dasar Luar Malaysia yang mengamalkan prinsip dasar berkecuali dan menggunakan saluran diplomasi. Pemakaian konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali juga adalah wajar bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman di rantau ini tidak terjejas akibat konflik geopolitik pihak luar.

Semakan Dasar Pembangunan Negara juga akan turut direncanakan berlandaskan kepada dasar keselamatan berkaitan seperti Dasar Keselamatan Negara, Dasar Keselamatan Dalam Negeri dan Dasar Keselamatan Siber Negara. Ini adalah kerana Dasar Pertahanan Negara merupakan satu bentuk sambungan kepada inspirasi negara. Lantas, strategi yang diambil perlulah seiring dengan dasar sedia ada yang mana harus diselaraskan dengan dasar keselamatan yang lain bagi menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan sejahtera.

Dalam melaksanakan kajian semula Dasar Pertahanan Negara, Kementerian Pertahanan juga akan mengambil pendekatan untuk turut melibatkan agensi-agensi yang berkaitan serta pihak-pihak yang berkepentingan melalui *constructive engagement* demi memastikan usaha-usaha dan strategi yang diambil bersifat *inclusive*, komprehensif dan berciri *the whole of government approach* kerana sesungguhnya, tanggungjawab dalam memastikan keselamatan negara bukan hanya terletak di bahu pasukan keselamatan, malahan perlu digalas oleh rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kota Raja kerana dipilih untuk memikul amanah sebagai Menteri Pertahanan yang baharu, tentulah tugas yang besar dan juga berat.

Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa antara *underline* Dasar Pertahanan Negara adalah untuk menangani keganasan ataupun *counter terrorism*. Tentu sekali ia dilaksanakan melalui *military cooperation*, *military diplomacy* ataupun *joint military exercise*. Ini sememangnya berlaku di mana kita pernah terlibat—

Saya hendak rujuk kepada salah satu daripada agenda memerangi keganasan di mana Malaysia terlibat dalam apa yang dinamakan *Islamic Military Counter Terrorism Coalition (IMCTC)* yang ditubuhkan pada tahun 2015 pada bulan Disember yang

dianggotai oleh 41 negara-negara Islam ataupun 71 peratus. Daripada itu, kita juga melalui latihan apa yang dinamakan *Northern Thunder* di Saudi pada 2016 yang membabitkan 20 negara dan kita juga menempatkan penempatan tentera kita di Saudi bagi tujuan evakuasi rakyat kita yang terbabit dalam kemelut perang di Yaman.

Saya berterima kasih kerana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dengan jelas bahawa kita tidak terlibat dalam *military operation* di Yaman. Cuma soalan saya ialah, cadangan kerajaan untuk *withdraw* ataupun menarik semula trup daripada Saudi sedangkan salah satu daripada komitmen yang kita beri kepada Saudi pada awal tahun ini adalah keberadaan kita di sana, selain daripada evakuasi, adalah sebagai salah satu solidariti bagi melindungi dan mempertahankan *the two Holy Cities*, Al-Haramain yang terdedah dengan serangan oleh *Burkan Missile* daripada Houthi dan ini merupakan solidariti yang juga diraikan oleh semua negara Islam.

#### ■1030

Apakah Yang Berhormat Menteri memikirkan bahawa kalau dengan menarik semula ataupun *withdrawal of troop* kita itu akan memberi cerminan bahawa kita *withdraw* daripada *coalition* IMCTC itu dan juga seakan-akan kita *withdraw* daripada komitmen kita untuk mempertahankan Kota Mekah daripada terdedah kepada serangan. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas, jiran kampung kita. Kita dalam konsep dasar luar kita dan Dasar Pertahanan Negara, kita berbaik dengan semua pihak yang ada hubungan dan perjanjian dengan kita seperti FPDA di mana Malaysia, New Zealand, Australia, Singapura, England, kita ada perjanjian.

Begitulah juga, kita ada juga hubungan baik dengan Amerika, Britain dan berbagai-bagai latihan kita buat bersama. Adapun menghantar tentera ke mana-mana negara, kita berpegang kepada dasar berkecuali iaitu kita boleh menghantar tentera ke mana-mana jika ia dipohon oleh United Nations. Seperti tentera Malaysia telah berkhidmat di Congo dahulu. Begitu harum nama Malaysia. Malaysia pernah berkhidmat di Somalia, di Darfur, di sempadan Iraq dan Kuwait. Sekarang tentera kita lebih daripada 800 orang sedang berkhidmat di Lebanon, di bawah United Nations.

Panggilan mana-mana pihak yang berkonflik antara jiran, maka Malaysia tidak boleh terlibat di atas dasar negara berkecuali yang diamalkan oleh Malaysia. Adapun kita menghantar tentera ke Saudi dua tahun lalu ialah untuk membawa balik rakyat Malaysia yang terperangkap di sana. Kerja-kerja itu telah pun selesai. Ada di antara

rakyat Malaysia yang terus ingin berada di sana, mereka anggap mereka selamat. Maka usaha evakuasi itu telah pun selesai. Oleh itu tidak perlu tentera Malaysia terus berada di sana. Ini kerana mereka sedang berperang dengan negara jiran mereka. Kita tidak mahu terlibat dalam mana-mana konflik antara negara jiran dan kita boleh menghantar tentera ke mana-mana jikalau dipohon, dipinta di bawah United Nations.

Dasar ini kekal. Oleh sebab itulah kita ingin membawa balik tentera kita daripada Arab Saudi, dengan hubungan dengan Arab Saudi kita akan pertingkatkan dari semasa ke semasa. Saya sendiri telah bertemu dengan Duta Arab Saudi di Malaysia. Kita berbincang program-program yang akan mengeratkan hubungan termasuk kalau perlu, latihan tentera bersama. Akan tetapi bukan kita berada di sana untuk terlibat dalam peperangan antara dua negara jiran.

Inilah pendirian dasar berkecuali Malaysia dahulu dan sekarang, ianya kekal sampai hari ini. Terima kasih. [*Dewan tepuk*]

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, saya ingin tahu pendirian kerajaan sekarang tentang adakah membenarkan kapal-kapal termasuk kapal perang yang berkuasa nuklear atau membawa senjata nuklear melalui Selat Melaka dan perairan Malaysia yang luas ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Malaysia sekarang sudah menjadi negara maritim yang amat penting. Hampir semua laut kita sekarang adalah daerah ekonomi seperti Laut China Selatan dan juga Selat Melaka. Selat Melaka menjadi laluan yang paling sibuk dalam dunia sekarang ini. Lebih 100,000 buah kapal melintasi Selat Melaka setiap tahun. Oleh itu, menjaga keselamatan Laut China Selatan dan Selat Melaka amat penting bagi Malaysia. Oleh itu, kita akan berusaha secara dialog diplomasi pertahanan dengan negara-negara besar supaya tidak menjadikan Laut China Selatan pertarungan mereka.

Adapun bila ada *claim* yang bertindih terhadap tanah-tanah atau pulau-pulau yang ada di Laut China Selatan, negara Asian muafakat untuk berunding secara dialog dengan kerajaan-kerajaan yang menuntut wilayah-wilayah itu. Adapun kehadiran China dan juga Amerika Syarikat mempamerkan kekuatan mereka di Laut China Selatan amat membimbangkan kita. Oleh itu, usaha-usaha diplomasi akan diteruskan dengan lebih giat dengan Amerika, China supaya tidak menjadikan rantau ini kawasan pertarungan.

Kapal-kapal nuklear kalau hendak lalu kita boleh bincang tetapi hendak berlabuh dan mengadakan latihan, Malaysia tidak akan bersetuju kerana ia boleh membawa satu

konflik yang buruk di rantau ini pada masa yang akan datang. *[Dewan tepuk]* Sekian, terima kasih.

**3. Tuan P. Prabakaran [Batu]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah langkah-langkah pengiraan sudah dimulakan ke atas harta, hak dan liabiliti kepunyaan Kerajaan Malaysia dan Jabatan Pembangunan Koperasi.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Mohd Redzuan Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Koperasi Malaysia merupakan satu entiti yang diperbadankan pada 1 Januari 2008 di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) bagi menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK).

Selaras dengan akta tersebut, Menteri bagi menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1) Akta 665 telah membuat perintah perletakhakkan berkuat kuasa 1 Januari 2008 bagi segala harta, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia.

Ketua Pendaftar Koperasi Bagi Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan pemindah-pemindah lain yang berhubungan dengan koperasi melalui penyiaran dalam Warta Kerajaan, Jilid 53, Nombor 26 bertarikh 17 Disember 2009 melalui perintah perletakan hak tersebut, maka segala harta, hak dan liabiliti telah diserahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kehendak seksyen ini SKM selepas berakhir tahun kewangannya perlu membentangkan satu salinan penyata akaun yang diperakui oleh Ketua Audit Negara, satu salinan Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tahunan SKM kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Bagi mematuhi kehendak seksyen 39, Akta 665, SKM telah membentangkan laporan tahunan yang mengandungi laporan aset dan liabiliti kepada Parlimen Malaysia tiap-tiap tahun bermula tahun 2009. Bagi laporan tahunan 2008 sehingga tahun 2017 bagi laporan tahunan 2016. Laporan tahunan bagi tahun 2017 dijangka akan dibentangkan pada Oktober 2018. Terima kasih.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan yang sungguh memuaskan. Dari laporan laman web Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2017, jumlah aset sektor koperasi adalah hampir RM136 bilion. Ini adalah perangkaan aset yang sangat besar di Malaysia.

Akan tetapi hasil nilai keluaran dalam negara kasar iaitu KDNK dari sektor koperasi hanya sekitar satu peratus. Nilai ini adalah sangat rendah dan tidak efektif. Adakah boleh dipertimbangkan oleh pihak kementerian untuk mengubah struktur organisasi Koperasi Malaysia di mana pentadbir sektor koperasi hanya ditugaskan

melakukan penubuhan, pendaftaran dan penguatkuasaan sahaja. Manakala tugas pembangunan dan *business development* koperasi mesti dilakukan oleh jabatan lain seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi atau Jabatan Perdana Menteri.

■1040

Mengapakah nama Kementerian Pembangunan Usahawan tidak lagi dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi seperti sebelum ini memandangkan terdapat lebih 17,000 koperasi yang berdaftar dan 6.7 juta orang rakyat Malaysia adalah ahlinya. Mengapa dibuang nama koperasi itu? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Mohd Redzuan Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mengikut statistik yang kita ada setakat 31 Disember 2017, koperasi yang berdaftar adalah sebanyak 13,899. Keanggotaannya adalah sebanyak 6,500,000 orang. Modal *share* koperasi ini adalah sebanyak RM14 bilion. Asetnya seperti yang disebutkan tadi lebih daripada RM130 bilion tetapi kalau kita lihat statistik yang telah diauditkan, perolehan daripada aset ini dalam kumpulan koperasi ini adalah sebanyak RM40 bilion. Segala aktiviti-aktiviti koperasi adalah tertakluk kepada Akta Koperasi. Sekiranya ada perubahan dari segi mewujudkan aktiviti-aktiviti koperasi, akta ini perlu dipinda kalau sekiranya kita hendak menggunakan koperasi dari segi menggalakkan penubuhan aktiviti-aktiviti perniagaan. SKM adalah suatu *regulating body* dan sebagai badan pemantau sahaja dan tidak melibatkan diri dalam segala aktiviti-aktiviti perniagaan.

Dari segi penamaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebelum ini, kita masih lagi dapat memutuskan ataupun dapat diputuskan sama ada nama itu perlu diadakan di dalam penamaan Kementerian Pembangunan Usahawan. Akan tetapi aktiviti-aktiviti melibatkan koperasi setakat ini adalah dikawal selia oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di atas jawapan tadi nampak jelas bahawa aset koperasi begitu tinggi sekali sehingga mencecah hampir RM170 bilion. Kita tahu bahawa koperasi di sekolah ini cukup banyak iaitu sejumlah 2,600 buah koperasi yang mempunyai keanggotaannya hampir 3 juta. Jadi, apakah langkah-langkah kementerian ini bagi membantu koperasi di sekolah yang mempunyai ahli yang begitu ramai sehingga koperasi ini dapat membantu segala aktiviti-aktiviti di sekolah dan tidak perlu lagi kepada sumbangan-sumbangan daripada PIBG dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Mohd Redzuan Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai koperasi, kita akan mengkaji semula segala bentuk sumbangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sekiranya tidak melanggar akta yang termaktub dalam mengurus dan mengawal selia segala harta aset yang ada di Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Terima kasih.

**4. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan berapakah luas tanah pertanian terbiar dan yang telah ditukar syarat kepada penggunaan yang lain serta apakah langkah kementerian menyekat pertukaran syarat pertukaran tanah pertanian.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, pada 6 Ogos 2018 dan 1 Ogos 2018, Yang Berhormat Tapah dan Yang Berhormat Nibong Tebal juga bertanya soalan yang sama, jadi saya mohon menjawab bersekali. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah mengenal pasti seluas 119,273 hektar tanah terbiar pertanian di seluruh negara. Saya sebut negeri yang besar jumlahnya, Pahang 34,293 hektar, Johor 17,854 hektar, Perak 14,506 hektar, Terengganu 12,311 hektar dan Negeri Sembilan 10,309 hektar.

Pelbagai insentif dan galakan telah dilakukan oleh pihak kementerian untuk memastikan tanah-tanah terbiar ini dapat kita urus pada masa kini dan pada masa akan datang. Saya *insya-Allah* akan mengemukakan hala tuju baharu tentang tanah terbiar ini sebagai suatu segmen penting untuk kita mencari jalan penyelesaian terhadap jumlah yang besar ini untuk manfaat petani-petani kita di seluruh negara. Bantuan kepada petani diberikan dalam bentuk input pertanian, pembersihan kebun, penyediaan kawasan, pembangunan infrastruktur seperti pemasangan sistem perairan, saluran serta pembinaan jalan ladang dengan kadar minimum sebanyak RM20,000 satu hektar. Ini insentif yang kita telah jalankan dan mungkin akan ditingkatkan daripada semasa ke semasa.

Dalam kita melihat tentang keluasan tanah ini, kita mendapati bahawa tanaman-tanaman yang telah diusahakan adalah seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi, kelapa yang merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 204,793.42 metrik tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM187,551,380.51 yang kita telah berjaya hasilkan. Untuk jawapan yang spesifik yang saya ada data mengenai daerah Sik, *Alhamdulillah* keluasan tanah 96.60, bilangan petani 91, peruntukan yang telah diberikan RM1,105,900, jumlah

pengeluaran 1,726.94 metrik tan dan nilai adalah RM2,323,707. Ini fakta spesifik untuk Sik yang cuba saya sediakan pada pagi ini. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Berkaitan hal tanah pertanian yang terbiar ini maknanya sangat besar keluasannya itu yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita melihat ada situasi yang *contradict* di dalam negara kita iaitu situasi pertama, banyaknya tanah-tanah yang terbiar yang tidak diusahakan dan sudah pastinya akan mengambil suatu masa untuk kita perbaiki keadaan ini. Situasi yang kedua iaitu ramainya penganggur di kalangan belia-belie kita yang mereka ini, ketika ini sudah mencecah 3.4 peratus iaitu lebih kurang 516,000 yang menganggur.

Sudah pasti kenapa belia-belie kita ini tidak ada minat untuk mereka menceburi usahawan tani ini, khususnya untuk mengusahakan tanah-tanah yang terbiar. Ada satu program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini, MyAgrosis usahawan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah program ini ada impak kepada usaha kita bagi belia-belie ini menceburi bidang pertanian ataupun adakah program ini hanyalah sekadar program untuk mengisi masa terluang di pihak belia-belie menganggur.

Kedua, soalan asasnya juga bertanya berkaitan status tanah pertanian yang telah ditukar statusnya sama ada ke tanah pembangunan ataupun tanah industri walaupun hal ini berkait dengan hak pengurusan tanah di bawah kerajaan negeri.

■1050

Saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian khususnya Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk melihat dan menimbang polisi dan undang-undang ini untuk pihak kementerian atau pihak Kerajaan Persekutuan juga mempunyai hak bersama untuk mengawal bagaimana tingginya keluasan tanah-tanah pertanian yang telah ditukar statusnya sehingga menyebabkan kita sangat kritikal dari sudut *food security* yang telah kita sebut beberapa kali dalam Dewan yang Mulia ini. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, persoalan Yang Berhormat akui sendiri bidang kuasa negeri terhadap hal tanah ini bukan bagi saya satu halangan. *Federal and states* dengan izin, kita ada *Federal state*, *Federal list* dan kita ada *State List* dan ada *Concurrent List*. Bila mengurus sebuah negara, demi rakyat saya rasa tiada masalah untuk kita berbincang. Banyak mekanisme yang kita telah lakukan. Paling mutakhir adalah apabila kita di peringkat kementerian telah memanggil semua

exco pertanian negeri untuk hadir dalam satu mesyuarat baru-baru ini, semua negeri termasuk pembangkang.

Antara yang kita bincang adalah tentang mengurangkan birokrasi Kerajaan Pusat dan negeri yang mana boleh kita selesaikan dengan baik kita akan terus memberikan keutamaan. Termasuklah kementerian sekarang ini sedang mendapat data terkini untuk tahun 2017 dan tahun 2018 tentang status pengurangan tanah pertanian kepada industri. Keputusan untuk mengizinkan perkara itu yang melibatkan ada jabatan yang di peringkat persekutuan dan negeri dan ada hak negeri yang harus dihormati. Data terkini itu sedang kami dapati dan kami akan dapatkan daripada pihak negeri.

Mengenai tentang apa yang disebut bagaimana belia-belia yang kita telah memberikan suatu program MyAgro ini tadi, MyAgro pertanian ini, kita telah menggalakkan bagaimana mahasiswa yang berminat di dalam bidang dan sektor pertanian ini. Ada banyak sektor yang kita boleh tawarkan dan saya rasa bidang-bidang baru yang sedang kita usahakan yang boleh saya sebut dalam era dua bulan saya ini, penemuan *variety* yang telah lama tetapi diusahakan secara insentif seperti benih ataupun baka nanas MD2 yang pasarannya sangat lumayan, tempatan ataupun antarabangsa. Semalam kita lancarkan dua klon rambutan mutiara merah dan mutiara wangi yang saya rasa ini boleh ditanam dalam tanah-tanah yang termasuk pengurusan tanah terbiar tadi.

Kita melihat juga tentang insentif dalam bidang perikanan, industri kerang-kerangan. Kerang sekarang satu kilo di pasaran RM5 dan RM6 biasa. Musim mahal dapat RM10. Kupang sebagai contoh dalam negeri saya, daerah Pontian kita dapati harga satu kilo RM5 dan RM6. Area ini ataupun sektor ini menawarkan suatu bidang kerja yang saya rasa cukup berpotensi dan saya melihat dan kita melihat bersama-sama bagaimana kalau boleh *insya-Allah* bukan sahaja mahasiswa tetapi penyeberangan RM300,000 motosikal dari Johor ke Singapura itu kalau kita boleh menggamit dengan kita memberikan pelbagai insentif dalam bidang pertanian ini, itu mungkin satu jalan keluar yang terbaik untuk kita meningkatkan produktiviti kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Punca besar masalah tanah terbiar ini ialah dari segi status hak milik tanah tersebut misalnya di dalam yang melibatkan orang Melayu, Islam. Apabila bapa atau ibu meninggal dan meninggalkan harta pusaka, banyak isu yang melibatkan harta pusaka tidak diselesaikan. Jadi itu menyebabkan tanah itu tidak dapat dimajukan dan banyak

kes bukan sahaja bapa telah meninggal atau ibu, anak yang sepatutnya menerima pusaka pun masih belum selesai menguruskan tadbir pusaka dan sebagainya.

Jadi saya hendak bertanya, berapa jumlah kes seperti ini? Saya tahu Yang Berhormat mungkin tak dapat bagi kerana spesifik soalan ini, boleh bagi secara bertulis kepada saya. Keduanya, adalah apakah perancangan pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah status hak milik ini yang masih belum selesai hingga hari ini yang menyebabkan tanah terbiar begitu banyak dan tidak boleh dimajukan?

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, "*Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula*". Saya hormat Yang Berhormat Bera bekas Menteri Pertanian yang saya rasa kita berkongsi banyak pengalaman. Isu tanah terbiar yang melibatkan harta pusaka, ini bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang boleh memikirkan sama ada ijtihad baru ataupun pendekatan baru. Akan tetapi masa kita kecil-kecil dahulu Tuan Yang di-Pertua, dalam masjid, wakaf. Ada pandangan wakaf ini tak boleh usik. Genting itu pun, genting masjid yang kita robohkan itu pun ada setengah fatwa kata tak boleh usik, kena simpan. Buruk dalam tanah pun tak apa. Akan tetapi mungkin perkembangan zaman telah berbeza, para-para ulama boleh membincangkan bagaimana cara memanfaatkan bahan-bahan itu.

Demikian juga tanah-tanah terbiar yang menyebabkan pusaka ini, sudah mati dua, tiga keturunan. Saya rasa ini satu ijtihad baru, kena difikirkan dan saya rasa kita berkongsi pengalaman, kita boleh bina *mini estate* untuk tanah-tanah terbiar ini. Pengurusan yang boleh kita sepadukan dan kita boleh mengurus tanah-tanah ini sebagaimana mana kejayaan RISDA yang saya telah pelajari. Mengurus tanah-tanah orang kampung yang kecil-kecil ini dijadikan *mini estate* dan diruskan secara profesional.

Jadi saya rasa itu langkah yang saya rasa perlu kita perbaiki pada masa akan datang tetapi kita tersangkut ataupun kita terhalang dengan isu hukum tentang tanah pusaka itu. Kalau ada fatwa baru yang akan dikemukakan oleh majlis para-para ulama kita, itu satu inisiatif yang saya rasa kita akan gunakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

**5. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan adakah Telekom Malaysia (TM) masih mengawal 90% daripada infrastruktur *High Speed Broadband* (HSBB) dan '*last mile access*' di negara ini dan adakah pihak kerajaan bersedia membenarkan lebih banyak pengusaha telco memasuki pasaran internet jalur lebar dan mempunyai infrastruktur HSBB serta '*last mile access*' sendiri.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Soalan yang diajukan Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan rangkaian Telekom Malaysia mengawal 90 peratus daripada infrastruktur *High Speed Broadband* ataupun sebut singkatan HSBB dan '*last miles access*' di negara ini. Adakah pihak kerajaan bersedia membenarkan lebih banyak *telco* ya juga memasuki pasaran internet jalur lebar dan memenuhi infrastruktur mereka yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tuan Willie anak Mongin daripada Puncak Borneo kerana kedua-keduanya Tuan Yang di-Pertua menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan dengan HSBB dan juga '*last miles access*'.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah menggalakkan persaingan dalam penawaran perkhidmatan telekomunikasi bagi internet jalur lebar di Malaysia dengan pengenalan akta yang berkaitan iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia Tahun 1998. Mana-mana pihak yang berkecualan boleh memohon untuk mendapatkan lesen perkhidmatan dan kesemua pemegang lesen tertakluk kepada peruntukan dan syarat-syarat pelesenan yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Tahun 1998.

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya ada sebanyak 220 lesen pemberi kemudahan rangkaian individu ataupun dalam bahasa Inggeris, *individual Network Facilities Provider license* (NFP1). Kita ada sebanyak 184 *license* pemberi perkhidmatan rangkaian individu ataupun *individual Network Service Provider license* (NSP1), ada perbezaan di antara NFP1 dan NSP1, satu berkenaan dengan pemberi kemudahan walhal lagi satu pemberian perkhidmatan.

#### ■1100

Lesen-lesen ini telah dikeluarkan, termasuk juga kepada Telekom Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, ini membolehkan pemegang-pemegang lesen tersebut membina kedua-dua infrastruktur dan juga menawarkan perkhidmatan jalur lebar di seluruh dunia. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Komunikasi dan Multimedia adalah satu akta yang digubal dengan tujuan untuk melarang tingkah laku anti persaingan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Puncak Borneo, ingin saya menjelaskan di sini bahawa walaupun Telekom Malaysia memiliki infrastruktur HSBB ataupun *high speed broadband*, mana-mana pihak boleh menggunakan infrastruktur ini, Yang Berhormat. Tertaklulah kepada perjanjian

komersial di antara Telekom Malaysia dan pihak tersebut. Maknanya, Telekom Malaysia memang mempunyai kawalan terhadap HSBB. Akan tetapi ada ruang untuk perjanjian komersial supaya semua pihak dapat menggunakannya supaya dapat kita menjana persaingan di dalam industri ini.

Mengikut terma *last mile access* Tuan Yang di-Pertua, yang ini merujuk kepada sambungan terakhir daripada syarikat telekomunikasi kepada pelanggan. Mana-mana pihak atau syarikat yang berkecualan boleh memohon untuk mendapatkan lesen perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, kesemua pemegang lesen tertakluk kepada peruntukan dan syarat pelesenan yang terkandung dalam peraturan-peraturan yang saya sebut tadi, Pelesenan 2000, di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Tahun 1998. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kita tahu bahawa jalur lebar dari segi sasarannya adalah liputan jalur lebar adalah 95 peratus menjelang tahun 2020. Kita juga tahu bahawa ada sasaran juga untuk capaian jalur lebar untuk kawasan luar bandar menurut kelajuan yang tertentu berbanding dengan bandar. Mungkin di bandar 100 mbps tetapi di luar bandar mungkin 50 ataupun 20 mbps. Saya hendak kaitkan tadi dengan jawapan yang telah Yang Berhormat Menteri sebutkan berkenaan dengan pengusaha-pengusaha *telco* dan jaminan yang telah diberi bahawa pengusaha-pengusaha *telco* yang lain juga ada ruang untuk terlibat menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkenaan. Cumanya bagi saya, apakah Yang Berhormat Menteri merasakan bahawa ada satu percanggahan mungkin dari segi pengusaha dan juga tawaran perkhidmatan untuk rakyat? Maknanya, kita meminta untuk pengusaha-pengusaha *telco*, terutamanya Telekom Malaysia, untuk mengurangkan harga jalur lebar tetapi saya percaya pengusaha-pengusaha mungkin tidak melihat perkara itu sebagai yang utama.

Mereka mungkin akan mengekalkan harga jalur lebar tetapi meningkatkan kelajuan ataupun *bandwidth* untuk jalur lebar berkenaan. Ini mungkin sesuai bagi kawasan bandar tetapi bagi kawasan luar bandar ataupun pinggir bandar seperti di Ledang, di kawasan Ledang, di Tangkak dan kawasan-kawasan sekitarnya, mereka mungkin tidak melihat dari segi kelajuan tetapi melihat dari segi harga yang berpatutan untuk perkhidmatan ini. Saya rasa selari dengan sasaran untuk liputan jalur lebar 95 peratus menjelang 2020 dan juga sekiranya adanya lebih ramai pengusaha, maka adakah kemungkinan bahawa perkhidmatan ini dapat dibuka dengan lebih meluas

kepada mereka yang inginkan jalur lebar di peringkat luar bandar dan juga di pinggir bandar? Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Ledang. Saya cukup setuju Yang Berhormat. Sebenarnya saya lihat ada banyak masalah yang membawa kepada apa yang kita lihat sebagai harga yang tinggi dan juga infrastruktur, khususnya ke kawasan luar bandar, yang tidak mencukupi untuk membolehkan kegunaan *internet* dibawa kepada seluruh masyarakat Malaysia. Pertama sekali Yang Berhormat, kita ada satu program yang dikenali sebagai National Fibresation Plan. Ini adalah satu pelan di mana kita ingin membawa *fiber* kepada seluruh negara sejauh mana yang boleh untuk kita boleh *connect*, dengan izin, seluruh negara untuk mereka boleh menggunakan perkhidmatan jalur lebar di setiap kawasan di negara ini. Akan tetapi masalah dengan pelan itu Yang Berhormat, adalah bahawa walaupun *fiber* boleh dibawa ke tempat-tempat tertentu tetapi kawasan-kawasan persekitarannya atau *last mile* di sekitar poin terakhir *fiber* itu memang tidak boleh, dengan izin juga, di *connect*.

Jadi, apa yang perlu kita lakukan, kita perlu pastikan bahawa ada di tempat tersebut pengkhidmat-pengkhidmat yang boleh memberikan perkhidmatan lebih daripada *fiber*. Jadi, dalam keadaan itu kita sekarang melihat kepada kita merungkaikan sekali lagi, *we re-evaluate* NFP yang ada dan kita mungkin *introduce* apa yang disebut sebagai *National Fibresation* dan *End Connectivity Plan* supaya ini boleh memudahkan kita membawa perkhidmatan jalur lebar kepada *last end user*, khususnya pengguna-pengguna di kawasan luar bandar. Saya dimaklumkan bahawa terdapat banyak masalah yang membawa kepada peningkatan harga dalam isu ini. Pertama, saya diberitahu bahawa untuk kita membawa *fiber*, lazimnya Yang Berhormat, apa yang berlaku ialah permohonan perlu dibuat kepada negeri-negeri kerana ini melibatkan kita perlu korek kawasan pertanahan. *We have to dig* untuk kita *lay the fibre*. Jadi, ada banyak masalah birokrasi dan sebagainya. Kementerian saya sekarang dalam proses untuk kita turun dan berbincang dengan setiap kerajaan negeri supaya kita boleh cari jalan untuk mengelak perkara ini.

Selain daripada memakan masa, ianya juga melibatkan kos yang tinggi. Kalau kita boleh mengatasi masalah ini saya rasa kita boleh membawa *fibresation policy* ini dengan lebih laju dan juga kita boleh kurangkan kos. Ini akhirnya akan membawa kepada pengurangan kos kepada pengguna, itu satu. Kedua, kalau kita lihat kepada harga, saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Kita ada keadaan-

keadaan di mana kita lihat bahawa pembekal-pembekal ini mereka ini meningkatkan kelajuan tetapi harga tidak dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa wujudnya undang-undang di mana kita boleh memastikan bahawa harga ini diturunkan. Ianya dikenali sebagai Standard Mandatori Mengenai Penetapan Harga Akses ataupun MSAP. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada 8 Jun, kita telah menguatkuasakan standard ini. Di mana kita memerlukan supaya harga jalur lebar yang dibawa oleh semua *telco* itu dikurangkan sebanyak 25 peratus tetapi bukan sekali, tetapi *we have given them until the end of the year*. Jadi, kita masih menunggu cadangan-cadangan daripada mereka dalam cara bagaimana ini boleh dilakukan dan saya harap bahawa kita dapat cadangan-cadangan ini dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyatakan secara umum bahawa kerajaan ini ingin memastikan bahawa kita boleh, *at the very least, double the speed and half the price. We are serious about this [Tepuk]* dan saya akan membawa semua pihak-pihak yang terlibat supaya kita boleh berbincang perkara ini. Saya harap kita dapat lihat perkara ini berlaku dalam dua atau tiga bulan yang akan datang. So, dengan keadaan tersebut saya harap Yang Berhormat sekiranya kita dapat bantuan dan kerjasama daripada semua pihak, termasuk kerajaan negeri, termasuk penggunaan undang-undang, termasuk *telco* dan termasuk pengkhidmat-pengkhidmat untuk *last mile access*, saya rasa kita boleh lihat impian ini terjadi, *at the very least, at the end of this year* Yang Berhormat, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua. Tidak ada? Di sebelah sini. Selalu ramai yang bangun.

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan? *[Ketawa]* Saya hampir terkeliru.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau demikian, kita beralih ke soalan keenam, dijemput Yang Berhormat Pontian.

**6. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** minta Perdana Menteri menyatakan kos haji tajaan 1MDB sejak dimulakan. Berapa ramai jemaah Haji yang telah terlibat. Mengapakah tahun ini ia dibatalkan. Adakah kerajaan akan menghantar mereka dengan percuma melalui sumber dana yang lain.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor 6 tentang Yayasan 1MDB. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Khas Haji tajaan 1MDB telah mula dilaksanakan pada tahun 2011 sehingga 2017. Ia melibatkan seramai 5,711 orang jemaah dengan kos keseluruhan berjumlah RM56,995,780.

■1110

Kami mewarisi keputusan terdahulu yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini dan terpaksa kami mengambil sikap yang baharu terhadap isu ini. Oleh itu, program tersebut tidak diteruskan bagi musim haji tahun 2018 memandangkan sumber dana bagi program tersebut adalah daripada pihak yang berkaitan dengan 1MDB yang masih dalam siasatan pihak berkuasa. *[Tepuk]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Saya bagi pihak 1,200 orang yang telah menerima surat tawaran daripada mantan Perdana Menteri ya, pada ketika itu, daripada Pejabat Perdana Menteri. Mereka sebenarnya sudah bersedia untuk menunaikan haji dan saya kira oleh kerana 1MDB ini masih lagi dalam siasatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, belum ada ketentuan yang pasti, apa salahnya kalau kita berikan kuota untuk mereka meneruskan pergi menunaikan haji? Kemungkinan mereka boleh pergi dengan dana sendiri ataupun daripada anak-beranak mereka membantu kerana yang kita tawarkan itu ialah kepada imam-imam masjid dan Pengerusi JKK yang tidak pernah menunaikan haji sebelum ini.

Saya berharap agar kerajaan menimbang semula dan memberikan kuota haji paling kurang kepada mereka walaupun tidak diteruskan sebagaimana yang dinyatakan. Terima kasih.

**Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya ingin menjelaskan bahawa proses pemilihan calon-calon daripada Yayasan 1MDB itu dipilih oleh Yayasan. Itu betul. Kemudian, Tabung Haji akan semak sama ada mereka ini *first timer* atau mereka sudah buat haji. Kita akan bagi keutamaan kepada *first timer* dan kemudian baharulah kita menawarkan. Itu *flow* dia yang saya kira Yang Berhormat Pontian pun sudah sedia maklum.

Saya ingin jelaskan di sini kepada Dewan bahawa kuota bagi mereka yang telah diberikan yang disebut 1,200 orang itu datang daripada Yayasan dan Tabung Haji selama ini menganggap bahawa itu adalah kuota yang dari yayasan. Jadi walaupun mereka kata mereka hendak bayar sendiri untuk buat haji tahun ini tapi di atas sebab semuanya bermula daripada Yayasan dan kerana Yayasan itu sudah di bawah siasatan

kerana ada kaitan dengan 1MDB, maka kita terus menyatakan bahawa kita tidak akan meneruskan di atas sebab-sebab tersebut.

Satu lagi, Yang Berhormat, kita kena ingat bahawa kuota yang kita bagi kepada Yayasan 1MDB itu pun kita sudah ambil kuota orang lain. Jadi tidak adillah kalau kita hendak teruskan sebab Yayasan 1MDB itu sendiri bagi kita sudah kita berhentikan pencalonan itu di atas sebab siasatan yang telah dikenakan. So, itu saya punya jawapanlah kepada pihak yang bertanya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Baling.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sini dulu, soalan tambahan.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Hulu Langat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hulu Langat, ya.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Okey. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk pada 2 Februari 2008 di Putrajaya, Yang Berhormat Pekan, mantan Perdana Menteri silam telah menyeru jemaah haji yang ditaja 1MDB agar terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Saya ingin mengajak bahawa pemergian untuk ke Tanah Suci ini mengikut ajaran Islam bergantung kepada *al istito'ah*, dengan izin, iaitu kemampuan peribadi itu. Sekiranya mereka tidak mampu, sudah tentu Allah SWT tidak akan membebankan mereka. Adalah tidak wajar untuk kita mengambil wang yang dihutang oleh pihak lain untuk membekalkan dan menanggung pemergian mereka.

Saya ingin kembali kepada soalan asal saya, soalan tambahan ini. Adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa terdapat di kalangan bakal-bakal haji tersebut sebenarnya mereka ditaja atas dasar mereka adalah merupakan penyokong-penyokong parti tertentu untuk diberikan layanan agar mendapat sokongan undi sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pekan pada 2 Februari 2018 itu, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya tidak hendak sentuh perkara itu tapi oleh kerana sudah ditanya, saya terpaksa bagi tahu jugalah.

Untuk pengetahuan ya, bermula tahun 2011, Pengerusi Tabung Haji pun—bekas atau mantannya ada sini. Asal program Yayasan 1MDB ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk imam-imam dan bilal. Akan tetapi masuk tahun 2013, bilangan mereka itu diluaskan bukan sekadar imam-imam dan bilal-bilal tetapi juga ialah mereka ambil

daripada Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKK) yang bilangan mereka semakin bertambah. Kalau boleh saya sebut bilangan jemaahnya iaitu tahun 2013 seramai 800 orang berbanding dengan tahun 2011 ketika dimulakan iaitu seramai 111 orang. Kemudian tahun 2015 seramai 1,200 orang, tahun 2016 seramai 1,100 orang dan tahun 2017 seramai 1,100 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya, proses Yayasan 1MDB ini diberi nama pencalonan ialah mereka dikemukakan pencalonan oleh ketua-ketua bahagian UMNO. So, memang jelas bahawa ini adalah tujuan politik dengan menggunakan Yayasan 1MDB dan kita pun tahu apa yang berlaku kepada 1MDB.

*[Tepuk]*

Saya buat *landing* dengan pantun kepada Yang Berhormat Pontian.

*Bersingsing lengan merapatkan bahu,*

*Berdiri teguh petualang dicari,*

*Jangan ditanya yang sudah tahu,*

*Kelak padah memakan diri.*

Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan tambahan, haji, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat boleh kita benarkan satu lagi soalan tambahan, soalan tambahan kedua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Yang Berhormat Menteri itu selaku seorang Yang Berhormat Menteri itu betul, hendak mempertahankan keputusan. Tapi izinkan saya untuk merayu bagi pihak yang 1,200 orang tadi. Cuma, Yang Berhormat Menteri, saya hendak betulkan sedikit saja fakta Yang Berhormat Menteri. Yang lain-lain itu dalam siasatan, *let it be*, dengan izin. Biarkanlah disiasat *until* diputuskan sama ada wang curi, wang rompak, wang samun itu biarlah mahkamah tentukan ya. Cuma saya hendak bagi tahu pada Yang Berhormat

Menteri, kuota yang dinyatakan diambil daripada 30,290 orang itu, fakta itu tidak tepat. Saya pohon Yang Berhormat Menteri tolong siasat, kaji dan *check* balik dengan Tabung Haji.

Sebenarnya untuk kuota bagi tujuan ini, memang Yang Berhormat Pekan, mantan Perdana Menteri iaitu sekarang ini Yang Berhormat Pekan telah mendapat kelulusan khas *just* untuk bagi tujuan tersebut. Jadi, Yang Berhormat Menteri, saya tidak perlulah hendak keluarkan fakta, angka di sini. Saya minta, saya pohon Yang Berhormat Menteri siasat dengan Tabung Haji.

Cuma, saya pohon kalau boleh apa yang Yang Berhormat Pontian sebut tadi itu, saya pohonlah kalau ada kemampuan daripada mereka yang hendak pergi ini, *confirm first timer*. Saya boleh sahkan, *confirm first timer* yang mereka ini tidak pernah pergi. Penghulu lah— betul, JKK memang ada, saya tidak nafikan. Penghulu ada, imam, bilal, tok siak yang tidak pernah pergi sama sekali dalam hidup mereka. Malah umrah pun tidak pernah pergi, pasport pun kebanyakan mereka tiada.

Jadi saya pohon agar Yang Berhormat Menteri tolong teliti balik. Sekarang ini ada lagi beberapa penerbangan, ada hampir setengah bulan lagi. Kalau ada ruang, peluang, kalau Kerajaan Pakatan Harapan, kerajaan baharu ini boleh fikirkan, bantu mereka, uar-uarkan cepat yang mana anak-beranak, keluarga mereka boleh kutip-kutip duit, masukkan dalam akaun RM9,980 itu, berilah peluang kepada mereka ini. Pahala besar, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, mantan Pengerusi Tabung Haji. Saya ingin tegaskan sekali lagi, kita telah buat keputusan dan saya agak mantan Pengerusi Tabung Haji pun sedia maklum bahawa semua yang disebut tadi di atas sifat Yayasan 1MDB, itu kena jelas.

■1120

Oleh kerana Yayasan 1MDB ini termasuk dalam siasatan kita tidak tahu ia salah atau tidak, maka bila kita *stop* peruntukan untuk jemaah haji daripada yayasan, maka ini bermakna keseluruhan isu nama yang 1,200 itu sudah pasti terbatal kesemuanya. Itu kena jelas bukan sebab soal kita ini zalim atau sebagainya.

Kedua tadi Yang Berhormat Baling ada sebut bahawa 1,200 ini adalah dari kuota Yang Berhormat Pekan. Itu di atas sifat dia Mantan Perdana Menteri. Sekarang ini kerajaan baharu kita terpaksa buat semula dasar-dasar baharu bukan di atas kita ambil daripada Perdana Menteri yang lalu. So, itu jawapan bagi sayalah. Terima kasih.

7. **Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan untuk membina hospital kerajaan baru di Batu Kawan memandangkan Hospital Seberang Jaya sudah sarat dengan pesakit sehingga ada katil di koridor wad dan Hospital Daerah Sungai Bakap yang tidak dapat menampung kes-kes kritikal dan terpaksa dihantar ke hospital lain.

**Menteri Kesihatan [Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat Batu Kawan. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan perubatan penduduk kawasan Batu Kawan diberikan oleh Hospital Sungai Bakap, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam yang meliputi kawasan Seberang Perai Selatan. Hospital Sungai Bakap merupakan hospital yang berada pada jarak 15 kilometer dari Batu Kawan yang masih menunjukkan dengan izin *bad occupancy rate* ataupun kadar penggunaan katil yang rendah dengan kadar terkini pada tahap 50.67 peratus pada tahun 2017.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpendapat bahawa keperluan perkhidmatan perubatan penduduk di kawasan Batu Kawan masih boleh ditampung oleh Hospital Sungai Bakap, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam atas sebab-sebab berikut, pertama; memandangkan Hospital Sungai Bakap walaupun bukan hospital berpakar maka kes-kes kritikal dirujuk kepada hospital pakar yakni di Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam. Hospital Seberang Jaya adalah hospital pakar *major* dan Hospital Bukit Mertajam adalah hospital pakar minor. Jumlah kes rujukan dari Hospital Sungai Bakap ke hospital pakar yang lain pada tahun 2016 adalah seramai 3,129 dan pada tahun 2017 adalah seramai 2,918 pesakit. Manakala lawatan doktor pakar ke Hospital Sungai Bakap untuk disiplin-disiplin tertentu – ada 10 disiplin kurang lebih juga telah ditambah mengikut jadual. Melalui inisiatif-inisiatif ini maka rawatan yang lebih optimum dapat diberikan kepada pesakit-pesakit di Hospital Sungai Bakap.

Kedua, untuk makluman Yang Berhormat dalam usaha pihak KKM mengurangkan kesesakan di Seberang Jaya, satu projek *multi-storey block* dengan izin yang memberi tambahan 316 katil telah bermula pada bulan Mei 2016 dan dijangka siap pada bulan Jun 2020. Projek ini mempunyai skop yang menyeluruh dengan pembinaan pelbagai wad seperti wad bagi disiplin perubatan am, pembedahan ortopedik, oftalmologi, E&T dan psikiatrik. Selain itu, projek ini juga merangkumi skop Jabatan Kecemasan dan Trauma, Klinik Pakar, Unit Rawatan Rapi dan Dewan Bedah.

Yang Berhormat, juga Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan konsep hospital *kluster* sejak tahun 2016 yang merangkumi Hospital

Seberang Jaya, sebagai *anchor* hospital pakar *major*, Hospital Bukit Mertajam pakar minor, Hospital Kepala Batas juga hospital pakar minor dan Hospital Sungai Bakap sendiri yang merupakan hospital tanpa pakar.

Di mana semua hospital kerajaan di Seberang Perai akan berkongsi fasiliti, khidmat kepakaran dan sumber-sumber lain untuk mengurangkan kesesakan di hospital-hospital *major* kita. Pihak KKM akan sentiasa mengkaji dengan lebih lanjut bagi tempoh jangka masa panjang sekiranya terdapat keperluan untuk membina hospital baharu di kawasan ini. KKM akan sentiasa berusaha untuk memastikan supaya kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan perkhidmatan rawatan dan kepakaran yang baik dan mencukupi kepada masyarakat setempat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang padat berhubung kepentingan kesihatan yang selama ini dipinggirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dengan ini saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran penyokong-penyokong dan juga rakan-rakan dari Parlimen Bagan, DUN Bagan Dalam di Dewan yang mulia ini pada pagi ini [*Dewan tepuk*].

Yang Berhormat Menteri, saya juga difahamkan Timbalan Menteri Kesihatan akan atau sedang melawat Hospital Sungai Bakap sekarang dan saya berharap mengikut laporan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Menteri akan mempertimbangkan keperluan sebuah hospital di kawasan Batu Kawan.

Tuan Yang di-Pertua soalan saya, saya telah membangkitkan isu ini selama lima tahun yang lepas memandangkan anggaran pertambahan penduduk di kawasan daerah Seberang Perai Selatan iaitu dengan Parlimen Batu Kawan dan Parlimen Nibong Tebal akan mencecah lebih 200,000 penduduk. Maka pada pandangan saya, Hospital Daerah Sungai Bakap yang dibina pada tahun 1891 sudah pasti tidak dapat menampung dengan bilangan pesakit yang tinggi dan kita faham bahawa jarak di antara semua hospital ini. Saya *just* nak berkongsi sedikit Tuan Yang di-Pertua, jarak dari Hospital Sungai Bakap ke Penang GH adalah 52 kilometer kepada Hospital Bukit Mertajam di antara 23 kilometer hingga 29 kilometer dan dari Hospital Sungai Bakap ke Hospital Seberang Jaya di antara 26 sehingga 39 kilometer. Saya membangkitkan ini sebab di Pulau Pinang bila ada satu kemalangan maka *the whole stretch is jammed out* dengan izin. Jadi memandangkan ada tanah di Batu Kawan— *there is land of government land*, Yang Berhormat Menteri.

Jadi saya rasa sebelum ini jawapan yang saya terima secara tidak rasmi daripada mulut mantan Menteri Kesihatan adalah dana tidak mencukupi. Mana tahu dana itu terletak di rumah seseorang yang suka membeli beg tangan atau berlian saya tidak tahu. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa tinggal tiga minit.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi saya harap persoalan saya ini.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Soalan ke ceramah ini?.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya harap cadangan saya ini dipertimbangkan dan saya ingin tahu bilakah blok baharu di Hospital Seberang Jaya itu akan siap? Nombor dua, saya juga difahamkan Kementerian Kesihatan akan menambah baik Hospital Bakap yang saya alu-alukan.

Ketiga, Yang Berhormat Menteri boleh bagi jawapan bertulis, saya juga difahamkan banyak katil dan kemudahan peralatan di hospital dengan izin di-*sponsored* oleh *public*, *doctors are sponsoring*, pengarah hospital *are sponsoring*. Jadi saya harap dana yang kita ada ini dapat disalurkan supaya hospital-hospital kita ini *are world class standard hospitals...*

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Panjang soalan ini.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Bersamaan dengan *world class standard Parliament*. Terima kasih.

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Baik, terima kasih kawan saya Yang Berhormat Batu Kawan. Saya sangat mengiktiraf dan menghormati kepekaan dan keprihatinan Yang Berhormat Batu Kawan untuk memberikan keselesaan kepada warga parlimen Yang Berhormat. Apa pun saya rakamkan bahawa kita akui Hospital Sungai Bakap yang telah dibina sejak tahun 1891 dan sekarang ini Seberang Perai Selatan juga mempunyai populasi dengan disebutkan tadi 211 ribu lebih, 330 penduduk. Saya telah terangkan Hospital Batu Kawan punya 105 katil tetapi pada *occupancy* yang telah saya nyatakan itu fakta statistik pada 2017. Apa pun saya sebagai yang mengemudi kementerian menerima banyak permohonan untuk hospital-hospital dan klinik-klinik dibina.

Mungkin saya ingatkan pada Yang Berhormat bahawa dalam merancang kita perlu mengambil perhatian kepada prioriti semua penting, tapi mungkin ada yang lebih penting. Lalu persoalan *opportunity cost* ataupun kos melepas pada setiap RM1 juta kita letak pada A, kita tidak dapat memberikan pada B atau C. Lalu dalam melihat keseluruhan kepentingan perancangan itu saya perlu berlaku adil kepada semua

permintaan dan saya yakin keprihatinan Yang Berhormat Batu Kawan akan dapat kita adili sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang tepat 11.29 pagi.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu lagi.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, Pendang.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan satu minit.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak membangkitkan dua tiga perkara kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kesihatan.

#### ■1130

Pertamanya berkenaan dengan yang dipanggil Jabatan Kecemasan. Bila disebut Jabatan Kecemasan, tentulah cemas, perlu dirawat segera, perlu didatangi oleh doktor dengan seberapa segera kerana mereka dalam keadaan yang sangat memerlukan. Kita katakan kritikal seperti *accident* dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini bila kita pergi ke tempat kecemasan, Jabatan Kecemasan, turun daripada ambulans dan sebagainya, kita diletakkan di atas *stretcher* lebih kurang sejam, dua jam juga. Ya, ini di hospital terutamanya di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan, soalan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Soalannya, adakah satu tindakan daripada pihak kementerian untuk membuat satu kajian bagi mempercepatkan, memendekkan orang-orang yang sakit ini mendapat rawatan? Itu yang pertama. Kedua, begitu juga pesakit biasa yang hadir di hospital-hospital untuk mendapat rawatan. Tentulah orang-orang susah di kampung-kampung di luar bandar untuk mendapat rawatan. Jadi, bila mereka hadir, mereka juga terpaksa menunggu masa yang panjang. Soalannya, adakah pihak Menteri yang baharu ini telah melihat ini sebagai satu keperluan untuk membuat satu reformasi bagi membantu rakyat-rakyat yang susah ini? Itu yang kedua dan yang ketiga, hemodialisis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sekarang ini kita tengok kita nampak macam kita *outsource* kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sepatutnya satu soalan sahaja.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, soalan, soalan. Ya, soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja, itu sahaja.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Hemodialisis ini pihak Kementerian Kesihatan kita lihat macam *outsourc*e kepada pihak-pihak NGO dan sebagainya. Hemodialisis ini kosnya *mahai* Yang Berhormat Menteri. Jadi, orang-orang kampung tidak mampu hendak bayar. Jadi, saya hendak minta, adakah pihak Kementerian Kesihatan melihat hemodialisis ini untuk membantu rakyat yang menerima musibah penyakit buah pinggang ini? Sekian.

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pendang. Ternyata Yang Berhormat Pendang walaupun dalam Dewan ini mengemukakan banyak permasalahan dan keprihatinan Yang Berhormat terhadap soalan penghantaran kesihatan kepada rakyat tetapi nampaknya, ternyata bahawa Yang Berhormat Pendang gagal memantau apa yang merupakan dalam dua bulan yang lalu pernyataan-pernyataan saya, penegasan-penegasan saya atas bagaimana kita mahu membaik dan menambah baik *care* ataupun *delivery of the health care system*.

Perkara yang Yang Berhormat Pendang sebut itu telah saya nyatakan hampir berulang kali ya persoalan ini adalah sangat dekat dengan saya, bukan persoalan adakah tetapi ia telah menjadi antara lima visi saya untuk saya perhatikan dalam waktu terdekat untuk kita penuhi dan tambah baik segala *health care delivery*, dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** *Assalamualaikum*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat satu usul tetapi saya tidak ganggulah Barisan Nasional, *insya-Allah*. Jangan takut, jangan lari ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 31 Julai 2018.”

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas." **[26 Julai 2018]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat memulakan perbincangan, saya ingin memaklumkan bahawa perbincangan ke atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hari ini dihadkan selama 10 minit. Ini disebabkan senarai kita masih panjang, mungkin lagi pendek pada penghujung malam ini. Akan tetapi kita tengok bagaimana keadaan ya. Jadi, 10 minit bagi setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas.

Jadi, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh untuk berbahas.

**11.35 pg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam hormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan laluan kepada Permatang Pauh. Saya memulakan perbahasan dalam sesi ke-14 sebagai *backbencher*. Bagi Permatang Pauh, cinta abadi saya memandangkan Lembah Pantai, cinta pertama saya untuk dua penggal sebelumnya. Tuan Yang di-Pertua, selamat berkhidmat termasuk juga Timbalan yang akan mengambil alih ya. Kita menginginkan Demokrasi Berparlimen yang sebenar. Jadi, banyak tugas ke depan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya memulakan perbahasan dengan mengingatkan kita semua, wujudnya parti pemerintah dan pemerintah itu haruslah seiring dengan kewujudan pembangkang. Dengan izin, *as the American journalist Edward Murrow stated, "We must not confuse dissent with disloyalty. When the loyal opposition dies, I think the soul of America dies with it"*. Atas dasar itu, walaupun parti pemerintah sebelumnya tidak memberi pengiktirafan kepada kita sebagai *the loyal oppositon*, saya fikir 20 tahun bersama reformasi harus meyakinkan kita *we have to do better*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita bersuara sebagai *backbencher* reformis dengan cadangan dan kritikan yang membina dan kita menghargai pembangkang yang benar-benar efektif supaya menjadi penimbang tara dasar dan keputusan yang terbaik buat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan juga peringatan bagi Parlimen termasuk Pejabat Speaker dan Timbalan, mewujudkan jawatankuasa Parlimen utama secepat mungkin. Parlimen merupakan medan utama berlakunya reformasi undang-undang. Kalau tidak dilakukan serta-merta, tidak mungkin kita boleh merungkai permasalahan rakyat secara baik, tuntas dan terperinci. Di Parlimen United Kingdom, 40 peratus daripada cadangan semua jawatankuasa Parlimen sejak 1967 hingga 2010, diterima oleh kerajaan parti pemerintah. Maka pada saya, semboyan perubahan telah dibunyikan. Maka, tunggu apa lagi Speaker dan Timbalan Speaker, kita kena wujudkan jawatankuasa Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, juga di sini antara cadangan yang saya bawakan untuk jawatankuasa Parlimen termasuklah satu, jawatankuasa Parlimen berkait dengan perpaduan negara dan integrasi nasional. Kalau kita ingat, *we had the NUCC* suatu

ketika dahulu dan sekarang perlu diwujudkan untuk menggantikan bila masa Akta Hasutan dimansuhkan kelak.

Samalah juga dengan keperluan untuk mewujudkan jawatankuasa Parlimen bagi memperkasakan syariah. Sudah diwujudkan dulu indeks *maqasid*. Saya tidak mahu diteruskan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab meniup api sentimen perkauman dan agama. Maka, Parlimen ini medan legislatif yang terulung di Malaysia seharusnya ada mekanisme di mana jawatankuasa pemerksaan syariah jangan dipimpin oleh mana-mana ahli politik, jangan dipimpin oleh mana-mana parti yang mungkin asyik menggunakan agama sesiapa pun. Saya mahu dipimpin sama ada oleh golongan agamawan sama ada Mufti Perlis ataupun mufti Wilayah Persekutuan.

Isunya, ia harus dibangkitkan sebagai forum untuk mewakili ada golongan pembangkang, golongan kerajaan, pemerintah, Majlis Raja-raja tetapi membincangkan secara holistik termasuklah isu pernikahan bawah umur. Saya sambut baik fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan kerana merangkumi undang-undang yang sudah wujud untuk melindungi anak-anak gadis sama ada di Jordan ataupun di Turki, 18 tahun ke atas ya. Akan tetapi ini semua harus dibincangkan secara holistik dan saya berharap ia diwujudkan secepat mungkin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan dengan berlakunya peralihan kuasa, tidak ada parti, mana-mana parti yang akan selamanya selamat. *Alhamdulillah*, kuasa rakyat kuasa keramat. Betul atau tidak Yang Berhormat Kinabatangan?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Betul.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Ya. Datuk Seri Anwar Ibrahim, mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh dan *insya-Allah* bakal kembali ke Dewan Rakyat ini tidak lama lagi. *[Tepuk]* Mengingatkan kita, faktor ekonomi antara faktor utama penyebab kekalahan atau kemenangan pilihan raya.

#### ■1140

Beliau juga mengatakan keperluan mana-mana pemerintah menghilangkan kemiskinan, bukan menghilangkan orang miskin. Inilah antara inti pati agenda reformasi. Maka bila kita bercakap tentang kemiskinan, sekarang lebih kurang 60,000 rakyat Malaysia yang miskin tegar. Sudah tentu lebih ramai lagi kalau kita lihat menerusi *Multidimensional Poverty Index*. Maksudnya kemiskinan daripada pelbagai ruang lingkup. Maka anjakan reformasi di Malaysia baru ini pada saya perlukan perubahan struktural. Saya anjurkan berkali-kali dalam Dewan Rakyat sama ada menerusi projek di Lembah Pantai, sekarang *insya-Allah* di Permatang Pauh kolaborasi bersama

kumpulan seperti MyKasih. MyKasih laksana *cashless subsidy system* yang sangat-sangat efisien, Tuan Yang di-Pertua.

Bayangkan kalau seluruh Malaysia, kita boleh melibatkan semua rakyat yang perlu bantuan. Diberikan bantuan tanpa kehadiran ahli politik. Masuk dalam sistem MyKad. Sudah dilaksanakan oleh KPKT, Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Melaka dan sekarang sedang diselidik oleh kementerian-kementerian tertentu. Yang saya pinta kenapa? Peringkat PBB, peringkat dunia melihat negara-negara yang melakukan subsidi *cashless transaction* ini, akhirnya syaratnya apa? Akaun MyKad mereka boleh diaudit. Anak-anak mereka diwajibkan pergi ke sekolah, para ibu diberikan latihan kewangan oleh Bank Negara Malaysia. Selepas setahun, kita boleh pantau, kita boleh lihat apakah keberkesanan perubahan kepada pembangunan sosial dan inklusif buat mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian kebajikan bukannya alat politik murahan. Kita harus benar-benar realisasikan kenyataan ini. Kita juga melihat miskin dari segi peluang pekerjaan. Di saat ini saya ingin bangkitkan kata-kata pengasas forum ekonomi dunia, Profesor Klaus Schwab berkait dengan Revolusi Industri. Cabarannya bukan soal tahu *robotics, coding* ataupun mempunyai cukup pembangunan insan tetapi cabaran Revolusi Industri 4.0 turut merangkumi pentadbiran kerajaan dan hubungan antara masyarakat.

Saya ingin bangkitkan Tabung PTPTN di sini kerana isu dan masalah utama pentadbiran dan kerajaan. Ya, kita mungkin warisi masalah. Akan tetapi yang mengejutkan saya dalam lawatan saya kepada semua institusi TVET. Antara geran yang dipotong akibat siasatan rasuah Tabung PTPK tahun lepas melibatkan mantan Menteri Sumber Manusia dan *team* beliau. Walaupun belum ada lagi hukuman, masih dalam siasatan, saya akui. Isunya ialah pihak manakah yang terpalit dalam program, jumlah sebanyak RM345 juta untuk PTPK, tetapi geran latihan TVET bagi golongan B40 ditangguhkan sehingga ke saat ini.

Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana institusi yang mendapat rating lima bintang, mereka tidak mampu untuk menyekolahkan anak-anak muda yang peluang mereka ke depan, dapat jaminan pekerjaan hanya menerusi institusi TVET. Kita tidak boleh berdiam diri dalam hal ini. Saya pohon Kementerian Sumber Manusia. Saya tahu ketakutan, kekusaran, jangan di seleweng. Akan tetapi saya hendak tekankan kerana ini era Malaysia Baharu. Kalau dulu, laporan-laporan daripada PwC, *Boston Consulting Group* mungkin dijadikan dokumen rahsia. Akan tetapi sekarang, laporan *Boston*

*Consulting Group*, hatta tentang apa? Tentang ranking setiap institusi TVET yang mana *high performing*, yang mana mungkin bermasalah, sudah ada dalam tangan kementerian. Yang kita boleh buat, buat fasa pertama, tolonglah lunaskan bantuan PTPK. Kita kena faham setiap bulan, setiap hari kita tangguhkan pemberian, berapa ribu anak-anak muda di luar sana yang memerlukan masa depan yang terjamin. Bagaimana mereka hilang peluang tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan, atas dasar ini, Kementerian Pendidikan, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk belajar dan bersama memperkasakan TVET. Saya ingin mengajak kesemua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional juga bersama dalam arah ini kerana semua warga kita, pengundi kita akan tentu bergantung kepada TVET. Bergantung kepada bidang ini untuk berjaya ke depan. Memandangkan saya tidak banyak masa. Hanya saya sudahi di sini. Tanggungjawab besar juga kepada Pengerusi HRDF yang baru. Tahun ini, levinya RM750 juta untuk latihan. Menjelang tahun depan dan dua tahun lagi, naik sampai RM1.5 bilion. Saya minta setiap sen yang kita ada, kita harus sasarkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Saya sudahi dengan menyatakan hasrat saya, harapan tinggi menggunung. Saya pohon untuk kita ingat kejayaan kita bergantung bukan sahaja atas dasar rakyat mahu berubah tetapi peralihan kuasa yang dilihat oleh seluruh dunia ini juga bergantung kepada kesediaan Yang Berhormat Tapah, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Besut, Yang Berhormat Batang Lumar, Yang Berhormat Rembau kerana sudi untuk membantu menyerahkan portfolio semasa peralihan kuasa berlaku. Atas dasar itu, saya berharap dengan semangat Malaysia baru ini, kita benar-benar memberikan harapan dan merealisasikan semua janji kita untuk melaksanakan reformasi buat rakyat. Terima kasih. Yang Berhormat dari Permatang Pauh mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menepati masa yang ditetapkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini merupakan hari terakhir perbahasan Titah Tuanku. Mengikut catatan saya, setakat ini seramai 74 Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Tuanku. Hari ini, ada lagi seramai 38 Ahli Yang Berhormat yang telah pun melahirkan hasrat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Oleh kerana itu, saya harap semua Ahli Yang Berhormat dapat menepati masa yang ditetapkan. Berhujah dengan padat tetapi ringkas.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat dari kawasan 'Bera'.

**Seorang Ahli:** Bera!

**11.46 pg.**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bera.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bukan 'Bera' ataupun 'Bra'. Tidak boleh ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Orang Perak. Orang Perak punya slang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bera, Bera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah diberikan mandat dan amanah oleh rakyat untuk menerajui negara selepas berakhirnya PRU ke-14. Saya yakin mandat dan amanah yang diberikan oleh rakyat kerana keyakinan rakyat bahawa manifesto Pakatan Harapan yang kelihatan begitu meyakinkan bagi menyejahterakan kehidupan mereka dan menjamin kehidupan yang lebih selesa. Rakyat terpengaruh dengan janji-janji dalam manifesto untuk menghapuskan tol, menurunkan harga barang, menurunkan harga minyak, menghapuskan PTPTN dan sebagainya. Begitu juga perkara-perkara lain seperti bagi kakitangan kerajaan, mereka juga mengharap apa yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional seperti kenaikan tangga gaji kepada mereka juga akan diteruskan oleh Pakatan Harapan.

Walau bagaimanapun, selepas PRU sehingga kini, harapan menggunung, tinggal harapan semata-mata. Kehidupan rakyat bukan menjadi semakin baik, bukan menjadi semakin selesa. Akan tetapi kehidupan rakyat menjadi semakin teruk dan semakin tertekan atas beberapa perkara.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kinabatangan minta. Ada masakah?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sebagai contoh, bagi penoreh getah. Bagi pekebun kecil getah. Di negara kita terdapat 562,000 pekebun kecil getah yang mempunyai keluasan kebun getah mereka daripada satu ekar hingga tiga ekar. Penoreh getah yang bekerja di kebun orang lain seramai 18,642 orang. Sebelum PRU, harga getah adalah RM2.70 sen per *cup lump*. Akan tetapi hari ini harga getah hanya di sekitar RM1.90 sen sekilogram. Menjadikan kalau pekebun mempunyai satu ekar tanah,

pendapatan mereka hanya RM180 hingga RM200 sebulan. Kalau mereka ada tiga ekar, pendapatan mereka hanya RM540 sebulan.

Kita boleh bayangkan penoreh yang bekerja di kebun orang lain hanya mendapat separuh daripada pendapatan. Kalau RM540, bermakna pendapatan mereka hanya RM270.

#### ■1150

Saya harap kerajaan hari ini yang mengatakan mereka akan memberikan kebajikan kepada rakyat mengambil tindakan segera untuk membantu pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh getah ini. Pada 2017 dan awal 2018 apabila harga getah menurun, Kerajaan Barisan Nasional telah memberikan pemberian *one-off* sebanyak RM500 kepada pekebun-pekebun kecil dan juga penoreh-penoreh getah bagi membantu kehidupan mereka yang terhimpit ketika itu. Saya harap perkara ini juga dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dengan memberikan pemberian *one-off* kepada pekebun-pekebun kecil dan juga penoreh-penoreh getah.

Apa yang saya sebutkan tadi adalah pendapatan mereka. Setiap kebun getah memerlukan baja, racun dan sebagainya. Untuk tiga ekar, mereka perlu berbelanja sehingga RM1,000 bermakna pendapatan mereka defisit, bermakna selepas ini racun tidak boleh dibeli, baja tidak boleh digunakan dan sebagainya. Ini akan memberikan kesan jangka panjang kepada pekebun-pekebun kecil dan sebagainya.

Saya harap apa yang dilaksanakan oleh kerajaan dahulu diteruskan. Misalnya di musim tengkujuh ada sara hidup RM200 sebulan daripada bulan November, Disember dan Januari dan kita juga mencadangkan sewaktu musim meluruh di mana penoreh tidak boleh menoreh getah kerana tidak ada susu dan sebagainya, kita juga mengharapkan supaya pihak kementerian mengkaji sama ada untuk memberikan sumbangan sara hidup dan sebagainya.

Bagi pekebun kelapa sawit. Untuk makluman Dewan sebelum PRU ke-14, harga kelapa sawit, buah tandan segar ataupun *fresh fruit bunches* adalah RM550 satu tan tetapi hari ini harga hanya lebih kurang RM370 hingga RM380 satu tan. Anggaran pendapatan untuk satu ekar adalah RM500, anggaran pendapatan untuk tiga ekar kali ini adalah RM555 sahaja selepas ditolak dengan hutang-hutang ataupun pengangkutan, baja, racun dan lain-lain. RM555 untuk satu ekar dan RM1,850 untuk 10 ekar bagi peneroka-peneroka FELDA.

Peneroka FELDA yakin dengan janji yang dibuat oleh pihak Pakatan Harapan bahawa hutang mereka akan dihapuskan tetapi sehingga hari ini hutang masih belum

dihapuskan. *[Disampuk]* Hutang masih belum dihapuskan, pendapatan semakin berkurangan. Bagi peneroka-peneroka FELDA, pendapatan RM1,500 tidak mencukupi kerana bayaran untuk kos-kos hasil ladang, pengangkutan, upah kait buah, upah racun dan sebagainya melebihi daripada RM1,500. Jadi yang saya hendak sebutkan bahawa harapan rakyat terutamanya masyarakat luar bandar untuk kehidupan yang lebih selesa sebenarnya bukan sahaja tidak dapat dipenuhi, hari ini kehidupan mereka lebih sengsara.

Saya tunjukkan bahawa pendapatan yang begitu berkurangan, yang tidak mampu untuk menampung hidup lebih-lebih lagi apabila kenaikan harga barang yang begitu tinggi ketika ini walaupun harapan yang diberikan oleh Pakatan Harapan selepas pilihan raya GST akan dihapuskan dan harga barang akan turun. Hari ini harga barang tidak turun malah harga barang terus meningkat dan saya yakin selepas SST diperkenalkan, saya pasti harga barang akan terus naik. Ini juga akan memberikan bebanan yang besar kepada penoreh getah, pekebun kecil malah nelayan-nelayan di sekitar pantai timur, pantai barat dan sebagainya tentu sahaja akan menghadapi masalah yang besar.

Bagi peneroka FELDA, saya cadangkan kepada pihak kerajaan hari ini supaya menangguhkan pembayaran hutang mereka buat seketika sekarang ini walaupun janji untuk menghapuskan hutang tetapi untuk ketika ini, saya cadangkan supaya semua hutang ditangguhkan kerana sewaktu Kerajaan Barisan Nasional, apabila harga turun daripada RM400 satu tan semua hutang ditangguhkan sehingga harga meningkat lebih daripada RM400 satu tan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit masa lagi. Saya hendak menyentuh tentang MARA. Saya tidak tahu kebenarannya tetapi daripada laporan-laporan media sosial dan sebagainya, saya difahamkan kerajaan akan memecahkan MARA di bawah tiga kementerian iaitu di bawah Kementerian Ekonomi yang menjaga tentang pelaburan, di bawah permohonan usahawan begitu juga di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya ingin memaklumkan MARA tidak boleh dipecahkan bukan sahaja kerana akan merencatkan dari segi perancangan pembangunan pendidikan dan juga keusahawanan tetapi berdasarkan kepada Akta MARA ataupun Akta 489, seksyen 3(1) bahawa MARA apabila ditubuhkan ia berkekalan turun temurun dan mempunyai suatu Menteri. Ini bermakna tidak boleh ada berbagai-bagai kementerian untuk menjaga MARA. Di bawah kewajipan MARA, seksyen 6(1) bahawa MARA mesti

tanggungjawabnya adalah untuk membangunkan usahawan dan membangunkan pendidikan bagi orang Melayu.

Saya hendak sedikit sahaja. Saya hendak maklumkan sehingga hari ini melalui MARA, kita telah pun berjaya mewujudkan, membangunkan hampir satu juta usahawan dan mengeluarkan 1.2 juta pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera. Akhirnya, saya hendak maklumkan bahawa di bawah seksyen 36, MARA hendaklah disifatkan sebagai seorang Melayu. Memecahkan MARA bermakna meracik-racik tubuh orang Melayu.  
*[Tepuk]*

Jadi saya harap MARA terus dikekalkan dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana MARA ditubuhkan untuk membangunkan ekonomi dan sosial khususnya masyarakat luar bandar yang juga termaktub di dalam Akta MARA. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Dari Pahang, kita sekarang menjelajah ke Perak. Saya menjemput Yang Berhormat kawasan Taiping.

**11.57 pg.**

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat Malaysia baru. Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada semua yang hadir dalam Dewan yang mulia ini dan saya diberi peluang untuk berbahas, menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengundi dan penyokong saya di Parlimen Taiping atas mandat yang diberikan kepada saya. Kemenangan yang kita peroleh pada PRU ke-14 bukan suatu pengiktirafan yang semata-mata untuk dibanggakan tetapi ia merupakan tanggungjawab, mandat serta kepercayaan yang diberikan oleh rakyat untuk menyuarakan masalah mereka di Dewan yang mulia ini.

Harapan rakyat ini adalah amat tinggi sehingga mereka sanggup dan berani mengambil langkah yang drastik untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional yang telah 61 tahun memerintah sejak 1957. Walaupun rakyat menyambut baik penghapusan GST ke kadar sifar, mereka daripada pihak pembangkang cuba menakutkan rakyat dengan tuduhan tanpa asas yang mendakwa SST pada 1 September akan membawa impak negatif dan meningkatkan lagi harga barangan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berulang kali menjamin bahawa kos barangan terkawal secara umumnya berdasarkan jumlah kutipan hasil GST 6 peratus mencatat RM44 bilion, manakala kutipan hasil SST dijangka hanya akan mencapai RM21 bilion. Penjimatan sebanyak jumlah RM23 bilion akan kekal pada rakyat untuk mengukuhkan ekonomi setempat. Ini merupakan hadiah daripada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan kepada rakyat.

#### ■1200

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan GST sejak 1 April 2015, cukai GST yang dikutip melebihi RM120 bilion. Akan tetapi dukacitanya, *amount* yang begitu besar dikutip daripada setiap rakyat tersebut langsung tidak memberikan sebarang kesan positif untuk mengurangkan hutang negara. Sebaliknya, hutang negara semakin meningkat sehingga mencecah RM1 trilion.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak salah laku, rasuah dan ketirisan di bawah pentadbiran Barisan Nasional sehingga rakyat Malaysia berasa malu di arena antarabangsa apabila tanah air yang kita cintai digelar sebagai kerajaan kleptokrasi. Isu skandal 1MDB yang dahulunya pantang disebut dalam Dewan yang mulia ini sedang disiasat secara terperinci. Mereka yang terlibat akan didakwa ke mahkamah. Setakat ini, dijangka ketirisan tersebut bakal menyebabkan kerugian sebanyak RM42 bilion dan memberikan beban kepada seluruh rakyat Malaysia.

Saya tertarik dengan fakta yang dibawa oleh Yang Berhormat Damansara dalam perbahasannya pada minggu lepas yang telah mendedahkan dalam 1MDB sebanyak RM470 juta telah diambil oleh parti komponen Barisan Nasional pada masa itu. Saya mencabar supaya dana yang disalur secara tidak telus itu dikembalikan kepada kerajaan untuk membantu membayar hutang negara yang begitu banyak.

Dalam usaha membina semula Malaysia, kita nampak kesungguhan yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan walaupun baru memasuki hari ke-75. Saya menyokong dengan sepenuhnya langkah yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam pengisytiharan harta oleh semua Ahli Yang Berhormat pihak kerajaan termasuklah Yang Amat Berhormat Langkawi. Pengisytiharan harta tersebut jelas mempamerkan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih dan berintegriti. Pada pendapat saya, skop pengisytiharan harta harus diperluaskan lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang kini berada di tempat pembangkang.

Pada masa yang sama, saya juga menyokong langkah drastik dan tepat Kerajaan Pakatan Harapan mengeluarkan sembilan buah agensi dari Jabatan Perdana Menteri dan melaporkan terus ke Parlimen. Langkah ini amat penting dan strategik kerana jelas ternampak fungsi-fungsi agensi tersebut telah dimanipulasikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam pengurusan skandal 1MDB.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada rakyat Malaysia di bawah kerajaan baharu yang cekap, efektif dan amanah. Kos LRT3 berjaya dikurangkan daripada RM31.6 bilion kepada RM16.6 bilion, di mana penjimatan dan pengurangan pinjaman sebanyak RM15 bilion akan diterjemahkan sebagai kos pengangkutan awam yang lebih murah dan efisien. Walau bagaimanapun, banyak lagi isu dan janji-janji yang perlu ditangani dengan kadar secepat mungkin termasuklah kaedah membantu peneroka FELDA dan pengiktirafan sijil UEC yang kini sedang diteliti secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada masalah bekalan ubat tidak mencukupi dari hospital dan kos perkhidmatan perubatan swasta yang semakin meningkat dan membebankan. Perbelanjaan perkhidmatan perubatan awam hanya pada kadar 2.3 nisbah KDNK ataupun GDP, manakala sumbangan pihak swasta sebanyak 2.1 peratus menjadikan keseluruhan perbelanjaan kesihatan hanya pada kadar 4.4 peratus KDNK. Sebagai sebuah negara *middle income* ataupun berpendapatan tinggi menengah (*upper-middle income*), seharusnya kita berbelanja pada kadar enam hingga tujuh peratus KDNK. Dengan jelas, selama ini kita mengalami peruntukan yang amat tidak mencukupi untuk sektor perubatan. Besarlah harapan saya agar kegagalan Kerajaan Barisan Nasional yang hanya memperuntukkan 2.3 peratus KDNK sahaja akan diperbaiki segera pada pembentangan Bajet 2019 yang akan datang.

Di samping itu, saya juga memohon supaya Kementerian Kesihatan mengkaji cadangan saya untuk mewujudkan sebuah cawangan Pusat Institut Jantung di Taiping untuk pesakit-pesakit bahagian utara Semenanjung dengan sokongan prasarana dan kelengkapan dari Hospital Taiping yang sedia ada.

Pada masa yang sama, saya menyokong sepenuhnya usaha kerajaan meneliti dan mengkaji semula perjanjian Pharmaniaga dalam bekalan perubatan dan BERNAS dalam bekalan makanan. Monopoli yang diwarisi zaman Barisan Nasional harus dihapuskan. Penyeliaan secara holistik di setiap peringkat rantai pembekalan bukan sahaja akan menghentikan penyelewengan negara, malah usaha tersebut akan memastikan kesihatan dan keselamatan bekalan makanan terjamin dan memanfaatkan seluruh rakyat Malaysia.

Selain daripada itu, saya juga terpanggil membangkitkan isu penghantaran surat kepada CIA untuk meminta sokongan Amerika Syarikat menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14. Setiap pemimpin harus bertanggungjawab atas tindak tanduknya. Saya harap kerajaan akan melakukan siasatan terhadap perkara yang serius ini dan laporkan hasil siasatan kepada Dewan yang mulia ini dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan kemajuan dan perkembangan ekonomi di kawasan saya, Taiping juga dikenali sebagai bandar warisan sejarah. Saya terpanggil untuk membangkitkan dua projek yang kian lama diutarakan tetapi masih belum dilaksanakan. Demi menggiatkan lagi aktiviti pelancongan dan menarik lebih ramai pelawat ke destinasi peranginan Bukit Larut, Projek Kereta Kabel Bukit Larut yang telah dirancang pada abad yang lalu haruslah dilaksanakan.

Kedua, Projek Menaik Taraf Pasar Besar Taiping yang mewarisi reka bentuk yang unik dan bersejarah juga harus dilaksanakan dalam masa terdekat. Cadangan mewujudkan Pasar Besar Taiping yang bersejarah mengikut idea dan model *Fremantle Markets* di Perth, Australia akan menjadi bangunan bersejarah tersebut satu destinasi utama untuk menarik pelawat domestik dan luar negara mengunjungi bandar warisan Taiping. Sedikit lagi ya.

Oleh itu, demi rakyat Taiping, saya terpanggil memohon Menteri Pelancongan dengan sokongan Menteri Kewangan akan menyasarkan pembangunan bandar Taiping sebagai bandar warisan sejarah untuk tiga tahun yang akan datang.

Akhir kata, saya memohon menyokong Usul. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping kerana telah membawakan suara orang Perak. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jasin.

**12.08 tgh.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan saya peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah berjaya untuk membentuk kerajaan. Akan tetapi, sepatutnya Pakatan Harapan tidak perlu mengambil masa yang panjang untuk merencanakan lagi ekonomi kita kerana Kerajaan Barisan Nasional yang lalu telah

menyerahkan sebuah negara dalam keadaan yang aman, keadaan yang makmur dan juga maju. Kalau kita lihat, Malaysia adalah negara nombor tiga paling aman di Asia dan tangga ke-29 dalam dunia.

Kedua, menurut *Human Development Index*, Malaysia adalah negara ke-59 termaju dalam kalangan 168 buah negara di dunia.

#### ■1210

Daya saing kita berada pada tangga ke-23 seluruh dunia. Nilai GDP kita ialah kira-kira RM1.3 trilion dengan pertumbuhan yang kukuh iaitu sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2017. *Full employment*, kadar inflasi kita hanya pada kadar 1.4 peratus pada April 2018. Pendapatan isi rumah pula telah meningkat, kadar kemiskinan kita hampir sifar iaitu sebanyak 0.4 peratus pada tahun 2016.

Daripada struktur ekonomi, Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mentransformasikan serta mempelbagaikan ekonomi kita agar kita kurang bergantung kepada pulangan komoditi dan kita berjaya melebarkan *base* kita untuk memungut hasil kerajaan melalui GST. Oleh yang demikian, defisit fiskal kita telah dapat diturunkan kepada tiga peratus pada tahun 2017. Lalu negara kita telah mendapat *financial rating* yang cukup baik dan ini satu cabaran utama kepada Kerajaan Pakatan Harapan sama ada mereka mempunyai kemampuan untuk mempertahankan kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu.

Jangan kita hanya bercakap tetapi kita buktikan kepada rakyat tetapi apa yang kita lihat pada ketika ini tidak ada apa yang kita hendak harapkan. Saya kagum dengan janji-janji manis daripada Kerajaan Pakatan Harapan tetapi mereka akan berdepan dengan satu cabaran yang besar untuk memenuhinya. Pada masa yang sama, saya cukup bimbang tentang kemantapan dan juga keamanan fiskal negara yang boleh tergugat dengan janji mereka. Ia boleh tergugatkan di satu pihak, Pakatan Harapan menghapuskan GST yang menyebabkan kerajaan akan kehilangan sebanyak RM44 bilion ataupun 18 peratus daripada jumlah hasil.

Walaupun ia digantikan kepada SST seperti tahun 2014, kita hanya berkepunyaan memungut sebanyak RM17 bilion sahaja iaitu kita kekurangan hasil sebanyak RM28 bilion. Dari satu pihak, kerajaan akan memperkenalkan pula Skim Subsidi Minyak. Pelaksanaan skim ini akan menambahkan perbelanjaan kerajaan yang mana ia akan ditampung oleh hasil kerajaan yang telah berkurang. Sama ada perbuatan ataupun dasar ini sebenarnya adil kepada rakyat-rakyat kampung yang kurang berada.

Pada masa yang sama, kerajaan akan menghapuskan pula hutang peneroka FELDA. Kita pun hendak tahu berapa sebenarnya jumlah hutang peneroka ini? Sama ada kerajaan berkeupayaan untuk menampungnya, dan bagaimanakah caranya untuk Kerajaan Pakatan Harapan hendak mengekalkan kedudukan fiskal yang kita buat begitu *prudent* dan mampan di mana kita unjurkan 2.8 peratus atau lebih rendah lagi. Berkemampuankah Kerajaan Pakatan Harapan dengan berbagai-bagai dasar yang cukup mencengkam pada ketika ini?

Sebagai maklum balas awal, saya mendapati ini ialah satu daripada tulisan yang saya baca. Disebut sini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *things doesn't seem to be moving on the ground* sejak 9 Mei yang lalu, yang bergerak hanyalah kos sara hidup yang meningkat, pendapatan kita yang menurun kerana harga getah dan minyak yang turun, merosot dan juga pembuangan kerja pekerja-pekerja yang begitu ramai sekali oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Jelas sekali, kehidupan rakyat semakin bertambah sukar dan susah kerana mereka dihimpit oleh tiga serangkai iaitu kenaikan kos sara hidup, pendapatan kita yang merosot dan juga banyak daripada mereka yang kehilangan pekerjaan. Inilah sebenarnya balasan...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** ...Atau hadiah yang diterima oleh rakyat di atas budi baik mereka...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Mengundi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Hulu Terengganu minta mencelah, adakah Yang Berhormat benarkan?

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Belakang. Belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Di belakang.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Oh, saya pun masa sedikit sahaja. Sedikit sahaja ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Maka Yang Berhormat Hulu Terengganu, ringkas, ringkaskan.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin ada mengatakan tadi Tuan Yang di-Pertua bahawa kos sara hidup meningkat dan juga hasil masuk atau komoditi menurun. Apakah ini kesan

daripada kenyataan-kenyataan dibuat oleh kerajaan ataupun pihak Menteri yang mendorong para pelabur dan juga mereka yang ingin datang ke Malaysia menarik balik pelaburan mereka menyebabkan kos sara hidup ataupun had komoditi kita menurun? Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jasin, teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah sebenarnya senario yang kita hadapi pada ketika ini. Bukan sahaja keadaan kehidupan kita yang makin terhimpit, pendapatan semakin berkurang tetapi Kerajaan Pakatan Harapan hanya tahu menjanjikan janji-janji manis dan membuat berbagai-bagai dasar yang sebenarnya boleh mengakibatkan kerajaan kita menanggung kerugian. Apa tidaknya, kalau kita hari-hari sibuk dengan berita-berita yang mengatakan konon kita mempunyai hutang yang bertimbun-timbun. Selepas kita dapati Bursa Saham kita merudum, kita kata bukan, hutang kita sebenar sekian tetapi kita telah terlepas mulut kerana kita telah menyebutkan bahawa hutang kerajaan sebanyak RM1 trilion.

Apa yang sebenarnya diamalkan oleh kerajaan-kerajaan yang lain, pada setiap membentangkan hutang negara adalah sebenarnya hutang daripada Kerajaan Persekutuan. Bukan dimasukkan semua sekali dengan *contingent liability*, kalau masuk *contingent liability* sekalipun, kita masih mempunyai keupayaan tetapi kerana keseronokan mereka untuk memburuk-burukkan kerajaan yang lalu, maka akibatnya rakyat yang menanggung.

Seterusnya kita dapat lihat di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah hilang modal saya kerana dikacau tadi. [Ketawa] Apa pun kita hendak sebut di sini, kita lihat wang kita pun sudah turun nilai daripada RM3.90 hari ini, sudah turun RM4.06, sebanyak empat peratus.

Kejatuhan ini sebenarnya adalah mencerminkan krisis keyakinan di mana Ringgit kita adalah merupakan mata wang ke empat yang terburuk di Asia, ini menurut kepada Ketua Ekonomi dan Ketua Penyelidikan daripada AmBank. Di sebut sini, Ringgit akan terus merosot antara lima peratus ke 10 peratus.

Jadi saya hendak tanya sedikit kepada pihak kerajaan, pada ketika ini rizab kerajaan yang kita cukup kerajaan yang lalu cukup jaga begitu kuat sekali, daripada USD104 bilion pada 15 Mei yang lalu, kita sekarang telah jatuh menjunam kepada simpanan rizab kita hanya sebanyak USD104.6 bilion. Dalam tempoh dua bulan ini, rizab telah menyusut sebanyak USD4.8 bilion ataupun 4 peratus. Saya hendak kalau boleh

kerajaan terangkan apa sebab penurunan ini. Adakah satu daripada sebabnya untuk kita mempertahankan Ringgit? Kerana kenapa Ringgit kita turun?

Seterusnya, kita hendak kalau boleh Ringgit kita dapat terus dipertahankan kerana kalau setiap penurunan Ringgit perkara ini telah melibatkan *induce imported inflation* dengan izin Tuan Yang di-Pertua ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Menggulung

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** ...Dan ia mendorong kepada kenaikan kos sara hidup manakala pendapatan kita pula merosot. Memandangkan masa saya yang terhad, saya mempunyai satu perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Tentang Tabung Harapan ini. Tabung Harapan ini, yang saya tahu semasa Krisis Ekonomi Asian, Korea Selatan telah membuat satu tabungan untuk membantu kerajaan untuk membayar hutang daripada IMF kerana kerajaan tidak mempunyai kemampuan. Akan tetapi sekarang, kerajaan ini tidak berhutang kerana, kenapa kita bebaskan rakyat? Adakah sebenarnya hendak memburuk-burukkan kerajaan dan dalam masa yang sama telah menyebabkan syarikat-syarikat terpaksa, dalam keadaan terpaksa untuk menyumbang dan kita hendak lihat kalau boleh...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Diterangkan oleh mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa dia sudah tamat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana masa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** ...Yang tidak mengizinkan, saya mengucap terima kasih dan menyokong Titah Diraja.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Jasin, yang menderma itu semua secara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Sukarela Yang Berhormat Jasin, bukan paksa. Tarik balik perkataan tersebut.

■1220

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kota Melaka, sila ikut peraturan mesyuarat. Sekarang jemput Yang Berhormat Lubok Antu.

**12.20 tgh.**

**Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selamat sejahtera pembuka bicara. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang Berhormat Timbalan Tuan Yang di-Pertua yang kesembilan di Dewan yang mulia ini. Tahniah juga pada Kerajaan Pakatan Harapan, pemimpin Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana berjaya meleburkan penguasaan UMNO Barisan Nasional selama 61 tahun. *[Tepuk]*

Nukilan sejarah telah tercipta dalam kamus politik Malaysia. Dengan kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada lebih 30,000 ribu penduduk di P.203 Lubok Antu kerana telah memberi mandat kepada saya sebagai wakil mereka di Dewan yang mulia ini. Terima kasih. Suara dan harapan akan tetap saya galas selagi diberi peluang berada di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merupakan anak Iban Lubok Antu. Selama pemerintahan kerajaan terdahulu iaitu UMNO Barisan Nasional, saya tidak nafikan memang ada pembangunan di kawasan Lubok Antu sama ada dari segi kemudahan asas ataupun infrastruktur. Terima kasih kepada mantan Yang Berhormat sebelum ini. Namun demikian, sehingga ke hari ini lebih 61 tahun pemerintahan kerajaan terdahulu telah masih juga kawasan yang terpinggir daripada arus pembangunan seperti jalan raya, bekalan air bersih dan sebagainya. Ironinya, keluasan Lubok Antu hanya 3,142.55 kilometer persegi. Tidak sebesar mana pun, Tuan Yang di-Pertua. Namun, pembangunan agak perlahan selama ini. Amat besar harapan sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan akan melonjakkan lagi pembangunan di kawasan luar bandar seperti di kawasan Lubok Antu.

Dalam menjunjung Titah Seri Paduka Baginda, harapan saya sebagai wakil rakyat di Lubok Antu dengan Kerajaan Malaysia Baharu pimpinan Pakatan Harapan ini, saya harap keadilan serta kesaksamaan terus diperjuangkan dalam mana-mana dasar yang bakal atau sedang dikuatkuasakan. Saya amat percaya dengan Kerajaan Pakatan

Harapan hari ini yang memperjuangkan ketelusan dan mengutamakan kerajaan pasti tidak akan meminggirkan rakyat yang diwakili saya di P.203 Lubok Antu.

Dalam mana-mana dasar terutama dalam aspek pembangunan demi kesejahteraan serta mengimbangi kehidupan rakyat di luar bandar terutama golongan petani, saya percaya dengan keterbukaan kerajaan yang baharu ini sudah pasti akan mendengar suara serta rintihan golongan petani yang berada di luar bandar. Di negara luar seperti Australia dan negara Eropah, golongan petani merupakan golongan elit yang kaya. Namun demikian, di negara kita golongan petani inilah antara golongan yang terhimpit dengan keperihan hidup terutamanya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berpaksikan keyakinan kerajaan sekarang, di sini saya ingin meneruskan hujah mengenai tiga perkara utama. Pertama, berkenaan dengan pembangunan iaitu berkaitan dengan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air bersih dan juga bomba. Berkenaan dengan kemudahan jalan raya, saya amat berharap kerajaan pimpinan Pakatan Harapan melalui Kementerian Luar Bandar dapat mengagihkan peruntukan untuk menaik taraf beberapa jalan tanah merah yang berbatu yang menghubungkan beberapa buah kampung di kawasan Lubok Antu.

Contoh, Jalan Ulu Skrang yang mempunyai lebih 20 buah rumah panjang masih berbahaya pengguna kerana jalan tersebut mempunyai bukit yang tinggi serta tidak diturap. Bukit terlalu tinggi perlu diratakan juga demi keselamatan penduduk kampung yang menggunakan jalan ini. Malahan, jalan-jalan balak yang menghubungkan beberapa buah di kawasan Ulu Skrang, Hilir, Engkilili, Hulu Lemanak juga perlu dinaiktarafkan agar ia selamat dan selesa untuk digunakan oleh penduduk kampung berkenaan.

Besarliah harapan saya agar pihak kerajaan dapat mengagihkan pendudukan demi kesejahteraan rakyat di bawah kawasan Lubok Antu. Dengan adanya jalan yang baik sudah pasti dapat meningkatkan pendapatan ekonomi bagi memasarkan atau menjual hasil pertanian mereka. Tambahan pula seperti di Ulu Skrang, di Hilir Engkilili, pengangkutan air tidak selamat digunakan bagi lagi kerana populasi buaya telah bertambah daripada sedia ada. Pastinya semua butiran berkenaan dengan masalah jalan-jalan di kawasan Lubok Antu ini akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemudahan asas lain bekalan air bersih banyak kampung-kampung di kawasan saya yang tidak dibekalkan dengan kemudahan

ini. Penduduk kampung hanya mengharapkan air daripada gunung sumber air dalam kehidupan seharian. Saya amat berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan untuk turut memberi peruntukan untuk melaksanakan projek bekalan bersih ini dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Kemudahan asas ini merupakan hak rakyat dan sebagai kerajaan yang komited kepada masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, malah berkenaan dengan bekalan elektrik 24 jam, saya juga mengharapkan agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan meneruskan penyambungan elektrik di kawasan-kawasan yang masih belum mendapat kemudahan ini. Realitinya sebagai sebuah kawasan yang menyumbang tenaga elektrik kepada negara melalui empangan elektrik Batang Ai, saya terkilan kerana kawasan yang sebagai pengeluar tenaga utama elektrik tetapi masih banyak tempat yang bergelap tanpa elektrik 24 jam.

Untuk makluman rakan seperjuangan di Dewan yang mulia ini, empangan elektrik Batang Ai terletak di kawasan Parlimen Lubok Antu. Sebagai wakil rakyat di kawasan ini, saya menyeru agar kemajuan Kerajaan Pakatan Harapan dapat memastikan 100 peratus kawasan di Lubok Antu mendapat kemudahan ini. Buktikan yang kerajaan sekarang ini lebih peka kepada masalah rakyat daripada kerajaan terdahulu. Berilah penghargaan serta keutamaan kepada rakyat di Lubok Antu dalam hal ini kerana kawasan kita ini merupakan tempat penjana kuasa elektrik melalui empangan elektrik Batang Ai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai modal insan. Di sini saya berharap rakyat di luar bandar terutama Sarawak seperti di Lubok Antu terus diperkasakan melalui program-program yang memberi manfaat kepada mereka. Bercakap mengenai modal insan, hujah saya berdasarkan anak-anak yang bersekolah dalam golongan belia. Pertama, dengan bangunan tempat anak-anak bersekolah harus diambil perhatian oleh kerajaan sekarang terutama di kawasan luar bandar di Sarawak.

Seperti di Lubok Antu, berapa buah sekolah yang berada di pedalaman perlu dinaiktarafkan agar memberi keselesaan kepada pelajar dan guru untuk berada di sekolah tersebut. Contoh berkenaan dengan kemudahan asas di sekolah SK Nanga Kesit, Lubok Antu ada kemudahan solar disediakan tetapi untuk beroperasi sekolah tersebut menggunakan genset. Oleh itu, saya menyeru pihak kerajaan akan menyediakan peruntukan kepada semua sekolah di kawasan Lubok Antu dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang guru yang terbakar di sekolah saat kita negara tersohor, kita lupa guru juga mempunyai hati. Kita selalu umpamakan mereka lilin. Apakah perlu juga guru membakar diri? Hanya kerana mereka perlu menurut resam lilin.

Tuan Yang di-Pertua, saat kita megah canangkan bangunan mewah dan projek berjuta-juta kita abaikan dunia pendidikan yang menjadikan kehebatan insan yang berbicara di persidangan ini. Saat kita sibuk mendabik dada membantu penduduk di luar negara kita lupa anak didik kita, keperluan guru kita jauh lebih daif daripada orang di luar sana. Lihatlah, terlalu banyak yang perlu kita lakukan. Jangan sampai terjadi seperti ini berlaku lagi... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *[Menceleh]* Yang Berhormat, sila menggulung.

**Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya terpaksa pendekkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Masa terhad.

■1230

**Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]:** Akhir sekali, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pemerintah kerana bersetuju menambahkan royalti minyak kepada negeri pengeluar minyak seperti Sarawak daripada lima peratus kepada 20 peratus. Saya berharap pihak kerajaan dapat menjelaskan bagaimana mekanisme digunakan atau pelaksanaan pemberian royalti 20 peratus ini dengan penjelasan tuntas, sudah pasti dapat melenyapkan isu ini terus dimainkan oleh pihak pembangkang kerana pemberian 20 peratus royalti ini terkandung dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan.

Saya amat berharap dengan penambahan pemberian royalti ini dapat mempercepatkan serta meningkatkan lagi pembangunan di kawasan luar bandar di Sarawak. Sekiranya dapat, saya berharap pihak kerajaan mempertimbangkan untuk menyalurkan beberapa peratus daripada royalti minyak tersebut kepada semua Ahli Parlimen, terutamanya Ahli Parlimen Pakatan Harapan di semua negeri pengeluar minyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat.

**Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]:** Saya menggulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jangan berpantun-pantun lagi ya.

**Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu]:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, saya sebagai wakil rakyat di Lubok Antu berharap kerajaan dapat mempertimbangkan agar hak yang sepatutnya selama ini telah ditunaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, terutamanya berkaitan dengan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, jalan raya dan bekalan air bersih dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

Saya percaya dengan iltizam politik yang tinggi dalam kalangan kita sebagai pemimpin parti yang memerintah pada hari ini, sudah pasti merealisasikan impian murni rakyat ini. Ingat, realiti ialah kita, bukan Yang Berhormat. Namun kita adalah yang berkhidmat kepada rakyat yang telah memilih kita pada PRU14 lepas.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Larut.

**12.32 tgh.**

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk memberi sepatah dua ucapan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan baharu Pakatan Harapan yang telah berjaya mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Kerajaan Barisan Nasional melalui beberapa strategi yang mampu untuk meyakinkan rakyat bahawa kononnya mereka lebih baik daripada Barisan Nasional. Malah janji-janji mereka yang populis juga yang menyebabkan rakyat terpercaya dengan janji-janji populis tersebut, dalam manifesto yang didefinisikan sebagai satu kitab yang bukan kitab suci, yang mungkin tidak perlu ditunaikan. Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Terbukti bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bukanlah penyebab kalah menangnya dalam pilihan raya ini. Amalan demokrasi negara ini terbukti telus dan adil. Buat pertama kalinya dalam sejarah negara, pihak yang kalah tidak menuduh SPR berat sebelah tetapi menerimanya sebagai ketentuan Allah SWT dan kehendak pengundi.

Proses peralihan kuasa berjalan dengan begitu baik sehingga dunia hairan, pelik dan kurang percaya kerana tidak ada demonstrasi jalanan atau tidak ada *kudeta* yang dituduh dalam pilihan raya.

Isu utama yang dibangkitkan adalah isu hutang negara dan GST yang berkisar dalam konteks kos sara hidup rakyat. Banyak tuduhan dan fitnah yang dilemparkan sehingga rakyat termakan dengan dakyah mereka. Betullah, kita harus fikirkan ini tetapi janganlah meletakkan segala-galanya sebagai kesalahan Yang Berhormat Pekan atau semuanya sebagai kesalahan Barisan Nasional sehingga harga ikan kembung naik pun disalahkan Yang Berhormat Pekan. Padahal ini adalah isu *supply and demand* atau penawaran dan permintaan, bukan GST.

Dalam Dewan ini, Yang Berhormat Bagan memperakui bahawa GST adalah salah satu kaedah percukaian yang telus, efisien dan adil. Ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional menggunakan kaedah yang terbaik demi untuk menambahkan hasil kepada negara dan bukan untuk membebankan atau menzalimi rakyat. Sehingga kini, lebih 160 negara di seluruh dunia melaksanakan GST termasuklah banyak negara Islam OIC. Hasil kutipan dari GST ini, kerajaan gunakan untuk memberi bantuan kepada rakyat melalui subsidi barangan keperluan asas, bantuan perubatan, pendidikan dan juga Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). BR1M ini Kerajaan Barisan Nasional berikan melebihi tujuh juta penerima dalam negara, tidak mengira bangsa sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain. Maka, janganlah menuduh seperti tuduhan yang dibuat oleh seorang Menteri Pakatan Harapan hari ini sehingga memalukan bangsa Melayu dengan kata-kata "*Melayu tidak boleh hidup tanpa BR1M*".

Sementara itu untuk membangunkan negara, kerajaan memerlukan sejumlah kewangan yang besar kerana ia adalah sesuatu yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi secara langsung mahupun tidak langsung. Projek-projek seperti ECRL, HSR, MRT, LRT, Lebuhraya Pan Borneo dan lain-lainnya, ia bukanlah hanya untuk membangunkan infrastruktur semata-mata...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat Larut.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Akan tetapi ia juga adalah menjadi *engine of...*

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Larut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat Kepong hendak mencelah. Benarkan atau tidak?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Tidak payah. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Larut tidak bagi.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Menyentuh tentang lebuh raya. Saya hendak maklumkan, inilah salah satu janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Simpong Renggam. Semasa berkempen, beliau berkata sekiranya mereka menang, lebuh raya untuk balik ke Simpong Renggam dari Kuala Lumpur untuk hari raya sebagai contoh, tidak payah dibayar lagi tetapi ia tidak menjadi kenyataan.

Banyak negara maju berhutang dengan jumlah yang besar kerana mereka yakin bahawa dengan dana yang ada mampu menjana pembangunan negara dan melaksanakan projek untuk memanfaatkan rakyat, yang bersifat mengagihkan pendapatan serta mengurangkan perbezaan pendapatan dalam kalangan rakyat. Sebagai contoh, program-program pembangunan IKS, pembangunan francais dan sebagainya. Kemajuan ini, akhirnya membuka lebih banyak peluang pekerjaan, pemilikan aset-aset dan menjadikan ekonomi kita lebih besar. Lihat sahaja penduduk Malaysia yang bekerja meningkat 2.3 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding 2.2 peratus pada suku keempat tahun 2017.

Sementara dalam *index ease of doing business*, Malaysia telah mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan. Ia sehingga mencapai satu angka yang semua kita menggunakannya untuk memberitahu sebagai contoh, *ease of doing business* kedudukan Malaysia berada dalam trend yang begitu menaik daripada tahun 2010. Ini terbukti bahawa Yang Berhormat Pekan mengambil alih tampuk pemerintahan sebagai Perdana Menteri yang bermula pada tahun 2009, GDP atau KDNK negara hanyalah sekadar USD202.3 bilion semata-mata. Akan tetapi pada tahun 2017, ia meningkat kepada USD314.5 bilion. Manakala kalau dibandingkan daripada tahun 1981 hingga tahun 2003, ia peningkatan hanya sebanyak USD85.2 bilion yang memakan masa 22 tahun. Manakala Yang Berhormat Pekan dapat meningkatkan USD112 bilion hanya dalam masa lapan tahun semata-mata.

Ini membuktikan bahawa Model Ekonomi Baru (NEM) di bawah pentadbiran Yang Berhormat Pekan berjaya membawa Malaysia keluar dari status negara membangun kepada negara berpendapatan tinggi. Kita minta supaya Kerajaan Pakatan Harapan dapat mempertingkatkan, supaya dapat mencapai target kita pada tahun 2020 untuk menjadi sebuah negara yang maju.

Kita harus bersyukur akan nikmat yang Allah SWT berikan kepada kita, bukan berdoa supaya negara kita bankrap sehingga rakyat dipinta untuk menderma.

Penstrukturan semula adalah salah satu mekanisme yang patut kerajaan lakukan untuk mengurangkan kos pinjaman tetapi bukan dengan menakut-nakutkan rakyat dan sehingga pelabur lari dan menyebabkan ramai pelabur asing menjual saham sehingga Indeks Bursa Saham kita turun ke paras terendah.

#### ■1240

Bukan itu sahaja, malahan ringgit kita juga tertekan sehingga jatuh ke paras RM4.06 dan ada yang menyangka kan sehingga hujung tahun ini, ianya mungkin mencecah RM4.30. Sudah-sudahlah, *no more blame game, move forward* dengan izin. Jangan korupkan pemikiran rakyat dengan berselindung di sebalik *human rights*. Semuanya atas dasar hak asasi manusia, Malaysia baharu sehingga berikan segala-galanya tanpa melihat bahawa Melayu dan bumiputera juga mempunyai hak dalam negara kita.

Mengapa masih ada lagi menteri yang mempersoalkan kedudukan Melayu dalam negara kita ini. Islam adalah agama Persekutuan, maka harus diberikan keutamaan, jangan dipersoalkan hukum Allah dan juga hadis. Ingatlah segala nikmat datangnya daripada Allah. Sains dan juga teknologi juga datangnya daripada Allah. Individu yang melakukan kesalahan dihukum apabila terbukti bersalah. Bukan dengan mewujudkan persepsi untuk memburuk-burukkan walaupun tanpa bukti.

Manakala jikalau sudah ada status sebagai seorang tokong, jawab apa pun boleh diterima oleh rakyat. Contohnya jikalau membeli banglo dengan harga yang murah, boleh jawab sahaja oleh sebab tidak ada *swimming pool*.

Perkara yang paling buruk yang boleh berlaku adalah *the corruption of the mind*. Ini yang paling saya takut, kerana Allah akan menghancurkan umat bila mana pemikiran mereka sudah dikorupkan dengan fahaman-fahaman songsang, seperti pluralisme, LGBT dan banyak lagi. Haruslah diingat, kemenangan yang dikecapi bukanlah sesuatu yang mutlak dan kekal selama-lamanya. Bahkan kita bimbang kemenangan yang diberikan Allah adalah merupakan istidraj yang mana nikmat yang diberi itu, tidak diredhai Allah. Mereka akan menjadi angkuh dan bongkak, manakala kekalahan juga bukan sesuatu ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, sila menggulung.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** ... yang kekal buat selama-lamanya. Ini kerana mungkin Allah berikan ujian, musibah, tarbiah iaitu ujian untuk mendidik supaya mereka bermuhasabah dan membetulkan kekurangan yang ada. Allah berfirman

[*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Ertinya, “sesungguhnya setiap kesusahan akan disertai dengan kesenangan.” Yang berkuasa, jangan angkuh dan sombong. Manakala yang kalah kembalilah muhasabah diri untuk mencapai kemenangan yang lebih baik pada masa hadapan.

Saya hendak menggulung seperti kata-kata pujangga cina, *so long the forest remain, there is no shortage of fire wood*. [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]. Ertinya, selama mana ada hutan, selagi itu tidak berkurangan kayu api. Atau maksud, selagi mana kita mempunyai sumber, kita mampu bangun kembali pada masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Larut. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat dari negeri Sarawak, kawasan Sibu, dipersilakan.

**12.43 tgh.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terlebih dahulu saya ingin sampaikan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana memberikan *oil royalty* lima peratus, tambah lagi 20 peratus dari *profit oil royalty*, daripada pendapatan daripada minyak dalam masa dua bulan sahaja. Ini memang satu langkah yang besar dijalankan oleh Kerajaan Pakatan Harapan . Saya ucapkan tahniah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Penjelasan?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Belum mula lagi, sudah minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Sibu hendak benarkan atau tidak?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Saya tidak benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Beliau tidak benarkan, Yang Berhormat harap bersabar dahulu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu perkembangan terkini bagi SCORE di Sarawak. Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE), terutamanya Halal Hub Industrial Park di Tanjung Manis. Adakah Kerajaan

Baharu PH akan mengkaji semula projek SCORE di Sarawak. Nampaknya banyak tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Di Tanjung Manis Halal Hub, kebanyakan dana yang disediakan masih kosong. Selain daripada itu, satu projek bernilai RM965 juta untuk membekalkan air mentah daripada Sibu ke kilang rawatan air Tanjung Manis di Sungai Mao, Sibu telah menghadapi penanguhan selama tiga tahun.

Masalah ini telah menjejaskan pembekalan air bersih ke kawasan Tanjung Manis Halal Hub. Ini akan membawa kesan yang besar kepada pembangunan industri makanan Halal Hub tersebut. Projek yang menggunakan *river bank filtration system* atau RBF secara ringkasnya, tidak berjaya seperti yang dirancangkan. Sebenarnya, RBF itu direka untuk mengurangkan proses penapisan pada peringkat awal. Akan tetapi disebabkan tanah lumpur di Sungai Mao begitu teruk sekali, ini mengakibatkan projek itu tidak berjaya.

Selain itu, didapati juga, air bawah tanah di kawasan tersebut mengandungi elemen ammonia di mana air dari tanah tersebut tidak dapat terus diprosesnya mengikut cara *conventional way*. Saya menyeru kerajaan mengkaji semula semua kontrak yang terlibat dalam projek rawatan air ini dan mengkaji semula rancangan SCORE di Tanjung Manis. Ini kerana masalah besar yang dihadapi oleh penduduk di kawasan pertengahan Sarawak ialah kekurangan peluang pekerjaan.

Pada mulanya SCORE yang dicadangkan ini menjanjikan bahawa akan mencipta peluang pekerjaan seramai 1.6 juta orang pada tahun 2030. Jikalau matlamat ini tidak dapat dicapai, kerajaan harus memikirkan rancangan alternatif sekarang, untuk membantu mencipta peluang pekerjaan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh masalah yang dihadapi oleh bomba di Sibu. *Truck* kebakaran atau *fire engine* yang berjenama Scania, banyak digunakan di Malaysia. *Truck* kebakaran ini ianya canggih, ia banyak guna elektronik dalam kenderaan ini. Akan tetapi saya ingin menyeru kerajaan, kerana tidak semua muka bumi di Malaysia ini sama, muka bumi di Sarawak ada berbeza sedikit dari Semenanjung Malaysia. Kebanyakan jalan di Sarawak tidak sebaik berbanding di Semenanjung Malaysia. Jadi, *truck* kebakaran Scania ini banyak yang dipakai di Sarawak ini mengalami banyak masalah. Banyak *truck* kebakaran Scania ini rosak walaupun hanya beberapa tahun sahaja dipakai di Sarawak.

Jadi di sini saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan boleh menggunakan *truck* kebakaran yang lain seperti jenama Nissan dan Mercedes, yang lebih senang

mendapatkan *parts* gantian dan juga di *service* dengan lebih mudah oleh bengkel-bengkel tempatan dan juga mekanik dari balai bomba.

*Truck* kebakaran Scania ini jikalau mengalami kerosakan, ianya harus menunggu mekanik dari Semenanjung Malaysia untuk datang ke Sarawak untuk membaiki. Ia juga melibatkan kos yang lebih tinggi dan *parts* gantian juga sukar di dapati di Sibul, Sarawak. Jadi kos penyelenggaraan *truck* kebakaran Scania ini memang mahal dan tidak dapat diselenggarakan oleh mekanik tempatan. Oleh itu saya mencadangkan bahawa, kementerian menggunakan *truck* kebakaran dari jenama Nissan dan Mercedes di Sarawak. Balai Bomba Sibul dan Balai Bomba di Sarawak sekarang menghadapi kekurangan *truck* kebakaran bersaiz sederhana dan kecil, bukannya *truck* kebakaran yang besar seperti Scania.

#### ■1250

Ini kerana di Sarawak terdapat banyak jalan-jalan yang sempit terutamanya di kawasan pendalaman dan kawasan rumah panjang yang memerlukan trak kebakaran yang lebih kecil dan sederhana, bukan Scania yang besar itu.

Jadi, saya ingin menyeru kerajaan supaya mengkaji semula cara urus tadbir pemberian asetnya. Ini kerana seperti kes Sibul, pemberian aset adalah daripada ibu pejabat di Putrajaya. Balai bomba tempatan hanya menerima apa sahaja yang dibekalkan oleh ibu pejabat. Keadaan ini mengakibatkan aset yang sesuai dan diperlukan biasanya tidak dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya, saya ingin menyentuh tentang tempat letak kereta di Hospital Sibul. Kekurangan tepat letak kereta di Hospital Sibul dan kekurangan peruntukan untuk memberi aset atau peralatan rawatan di Hospital Sibul telah menjadi masalah utama di Hospital Sibul. Tempat letak kereta Hospital Sibul hanya ada 616 petak tetapi tempat letak kereta yang diperlukan seharian adalah 1,416. Jadi sekarang Hospital Sibul masih kekurangan 800 tempat letak kereta.

Hospital Sibul juga kekurangan peralatan rawatan. Mengikut senarai yang dibekalkan oleh pihak Hospital Sibul, Hospital Sibul masih kekurangan peralatan rawatan sebanyak RM20 juta. Saya juga dimaklumkan bahawa sudah tiga tahun berturut-turut Hospital Sibul tidak menerima apa-apa peruntukan daripada kerajaan. Memang ini berlaku di bawah kerajaan dahulu, Barisan Nasional. Jadi saya harap dan memohon Kerajaan Pakatan Harapan baharu mempertimbangkan masalah yang dihadapi oleh Hospital Sibul dengan memberikan peruntukan yang secukupnya untuk menyelesaikan isu-isu yang saya cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masa tidak banyak lagi. Saya hendak sentuh satu lagi isu yang penting iaitu melibatkan pesakit Parkinson. Di komuniti kita di Malaysia, pesakit Parkinson semakin meningkat tetapi pesakit Parkinson ini tidak diiktiraf sebagai OKU secara rasmi di Malaysia. Kita semua tahu pesakit-pesakit Parkinson ini pada satu peringkat, pergerakan mereka seperti berjalan memang menghadapi kesukaran. Jadi kerajaan haruslah mempertimbangkan isu ini iaitu mengiktiraf pesakit Parkinson sebagai OKU supaya mereka boleh mendapat *services* macam mendapatkan kerusi roda di lapangan terbang atau meletakkan kereta mereka di petak OKU.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat, Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Okey, saya habiskan ini. Sekarang Jabatan Kebajikan Malaysia tidak mengiktiraf pesakit Parkinson ini sebagai OKU. Ini mengakibatkan mereka menghadapi banyak masalah. Hendak menuntut bantuan dari segi kebajikan atau bantuan dari agensi-agensi kerajaan juga menghadapi masalah. Jadi saya harap kerajaan buat kaji semula, memberikan iktiraf OKU kepada pesakit *parkinson* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai.

**12.54 tgh.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk mengambil peluang mengemukakan ucapan membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ucapan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua. Semoga Dewan yang mulia ini akan menjadi tempat yang terbaik untuk kita semua menyampaikan hasrat rakyat dan juga membina negara kita yang tercinta.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena pembukaan Dewan yang mulia ini untuk penggal ini. Ternyata kebijaksanaan Tuanku amatlah terserlah. Justeru, saya yakin ia merupakan satu kebanggaan khususnya untuk rakyat Kelantan dan kepada seluruh rakyat Malaysia secara amnya.

Tidak boleh saya lupakan ucapan ribuan terima kasih kepada seluruh pengundi Kuala Krai dan juga petugas parti yang membantu memberikan kemenangan kepada saya di Kuala Krai serta keempat-empat kerusi dewan undangan negeri di Kuala Krai, malah terus mengekalkan Kelantan di bawah pemerintahan membangun bersama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mulakan ucapan ini dengan firman Allah SWT. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya “Wahai orang-orang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah SWT, lagi menerangkan kebenaran. Jangan sesekali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa juga kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya iltizam saya semenjak dipilih sebagai suara untuk mewakili Kuala Krai adalah untuk mengangkat insan-insan yang lemah bagi sama-sama merasa bahagia, waima mereka ketika ini berdiri dan duduk di Daerah Kuala Krai ini. Maka saya mempunyai tekad untuk menjadikan kawasan saya sebagai tempat berlindung buat manusia-manusia yang lemah ini, lalunya pula mengangkat mereka agar bernafas bersama-sama dalam limpahan kebahagiaan. Dalam hadis Nabi SAW, Nabi SAW bersabda... *[Membaca sepotong Hadis]* “Sesungguhnya pertolongan Allah pada umat ini disebabkan orang-orang yang lemah di kalangan kamu yang sentiasa berdoa, sentiasa bersembahyang dan keikhlasan mereka kepada Allah SWT.”

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui sebagai sebuah kawasan yang termasuk berlokasi di hulu Kelantan, Kuala Krai merupakan pintu masuk utama selepas Gua Musang. Lantaran itu, di peta nurani rakyat yang pulang setiap kali musim perayaan, kesesakan ataupun *traffic jam*, dengan izin, yang paling teruk akan dirasai di Kuala Krai. Seandainya terlepas bala kesesakan di Kuala Krai, hampir keseluruhan kesesakan untuk pulang beraya dikira selesai. Orang Kelantan kata ‘*bereh*’.

Realitinya, jajaran jalan yang sepatutnya sudah menerima manfaat daripada RMKe-5 sejak Perdana Menteri Keempat sehinggalah kini yang hampir mencapai Rancangan Malaysia Ke-12, Perdana Menteri yang ketujuh, nampak pembangunannya masih belum terzhahir, walaupun tempoh waktu sudah hampir mencecah 30 tahun. Kami merasa bagai dianaktirikan. Lebih perit, tidak hanya berhenti sebagai anak tiri tetapi terkadang semacam dipencilkan malah terbiar tandus tanpa terbela.

Tentunya besar harapan kami pada kerajaan baharu ini berpaling jenguk dan tengok-tengoklah kami. Pastinya pula kami memerlukan harapan baharu yang kalau tidaklah lebih daripada yang lain, paling tidak sama seperti di tempat-tempat yang menerima manfaat pembangunan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, nyatanya pembinaan sesebuah lebih raya mampu memberi sedikit keselesaan kepada penduduk Kuala Krai secara khususnya dan kepada negeri Kelantan secara umum.

Selain daripada lebih raya, beberapa pembangunan infrastruktur juga amat diperlukan. Bahkan, penyelenggaraan di sesetengahnya tidak begitu memuaskan. Contohnya, Kilometer 11 Jalan Dabong-Sungai Sam sudah agak lama aduan dibuat oleh pelbagai pihak tetapi masih tidak diselenggarakan dengan baik dan jalan tetap rosak seperti biasa.

Selain itu, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Daerah Dabong salah satu DUN dalam Kuala Krai amat-amat memerlukan kepada sebuah stesen minyak kerana jarak Dabong dan stesen minyak terdekat iaitu Pekan Laloh dan juga Jeli sekitar 40 kilometer perjalanan. Ketiadaan stesen minyak ini kerana ketiadaan balai bomba. *Alhamdulillah*, nampaknya balai bomba sudah pun dalam pembinaan pada hari ini dan harap-harap, *insya-Allah*, pembinaan ini dapat disiapkan dengan segera dalam masa ditetapkan, *insya-Allah*.

Oleh itu, saya mengharapkan untuk pembinaan infrastruktur di kawasan luar bandar seperti ini, agar agensi Kerajaan Pusat khususnya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti KESEDAR dan lain-lain lagi, perlulah dan amat perlu diperkasakan agar dapat berperanan dengan sebaik mungkin untuk kebaikan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui dan telah disebut oleh beberapa rakan-rakan Ahli Parlimen lain, pasaran harga getah yang naiknya hanya sesekali tetapi kerap benar turunnya membuatkan rakyat benar-benar lumpuh kesan daripada hal yang bermaksud. Sehingga hari ini, harga getah berlegar pada kadaran RM2 sekilogram. Bila saya tanyakan kebanyakan mereka pendapatan yang diperoleh, ia hanya pada sekitar RM300 sehingga RM500 sebulan sahaja. Mahu makan apa agaknya mereka? Di ketika harga makanan dan perbelanjaan sangat tinggi serta mencengkam sekarang ini, walaupun GST telah di-*zeroized*-kan tetapi nampaknya harga barang tidak turun-turun.

Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan pada hari ini, dasarilah, rasailah, selamilah kesakitan dan kemiskinan mereka dengan penuh jujur dan ikhlas. Anjuran saya dan cadangan saya, kalau boleh naikkan harga lantai getah. Paling tidak, para

penoreh mendapat sekitar RM5 sekilogram bersih. Mungkin saranan ini berat bagi kerajaan dengan sumber kewangan yang terhad, namun penoreh getah juga harus terus hidup dan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kerajaan berkaitan isu royalti petroleum. Janji kerajaan tentang pembayaran royalti sebagai 20 peratus sedang kami tagih. Dalam masa yang sama, sedarkah pihak kerajaan bahawa kerajaan sebelum ini masih terhutang dengan rakyat Kelantan berkaitan dengan pembayaran royalti lima peratus yang mana pengeluaran hasil minyak dari perut bumi Kelantan telah pun bermula sejak tahun 2004 lagi.

Oleh itu, saya mencadangkan, selain pembayaran baharu ini yang masih dalam kajian sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi beberapa hari lepas, kerajaan perlu melunaskan bayaran lima peratus terlebih dahulu sebagaimana termaktub dalam perjanjian di antara kerajaan negeri dan PETRONAS. Besar harapan saya pembayaran ini perlu disegerakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bantuan kepada sekolah-sekolah pondok dan sekolah-sekolah agama, kerajaan sebelum ini telah memperuntukkan bantuan kepada pondok-pondok dan juga sekolah-sekolah agama sebagai galakkan dan usaha untuk memastikan pusat-pusat pengajian Islam ini terjamin kesinambungannya yang merupakan benteng kepada akidah islamiah. Saya dengan penuh harapan kepada Kerajaan Pakatan Harapan supaya bantuan ini diteruskan. Malah, lebih elok lagi sekiranya bantuan tersebut dapat ditambah kerana pendidikan agama adalah satu elemen terpenting dalam menghadapi gelora pada zaman pada hari ini.

Perkara terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah ingin saya maklumkan saya telah mendapat perkhabaran gembira daripada sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini berkaitan dengan hal ehwal Kuala Krai yang bakal mendapat sebuah jambatan menghubungkan Pasir Klang dan Kuala Nal yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini. Pasir Klang berada di seberang Sungai Kelantan. Jadinya, saya amatlah berharap khabar-khabar ini bukan omongan kosong dan bukan pula janji palsu, bahkan pula kerajaan sedia ada perlu meneruskan projek ini.

Terbinanya jambatan ini, *insya-Allah*, akan memudahkan penduduk Pasir Klang Bahagia dan sekitar yang berada seberang Sungai Kelantan berhubung dengan tanah besar Kuala Krai. Di Dewan yang mulia ini saya mengharapkan jawapan daripada pihak Menteri berkenaan tentang letak duduk statusnya. Saya seboleh-bolehnya tidak mahu

mendengar jawapan sedang dipertimbangkan seperti dalih-dalih yang disebut mana-mana pihak sebelum daripada ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat, dan akhiri. Ya, sila menggulung.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** ...Dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, marilah sama-sama kita berdoa dan berharap agar Allah SWT sentiasa merahmati dan memelihara bumi bertuah ini, dijauhi daripada bala bencana, dicekalkan rohani dan jasmani agar terus maju dan berjaya serta kekal dilimpahi kemakmuran sepanjang masa, *insya-Allah. [Membaca doa dalam bahasa Arab] "Ya Allah, jadilah negara kami sebagai negara yang patuh kepada agama dan tempat yang selesa bagi orang-orang memerlukan dan orang-orang miskin."*

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa sukacitanya, mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan ke pukul 2.30 petang untuk menyambung semula perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan mesyuarat]**

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menyambung semula perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Petang ini masih ada lagi 36 Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam debat. Oleh kerana itu, saya minta kerjasama daripada semua menepati tempoh masa yang diperuntukkan supaya memberi ruang dan peluang kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu.

**2.33 ptg.**

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang untuk saya menyertai perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini kerana berjaya dipilih mewakili kawasan masing-masing. Tahniah juga kepada Pakatan Harapan yang telah berjaya membentuk Kerajaan Malaysia baharu dan saya tidak lupa juga Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang di sebelah sana. Saya menghormati semua yang ada di sini dan semoga kita dapat bersama-sama menjadikan Malaysia ini lebih hebat dan gagah di mata dunia.

Sungguhpun pada usia saya yang baru berumur 22 tahun, saya tidak melihat ini menjadi halangan kepada saya untuk mewakili Parlimen Batu, membawa suara dan harapan rakyat ke Dewan yang mulia ini. Saya ingin tegaskan juga, saya bukan wakil rakyat India, saya bukan wakil rakyat Melayu, saya bukan wakil rakyat Cina. Saya adalah wakil rakyat Malaysia. [*Dewan tepuk*]

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pengundi-pengundi di dalam kawasan Parlimen Batu kerana mandat dan kepercayaan yang telah diberikan oleh mereka membolehkan saya untuk duduk di dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun muda, usah risau dan usah khuatir, saya akan duduk dan tidak akan lari.

Tuan Yang di-Pertua, berakhirnya PRU-14 pada bulan Mei yang lalu telah menampakkan semangat serta kesungguhan di kalangan masyarakat bandar, terutamanya rakyat Malaysia di Kuala Lumpur. Tanpa mengira perbezaan etnik, fahaman agama, tahap pendidikan mahupun hierarki sosial yang menyatakan hasrat kolektif mereka untuk sama-sama membantu Malaysia kembali menjadi sebuah negara yang hebat dan disegani.

Semasa kecil saya sering mendengar tentang gabungan legenda antara dua dinamik yang membawa Malaysia di mata dunia. Ketika itu khabarnya ekonomi Malaysia berkembang pesat, malah digelar *Tiger of Asia*, dengan izin, dalam ekonomi. Kerajaan hari ini harus mencontohi dan berusaha mencapai semula kegemilangan pada waktu itu. Saya juga ingin merasa pengalaman sebagai rakyat di sebuah negara yang bergelar Harimau Asia yang unggul ekonominya di mata dunia.

Teras utama dalam membangunkan sebuah negara maju akan menyentuh enam aspek. Teras keselamatan, teras perpaduan, teras kesihatan, teras pendidikan, teras ekonomi dan teras infrastruktur. Oleh itu, ingin saya menyatakan hasrat saya sebagai seorang Ahli Parlimen agar pembangunan dalam kawasan Parlimen Batu, khususnya yang juga merupakan sebahagian kota metropolitan Kuala Lumpur haruslah seimbang, merangkumi semua teras yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, izin saya memetik ucapan hikmat dari seorang tokoh antarabangsa yang dihormati, Mahatma Gandhi. Dengan izin, "*poverty is the worst form of violence*". Ingin saya sentuh sedikit tentang salah satu keluh kesah penduduk di sekitar bandar raya Kuala Lumpur iaitu kemiskinan bandar atau, dengan izin, *urban poverty*.

Kemiskinan bandar adalah pembunuh utama di setiap negara membangun. Ia bakal mewujudkan suasana persekitaran yang tidak sihat dan akan menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Selain itu, ia akan menimbulkan isu sosial ekonomi lain seperti tahap pendidikan dan kesihatan yang rendah. Pemakanan yang kurang berkhasiat, tempat kediaman kurang sempurna dan mobiliti yang terhad. Seterusnya, diterjemahkan kepada tahap produktiviti ekonomi yang rendah. Ini secara tidak langsung merencanakan impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencapai Wawasan 2020. Berdasarkan kajian Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu UNICEF yang meliputi 966 ketua isi rumah dan 2,142 kanak-kanak daripada 17 lokasi PPR yang berbeza di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kajian itu mendedahkan penemuan baru walaupun kadar kemiskinan di Malaysia adalah kurang daripada satu peratus, keadaan ini tidak mencerminkan keadaan sebenar di Kuala Lumpur. Kehidupan kanak-kanak miskin di bandar masih hidup terpinggir walaupun berdekatan dengan bandar, namun masih kurang mendapat akses kepada makanan berkhasiat, tidak pergi ke prasekolah atau tadika yang terdedah kepada perkara jenayah.

Saya juga menyaksikan keadaan yang murung ini dengan mata saya sendiri sewaktu lawatan-lawatan saya ke PPR dan perumahan kos rendah di kawasan saya. Keadaannya adalah sangat menyedihkan dan sekiranya ia tidak ditangani serta diambil peduli, saya bimbang masa depan kanak-kanak itu berada di dalam kegelapan. Secara tidak langsung, isu *urban poverty* ini juga terhubung kait dengan soalan keselamatan yang mana ia juga merupakan isu pokok di dalam kawasan bandar dan Parlimen Batu khususnya. Saya difahamkan Balai Polis Sentul adalah antara balai polis yang paling sibuk di dalam negara dengan pelbagai kes jenayah yang berlaku saban hari. Ketidakseimbangan ekonomi serta desakan hidup dengan kos sara hidup bandar yang tinggi telah menyebabkan peningkatan kadar jenayah di kawasan bandar, terutamanya yang berkaitan dengan jenayah ragut, peras ugut serta pecah rumah.

Saya ingin mencadangkan agar Program Bandar Selamat (PBS) diwujudkan semula. Program ini mewujudkan alam persekitaran bandar yang lebih selamat,

memupuk dan membentuk sebuah komuniti perbandaran Kuala Lumpur di dalam sebuah bandar mesra dihuni serta bandar sihat melalui program berteraskan komuniti serta penglibatan masyarakat dari pelbagai etnik dan budaya. Program seumpama ini telah terbukti mampu mengurangkan jenayah di bandar-bandar lain di seluruh dunia. Objektif utama PBS adalah untuk mewujudkan langkah-langkah pencegahan jenayah yang dengan mudah dapat dilaksanakan dengan kos yang minimum.

#### ■1440

Namun begitu, difahamkan pihak PBT tidak meneruskan Program Bandar Selamat ini secara konsisten. Memandangkan belum ada sebarang bentuk akta khusus mahupun unit kawal selia untuk berfungsi khas bagi memantau program tersebut di kawalan PBT mahupun pihak pemaju serta pengguna awam walaupun ramai yang menyedari dan bersetuju dengan kebaikan yang dibawa oleh PBS.

Kesimpulannya, Program Bandar Selamat telah dikenal pasti sebagai satu pendekatan yang amat berkesan tanpa penglibatan kos yang tinggi. Diharapkan suatu bajet khusus dapat disediakan dengan pendekatan yang lebih menyeluruh selain penglibatan khusus dan tersusun pihak komuniti setempat dengan sokongan institusi awam dan pihak sektor swasta yang berkepentingan. Suatu inisiatif khusus perlu dikenal pasti bagi pergerakan semula Program Bandar Selamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang bertanyakan tentang bagaimana saya boleh bertanding menjadi Ahli Parlimen dalam usia yang muda dan masih bergelar sebagai seorang pelajar. *"Hanya jauhari mengenal manikam"*. Tiada yang lebih layak untuk membahaskan isu anak muda melainkan anak muda itu sendiri. Saya membawa harapan sebenar generasi Malaysia masa kini dan akan datang.

Saya mewakili generasi rakyat Malaysia yang menolak politik perkauman dan saya mewakili generasi rakyat Malaysia yang menolak politik kotor dan sempit. Kepercayaan yang diberikan kepada saya pada 9 Mei yang lalu juga membuktikan bahawa masyarakat telah bertindak memberi sokongan kepada anak muda yang tampil menuntut perubahan bagi masa depan negara. Oleh itu, saya menyeru tenaga muda di negara ini untuk mengambil iktibar dan tampil ke hadapan untuk melibatkan diri dalam usaha membangunkan negara secara lebih aktif.

Semua parti politik harus mengambil langkah serius memberi lebih ruang dan wujudkan pendekatan yang lebih mesra untuk anak muda. Saya menyokong penuh hasrat Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk menurunkan had umur layak

mengundi di negara ini kepada 18 tahun berbanding 21 tahun sekarang demi menjadikan lebih ramai lagi rakyat Malaysia memahami proses demokrasi di usia muda.

Bagi membantu menjayakan penglibatan anak muda dalam politik, ia mestilah dimulakan di peringkat awal. "*Melentur buluh biarlah dari rebungunya*". Ini kerana majoriti anak muda pada masa ini tidak menunjukkan minat dan tidak mahu mengambil tahu terhadap politik tanah air.

Kita kurang juga, tiada pengetahuan tentang Perlembagaan, fungsi-fungsi kerajaan, Parlimen, legislatif dan eksekutif. Jika kita tanya majoriti rakyat pada hari ini, masih ramai yang tidak tahu fungsi sebenar Ahli Parlimen dan wakil rakyat. Subjek-subjek yang boleh membantu meningkatkan pengetahuan tentang pengetahuan am dan di samping dapat memupuk jati diri dan perasaan *self-belonging* terhadap negara yang di peringkat sekolah seperti subjek Pengajian Am, Perlembagaan dan subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan haruslah lebih ditekankan dan diberi keutamaan.

Sehubungan dengan itu, saya juga menyeru agar Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dimansuhkan sepenuhnya untuk memberi ruang dan peluang kepada golongan pelajar seperti saya untuk berpolitik tanpa ada rasa kekangan lantas memastikan semula agar harapan saya tadi dapat mencapai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat anak muda, sila gulung.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Saya akan gulung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Akhir kalam, saya memohon doa, sokongan dan dorongan dari semua pihak di dalam Dewan yang mulia ini agar saya dapat melaksanakan tugas sebagai seorang Ahli Parlimen yang sempurna. Justeru itu, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama. Sebelum saya akhir, saya akhirkkan dengan sebuah pantun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Serangkap pantun.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Diizinkan.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** *Not too young to be MP, not too old to be Perdana Menteri. Thank you. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat dari negeri Sarawak, Yang Berhormat Mukah.

#### **2.44 ptg.**

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kali ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan-timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah dipilih.

Memandangkan masa yang terhad, saya memohon tidak ada celahan daripada mana-mana Ahli Dewan sesuai dengan Peraturan Mesyuarat 37. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pengundi-pengundi di P.213 Mukah yang memberi kepercayaan kepada saya untuk mewakili mereka ke Dewan yang mulia ini.

Awal kata, saya ingin memohon maaf sekiranya ada kesilapan semasa menjalankan tugas selaku wakil rakyat Mukah buat pertama kalinya. *Insyaa-Allah* saya berjanji akan berusaha dan berdoa sebaik mungkin untuk memenuhi aspirasi rakyat Mukah khususnya dan Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari pembukaan sidang Parlimen baru-baru ini. *Alhamdulillah*, di atas usaha Kerajaan Barisan Nasional yang pernah dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, Sarawak dan sebahagian besar kawasan Mukah telah membangun dengan baik. Kami mengucapkan terima kasih.

Namun demikian, arus pembangunan harus diteruskan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar termasuk di kawasan yang saya wakili. Setelah bermusyawarah bersama rakyat Mukah, saya dapati bahawa isu-isu yang perlu dibangkitkan ke dalam Dewan yang mulia ini banyak berkaitan dengan masalah pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan utiliti.

Agenda pendidikan merupakan satu agenda penting bagi saya untuk diketengahkan kerana sesebuah negara yang maju harus menitik beratkan pendidikan dan pembelajaran generasi muda. Di bawah belanjawan Persekutuan yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu, sejumlah RM128.5 juta telah pun disediakan untuk pembangunan di kawasan Mukah. Di antaranya adalah untuk projek pembinaan semula

GIATMARA Mukah, pembinaan sekolah menengah baharu, asrama pelajar dan rumah guru di Balingian, kerja tanah dan infrastruktur bagi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan UNIMAS, rancangan memulihkan koridor Sungai Batang Oya dan projek mesra rakyat di kawasan Mukah.

Dengan perubahan kerajaan yang baharu, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai status bagi belanjawan tersebut. Saya amat berharap agar belanjawan Persekutuan ini dapat diteruskan demi untuk pendidikan, kemajuan dan kesejahteraan rakyat.

Ingin dinyatakan di sini bahawa kawasan Balingian tidak mempunyai sebuah pun sekolah menengah walaupun mempunyai banyak sekolah rendah. Demi pelajaran dan kemajuan anak-anak Balingian, saya ingin menyeru agar Projek SMK Balingian yang boleh menempatkan 800 orang pelajar ini diteruskan. Tanpa SMK Balingian, para ibu bapa di sini akan terpaksa menghantar anak-anak mereka sejauh 60 kilometer dari Balingian ke Mukah untuk ke sekolah menengah.

Ada kalanya ada para ibu bapa tidak mahu berpisah dengan anak-anak mereka untuk ke asrama sekolah menengah. Keadaan ini telah mengakibatkan banyak pengangguran berlaku di kalangan remaja kampung masa kini. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Projek SMK Balingian merupakan janji tahun 2014 mantan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ketika itu iaitu Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 55 tahun membentuk Malaysia situasi pendidikan di kebanyakan kawasan luar bandar Sarawak masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan di Semenanjung. Selain daripada masalah kekurangan sekolah dan fasiliti, terdapat banyak sekolah yang telah usang yang perlu diperbaiki atau didirikan semula.

Kerajaan Sarawak menganggarkan RM5 bilion diperlukan untuk melaksanakan program baik pulih serta mendirikan sekolah-sekolah tersebut semula. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah menyatakan kesediaan Kerajaan Sarawak untuk memberi pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan untuk memulakan program baik pulih sekolah-sekolah tersebut.

Saya ingin menyarankan agar Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan cadangan Ketua Menteri kami agar program baik pulih ini dapat dilaksanakan secepat mungkin demi masa dan kemajuan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan ini dengan mengutarakan juga masalah pusat-pusat kesihatan di kawasan Mukah. Mengikut Kajian

Statistik Tahun 2010, kawasan Mukah mempunyai lebih daripada 41,000 orang penduduk yang terdiri daripada 46 buah kampung dan 164 buah rumah panjang.

■1450

Untuk menampung jumlah penduduk yang kian meningkat hanya terdapat satu Hospital Umum Mukah, satu Hospital Daerah Dalat, satu klinik pergigian, lima klinik desa, dua Klinik Kesihatan 1Malaysia dan satu klinik swasta. Bagi Hospital Umum Mukah, saya memohon agar kemudahan dan fasiliti perubatan dinaiktarafkan untuk menampung keperluan masa kini. Ketiadaan doktor pakar dan peralatan kesihatan yang moden menyebabkan kes-kes perubatan dipindahkan jauh ke Sibu atau ke Kuching untuk mendapatkan rawatan yang lebih sempurna.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan seorang kanak-kanak yang berusia dua tahun dari Daro, Mukah telah meninggal dunia dipercayai akibat dijangkiti Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD). Tanpa wujudnya fasiliti perubatan yang lengkap di kawasan luar bandar sebegini adalah dikhuatiri bahawa wabak penyakit amatlah sukar dibendung dan diubati. Jarak yang jauh untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan amat menyusahkan rakyat luar bandar yang tidak mempunyai hasil pendapatan tetap dan besar. Sudah tentunya kos perubatan juga telah meningkat bagi mereka di luar bandar.

Agihan belanjawan di bawah Kementerian Kesihatan untuk Sarawak adalah tidak setimpal dengan keperluan yang ada dan mendesak. Sebagai contoh utama dalam hal ini, nisbah doktor dan penduduk bagi Malaysia adalah satu doktor untuk setiap 632 penduduk Malaysia, walhal bagi Sarawak adalah satu doktor untuk 793 penduduk. Nisbah ini menunjukkan bahawa terdapat tidak kesinambungan yang adil di dalam pengagihan belanjawan kesihatan untuk Sarawak. Di Hospital Dalat, kami memerlukan sebuah mesin x-ray memandangkan keperluan yang tinggi. Memandangkan kawasan Mukah yang luas dan jarak kependudukan yang jauh, saya juga berharap agar perkhidmatan doktor udara diteruskan bukan sahaja di kawasan Mukah malah untuk seluruh kawasan pedalaman Sarawak yang masih belum dapat dihubungi jalan darat.

Menyentuh mengenai jalan raya, saya juga ingin memohon agar Kementerian Luar Bandar membantu di dalam menyediakan jalan pesisir dan jalan kampung untuk menghubungi kampung-kampung yang sedia ada. Ketiadaan jalan darat yang sempurna telah mengakibatkan kos barangan keperluan harian dan kos pengangkutan jadi lebih tinggi daripada harga di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kemajuan sosioekonomi di kawasan Mukah. Mukah merupakan *the heart land of the Melanau people*, dengan izin. Ia mempunyai tarikan budaya dan ekopelancongan yang tersendiri dengan pohon dan produk sagunya yang selain budaya dan adat kaum Melanau. Di dalam perbahasan beberapa hari lepas, Ahli Dewan dari Silam ada menyebut mengenai kluster ekopelancongan Mukah, Daro, Pulau Bruit, Tanjong Manis. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan kerana telah memasukkan Mukah sebagai sebuah kluster yang penting. Saya juga ingin memohon agar pihak Kementerian Pelancongan memberi penekanan dan dana kepada pembangunan industri kampung dan kreatif termasuk mewujudkan lebih banyak lagi produk tarikan pelancongan di Mukah.

Industri kotej dengan izin, mengeluarkan sagu dan produk-produk daripada sagu, produk dari hasil perikanan dan kraf tangan perlu mendapat promosi dan kaedah pemasaran yang proaktif. Hasil ini akan meningkatkan taraf hidup penduduk kampung dan memberi pendapatan yang tetap. Mukah juga telah dirancang untuk menjadi sebuah bandar berilmu atau lebih disebut sebagai *smart city* di mana telah diwujudkan beberapa institusi-institusi pendidikan dan latihan.

Dengan demikian pada alaf yang digital ini, Mukah harus dibekalkan dengan jaringan telekomunikasi dan jalur lebar yang bersesuaian. Saya memohon agar Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dapat memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi dan multimedia di kawasan Mukah untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua menyentuh tentang Perjanjian Malaysia 1963, saya ingin menyarankan agar rundingan semula diadakan antara kedua-dua kerajaan agar ia dapat memberi manfaat untuk rakyat Sarawak yang belum ditepati mengikuti janji-janji yang telah dimeterai sebelum ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, sila menggulung.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai menggulung perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya selaku wakil rakyat P213 Mukah ingin mengulangi permohonan saya supaya belanjawan Kerajaan Persekutuan yang telah disediakan ataupun dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan yang telah lalu bersesuaian dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Mukah dari Sarawak. Sekarang saya jemput wakil Pahang, Yang Berhormat kawasan Bentong.

**2.55 ptg.**

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bentong menjunjung kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada warga Bentong dan juga komuniti pencinta alam yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk membawa suara mereka ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pantun atau puisi yang menarik bagi membukakan perbahasan saya pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh buat sajak jika tidak ada pantun.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Akan tetapi sebagai seorang pejuang alam sekitar, ingin saya cadangkan agar suhu *air condition* di Dewan yang mulia ini ditetapkan pada 25 darjah *Celsius* iaitu tahap optimum penggunaan elektrik yang mesra alam.  
[Tepuk]

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat berasa sejuk?

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya duduk atas sini berasa panas. Ada jubah.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan pembicaraan tentang kemapanan dengan izin, *sustainability*. Malaysia merupakan sebuah negara yang bertuah kerana dikurniakan dengan pelbagai sumber khazanah alam iaitu Malaysia dimasukkan dalam senarai 17 negara *megadiverse* di dunia. Namun seperti negara-negara sedang membangun yang lain, Malaysia turut mengejar model pembangunan yang membawa kesan-kesan buruk ke atas alam sekitar dan sumber-sumber aslinya.

Pencemaran sumber air, udara, tanah dan laut telah pun berlaku. Tekanan ke atas sumber asli seperti hutan, air dan galian mengakibatkan kehilangan dan kemerosotan *forest cover* dengan izin, membinasakan hasil laut dan sekali gus

kehilangan habitat-habitat penting yang menjadi tulang belakang ekonomi negara. Kesejahteraan alam sekitar akan bertambah runcing dengan kesan-kesan daripada perubahan iklim iaitu satu cabaran yang disifatkan sebagai cabaran yang terbesar terhadap umat manusia.

Model pembangunan sebegini harus dinilai semula segera mungkin supaya kita dapat menghentikan aktiviti-aktiviti yang tidak mesra alam yang akhirnya akan mengancam kesejahteraan kita sendiri bukan sekadar daripada alam sekitar yang buruk tetapi juga...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Boleh minta laluan sedikit, Yang Berhormat Bentong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kubang Kerian minta laluan, adakah Yang Berhormat Bentong benarkan?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Janganlah, 10 minit pendek sangat. Saya isu—saya ada...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Hendak berkongsi pengalaman. Terima kasih, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, tidak cukup masa.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** *Sorry* ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Teruskan.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Kita jiran. Dari segi pertumbuhan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mengalami kehilangan kawasan hutan semenjak tahun 1970-an dengan munculnya pembalakan *industrial scale*. Mengikut statistik rasmi negara *forest cover* dengan izin, pada tahun 2000 adalah 56 peratus daripada kawasan tanah negara tetapi ia telah merosot menjadi 54 peratus pada tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua di Rio Earth Summit 1992 dengan izin, Malaysia telah berikrar akan mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus kawasan tanahnya sebagai *forest cover* dengan izin. Komitmen tersebut telah diulangi di persidangan-persidangan antarabangsa termasuklah di Kemuncak Perubahan Iklim di Paris, Perancis pada tahun 2015. Akan tetapi saya berasa kecewa bahawa Dasar Hutan Negara kita tidak mengambil kira komitmen tersebut apabila pindaan telah dibuat pada 1992 juga. Ini bermakna selama 26 tahun pentadbiran BN janji ini cuma omong-omong kosong sahaja.

**■1500**

Bukan sahaja terhadap rakyat Malaysia tetapi juga seluruh warga dunia. Ini amat memalukan. Saya dimaklumkan bahawa satu kajian semula dasar hutang negara 1992, kini berada di peringkat akhir. Kerajaan baharu harus mengambil peluang ini untuk membuat perubahan dasar agar janji ini dapat ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membawa sedikit cerita tentang *constituency* Bentong. Saya adalah anak jati Bentong dan MCA telah berkuasa di Bentong sejak tahun saya dilahirkan pada tahun 1959 di mana lebih kurang 40 tahun mereka menyandang jawatan Menteri. Kita juga ada seorang ADUN yang telah memegang jawatan Menteri Besar selama enam penggal. Bentong yang terletak hanya 45 minit dari Kuala Lumpur dianugerahi dengan pelbagai khazanah alam semula jadi seperti air terjun, sungai yang jernih dan deras, kolam air panas, hutan yang menghijau dan tanah yang subur. Bentong juga mempunyai enam skim FELDA seluas 11,000 hektar. Salah satu antaranya adalah Felda Lurah Bilut, Felda pertama di Malaysia.

Oleh itu, Bentong sepatutnya telah lama mencapai tahap pembangunan yang maju tetapi apa yang telah kita lihat pada hari ni, komuniti di estet masih mengambil upah harian, minum air perigi dan tidak mampu membayar tambang bas sekolah anak-anak. Orang tua dan sakit, tidak dijaga baik. Orang muda tidak dapat cari kerja dan kini sudah nampak bayang wujudnya masalah dadah. Sumber alam semula jadi dan tempat pelancongan yang indah telah dimusnahkan dengan kadar yang amat membimbangkan sejak 10 tahun ini. Hampir semua sungai telah bertukar menjadi seperti teh tarik.

Janda Baik, satu tempat yang seperti syurga hampir dimusnahkan oleh projek pembinaan talian penghantaran tenaga TNB, empangan mini hidro yang tidak siap pun dan pembalakan yang tidak terkawal. Sebuah hospital yang kita ada tetapi tidak mempunyai doktor-doktor pakar walaupun Bentong pernah mempunyai seorang Menteri Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Bentong adalah sebuah daerah yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan sebagai sebuah pusat pembangunan lestari contoh di negara ini khususnya dalam sektor pertanian dan pelancongan. Oleh yang demikian, ingin saya cadangkan agar kementerian-kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pelancongan, Kementerian Industri Utama, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dapat memberikan tumpuan yang serius dan kerjasama untuk merangka satu pelan pembangunan yang lestari untuk *constituency* Bentong.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak lengkap sekiranya dalam ucapan julung kali saya terpilih sebagai Ahli Parlimen, saya tidak menyentuh skandal kilang nadir bumi Lynas di Gebeng, Kuantan, Pahang. Seperti yang dimaklumi ramai, saya telah berjuang untuk menghentikan kilang toksik tersebut sejak tahun 2011 menerusi gerakan akar bumi Himpunan Hijau. Bersama dengan beribu-ribu rakyat Malaysia, saya telah berjalan sejauh 300 kilometer dari Kuantan ke Kuala Lumpur, [*Tepuk*] bermalam di Dataran Merdeka selama 36 hari dan mengumpul sejuta tandatangan rakyat Malaysia yang membantah dan meminta menghentikan projek Lynas. Perjuangan tersebutlah yang mendorong penyertaan saya dalam arena politik.

Hari ini, saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk terus membawa suara dan aspirasi rakyat yang inginkan sebuah negara yang menjunjung prinsip-prinsip kelestarian alam. Selama tujuh tahun, aktivis-aktivis Lynas telah diugut, diganggu, ditindas dan ditipu oleh pemimpin BN. Misalnya, empat orang Menteri BN telah mengeluarkan satu kenyataan bersama pada 22 Februari 2012. Mereka telah mengeluarkan arahan bahawa Lynas mesti menghantar sisa-sisa buangan radioaktif yang terhasil daripada operasi balik ke Australia. Mereka juga mengarahkan Lynas mengemukakan kepada Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) pelan dan lokasi untuk tempat kekal pembuangan sisa radioaktif (*permanent disposal facility*) dalam tempoh 10 bulan selepas lesen operasi sementara diberikan. Sampai hari ini, kedua-dua arahan Menteri BN tidak dipatuhi tetapi pimpinan BN tetap membenarkan lesen Lynas diperbaharui beberapa kali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat, sila menggulung.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Ya, saya akan. Sedikit sahaja, *sorry*. Risiko pencemaran radioaktif dari operasi Lynas ke atas kesihatan rakyat dan alam sekitar sudah banyak diperkatakan. Kita ada contoh skandal Bukit Merah yang masih belum dapat diselesaikan. Dengan ini, saya menyeru Menteri yang berkenaan untuk memberi isu ini *top priority*, dengan izin. Saya juga memohon agar Tuan Yang di-Pertua meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen (*Parliament Select Committee*) dengan izin, untuk alam sekitar dengan serta-merta kerana selain daripada isu Lynas, terdapat banyak lagi isu alam sekitar lain yang memerlukan perhatian kita.

Izinkan saya mengakhiri perbahasan saya pada hari ini dengan memberi satu ingatan kepada semua. Kita diberikan mandat untuk mengurus tadbir khazanah negara bagi pihak anak cucu kita. Generasi ini tidak seharusnya jadi tamak dan mengambil

kesemuanya. Kita mesti sentiasa ingat dengan izin, *money is not king, money cannot be eaten*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Seterusnya juga wakil dari Pahang, dari Yang Berhormat Bentong saya jemput Yang Berhormat Cameron Highlands.

### **3.07 ptg.**

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Diraja ini. Saya ucapkan tahniah atas pelantikan anda sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi Cameron Highlands yang telah memilih saya sebagai wakil rakyat untuk membawa suara mereka dan aspirasi mereka ke Dewan yang mulia ini. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua wakil rakyat yang telah diberi mandat oleh rakyat untuk mewakili mereka dan membawa suara mereka ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengupas tiga perkara iaitu satu isu nasional. Saya akan menyentuh tentang Cameron Highlands dan juga sebagai wakil yang mewakili masyarakat India. Walaupun saya Ahli Parlimen dan wakil rakyat yang mewakili seluruh Malaysia tetapi menjadi tanggungjawab saya untuk membawa suara masyarakat India ke Dewan ini.

Seperti yang dikatakan dalam ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9 Mei 2018, rakyat telah memilih Kerajaan Pakatan Harapan sebagai kerajaan baharu. Ada yang mengatakan bahawa ia adalah kelahiran Malaysia baharu. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kejayaan ini.

Walau apapun, kita dari Barisan Nasional tetap akur dan akui dengan hati terbuka dengan keputusan rakyat. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan tidak harus melupakan bahawa rakyat memilih mereka atas satu faktor yang utama iaitu perubahan atau dengan izin, *change*. Terima atau tidak, hakikatnya adalah perubahan yang dinyatakan dan diuar-uarkan adalah sebahagian besarnya berteraskan Manifesto 100 Hari Pertama yang diletakkan oleh Pakatan Harapan bagi memenangi hati rakyat di PRU yang lalu. Saya akui, kerajaan tidak dapat melaksanakan segala janji-

janji yang dilontarkan dalam masa 100 hari. Walau bagaimanapun, janji harus dikotakan, jangan hanya dikatakan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kos sara hidup dan GST.

■1510

Saya percaya sebelum PRU, kerajaan parti Pakatan Harapan telah menyentuh dan menghubungkan GST dengan kos sara hidup dan juga kenaikan harga barang. Namun, terbukti selepas GST di-*zero-rated*-kan, dengan izin, harga masih tidak menurun, malahan ianya semakin meningkat. Sebegitu juga dengan kos sara hidup rakyat.

Maka, saya menyeru kerajaan supaya buatlah kajian dan analisis yang secukupnya dan jangan terburu-buru untuk melaksanakan SST hanya kerana ia merupakan janji Pakatan Harapan sebelum PRU. Rakyat akan faham jika kerajaan mencari alternatif lain bagi mengurangkan harga barangan dan juga kos sara hidup mereka.

Dengan itu, saya cadangkan jikalau kita hendak kurangkan harga barangan, kesedaran pengguna atau *consumer awareness*, dengan izin, harus diperkuatkan. Penguatkuasaan di peringkat majlis perbandaran dan majlis daerah harus dibuat. Seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Sungai Siput hendak mencelah.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highland]:** Maaf ya, saya tidak cukup masa. Saya ada banyak— saya *prepare for* 30 minit tapi dapat 10 minit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, teruskan.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highland]:** Jadi seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini bahawa RM23 bilion yang diselamatkan daripada GST ini akan diberikan sebagai hadiah kepada rakyat. Saya percaya itu adalah kerugian kepada negara. Kita harus mencari alternatif lain untuk membuat baik kepada rakyat. Jangan kita mengorbankan pendapatan negara yang kita dapat melalui cukai GST.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang PTPTN. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah berjaya keluarkan 429,945 orang daripada senarai hitam PTPTN. Akan tetapi, cadangan dan janji Pakatan Harapan, bagi pendapat saya, hanyalah populis untuk mendapat, untuk menarik sokongan anak-anak muda. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat

Lenggong, mantan Pengerusi PTPTN, baru-baru ini bahawa pada tahun 1997 sejak ia diperkenalkan, kita telah memberi pinjaman sebanyak RM48.7 bilion dan setakat tahun 2017 hanya RM10 bilion berjaya dikutip. Jadi kita hendaklah faham bahawa PTPTN adalah *revolving fund*. Jikalau kita hendak pastikan dana ini berterusan untuk membantu pelajar-pelajar kita bakal generasi akan datang, saya percaya kerajaan harus mewujudkan generasi muda yang bertanggungjawab. *You pay, you owe*, dengan izin. Jadi kita sematkan semangat bertanggungjawab di kalangan orang-orang muda dan pastikan mereka mengambil tanggungjawab dan membayar hutang yang mereka pinjam.

Keduanya, carilah mekanisme lain untuk menggalakkan pembayaran balik hutang walaupun ia tidak popular. Akan tetapi, jika ia menguntungkan negara dan juga memberi kelebihan kepada generasi akan datang, saya rasa kerajaan patut mengamalkan atau mencari mekanisme lain untuk memastikan hutang itu terbayar.

Ketiganya, campur tangan kerajaan secara *monetary* akan meningkatkan hutang negara. Ia bercanggah dengan pendirian kerajaan untuk mengurangkan hutang negara. Jadi biar saya sarankan beberapa penyelesaian kepada masalah ini, iaitu tingkatkan daya bayar belia-belia, peminjam-peminjam tersebut, wujudkan platform-platform bagi mereka untuk menjana pendapatan yang pasif supaya mereka boleh membayar hutang ini dan juga hutang-hutang lain. Kedua, libatkan sektor-sektor korporat, minta mereka menderma secara mandatori berdasarkan tanggungjawab sosial supaya dana itu dapat diperbesarkan dan terus diberikan kepada golongan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dulunya saya selalu melihat perbahasan daripada Pakatan Harapan seperti Menteri Tenaga Kerja, Menteri Penerangan dan sebagainya berkenaan dengan Akta 164, *law reform*, fasal 88A. Saya juga ingin menyahut cabaran yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat Pengerang kepada menteri-menteri tersebut untuk membawa pemindaan tersebut kerana penghakiman kes Indira Gandhi ini telah memberi perspektif yang baharu kepada undang-undang ini. Saya berharap, kalau dibawa, ia akan mendapat sokongan yang baik dan inilah merupakan peluang emas kepada kita untuk membuat pemindaan tersebut. Ini merupakan cabaran saya kepada mereka. *Let see*.

Pada masa yang sama, saya mewakili penduduk-penduduk Cameron Highlands. Jadi Cameron Highlands ini tidaklah asing kepada semua. Saya berharap menteri-menteri yang duduk di sebelah sana itu datanglah ke Cameron Highlands, datang tengok potensi Cameron Highlands dari aspek-aspek pertanian dan juga pelancongan.

Cameron Highlands telah menyumbang lebih kurang RM5 bilion kepada KDNK negara melalui pertanian, sektor makanan sahaja, tidak termasuk pengeluaran bunga, pelancongan dan sebagainya. Jadi saya berharap pembangunan infrastruktur di Cameron Highlands itu harus diperkuatkan.

Kerajaan lalu telah banyak memberi kita peruntukan, telah berjanji akan melaksanakan pelbagai projek pembangunan sosioekonomi di Cameron Highlands termasuk untuk Orang-orang Asli. Akan tetapi malangnya, Kerajaan Barisan Nasional telah jatuh dan ini merupakan tanggungjawab kerajaan baharu Pakatan Harapan untuk memastikan kesinambungan pembangunan sosioekonomi Cameron Highlands berlaku terus. Jangan kerana sebab politik, kita mangsakan pengundi-pengundi, rakyat di Cameron Highlands. Itu merupakan seruan saya dan rayuan saya kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Seterusnya, saya sebagai wakil masyarakat India di Dewan yang mulia ini, saya juga ingin membawa beberapa isu berkenaan dengan masyarakat India. Walaupun saya wakil rakyat yang mewakili seluruh rakyat Malaysia tetapi menjadi tanggungjawab saya kerana saya daripada parti MIC, saya terpaksa membawa hujah-hujah yang berkenaan dengan masyarakat India.

Pertamanya, saya ingin menyeru kepada Kerajaan Pakatan Harapan supaya teruskanlah dengan usaha-usaha *Malaysian Indian Blueprint*. MIB merupakan satu-satunya *blueprint* yang telah diberi komitmen oleh kerajaan di bawah agenda memperkasakan masyarakat India. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan kerana beliau merupakan satu-satunya Perdana Menteri yang telah memberi komitmen, yang telah berusaha untuk memperkasakan masyarakat India melalui *Malaysian Indian Blueprint*.

Itu merupakan rayuan saya kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Walaupun saya tahu agak sukar untuk kita teruskan dengan agenda Barisan Nasional di bawah Kerajaan Pakatan Harapan tetapi saya percaya, atas niat untuk membantu rakyat, atas niat untuk membangun seluruh rakyat Malaysia, saya percaya agenda *Malaysian Indian Blueprint* ini akan diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Dengan itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini— ini isu yang berlainan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung, Yang Berhormat.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highland]:** Saya juga mengingatkan kepada segolongan mereka yang melabelkan kumpulan *Liberation Tigers of Tamil*

*Eelam (LTTE)* sebagai kumpulan pengganas. Dengan izin, *LTTE was never a terrorist group but a group of freedom fighters who fought for the liberation of the oppressed Tamils in Sri Lanka for many years, just like other freedom fighters who are striving till this very moment to uphold their rights, people rights in every country.*

Kita harus memberi penghormatan dan juga faham sentimen kaum-kaum lain. Begitu jugalah saya ingin memohon kepada semua, jangan kita menganalisis sejarah mengikut suka hati dan mengecilkan atau menimbulkan kemarahan orang-orang lain di negara ini. Kita berada di negara yang majmuk, bersatu-padu, pastikan perpaduan itu diteruskan dengan saling hormat-menghormati dan juga menerima perbezaan yang kita ada.

Dengan itu, saya juga memohon kepada wakil-wakil rakyat, kita dipantau oleh rakyat. Rakyat adalah merupakan *third force* yang akan membenarkan kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highland]:** *Yes, I am going to finish it.* Saya berharap semua wakil rakyat, kita lebih bersifat terbuka dan matang dalam menghadapi lima tahun yang akan datang dan pastikan suara rakyat dibawa ke Dewan Rakyat yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat kawasan Wangsa Maju.

**3.19 ptg.**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan kedua-dua Timbalan Speaker kerana telah diberi kepercayaan untuk menjaga dan melindungi Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketika rakyat mengundi Pakatan Harapan tempoh hari, mereka mengundi dengan harapan yang besar terhadap reformasi dan agenda reformasi merupakan daya penggerak dalam usaha mewujudkan Parlimen yang bebas, telus dan kerajaan yang bertanggungjawab serta badan kehakiman yang adil dan bebas. Prinsip-prinsip asas pemisahan kuasa, *the separation of power*, mesti ditunjukkan dalam *executive, legislature* dan *judiciary* yang baharu ini.

**■1520**

Terdapat dua aspek reformasi Parlimen yang perlu kita lakukan dengan segera. Aspek yang pertama untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen yang memperuntukkan kuasa kepada Parlimen untuk melantik kakitangan sendiri. Begitu juga dana untuk operasi Parlimen sepatutnya diperuntukkan secara terus kepada Parlimen dan bukanlah kepada Jabatan Perdana Menteri, ini bagi membolehkan Parlimen untuk berfungsi secara bebas. Aspek yang kedua, pembentukan jawatankuasa pilihan untuk semua kementerian-kementerian penting, pembentukan jawatankuasa pilihan telah pun di peruntukan dalam *Standing Order* Dewan Rakyat.

Speaker dan Ahli-ahli Parlimen pada sidang Parlimen ke-13 yang lalu telah membincangkan kedua-dua cadangan ini. Namun mereka tidak dapat melaksanakannya disebabkan oleh kurangnya kemahuan politik *or the lack of political will*. Masa sudah sampai, kita haruslah bersama-sama pastikan reformasi Parlimen dapat bermula di sidang Parlimen ke-14 ini di bawah kepimpinan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab utama rakyat menolak Barisan Nasional dalam PRU ke-14 yang lalu ialah kerana mereka tidak tahan lagi dengan korupsi dan peningkatan kos sara hidup. Pakatan Harapan telah berjanji kepada mereka untuk memberikan hidup lebih baik dan menurunkan kos sara hidup. Pakatan Harapan telah memenuhi janji pilihan raya, sebaik sahaja mengambil alih Putrajaya, Pakatan Harapan telah memansuhkan GST.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga monopoli import gula, beras dan tepung diberikan kepada kroni-kroni UMNO, harga barang keperluan asas ini melonjak. Dalam 10 tahun yang lalu, kita dapat melihat tindakan memanjangkan monopoli terhadap industri-industri perkhidmatan seperti memproses permohonan pekerja asing, pemeriksaan kesihatan, telekomunikasi, perubatan dan tenaga. Akibat daripada monopoli ini ekonomi kita telah menjadi tidak efisien dan kaku.

Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri di atas usaha beliau untuk menghapus amalan monopoli. Saya yakin tindakan liberalisasi industri akan merancakkan persaingan sihat, kecekapan dan perkembangan ekonomi. Namun terdapat satu isu tentang pengimportan gula yang nampak tidak selaras dengan matlamat untuk menghapuskan monopoli. Saya diberitahu bahawa semua AP import gula telah dihentikan kecuali dua kilang penapisan MSM dan CSR. Mereka kini dapat menikmati monopoli yang lebih besar berbanding sebelum ini.

Jika dahulu kilang-kilang membuat minimum dan *confectionery* boleh membeli gula industri pada harga yang lebih murah dari pemegang-pemegang AP individu. Namun sekarang mereka terpaksa untuk membeli hanya daripada MSM dan CSR. Akibatnya para pengguna dan industri terpaksa membayar harga gula yang lebih tinggi berbanding harga pasaran dunia. Sekiranya kita mahu menghapuskan monopoli bukankah kita patut membenarkan lebih ramai pedagang-pedagang yang layak untuk mengimport gula masuk ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai penduduk di kawasan saya ternanti-nanti untuk saya mengutarakan masalah-masalah yang menekan mereka. Sememangnya ia menjadi tugas saya bagi menyuarakan segala masalah mereka. Namun sebelum ini, ingin saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Wilayah kerana tindakan segera di dalam menggazetkan pelan rancangan Bandaraya Kuala Lumpur atau dengan izin KL City Plan dan mengujudkan Majlis Mesyuarat Menteri. Dengan wujudnya majlis mesyuarat berkenaan, kuasa untuk memutuskan perkara-perkara penting tentang bandar telah dikembalikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan-penjualan tanah kerajaan dan DBKL serta kelulusan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan secara sembarangan oleh rejim yang lalu telah mengakibatkan masalah-masalah serius kepada bandar terutamanya kesesakan lalu lintas dan kejadian-kejadian banjir kilat. Sebagai contoh di Jalan Langkawi terdapat sekurang-kurangnya empat projek bangunan tinggi berjumlah 5,000 unit. Apabila projek-projek ini siap nanti akan berlaku penambahan sekurang-kurangnya sebanyak 5,000 buah kenderaan di sepanjang jalan berkenaan. Ini tentu akan menjadi *nightmare* kepada penduduk-penduduk di kawasan berkenaan. Situasi sama juga turut ditemui di Jalan Gombak dan Jalan Genting Klang. Terdapat begitu banyak projek-projek pembangunan yang sedang dijalankan di bandar. Namun sistem perparitan masih begitu lemah. Kejadian-kejadian banjir kilat sering kali berlaku di Kuala Lumpur terutama ketika hujan lebat.

Pada tahun 2003, bekas Menteri di bawah rejim lama telah membelanjakan sebanyak RM1.3 bilion untuk membina SMART Tunnel yang kononnya akan menjadikan Kuala Lumpur bebas daripada banjir. Kontraktor projek ini telah diberikan konsesi selama 40 tahun. Akan tetapi SMART Tunnel ini nampaknya tidak berapa *smart*, selepas ia siap dibina pada tahun 2007 sebanyak empat kali banjir besar telah melanda Kuala Lumpur iaitu pada tahun 2011, 2012, 2013 dan 2017. Sehingga kini kita masih perlu membayar tol sebanyak RM3 setiap kali kita melalui SMART Tunnel.

Sukalah sekiranya Yang Berhormat Menteri telah mempunyai rancangan untuk menyelesaikan kedua-dua masalah ini. Sekiranya masih belum ada perancangan lagi maka saya menyeru Yang Berhormat Menteri untuk memberikan keutamaan kepada kedua-dua masalah ini. Saya ingin mencadangkan pelaksanaan ini dimulakan di Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas Titah Diraja. Saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat kawasan Kuala Krau. Sila.

**3.28 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, lama saya tak dapat peluang berbahas cuti panjang duduk di atas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *handsome*, kakak bergaya senyuman sangat manis. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih daun keladi.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Akan tetapi masa tambahan tidak ada ya? *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dapat bahas sama terhadap Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat penggal pada kali ini. Saya ucap tahniah kepada Speaker dan Timbalan-timbalan Speaker yang penuh integriti dan saya yakin akan menjalankan tugas dengan penuh berkeamanan sebagaimana setiap pagi kita berdoa kepada Allah supaya kita dapat berbicara, bertukar-tukar fikiran dengan penuh bertanggungjawab, amanah dan juga berkeamanan.

Saya juga ucap terima kasih kepada bekas Speaker kita Yang Berhormat Tan Sri Pandikar Amin Mulia dan juga Yang Berbahagia Setiausaha Dewan yang telah dapat menjalankan tugas iaitu Yang Berbahagia Datuk Roosme, begitu baik sekali sehingga kekal lama di dalam Dewan ini dan saya percaya khidmat bakti beliau sangat diperlukan dalam Dewan. Oleh sebab itulah setelah ditukarkan naik pangkat ke tempat lain sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita dan Masyarakat tetapi dipanggil balik duduk dalam Dewan sebagai Setiausaha Dewan bagi mengendalikan Dewan. Saya percaya sikap penuh keamanan dan saya percaya sikap penuh keamanan Speaker

dan Setiausaha Dewan dapat menaikkan integriti dan juga nama baik Dewan Rakyat yang mulia ini.

■1530

Saya tak cukup masa yang panjang, cuma saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Langkawi yang sebelum menjadi Perdana Menteri ada video klip bergambar di tapak pembinaan ECRL di Kuantan, Pahang dan mengatakan bahawa inilah contoh kalau kita teruskan projek ini, akan menjual kedaulatan negara. Akan tetapi *Alhamdulillah* kerana bila duduk di kerusi Perdana Menteri, memikirkan hubungan baik antara Malaysia dan negara-negara lain terutama sekali negara China yang mempunyai perdagangan ekonomi yang cukup hebat di dalam dunia kita dan akhirnya, daripada bajet kos pembinaan RM55 bilion tersebut diteruskan walaupun ada peningkatan kos kepada RM70 bilion. Mungkin ada *hidden cost* yang akan dijelaskan oleh Menteri Kewangan, kenapa ada kenaikan kepada kos pembinaan tersebut.

Saya yakin bahawa dengan hubungan baik antara Kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan China akan dapat memulihkan semula hubungan baik dan juga perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara China. Kita haraplah apabila diteruskan, Kerajaan China yang dahulunya berjanji untuk membeli minyak kelapa sawit kita tanpa had akan meneruskan dasar pembelian tersebut. Saya percaya bila ini dapat dilaksanakan, masalah yang dihadapi oleh FELDA, peneroka FELDA sekarang ini minyak kelapa sawitnya begitu jatuh merudum dan ada yang hanya mendapat pendapatan RM400 ringgit sebulan.

Apabila diberikan atau dibuat pembayaran bil-bil, maka tidak ada langsung untuk kegunaan harian yang lain. Begitu juga dengan kenaikan harga komuniti getah, saya harap dapat juga dipulihkan. Bagi masyarakat luar bandar, getah dan kelapa sawit ini sangatlah bergantung harap penduduk-penduduk khususnya penduduk di dalam kawasan luar bandar. Dengan penerusan pembinaan ECRL ini, akan dapat memberikan 80 ribu peluang pekerjaan yang baru. Saya yakin hasrat kerajaan dahulu, 70 peratus adalah pekerja tempatan dapat diteruskan.

Begitu juga saya ingin bercakap mengenai negeri Pahang. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjaga hal ehwal ekonomi, ketika menjawab soalan di dalam Dewan yang Mulia ini akan tetap memberikan bantuan peruntukan kepada negeri, semua negeri di dalam negara kita sama ada sama ada negeri tersebut di bawah Kerajaan Pakatan Harapan ataupun kerajaan pembangkang,

akan diberikan secara adil dan saksama. Saya harap juga hutang bagi negeri Pahang ini, iaitu bagi bekalan air bersih untuk rakyat negeri Pahang bagi penstrukturan semula paip dapat dilupuskan di mana Kerajaan Negeri Pahang atau Pahang mempunyai 14 ribu kilometer paip bagi bekalan air bersih dan hutang tersebut adalah RM2.2 bilion agar dapat ini dilupuskan.

Kedua, kos penganjuran SUKMA kali yang ke-15 pada tahun 2012, sejumlah RM200 juta. Sepatutnya kos untuk memperbaiki vendor-vendor pertandingan dapat ditanggung oleh Kementerian Belia dan Sukan. Saya percaya Menteri Belia dan Sukan yang baharu yang suka dipanggil *bro* Saddiq dapat meneliti perkara ini, dapat melupuskan hutang bagi kemudahan sukan SUKMA. Bagi RM40 juta dipinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menangani bencana banjir yang melanda negeri Pahang yang begitu hebat pada tahun 2014 hingga tahun 2015, iaitu RM 40 juta. Saya harap ketiga-tiga hutang yang saya sebutkan tadi dapat difikirkan semula oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan bersesuaian dengan semangat Malaysia baharu dan kerjasama ini dapat diteruskan.

Seterusnya tentang beberapa kelulusan projek di dalam kawasan Parlimen Kuala Krau yang sebelum ini diluluskan oleh kerajaan terdahulu seperti mana pembinaan atau menaik taraf Hospital Jengka sejumlah RM10 juta, lepas itu untuk membina UTC RM10 juta, untuk menambah baik bekalan air RM35 juta dan juga untuk membina atau membuat pembinaan penyambungan jalan daripada Bandar Pusat Jengka ke Jengka 8 berjumlah RM400 juta bersama dengan jalan yang lain. Juga saya harap FELDA juga dapat meneruskan pembinaan Rumah Mesra Rakyat SPNB, FELDA sebanyak 666 lot dan Perumahan 1Felda sebanyak 719 unit iaitu di Jengka 19.

Akhirnya, saya ingin bercakap mengenai kedudukan Islam di dalam negara kita bersesuaian dengan perkara 3(1) iaitu Islam adalah agama persekutuan dan agama-agama yang lain bebas mengamalkan di dalam negara kita. Saya haraplah cubaan-cubaan atau dengan izin, *test market* untuk cuba menimbulkan keresahan di kalangan umat Islam di dalam negara kita seperti mana yang disebut di dalam beberapa *Facebook*. Saya sebut sini Balan Pillai nyatakan sejarah Islam, sejarah Nabi Muhammad, sejarah Ka'abah. Itu begitu dahsyat sekali mengatakan Islam itu ganas, Nabi Muhammad itu adalah pembuas hawa nafsu dan juga beberapa *Facebook* yang lain mengatakan Ka'abah itu kandang babi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Juga beberapa gambar lain yang banyak tersiar di dalam media baru, *Facebook*, *Instagram*,

*Twitter* dan sebagainya memperlekeh, menghina agama Islam. Begitu juga dengan kenyataan-kenyataan yang boleh menimbulkan ketegangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Krau. Adakah Yang Berhormat Kuala Krau sudah buat laporan kepada SKMM tentang...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya, saya sudah sebut dan kita akan membuat secara beramai-ramai. Saya percaya bahawa laporan polis ini juga telah dibuat oleh pihak yang tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tentang kenyataan-kenyataan mengenai sejarah-sejarah sama ada Melayu penduduk asal, Cina penduduk asal, India penduduk asal, jadi kenyataan-kenyataan ini perlulah kita redakan kerana kalau kita teruskan, masing-masing mendakwa kita adalah penduduk asal, orang Cina pendatang, orang India pendatang, bangsa-bangsa lain pendatang, ini tidak bersesuaian dengan semangat Rukun Negara kita. Akhirnya kalau negara kita subur, negara kita walau macam mana pun ada celik pandai memimpin negara, kalau tanpa perpaduan, tanpa keselamatan, akhirnya negara kita akan runtuh.

Saya percaya semua pihak dan saya berterima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat yang telah memohon maaf, saya baca dalam kenyataan yang terbaru memohon maaf terhadap sejarah yang ditimbulkan, kenyataan-kenyataan bahawa India adalah penduduk asal dan kaum Melayu adalah pendatang, saya sangat terbuka dengan kenyataan memohon maaf daripada Yang Berhormat Ipoh Barat iaitu Menteri Tenaga Manusia.

Saya menyambut baik supaya semua pihak seperti juga Yang Berhormat Batu Kawan, tidak ada dalam Dewan, dalam ucapan dia baru-baru ini, dia kata kenyataan wakil rakyat UMNO adalah kenyataan yang bangang. Jadi perkataan-perkataan yang biadab, kenyataan yang tidak bersesuaian - Yang Berhormat Batu Kawan duduk di situ, hendak menjadi Menteri agaknya. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Saya bersangka baik dengan Yang Berhormat Batu Kawan dan saya harap kenyataan-kenyataan yang kurang sopan tidak sesuai di bawah peraturan 36 yang terletak di dalam peraturan mesyuarat kita dapat kita penuhi, patuhi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, senyum cantik, menawan, *handsome*, kakak, bergaya. [*Dewan Ketawa*] Sekian, saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bahasa yang indah, tetapi masa tetap tamat. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Seterusnya dari negeri Pahang, kita kembali ke ibu kota. Saya jemput Yang Berhormat Bukit Bintang.

**3.39 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan menghormati Titah Diraja tersebut kerana keprihatinan Baginda atas pelbagai isu dan permasalahan negara terutama selepas negara Malaysia baharu di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan setelah memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 yang berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan dan sebahagian besar kerajaan-kerajaan negeri.

**■1540**

Saya dan rakyat seluruhnya meletakkan harapan yang tinggi semoga Malaysia akan menikmati kemakmuran dan keadilan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya. Marilah kita memberi kepercayaan dan sokongan agar Kerajaan Pakatan Harapan berjaya menyelesaikan pelbagai isu yang menghadapi negara selama ini, terutama isu-isu yang membelenggu negara di bawah pentadbiran kerajaan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh isu-isu lain, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan dan mengulangi apa jua seruan dan kesan dari rakan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu tentang isu besar yang sedang melanda negara. Memandangkan rakyat yang mengundi masih belum selesai memperkatakan isu iaitu walau di mana mereka berada iaitu tentang skandal 1MDB di bawah pemimpin mantan Perdana Menteri yang lalu.

Kerajaan setakat ini berjaya mendakwa mantan Perdana Menteri, Ahli Parlimen dari Pekan dalam kes SRC International yang ada kaitan dengan 1MDB. Akan tetapi bagaimana pula kedudukan kes ini menyeleweng di bawah 1MDB sendiri yang melibatkan ahli perniagaan, Jho Low? Siasatan SPRM sudah berjalan tetapi mengapa sehingga sekarang masih belum ada pendakwaan dijalankan ke atas mantan Perdana Menteri itu? Kes ini seolah-olah senyap selepas mahkamah mengeluarkan perintah larangan membangkitkan isu ini di khalayak ramai dan media. Apakah Peguam Negara telah lakukan setakat ini untuk mendakwa kes ini, termasuk juga kes wang tunai yang berjaya dijejaki dan dirampas oleh pasukan polis tempoh hari yang mana UMNO mengaku wang milik UMNO tanpa mengakui sumber dana tersebut diperolehi? Rakyat

akan hilang kepercayaan jika Kerajaan Pakatan Harapan gagal mendakwa mantan Perdana Menteri ke atas kes rasuah dan penyelewengan wang 1MDB ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan kes surat yang kononnya ditulis oleh Datuk Hasanah Abdul Hamid, Ketua Pengarah *Malaysia External Intelligence Organization* (MEIO) kepada Gina Haspel, Pengarah CIA Amerika Syarikat pada 4 Mei 2018 iaitu beberapa hari sebelum berlangsung Pilihan Raya Umum yang ke-14 yang ditulis bagi pihak mantan Perdana Menteri yang bertujuan memohon bantuan Presiden Donald Trump dan satu isu yang memalukan negara. Jika terbukti dakwaan tersebut, apakah tindakan kerajaan ke atas Ketua Pengarah MEIO ini dan kedudukan hubungan negara kita dengan Kerajaan Amerika Syarikat selepas Pilihan Raya Umum ke-14 ini? Saya mohon penjelasan kerajaan berhubung dua isu ini dan bagaimanakah langkah kerajaan untuk merungkai masalah yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula di bawah pimpinan mantan Menteri Wilayah Persekutuan banyak tanah kerajaan, terutama milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah ditukar milik, dijual secara murah kepada pemaju-pemaju yang tidak dibuat secara tender terbuka. Saya ada bangkitkan soalan ini pada Mesyuarat Dewan Rakyat yang lalu, namun jawapan yang diberikan tidak memuaskan.

Saya mohon Menteri Wilayah Persekutuan baharu memberikan penjelasan yang terperinci tentang kes penjualan tanah DBKL yang saya faham kini dalam siasatan SPRM sama ada terdapat kes untuk mendakwa atau dipulangkan begitu sahaja. Soalan saya, berapa kes tanah yang terus akan dibangunkan dan berapakah yang ditangguhkan, apakah sebabnya? Sebagai contoh tersebut di sini tanah Velodrom Basikal Jalan Yaakob Latif yang diambil oleh pemaju. Kini terbengkalai tanpa ada tanda-tanda usaha untuk membangunkannya. Sedangkan sewaktu tanah itu diambil ramai penjaja dan peniaga di medan selera di situ menjadi mangsa kerana terpaksa berpindah keluar dan tidak dapat diketahui nasib mereka sekarang akibat projek ini terbengkalai dan berkeadaan terkepung. Peniaga, para pekedai sekitar terjejas kerana kesukaran memasuki kawasan yang terkepung dan mengakibatkan pelanggan lari ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah merdeka selama 61 tahun, namun masih ramai penduduk yang masih belum mendapat kewarganegaraan Malaysia. Meskipun mereka telah menabur bakti dan berjasa kepada negara tetapi mereka tidak mendapat hak kerakyatan seperti rakyat yang lain, bebas berjalan, beraktiviti, boleh mengundi dan sebagainya. Ada yang sudah tua telah beberapa kali memohon kewarganegaraan tetapi

gagal. Ada yang sudah meninggal tanpa memperoleh taraf kewarganegaraan. Begitu juga kes permohonan warganegara bagi isteri asing yang berkahwin dengan warganegara kita. Malah, anak-anak mereka pun tidak memiliki sijil warganegara dan kad pengenalan untuk memudahkan mereka bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyelesaikan kelewatan kes memproses beberapa permohonan kad pengenalan kewarganegaraan dan mencari jalan untuk memudahkan prosedur kelulusan. Jika kes itu kes lama yang sudah beberapa kali dipohon, maka kerajaan hendaklah bertimbang rasa untuk memudahkan kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon di bawah pemimpin kerajaan baharu, selesaikan masalah kesesakan lalu lintas dalam bandar raya Kuala Lumpur. Memandangkan kerajaan lama telah gagal menyelesaikannya walaupun kita sudah melaksanakan sistem Rel Transit Ringan (MRT), namun belum lengkap bila sistem bas pengantaraan stesen tidak cukup untuk disediakan. Rakyat tidak ada pilihan kecuali terpaksa memandu kereta sendiri di dalam pusat bandar raya setiap hari. Selain itu, medan letak kereta tidak mencukupi dan terletak jauh dari stesen, ini turut menyumbangkan rakyat enggan menggunakan LRT.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila gulung.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Saya memahami kerajaan menyokong menggunakan *e-hailing* tetapi masih tidak kemas dan lengkap kerana pemandu kenderaan *e-hailing* tidak perlu didaftarkan sebagai pemandu seperti pemandu teksi yang lain. Kerajaan hendaklah mengubahkan peraturan untuk mengiktiraf mereka supaya bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan. Kini terdapat banyak kes dilaporkan mengenai pemandu *e-hailing* yang tidak bertanggungjawab berlaku.

Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya pada petang ini, saya menyokong. Terima kasih.

■1550

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Saya sekarang menjemput wakil dari negeri Sabah, Yang Berhormat Kimanis. Dipersilakan.

15.50 ptg.

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman [Kimanis]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah dan menjunjung

kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-15, Sultan Muhamad ke-V sewaktu Majlis Pembukaan Parlimen Ke-14 pada hari Selasa, 17 Julai 2018 yang lalu dan saya bersyukur kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Tuanku pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat serta syabas kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat kerana berjaya dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan saya kepada isu Perjanjian Malaysia 1963 atau MA63 dengan izin. Sebagaimana yang kita sedia maklum, khususnya bagi rakyat di negeri Sabah dan Sarawak bahawa pada masa ini isu mengenai Perjanjian Malaysia 1963 atau MA63 hangat diperkatakan dan sebagai wakil dari Sabah, negeri di bawah bayu, MA63 adalah dokumen dan dasar penting untuk orang Sabah dan Sarawak yang perlu dihormati dan dilaksanakan. Ini kerana MA63 merupakan satu perjanjian atau dengan izin *international treaty* yang didaftar dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan diiktiraf di bawah *Vienna Convention On The Law of Treaties 1969*.

MA63 sebagai satu perjanjian antarabangsa, tidak boleh dipinda atau diubahsuai tanpa persetujuan semua pihak penandatangannya yang termasuk kerajaan British dan Singapura dan harus dilaksanakan dengan sepenuh mengikut surat, niat dan semangatnya. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mendapat kepastian dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa di dalam Manifesto Pakatan Harapan yang dikatakan akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari, apakah langkah-langkah yang akan diambil dan bilakah status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama taraf dengan Malaya akan dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebelum ini telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet untuk membincang dan melaksanakan pembayaran peruntukan kewangan dan hasil seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan serta penurunan kuasa atau *devolution of powers* dengan izin dan autonomi kepada Sabah dan Sarawak. Untuk Sarawak, mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju 13 bidang kuasa yang dipersetujui diturunkan kepada negeri Sarawak.

Akan tetapi akibat penurunan Kerajaan Persekutuan selepas PRU 14, pembayaran peruntukan kewangan dan hasil tersebut serta penurunan kuasa tidak boleh dilaksanakan lagi. Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan,

Sabah berhak menerima pemberian khas atau *special grant* dan hasil kewangan tambahan seperti berikut:

- i) 40 peratus hasil bersih yang diperolehi oleh Persekutuan di bawah Artikel 112(c) dan Item 2(b) Bahagian 4 Jadual Kesepuluh.
- ii) duti import dan eksais ke atas produk petroleum yang diimport ke Sabah di bawah Artikel 112(c) dan Item 1 Bahagian 5 Jadual Kesepuluh.
- iii) 10 peratus duti eksport ke atas minyak dan gas dari Sabah sebagai pengganti bayaran royalti sehingga 10 peratus nilai *ad valorem* dan memandangkan royalti tidak pernah dibenarkan dikutip oleh kerajaan Sabah, maka 10 peratus duti eksport tersebut harus dibayar kepada kerajaan Sabah di bawah Artikel 112(c) Item 3 Bahagian 5 Jadual Kesepuluh.

Memandangkan bahawa peruntukan kewangan tersebut adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan bilakah Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan pembayaran peruntukan-peruntukan kewangan tersebut iaitu 40 peratus hasil bersih yang diperolehi dari Sabah, import dan eksais duti ke atas produk petroleum dan 10 peratus duti eksport ke atas minyak dan gas mengganti royalti.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Sabah juga telah menerima cukai jualan di bawah sistem cukai SST, dulu di bawah Artikel 95(b)(3) Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan sistem GST telah mengganti SST pada 1 April 2015, sehingga ianya dimansuhkan pada 1 Jun 2018, segala kutipan GST yang dipungut di Sabah harus dikembalikan kepada kerajaan Sabah. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan, bilakah Kerajaan Persekutuan akan membayar balik segala kutipan GST yang dipungut di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini timbul kekeliruan mengenai pembayaran royalti minyak kepada negeri-negeri pengeluar minyak akibat penukaran cara pengiraan royalti tersebut. Dalam Manifesto Pakatan Harapan untuk menarik pengundi pada PRU 14, Pakatan Harapan telah berjanji menaikkan royalti minyak dari 5 peratus royalti kepada 20 peratus royalti. Ianya tidak dinyatakan 20 peratus royalti tersebut adalah berdasarkan keuntungan dan adalah jelas bahawa janji manifesto melibatkan kenaikan daripada 5 peratus kepada 20 peratus. Pada awal sidang Parlimen ini, Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dan lain telah mengesahkan bahawa 20 peratus royalti tersebut adalah berdasarkan royalti yang kebiasaannya definisi adalah berdasarkan jumlah pengeluaran kasar.

Akan tetapi semasa menjawab soalan tambahan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengubah cara pengiraan 20 peratus royalti tersebut kepada berasaskan keuntungan. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat daripada negeri-negeri pengeluar minyak. Asas pengiraan 20 peratus royalti mengikut keuntungan telah diselesaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam jawapannya dalam Dewan mulia dan ini ditambah bahawa bayaran royalti berasaskan pengeluaran kasar akan memberi kesan negatif kepada Petronas dan negara.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi menambah lagi bahawa pembayaran berdasarkan 20 peratus keuntungan perlu masa lagi untuk dilaksanakan sebab pembayaran 20 peratus keuntungan tersebut memerlukan pindaan *Petroleum Development Act 1974*. Sambil memutuskan pembayaran 20 peratus royalti minyak, saya juga ingin meminta Kerajaan Pakatan Harapan untuk menyemak, meneliti dan mengkaji kesahihan *Petroleum Development Act 1974*.

Perintah penyerahan ataupun *vesting order* yang ditandatangani oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada 27 Mac 1975 telah menyerahkan hak minyak dan gas di Malaysia termasuk Sabah kepada Petronas dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengambil balik hak milik dan gas Sabah dan Sarawak kepada kerajaan Sabah dan Sarawak masing-masing kepada rakyat mereka. Akta Pelantar Benua 1966 atau Akta Perlombongan Petroleum 1966 tidak boleh dikuatkuasakan di perairan Sabah dan Sarawak. Sempadan perairan wilayah telah ditentukan oleh *market of purchase* melalui perintah dalam majlis ataupun *order in council* sejak tahun 1954.

Selanjutnya Akta Wilayah Laut 2012 yang digubal untuk menggantikan Akta Pelantar Benua, Akta Perlombongan Petroleum 1966 dan Ordinan Nombor 7 1999 tidak seharusnya dikuatkuasakan berkenaan perairan Sabah dan Sarawak kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan ini kerana akta tersebut telah menukar sempadan Sabah yang telah termaktub dalam Fasa 1(3) Perlembagaan Persekutuan. Apa-apa penukaran sempadan Sabah perlu diterima pakai oleh Dewan Undangan Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini terhadap kejatuhan harga komoditi kelapa sawit dan getah yang telah menjejaskan

kehidupan rakyat jelata juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau. Akibat kejatuhan ini, ramai warga tani terkesan. Dari anggaran yang sudah diterima, industri kelapa sawit melibatkan sekurang-kurangnya 800 ribu pekebun kecil dan bagi industri getah pula melibatkan 600 ribu penoreh getah di seluruh negara. Saya juga bersetuju dengan apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Keningau dalam ucapan perbahasan beliau pada minggu lepas dan bersetuju supaya janji-janji itu tidak menjadi janji terang bulan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah memberi mandat kepada Pakatan Harapan untuk mentadbir negara. Untuk itu, jalankan amanah yang diberi demi kesejahteraan rakyat dan negara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

■1600

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Kimanis yang tepat pada masanya. Seterusnya kita kekal di Sabah, saya jemput Yang Berhormat kawasan Sandakan.

**4.00 ptg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kini sememangnya saya sedar dan faham bahawa kerajaan baharu ini memikulkan tanggungjawab yang berat dan harapan rakyat adalah amat tinggi kepada kita. Segala kegagalan kerajaan yang lalu kini kita kena betulkan. Segala masalah-masalah dari segi dasar kerajaan kita harus memperbaiki supaya harapan rakyat dapat menjelma dan perubahan dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain saya bersuara di sini sebagai *backbenchers* Ahli Parlimen Kerajaan, saya juga menyuarakan sebagai Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat negeri Sabah. Sudah saya memegang jawatan ini selama dua bulan lebih dan saya mendapati banyak masalah-masalah yang amat memerlukan perhatian daripada rakan saya Menteri Kesihatan Malaysia dan juga Kerajaan Persekutuan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Memandangkan kuasa kesihatan adalah lalu di bawah senarai kuasa Persekutuan, selama ini Kerajaan Negeri Sabah tidak mewujudkan portfolio yang tertentu untuk menjaga hal ehwal kesihatan. Namun, masalah berkenaan hospital, klinik kesihatan dan sebagainya di Sabah semakin serius dan menimbulkan perasaan tidak puas hati dari rakyat Sabah. Kita rasa ada keperluan dengan segera supaya wujudkan kementerian tertentu untuk jaga kesihatan di Sabah dan saya yakin dengan pentadbiran yang baik Pakatan Harapan, kita dapat lakukan apa yang betul demi kebaikan Sabah.

Selama ini oleh kerana kerajaan negeri tidak ada memainkan peranan dalam penentuan dari segi pembahagian sumber dan kewangan di Sabah, banyak hospital yang kini mengalami masalah kritikal gagal mendapat peruntukan, manakala peruntukan dibahagi ke tempat yang kurang kritikal. Ini tidak harus berlaku dan kuasa pembahagian kewangan ini harus diturunkan kepada kerajaan negeri bagi memastikan tempat yang amat memerlukan peruntukan itu boleh diberi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan bahawa dalam Manifesto Pakatan Harapan, kita telah janji bahawa Kerajaan Sabah dan Sarawak akan diberi hak membuat keputusan, *decision right*, dalam hal ehwal pendidikan dan kesihatan. Ia di bawah peruntukan manifesto janji ke-44. Ini juga selaras dengan komitmen Pakatan Harapan bagi menghormati semangat Perjanjian Malaysia 1963 serta prinsip sistem persekutuan.

Oleh yang demikian, saya rasa kita perlu segerakan proses menurunkan kuasa daripada tiga aspek yang mana hak membuat keputusan itu diberi kepada kementerian saya di peringkat kerajaan negeri iaitu keputusan menentukan pembangunan, keputusan melantik kontraktor menyelenggarakan di hospital dan klinik, dan melantik *supervision committee* di hospital. Semua ini harus dirujuk kepada kerajaan negeri bagi melaksanakan penurunan kuasa seperti tertakluk dalam manifesto kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari masalah infrastruktur secara amnya, perkhidmatan kesihatan awam di Sabah adalah tidak setaraf dengan apa yang ada di Semenanjung Malaysia. Dari segi nisbah doktor berbanding populasi, di Sabah adalah satu doktor kerajaan kepada 1,144 penduduk, manakala nisbah doktor pergigian kerajaan kepada penduduk adalah satu doktor pergigian untuk 12,700 penduduk. Nisbah ini masih jauh berbanding keperluan iaitu satu doktor untuk setiap 400 penduduk dan satu doktor perkiraan untuk setiap 1,500 penduduk.

Ertinya, kita perlu tambah lebih ramai doktor dan doktor gigi di Sabah supaya memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan awam di Sabah tidak di-*compromise*-kan.

Bagi bakal doktor, *situation* ini lebih lagi serius dan kita harap ini adalah harus diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kebaikan dengan penurunan kuasa adalah kita dapat mengurangkan *red tape* dalam institusi kerajaan. Semenjak kita ambil alih kerajaan dua bulan yang lalu, kita mendapati bahawa *red tape* di semua lapisan kerajaan adalah amat serius dan ia menyebabkan *efficiency* adalah amat serius. Ia menyebabkan *efficiency* atau keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan dan perkhidmatan kepada orang awam adalah amat rendah dan teruk. Kita harus meneliti masalah ini dengan serius. Jika tidak, kita akan menghadapi kegagalan mendapatkan keyakinan orang ramai.

Salah satu contoh ialah pagi tadi saya menerima aduan dari pemilik sebuah kilang proses untuk produk makanan laut beku, *frozen seafood product*, baru-baru ini bahawa apabila mereka memohon *Certification of Accreditation Administration* dari negara China, mereka diperlukan mendaftar dan memohon dari Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di dalam Persekutuan bagi kelulusan mereka mengeksportkan makanan laut itu kepada China. Selepas menulis surat permohonan kepada bahagian tersebut ke peringkat daerah dan persekutuan, tetapi satu tarikh harus ditentu untuk meninjau kilang proses permohonan yang perlu mesti mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi ini mengambil masa. Selepas meninjau keputusan pemeriksaan itu daripada pegawai dari Sabah, jadi pegawai di Sabah pun tidak ada kuasa meneruskan satu pemeriksaan atau kajian daripada mereka. Kita mahu tulis juga menghantar balik di persekutuan untuk memberi keputusan.

Jadi, ini saya tidak faham. Ambil dua bulan langkah-langkah dia untuk ambil satu permohonan. Jadi kepada rakyat Sabah, mereka tidak faham mengapa satu keputusan untuk menghantarkan tarikh untuk meninjau kajian itu pun satu kelulusan daripada persekutuan. Ini tidak masuk akal. Jadi di sini kita harap menyelesaikan masalah ini. Kerajaan Persekutuan harus menurunkan kuasa khas membuat keputusan kepada kerajaan negeri supaya pentadbiran kita lebih efisien dan berkesan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin sentuh ialah pengangkutan di Sabah sini sebab kita di Sabah selama ini kita yang ketinggalan berbanding di Semenanjung sebab industri Sabah tidak membangun dengan pesat. Antara satu faktor ialah kita tidak ada mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang baik, kos pengangkutan yang tinggi, kekurangan infrastruktur pengangkutan seperti kereta api, jalan raya yang

semua ini kita tidak boleh seimbang dengan Semenanjung di sini. Jadi di sini saya mahu minta Kementerian Pengangkutan mengambil perhatian bagaimana boleh membantu kita supaya Sabah boleh mengejar, supaya kita boleh bersama-sama ada satu keadaan yang lebih baik kepada kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya di sini mahu bangkit isu ini di Sandakan yang janji sudah ada menaik taraf panjangkan kita punya *airport*. Kita harap ini dipanjangkan. Kita harap ini boleh dibuat satu keputusan dengan segera memulakan kerja ini. Lagi juga, kita harap boleh diambil perhatian oleh Menteri ini membangun *Sandakan Airport* sebagai *international hub*, *international airport* bahawa kita boleh membangkit, membangunkan ekonomi.

#### ■1610

Jadi walaupun dia sekarang, industri pelancongan ini di Sabah *is very popular*, *is very boosting*, tetapi di Sandakan sebab kita tidak ada, kekurangan sebagai punya *infrastructure*. Jadi kita tidak dapat apa-apa yang sepatutnya kita mahu nikmati hasil ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dan juga saya mengucapkan tahniah kepada semua Yang Berhormat yang telah menang di Pilihan Raya Umum ke-14 yang baru-baru ini. Jadi saya minta menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sekarang dijemput Yang Berhormat Dungun. 10 minit.

#### 4.11 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Allah menyebutkan di dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Sesungguhnya sebaik-baik orang yang diberi tugas ialah mereka yang kuat dan jujur*".

Tuan Yang di-Pertua, mengambil maklum daripada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang kepentingan untuk menjaga kedaulatan negara, maka saya ingin untuk bertanya tentang isu Batu Puteh, pulau yang telah menjadi hak Singapura setelah keputusan yang dikeluarkan oleh ICJ pada tahun 2008. Kerajaan

perlu memberikan penjelasan yang nyata dan tegas terhadap penarikan semakan kehakiman yang telah digerakkan oleh Peguam Negara pada tahun lalu.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga untuk bangkitkan isu berkait dengan pekerja asing kerana isu ini adalah melibatkan lambakan pekerja asing yang hadir sama ada dengan izin atau tanpa izin di negara kita, yang telah mengundang malapetaka kepada rakyat. Mereka telah mengambil peluang yang sepatutnya diisi oleh warga tempatan dan rakyat tempatan. Akan tetapi dilihat apabila tidak ada satu mekanisme pengawalan yang khusus daripada pihak kerajaan terhadap kemasukan pekerja asing di negara kita. Dianggarkan sebanyak 6.7 juta lebih pekerja asing yang berdaftar dan 2.1 juta lebih daripadanya yang tidak berdaftar. Mereka telah mengisi sebanyak 17 peratus daripada jumlah buruh di negara kita. Peratus ini yang berdaftar, yang belum dimasukkan yang tidak berdaftar. Berkemungkinan kalau di campur daripada 17 peratus yang berdaftar itu, mungkin mencapai angka 30 peratus atau 30 peratus lebih. Berapa banyak peluang pekerjaan yang sepatutnya rakyat warganegara Malaysia dapat tetapi telah tidak dapat diisi kerana kemasukan lambakan pekerja asing.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan pendatang tanpa izin iaitu isu pendatang asing tanpa izin yang kita lihat dalam negara kita sekarang ini dari segi apa yang dilaporkan oleh akhbar *Kosmo* keluaran 31 Mac 2018, yang pernah membuat satu liputan tentang mudahnya pendatang asing ini masuk dengan izin sebagai pelancong, kemudian terus menetap di negara kita tanpa izin. Ini adalah satu bukti yang menunjukkan bahawa sistem pengawalan sempadan yang kita ada ini di tahap yang tidak memuaskan. Walaupun begitu, saya yakin dan percaya, jabatan dan agensi yang telah ditugaskan ini telah berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Oleh itu, bagi menyahut seruan Yang di-Pertuan Agong supaya kesejahteraan rakyat Baginda, bukan rakyat negara lain, saya ingin mencadangkan agar pengawalan sempadan Malaysia diperketat dan dikemaskinikan sistem di semua jabatan dan agensi keselamatan negara yang melibatkan sempadan. Ini kerana kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara kita ini, walaupun sebabnya adalah permintaan yang tinggi oleh pengusaha-pengusaha kilang dan juga kontraktor-kontraktor perkhidmatan dan pembinaan kerana kos buruh yang lebih murah apabila dibandingkan dengan buruh tempatan. Walaupun begitu, kita mesti melihat kepada perkara pelaksanaan pengawalan supaya ia benar-benar berkesan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) berkaitan dengan hukuman pengambilan pekerja asing untuk dilihat

benar-benar berkesan dalam menghalang pengambilan pekerja-pekerja asing yang tidak diperlukan di Malaysia ini.

Seterusnya, saya ingin untuk mengambil maklum supaya dilihat kepada prosedur temu duga kemasukan iaitu melibatkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Maktab Tentera Diraja kerana satu surat telah dihantar pada 23 Jun 2018 yang lalu kepada Exco Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Terengganu oleh seorang mahasiswa berkenaan dengan prosedur temu duga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Maktab Tentera Diraja. Surat itu meluahkan rasa tidak puas hati apabila dikatakan temu duga yang dijalankan ini sungguh mengaibkan dan bertentangan dengan budaya masyarakat timur, Asia, masyarakat Melayu dan Islam serta juga bangsa-bangsa lain di negara kita. Di antara prosedur yang dijalankan adalah berbogel beramai-ramai dan juga berbogel itu di hadapan staf perubatan wanita dan disuruh melakukan beberapa aktiviti seperti *pumping*, melompat-lompat dan juga yang tidak sepatutnya disebut di sini.

Tambahan lagi, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) juga terpaksa melalui proses yang sama. Kadangkala kemaluan mereka juga disentuh oleh staf-staf perempuan tersebut. Kita mempunyai kira-kira 5,000 graduan perubatan setiap tahun yang dikeluarkan oleh universiti yang dinyatakan oleh akhbar *Berita Harian* bertarikh 5 September 2017. Soalan saya, adakah sudah tidak ada lagi staf perubatan lelaki bagi mengendalikan prosedur-prosedur temu duga ini? Walaupun begitu, saya pohon dari maklumat yang dimaklumkan dari luahan surat ini supaya diambil perjalanan untuk dilihat dan kalau perlu kepada pembaikpulihan yang sangat mustahak bagi menghormati masyarakat timur, masyarakat Asia dan juga termasuk dari kalangan bangsa kita sendiri sama ada Cina, India, Melayu dan apatah lagi ia melibatkan orang-orang Islam.

Seterusnya, yang akhir yang juga saya pohon supaya melihat kepada isu tempatan di Dungun. Pertama, dalam peluang yang saya ada ini saya hendak ucapkan tahniah kepada atlet berbasikal kelahiran Dungun, anak jati Dungun, Azizulhasni Awang yang telah berjaya sekali lagi mengharumkan nama negara di persada dunia dengan merangkul emas dalam Piala Trek China 2018 pada 27 Julai 2018 yang lalu. [*Dewan tepuk*] Kejayaan yang sangat banyak yang telah dicapai oleh Azizulhasni Awang dalam acara yang melaluinya, kita dapati pada tahun 2009 di Poland, mendapat pingat perak, tahun 2010 di Denmark iaitu juga pingat perak, tahun 2015 gangsa, tahun 2016 di Rio Olimpik, Brazil pingat gangsa, tahun 2017 emas dan tahun 2018 di China juga emas. Persoalan saya ialah apakah ada apa-apa sumbangan daripada kerajaan untuk anak

muda yang sangat hebat dan cemerlang yang telah mengharumkan nama negara ini? Juga kalau boleh, diadakan satu skim untuk atlet-atlet kita yang ada potensi untuk menaikkan nama negara supaya kita boleh membantu mereka apabila sampai kepada tahap mereka boleh menjadikan nama negara kita ini masyhur dengan sebab usaha yang telah mereka ambil.

■1620

Yang kedua, saya juga ingin untuk mengambil maklum bahawa yang penting untuk kita faham daripada apa yang ada di Dungun ialah perkara yang melibatkan muara Sungai Dungun yang sangat cetek. Banyak permohonan yang telah dipohon melalui Rancangan Malaysia, yang terakhir yang kesepuluh dan yang kesebelas dimasukkan juga iaitu bagaimana melibatkan apabila musim tengkujuh, muara sungai menjadi cetek, pendaratan ikan tidak dapat dilakukan menyebabkan kos harga ikan yang juga mahal di Dungun dan yang lebih dahsyat ialah kehilangan nyawa para nelayan kita dan juga membantut kemajuan pelancongan bagi kehadiran pelancong.

Saya harap semua yang dibangkitkan ini akan dapat diambil perhatian oleh pihak kerajaan kerana dalam kita menuju arus pembangunan, walaupun kita menggerakkan pembangunan seperti mana kita membawa sebuah kenderaan, kita melihat cermin yang besar. Akan tetapi jangan juga lupa kepada cermin-cermin sisi yang kecil dan juga cermin tengah yang kecil, kenderaan untuk kita melihat apa-apa isu yang berbangkit supaya kita dapat selesaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Padang Serai.

**4.21 ptg.**

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Salam sejahtera, salam harapan baru, rakyat hidup senang tanpa GST. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut membahaskan Titah Diraja sempena pembukaan Parlimen yang ke-14. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk turut mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Parlimen yang di sebelah sini dan juga di sebelah sana, atas kemenangan dalam pilihan raya yang lepas. Tahniah dan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan menyentuh beberapa perkara agar pembangunan negara, bangsa dan agama di negara yang kita cinta ini dapat dijunjung dan dipelihara demi kebaikan masyarakat majmuk. Dalam menghayati ucapan Titah Agong, saya menerima baik beberapa perkara yang telah disampaikan oleh Yang di-

Pertuan Agong melalui Titah Diraja sebagai teladan atau nasihat demi kebaikan negara yang kita cinta ini. Masalah yang kita hadapi sekarang sangatlah tertumpu pada hutang negara hingga menyebabkan kebimbangan menerajui Pakatan Harapan untuk memerintah negara tanpa gangguan dan halangan. Saya menyeru agar semua pihak termasuk pemerintah dan juga pembangkang untuk bergandung bahu membantu dan bekerjasama mencari jalan menyelesaikan secara holistik, dengan izin agar negara kembali kukuh berbanding dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sedar bahawa negara kita adalah salah satu negara yang aman dan damai berbanding negara-negara jiran setelah selesai pilihan raya. Ini adalah kerana pengorbanan dan komitmen pihak keselamatan iaitu pasukan tentera, polis, RELA dan semua agensi yang terlibat dalam keselamatan dalam negeri.

Namun demikian, kebajikan serta kemudahan seperti pencen tidak terurus dan banyak membawa masalah demi mengharungi liku-liku kehidupan. Saya ingin bertanya apakah perancangan dan usaha kerajaan untuk membantu anggota pasukan keselamatan terutama pasukan tentera yang telah berhenti kerja di bawah 18 tahun, 15 tahun, 12 tahun atau 10 tahun atau tidak tergolong dalam kategori berpencen.

Bagi orang-orang yang lama yang berpencen, jurangnya jauh berbeza dengan pencen baru. Oleh yang demikian, kerajaan perlu membuat satu kajian supaya jurang perbezaan itu diatasi bagi mereka yang makin lama makin tua dan mempunyai pelbagai penyakit dalam keadaan rumah kata pergilah, kubur kata marilah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai ekonomi negeri Kedah. Seperti mana yang kita memahami, setiap negeri mempunyai masalah kewangan mereka sendiri. Akan tetapi sumber perjalanan mereka wujud dan beroperasi sehingga dapat membantu meringankan beban hutang serta kos pentadbiran setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, negeri Kedah adalah negeri pertanian di mana tanaman padi mencerminkan sumber pendapatan dan perangsangan ekonomi negeri secara keseluruhannya. Kita tidak mempunyai sumber minyak atau sumber-sumber lain untuk mendapatkan hasil. Justeru saya mencadangkan agar Kerajaan Pakatan Harapan yang memerintah negara sekarang dapat menumpukan perhatian kepada negeri Kedah agar mencari satu rumusan atau jalan menyelesaikan agar perancangan dan pelaksanaan yang mampan dapat

melaksanakan pendapatan negeri serta meningkatkan pendapatan rakyat demi masa depan rakyat negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin mencadangkan bahawa tanah-tanah luas yang masih terbiar menjadikan pusat penternakan dan tanaman komersial agar sektor pertanian dapat ditingkatkan. Saya juga menyarankan agar kawasan Parlimen Padang Serai dinaikkan taraf kawasan perindustrian seperti Kulim Hi-Tech Park. Kawasan yang terbiar dapat menjadikan pusat-pusat perkilangan dan perindustrian berteknologi tinggi di samping menangani masalah pengangguran yang dilihat semakin meningkat yang menyebabkan migrasi belia tempatan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Parlimen Padang Serai telah dipimpin oleh pihak pembangkang selama 10 tahun tetapi selepas Pakatan Harapan mengambil alih banyak pembangunan daripada aspek infrastruktur telah dinaikkan taraf dan masih lagi memerlukan pembangunan yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, Klinik Kesihatan Padang Serai perlu dibesarkan bagi menampung kepadatan penduduk yakni telah mencecah lebih kurang 20,000 orang sedangkan klinik kesihatan yang wujud hanya dapat menampung 5,000 orang sahaja. Kelengkapan dan peralatan juga harus dipertingkatkan demi menjaga kesihatan rakyat Padang Serai. Saya mohon agar Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kerja Raya dapat mengutamakan pembangunan Parlimen Padang Serai demi menjaga dan menjamin kerusi Parlimen Padang Serai dapat dikekalkan oleh Pakatan Harapan selama-lamanya. Pada nada yang sama, saya juga menyeru Kementerian Kesihatan agar dapat meneliti kembali pembangunan Hospital Kulim di mana hospital ini menyediakan perkhidmatan kepada dua kawasan Parlimen iaitu Kulim-Bandar Baharu dan Padang Serai.

Memandangkan perkembangan masyarakat sekeliling kian meningkat, kemampuan serta kemudahan yang sedia ada tidak mencukupi sehingga katil-katil di hospital ini ditempatkan di luar kaki pelawat hingga ke tandas kerana tidak mempunyai ruang yang secukupnya. Saya difahamkan bahawa pihak pembangkang pernah mengutarakan cadangan memperluaskan hospital ini beberapa kali. Akan tetapi masih belum mempunyai satu keputusan yang konkrit. Dalam aspek pembangunan infrastruktur, saya pohon agar kementerian dapat memperjelaskan kedudukan cadangan membesarkan hospital dengan peralatan-peralatan yang canggih bagi rakyat negeri Kedah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Kerja Raya berhubung dengan jalan raya dari Padang Serai ke Kulim di mana jalan tersebut harus dilebarkan dan lampu-lampu jalan dinaik taraf dan ditambah dengan lampu jalan yang lebih, kerana jalan tersebut adalah salah satu jalan raya utama yang menghubungkan kedua-dua Parlimen. Kedudukan semasa jalan raya tersebut dilihat amat sempit dan juga tidak terang yang banyak membawa maut terutama Jalan Kulim Hi- Tech Park ke Mutiara atas masalah yang sama perlu memasang beberapa lampu isyarat dan juga beberapa simpang.

■1630

Saya ingin beralih kepada Kementerian Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar Menteri Pendidikan haruslah melihat keadaan sekolah-sekolah Tamil terutamanya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang BMR. Sekolah ini terlihat uzur dan ketinggalan zaman. Hal ini memandangkan bangunan tersebut telah pun dibina pada tahun 1935 yang masih lagi wujud dan mengguna pakai untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang BMR yang mana sekolah ini terletak di sebelah dengan Kulim Hi-Tech. Adalah penting untuk kementerian meneliti kembali pembangunan sekolah-sekolah Tamil terutamanya sekolah Tamil di Padang Serai. Saya mohon agar Menteri dapat menjelaskan kedudukan pembangunan dan perancangan pembangunan sekolah-sekolah Tamil di negeri Kedah khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan adalah isu untuk mewujudkan balai bomba di Parlimen Padang Serai. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, jika berlaku sebarang kebakaran di pekan Padang Serai, pihak bomba dari Kulim terpaksa bergegas ke Padang Serai di mana perjalanan sejauh lebih kurang 30 kilometer. Hal ini mengambil masa yang terlalu lama kerana kesesakan dan kesempitan jalan raya menuju ke Padang Serai agak rumit sehingga menyebabkan kelewatan. Saya mohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberikan keutamaan dalam membina balai bomba demi jiwa dan harta masyarakat Padang Serai terjamin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa telah cukup Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Okey, masa saya tidak cukup. Ada banyak perkara lagi. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih dan setuju dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Samarahan.

**4.32 ptg.**

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pelantikan Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan semua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini. Semoga kita terus komited membawa isu-isu dan masalah rakyat ke Dewan yang mulia ini dan mengetepikan sengketa dan fahaman politik yang berbeza agar dapat terus memacu negara Malaysia baharu dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut seiring berganding dengan rakan-rakan saya daripada Gabungan Parti Sarawak (GPS) menyuarakan hasrat rakyat Sarawak untuk mengembalikan hak-hak di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Hampir lebih 55 tahun hak-hak yang termeterai tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Sejak kepimpinan Allahyarham Tok Nan lagi, Sarawak telah konsisten berjuang menuntut hak-hak Sarawak seperti yang termaktub di dalam MA63 ini. Usaha ini masih diteruskan sehingga kini oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Datuk Patinggi Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Tuntutan kita *specific* menumpukan hak-hak Sarawak seperti yang termaktub di dalam MA63 dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC).

Tuan Yang di-Pertua, usaha bagi mengembalikan hak Sarawak ini telah dimulakan sejak di bawah Kerajaan Barisan Nasional lagi pada Fasa 1. Jawatankuasa Khas Pemandu Pelaksana Sabah dan Sarawak telah ditubuhkan pada Jun 2016 dan disusuli dengan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Penurunan Kuasa Antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak. Sebanyak 13 perkara, kuasa-kuasa pentadbiran yang dipersetujui sebelum ini berjaya dilaksanakan dalam Fasa 1. Besar harapan kita rakyat Sarawak dengan dasar pentadbiran Kerajaan Malaysia baharu ini, usaha seterusnya Fasa 2, autonomi dari segi perundangan diteruskan untuk memulangkan hak Sarawak seiring dengan pendekatan Pakatan Harapan seperti yang termaktub di dalam Teras 4 iaitu mengembalikan status Sabah dan Sarawak dalam

Perjanjian Malaysia 1963 dalam manifesto Pakatan Harapan pada pilihan raya yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang kita hendak tekankan berkaitan dengan eksploitasi hasil minyak Sarawak yang terus membelenggu rakyat negeri ini meskipun Ordinan Perlombongan Minyak (OMO) 1958 telah diperkenalkan sejak sekian lama dan ia tidak pernah dimansuhkan sama sekali. Sarawak secara umumnya tidak pernah bersetuju dengan Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974 yang diluluskan dalam Parlimen ini. Sudah pasti Sarawak memegang utuh OMO58 yang memberikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk mengurus selia hasil minyak dan sumber gas dari Sarawak.

Saya juga ingin tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa PDA74 tidak pernah sama sekali menggantikan OMO58 di negeri Sarawak. Hal ini sekali gus menjadikan perihal tuntutan untuk meningkatkan royalti minyak sejak sekian lama tergantung sepi. Umum maklum, ketika ini kadar yang diterima hanyalah lima peratus berbanding tuntutan kita iaitu 20 peratus daripada hasil pengeluaran minyak. Kami rakyat Sarawak bertekad dan tidak berganjak mengenai tuntutan 20 peratus daripada hasil pengeluaran ini. Pada masa yang sama, Kerajaan Sarawak telah menguatkuasakan Ordinan Perlombongan Minyak (OMO) 1958.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rakyat Sarawak tahu, rakyat Sarawak amat menyedari peruntukan berjumlah RM33,656,000,000 royalti yang diberikan sejak tahun 1975 hingga tahun 2007 adalah amat kecil sekali daripada perolehan yang diperoleh oleh PETRONAS. Bagi tahun 2017 sahaja, Sarawak telah menjadi penyumbang gas yang terbesar bagi PETRONAS. Berdasarkan buletin Jabatan Statistik Malaysia tahun 2018, Sarawak mengeluarkan RM27 bilion metrik tan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan Yang Berhormat Kota Samarahan. Minta...

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Mohon ya? Tidak cukup masa. Gas yang jumlah keseluruhannya bernilai RM41.1 bilion. Pada tahun 2017 juga, pengeluaran minyak adalah 5,553,000 metrik tan dengan nilai pasaran RM9.4 bilion. Jumlah ini amat besar bagi negeri Sarawak dan kita merasakan Kerajaan Persekutuan perlu melihat perkara ini agar mekanisme penambahan royalti ini terus diperhalusi dengan kadar segera supaya tidak mengelirukan dengan kenyataan-kenyataan bercanggah dan sekali gus hasil bumi Sarawak yang secara terbuka dikongsi bersama dengan Kerajaan Persekutuan pada suatu masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak sentuh adalah berkaitan dengan pemberian geran khas di bawah Artikel 112D, yang merujuk kepada Bahagian IV, Perlembagaan Persekutuan. Setakat ini, Sarawak hanya menerima RM16 juta setahun sejak tahun 1973. Jumlah ini walaupun sudah 45 tahun tidak pernah disemak semula sehingga ke hari ini. Di manakah keadilan, di manakah kesamarataan Sarawak sebagai *co-partner* dalam penubuhan Malaysia?

Untuk rekod, perbelanjaan operasi dan pembangunan negeri Sarawak meningkat dari RM199 juta pada tahun 1974, kini meningkat RM4 bilion pada tahun 2008. Mengikut data terbaru menunjukkan Sarawak memerlukan sejumlah RM153.6 bilion menjelang tahun 2020 untuk menampung semua pembangunan di dalam negeri Sarawak yang meliputi pembinaan jalan dan jambatan, pembinaan sumber manusia dan pendidikan, bekalan air, bidang pertanian, pembangunan industri, bekalan elektrik, pengangkutan dan logistik, kemudahan perubatan, perumahan, pembangunan ekonomi digital dan terakhir sekali pembangunan pelancongan.

#### ■1640

Angka-angka ini membuktikan tuntutan kami bukanlah tuntutan bersifat semberono tetapi mempunyai asas yang kukuh dan permintaan yang relevan berdasarkan situasi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit isu kawasan di Parlimen Kota Samarahan. Tuan Yang di-Pertua, amatlah mengecewakan rakyat dan juga rakan-rakan seperjuangan yang lain apabila projek-projek pembangunan yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu kini ada yang dibatalkan, ditangguhkan dan ada yang tidak tahu statusnya. Kami berjuang membawa suara rakyat, masalah rakyat ke Dewan yang mulia ini dengan harapan rakyat terbela dan manfaat pembangunan diteruskan di kawasan kami. Mengambil contoh Projek Bekalan Air Luar Bandar, projek elektrik luar bandar kawasan Asajaya Samarahan dan kawasan Semarang yang belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Malahan projek khas melalui peruntukan khas Kerajaan Persekutuan merangkumi pembaikan masjid, surau, pembesaran Jalan Dato Musa dan cadangan mewujudkan *second link* turut tergendala.

Lebih mengecewakan kita projek tebatan banjir dan hakisan sungai yang merupakan projek penting bagi mengelakkan kemusnahan harta benda awam dan rakyat turut tergendala dan tertangguh seperti projek pembinaan benteng, hakisan Kampung Temirat, Taman Perumahan Uni Garden dan tebatan banjir kawasan Stakan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyuarakan suara rakyat Samarahan dan

Kuching berkaitan dengan status projek perkhidmatan bas henti-henti bandar raya Kuching yang juga melibatkan Kota Samarahan yang mana tujuan utamanya adalah untuk memfokuskan kepada mengelak kesesakan jalan raya di kedua-dua kawasan ini. Kita mohon jawapan daripada Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Tuan Yang di-Pertua, rasanya banyak lagi tetapi memandangkan masa tidak ada saya mohon menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Sekarang dijemput kawasan Yang Berhormat Beruas.

#### **4.42 ptg.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya pembangunan yang lebih seimbang diagihkan di antara negeri-negeri di Malaysia. Sejak merdeka kita nampak pembangunan yang lebih pesat di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Pada 70 tahun yang lepas, bandar Kuala Lumpur hanyalah sebesar bandar Ipoh tetapi 70 tahun kemudian kita nampak bandar raya Kuala Lumpur hari ini mungkin sudah hampir 10 kali ganda bandar Ipoh, Petaling Jaya sahaja pun sudah jauh lebih besar daripada bandar Ipoh.

Ini adalah kerana Kerajaan Persekutuan telah menumpukan kebanyakan pembangunan di Kuala Lumpur dan juga di Selangor dan saya berharap polisi kerajaan akan bertukar supaya adanya pengagihan pembangunan yang lebih seimbang di antara negeri. Sama ada kita ukur dari segi *median household income* ataupun *mean household income*. Pendapatan purata keluarga adalah tertinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Contohnya, mengikut statistik 2016 *median monthly household income* di Kuala Lumpur adalah RM9,073 di Selangor adalah RM7,225 tetapi di Perak ia hanyalah RM4,006. Pendapatan di Kuala Lumpur adalah lebih kurang 2.3 kali dan di Selangor adalah 1.8 kali lebih tinggi daripada pendapatan di negeri Perak.

Begitu juga kalau kita menggunakan statistik *mean household income*, orang Kuala Lumpur mendapat RM11,692 dan untuk orang Selangor RM9,463, sementara untuk orang Perak ia hanyalah RM5,065. Lebih kurang di Kuala Lumpur 2.3 kali ganda dan di Selangor 1.7 kali ganda lebih banyak daripada keluarga di negeri Perak. Saya

memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan tiga prasarana berikut di negeri Perak yang akan memangkin atau menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat di negeri Perak.

Pertama, pembinaan lapangan terbang antarabangsa di negeri Perak. Pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Perak tidak akan menjejaskan lapangan terbang antarabangsa yang lain seperti Pulau Pinang atau KLIA. Penumpang-penumpang yang mendarat di Pulau Pinang sudah melebihi 7.23 juta pada tahun lepas 2017 dan di KLIA sudah pun mencapai jumlah penumpang sebanyak 58.5 juta untuk tahun 2017. Kedua-dua Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan KLIA sedang merancang untuk memperbesarkan lapangan terbang mereka. Pulau Pinang sudah mencapai kapasiti penuhnya dan KLIA dijangka mencapai kapasiti penuhnya tidak lama lagi kerana pertumbuhan pesat penumpang yang menggunakan penerbangan di kawasan Asia Pasifik yang dijangka bertambah 2.1 bilion penumpang dalam dua dekad akan datang.

Kalau Kerajaan Persekutuan boleh memberi dana untuk pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Perak ia adalah terbaik tetapi kalau tidak, Perak hanya perlukan kelulusan untuk pembinaan lapangan terbang antarabangsa dan kita ada pihak swasta yang sudi membina lapangan terbang antarabangsa di negeri Perak. Dua cadangan telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak sebelum ini iaitu Utara Malaysia Airport Terminal (UMAT) di Bagan Serai dan satu lagi rancangan di tempatkan di kawasan Seri Iskandar negeri Perak. Jadi kita hanya mohon diluluskan sahaja, kalau diluluskan kita akan rancang untuk pembinaan lapangan terbang antarabangsa.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Beruas, minta laluan sekejap, lapangan terbang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Oh! Tidak sempat, ada masa...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** 30 saat. Terima kasih Yang Berhormat Beruas dan saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Beruas berbanding di antara di kedua-dua projek ini Utara Malaysia Airport Terminal dan juga cadangan untuk lapangan terbang antarabangsa yang baharu di Seri Iskandar sama ada projek ataupun cadangan Utara Malaysia Airport Terminal adalah lebih baik dari segi lokasi dan juga *cost implication* nya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh bagi saya sedikit masa, untuk pengetahuan semua sebenarnya UMAT ini sudah ada pihak swasta yang sudi membangunkannya. Pihak Sime Darby sudah menyediakan tanah dan pihak AirAsia,

saya pernah bersemuka dengan Tan Sri Tony Fernandes dan beliau mengatakan kalau diluluskan beliau sudi membina lapangan terbang tersebut.

Jadi untuk kawasan Seri Iskandar memang baru-baru ini MRCB cadangkan tetapi kita tidak setuju kalau dia hendak 10 ribu hektar tanah. Kita tidak perlu 10 ribu hektar tanah untuk projek tersebut, mungkin dua ribu hektar tanah pun sudah memadai atau mencukupi. Prasarana kedua yang hendak saya mohon daripada Kerajaan Persekutuan ialah naik taraf pelabuhan di daerah Manjong yang boleh mengendalikan perkhidmatan kargo kontena. Di daerah Manjong sekarang ada dua pelabuhan antarabangsa satu dipanggil Lumut Maritime Terminal di Kampung Acheh dan satu lagi pelabuhan swasta kepunyaan Syarikat Vale di Teluk Rubiah.

Kedua-dua pelabuhan antarabangsa ini sekarang hanya digunakan untuk muatan pukal atau *bulk* kargo sahaja. Saya mohon kepada kerajaan supaya mengkaji dan menaikkan taraf mana-mana antara pelabuhan kepunyaan kedua-dua syarikat ini supaya ia boleh mengendalikan perkhidmatan kontena.

#### ■1650

Jika pelabuhan ini boleh mengendalikan eksport-import melalui kontena, ia akan menggalakkan kilang-kilang dibina di negeri Perak dan juga ia akan menjana aktiviti ekonomi yang pesat di negeri Perak.

Ketiga, saya mohon jalinan landasan rel daripada pelabuhan-pelabuhan tersebut ke kawasan industri di Daerah Kinta dan juga disambungkan kepada landasan kereta api dan rel di Ipoh atau di Tapah. Jalinan landasan rel ini akan memudahkan barang-barang keluaran negeri Perak terutamanya di kawasan industri Daerah Kinta dapat dieksport dengan lebih menjimatkan kos pengangkutan. Ini kerana landasan ini hanyalah lebih kurang 70 kilometer, sementara pada masa kini kalau dari Ipoh hendak memuatkan muatan ke Pelabuhan Pulau Pinang, ia adalah lebih kurang 125 kilometer dan ke Pelabuhan Klang adalah 225 kilometer. Jadi, saya mohon ketiga-tiga projek ini dapat dilaksanakan.

Perkara kedua, saya mohon kepada kerajaan supaya berhenti melucutkan kerakyatan kanak-kanak apabila mencapai umur 12 tahun semasa membuat kad pengenalan yang didapati mereka dianakangkatkan semasa kelahiran dengan dimasukkan nama ibu dan bapa angkat dalam sijil kelahiran. Kita biasa kata dalam undang-undang jenayah, *benefit of the doubt is given to a suspect*. Dalam kes ini, kanak-kanak ini dihukum seumur hidup tanpa diberi *the benefit of the doubt* bahawa mereka adalah warganegara. Ini kerana kerajaan sekarang ini mohon kanak-kanak ini yang tidak

pernah nampak ibu dia untuk membuktikan emaknya adalah seorang warganegara Malaysia atau pemastautin tetap di Malaysia. Jadi, saya mohon jangan lucutkan atau berhentikan tindakan ini.

Ketiga, saya mohon nama kawasan Sitiawan dipulihkan kerana entah kenapa Kerajaan Barisan Nasional mungkin tidak suka Sitiawan ini, tidak pernah kalah dalam pilihan raya, telah menukarkan nama Sitiawan kepada Astaka. Nama Sitiawan adalah 150 tahun punya sejarah tetapi Astaka tidak ada makna kepada orang tempatan. Mohon dipulihkan.

Saya tidak ada masa. Satu lagi isu. Baru-baru ini Menteri Kerajaan Tempatan melawat Manjung. Saya habiskan. Didapati untuk tahun 2018, hanya RM200,000 untuk Daerah Manjung untuk sebuah gelanggang futsal di Seri Manjung. RM200,000 itu pun, projek itu pun belum dimulakan dan ini amat tidak adil kepada Daerah Manjung. Saya mohon kepada kerajaan supaya berlaku adil kepada Daerah Manjung, sekurang-kurangnya bagi RM5 juta setahun untuk kawasan Manjung yang mempunyai penduduk lebih kurang 300,000 orang. Saya mohon dua projek segera mesti dijalankan iaitu gelanggang bola keranjang di Kampung Cina yang mesti dibina semula dan juga gelanggang bola keranjang di Changkat Keruing yang memang sudah usang dan tidak boleh digunakan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Banyak isu lagi tetapi kerana kesuntukan masa, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beaufort.

**4.54 ptg.**

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur dapat bersama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, mengimbas semula pengalaman beberapa tahun yang lalu, saya teringat kata-kata Dr. Goebelles yang merupakan menteri propaganda pada zaman *Hitler* iaitu, dengan izin "*Tell a lie a 100 times and it becomes the truth*". Dalam bahasa Melayunya, "berbohonglah 100 kali dan ia akan menjadi kebenaran." Ini terbukti

dengan kejayaan beliau mencuci fikiran dan minda rakyat di negara Jerman dengan propaganda Nazi. Terlalu banyak kata-kata nista, fitnah serta berita-berita sensasi dan spekulasi yang telah dilemparkan dan diulang-ulang, terutamanya melalui media sosial. Malah di Dewan yang mulia ini juga, tuduhan dilemparkan menyebabkan ramai yang percaya tanpa usul periksa dan menghukum sebelum terbukti. Ramai yang percaya dan membuat pilihan berasaskan auta dan janji palsu yang tidak perlu ditepati.

Sememangnya, Tuan Yang di-Pertua, dosa itu ditanggung oleh yang melakukannya. Namun, selaras dengan Titah Tuanku, adalah cantik dan serasi dengan budaya orang-orang Malaysia supaya semua yang berkata-kata dan membuat kenyataan mengamalkan adab budaya menghormati, tidak melemparkan tuduhan sesuka hati dan membuat janji yang tidak terniat untuk ditepati. Seperti lirik lagu yang dinyanyikan oleh Allahyarhamah Saloma, *“Apa guna berjanji kalau tak ditepati, kelak meracun hati, tuan sendiri menggigit jari”*. Mungkin kah ini suatu budaya baharu? Mungkin kah budaya bangsa, tatasusila akan dibuang dan hilang, hanya tinggal dalam lipatan sejarah negara Malaysia yang tercinta ini?

Para pemimpin negara, termasuk Yang Amat Berhormat Langkawi, meminta kita supaya jangan lupa kepada sejarah kerana sejarah mengingatkan kita tentang kesilapan dan juga kekuatan terdahulu. Justeru, saya mencadangkan supaya Parlimen melihat semula penggunaan kata-kata kesat yang sewenang-wenangnya diperkatakan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini terhadap Ahli-ahli yang lain dan pemimpin negara yang boleh menjadi teladan rakyat di luar sana untuk menulis kata-kata yang kesat juga tanpa segan silu terhadap orang lain khususnya di media sosial. Saya mencadangkan peraturan mesyuarat berkenaan perlulah dilihat semula agar tatasusila Parlimen negara ini dihormati dan dipatuhi oleh Ahli-ahli Parlimen generasi sekarang dan juga generasi akan datang agar sejarah negara ini yang akan dibaca oleh generasi kita yang akan datang nanti akan cantik dan membanggakan kita semua, walaupun pada masa itu mungkin kita sudah tidak ada lagi di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan yang dahulu dan yang sekarang ini untuk meneruskan projek-projek dan program untuk rakyat dalam negara ini, termasuklah di negeri Sabah dan juga Sarawak. Saya selaku salah seorang wakil daripada negeri Sabah mengalu-alukan dan menjunjung kasih Titah Tuanku yang menyatakan kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek bagi memastikan semua rakyat dalam negara ini dapat menikmati manfaat pembangunan termasuk Sabah dan Sarawak. Ini selaras dengan dasar kerajaan agar kehidupan rakyat

dipertingkatkan dan kekayaan negara dikongsi secara adil dan saksama. Namun, saya merasa amat kecewa dan sedih apabila mendengar khabar bahawa banyak projek yang telah diluluskan sebelum ini yang bertujuan untuk membantu rakyat kita di seluruh negara ini, termasuklah di Sabah dan di kawasan saya sendiri, telah pun dibatalkan dan tidak akan diteruskan. Bayangkan betapa hampanya, betapa kecewanya rakyat kita yang masih memerlukan ini semua, tiba-tiba dimaklumkan bahawa apa yang telah diberitahu kepada mereka dan diluluskan sebelum ini untuk kebaikan mereka dibatalkan oleh kerajaan yang ada sekarang ini.

Sehubungan itu, saya meminta supaya projek-projek dan program yang memberikan manfaat kepada rakyat, diperlukan oleh rakyat, sama ada yang sudah dimulakan mahupun yang telah diluluskan dan dalam proses untuk dilaksanakan hendaklah diteruskan agar rakyat Malaysia di Sabah, khususnya di kawasan luar bandar, dapat terus menikmati pembangunan yang mereka perlukan. Projek-projek untuk menambah baik bekalan air di Parlimen Beaufort, sebagai contoh, hendaklah diteruskan, disegerakan pelaksanaannya. Begitu juga projek *sanitary landfill* untuk Daerah Beaufort hendaklah disegerakan oleh kerajaan. Projek jambatan Labuan ke Menumbok, Lebu Raya Pan Borneo, jajaran Papar ke Sipitang melalui Daerah Beaufort dan juga projek-projek menaik taraf jalan-jalan daripada Sangkabuk-Tanjung Aru di Daerah Kuala Penyu mestilah diteruskan kerana ini adalah keperluan rakyat kita. Janganlah pula rakyat kita ini menjadi mangsa kerana adanya perubahan kerajaan di peringkat Pusat dan negeri.

Untuk makluman juga, penduduk yang terlibat dalam tiga daerah iaitu Papar, Beaufort dan Sipitang yang melalui jajaran Pan Borneo ini, selain daripada mereka yang datang daripada negeri Sarawak, adalah melebihi 200,000 orang.

#### ■1700

Mereka ini memerlukan supaya jalan ini yang sentiasa sibuk saban hari dapat dinaiktarafkan dengan segera. Selain itu projek-projek kecil yang telah diluluskan dan diturunkan peruntukannya, seperti pembinaan masjid di Pekan Menumbok dan juga sekolah-sekolah agama hendaklah segera dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kesihatan amat penting dalam kehidupan seharian rakyat kita, bak kata pepatah "*health is wealth*" dengan izin. Secara tidak langsung, kesihatan rakyat berkait rapat dengan kesihatan mereka. Penyakit tidak mengira penduduk bandar ataupun luar bandar. Saya bersyukur kerana di kawasan

saya, Parlimen Beaufort sudah terdapat dua buah hospital bagi menjaga kesihatan rakyat.

Saya juga berterima kasih kerana Hospital Beaufort akan menjadi, dijadikan hospital pakar yang akan dapat menyumbangkan pelbagai perkhidmatan kepada rakyat di seluruh Daerah Beaufort dan daerah-daerah yang berdekatan dengannya.

Sehubungan dengan itu, saya memohon agar kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan meneruskan cadangan untuk menjadikan Hospital Beaufort sebagai sebuah hospital pakar yang *major* dan mengekalkan pusat fisioterapi yang telah banyak membantu rakyat yang memerlukan di seluruh negeri Sabah. Untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan di peringkat kampung, saya juga turut menggesa agar cadangan menaik taraf klinik rakyat di Kampung Limbawang, Beaufort kepada klinik kesihatan dilaksanakan dengan segera.

Di dalam kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah kerana mewujudkan sebuah Kementerian Kesihatan untuk negeri Sabah. Bak kata orang Sabah, "*kita-kita juga bah ini*". Jadi saya menyokonglah saranan tadi supaya peruntukan diturunkan kepada kementerian di peringkat negeri Sabah, supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Saya juga ingin menyentuh tentang janji. Janji yang ada menyatakan bahawa kerajaan akan memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah. Terdapat 45.4 peratus wanita tidak berada di dalam pasaran buruh dalam negara kita Malaysia ini. Jumlah wanita pada ketika ini, pada hujung tahun 2017 ialah 15.5 juta orang. Adakah, pertanyaan saya pihak kerajaan sudah membuat kajian berapa ramai suri rumah di Malaysia yang dicadangkan menerima caruman KWSP ini? Bagaimana pula dengan suri rumah yang suaminya bekerja, tetapi tidak mencarum KWSP? Begitu juga dengan suami-suami yang bekerja sendiri. Tentunya tidak ada caruman KWSP.

Begitu juga dengan ibu tunggal, adakah ibu tunggal menerima skim caruman KWSP ini dan sudah kah pihak kerajaan membuat perkiraan perbelanjaan yang akan ditanggung oleh kerajaan bagi penerima skim caruman KWSP yang dicadangkan. Adakah ketiga-tiga mekanisme yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 18 Julai 2018 di Dewan yang mulia ini, dapat memastikan kesemua suri rumah dapat menerima skim caruman seperti yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan.

Saya juga ingin menyentuh tentang berkaitan dengan adanya ekonomi yang berasaskan digital di luar bandar. Ini kerana dapat meningkatkan potensi ekonomi di luar

bandar melalui perkhidmatan internet berkelajuan tinggi. Rakyat dapat melakukan transaksi urusan perniagaan mereka secara talian dan ini juga dapat membantu memastikan supaya orang-orang muda daripada luar bandar tidak perlu berhijrah ke dalam bandar, ini kerana mereka boleh mendapat pendapatan melalui secara talian.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyarankan supaya kerajaan khususnya Kementerian Komunikasi dan Multimedia meneruskan projek dan program untuk membangunkan infrastruktur komunikasi dan kemudahan jalur lebar di Sabah dan Sarawak, seperti yang telah diluluskan di dalam Bajet 2018 dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion. Saya yakin bahawa ini dapat membantu lagi ekonomi di luar bandar, termasuklah dalam kawasan saya sendiri di Daerah Beaufort.

Maka apa yang telah dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini dan kementerian sebelum ini dapat dilaksanakan bagi memastikan usaha yang baik ini akan mencapai kejayaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya.

#### **5.04 ptg.**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam reformasi. Saya menjunjung kasih atas Titah Ucapan Diraja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh beberapa perkara kritikal yang membebani kita sebagai rakyat Malaysia.

Saya minta izin berkongsi satu *quotation* daripada mendiang Nelson Mandela, *“reform programme helps redress the injustices the fosters national reconciliation and stability. It underpins economic growth and improves household welfare and food security and to deny people of their human rights is to challenge their very humanity”*. Suara dan penyertaan rakyat adalah ciri asas demokrasi dan rakyat Malaysia. Pada 9 Mei 2018, rakyat telah bersuara dengan kuat dan jelas. Mereka telah mencipta sejarah dan hendak perubahan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu-isu kos sara hidup memang telah banyak dibincangkan. Di kawasan saya, di Petaling Jaya perbezaan yang ketara di antara golongan miskin dan kaya, boleh dilihat dengan jelas sekali. Golongan miskin bandar tinggal di sebuah persekitaran yang keterpinggiran daripada masyarakat

dan mereka kekurangan akses yang adil dan sama rata kepada pendidikan, pekerjaan, baik kemudahan kesihatan dan lain-lain.

Infrastruktur yang sedia ada tidak sampai ke tempat yang diperlukan. Ini adalah legasi daripada kerajaan terdahulu. Cadangan, apabila kerajaan mengkaji isu kemiskinan dan nasib rakyat yang terpinggir daripada hasil pertumbuhan ekonomi, gunakan lensa sistemik dan merumuskan mengikut keperluan rakyat yang terpinggir. 'A' *needs based approach* dan bukan sekadar menawarkan *stock get measure* bagi menampal kecacatan dalam polisi yang lama. Terlibat juga CSO, parti politik dan Ahli Parlimen dalam rancangan Malaysia *mid-term review* sebelum berbahas di Parlimen.

Peruntukan pendidikan dalam bajet, walaupun dipersetujui oleh Parlimen, akan tetapi peruntukan ini tidak sampai kepada sekolah-sekolah, terutamanya sekolah-sekolah yang kritikal. Bajet 2018 telah memperuntukkan RM61.6 bilion kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Akan tetapi kesan peruntukan ini tidak sampai ke tahap tempatan. Namun begitu, PPD Petaling Utama hanya menerima lebih kurang RM157 ribu untuk perbaikan sekolah-sekolah di Taman Medan pada tahun ini. Akan tetapi anggaran untuk memperbaiki sebuah sekolah sahaja seperti SMK Taman Petaling memerlukan RM1.2 juta untuk kerja-kerja pembaikan bumbung dan elektrik.

Isu-isu yang timbul di kawasan Petaling Jaya bukanlah sesuatu yang unik, akan tetapi merupakan sesuatu yang mungkin dihadapi di seluruh Malaysia. Inilah hasil daripada kekurangan pada dasar-dasar dan mekanisme memantau bagaimana peruntukan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sumbangan daripada kaum wanita kepada ekonomi negara kita ingin diiktirafkan. Cadangan daripada saya ialah mengkaji semula rang undang-undang yang diskriminasikan wanita supaya lebih menggalakkan sumbangan kaum wanita kepada ekonomi negara lantas meningkatkan autonomi dan kebebasan mereka. Memperjuangkan akta kesaksamaan gender dan mengadakan *Parliament Select Committee* kesaksamaan gender. Mengukuhkan *machinery* dalam Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya pegawai-pegawai lebih peka gender dan menjadi advokat bukan hanya sekretariat untuk *mainstream* hak-hak wanita kepada semua kementerian.

Apa yang diperlukan, saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meningkatkan integriti tadbir urus demokratik dan prinsip kedaulatan undang-undang. Penahanan saya di bawah SOSMA dan lebih daripada 1,600 orang individu yang lain di bawah SOSMA, POTA dan POCA membuktikan bagaimana undang-undang dan

institusi-institusi seperti polis dan pihak berkuasa disalahgunakan untuk melindungi kuasa politik tertentu.

Mengikut laporan SUHARAM, kebanyakan daripada tahanan di bawah SOSMA, POTA dan POCA mengakui bahawa mereka telah diseksa secara fizikal oleh polis semata-mata untuk mendapatkan satu pengakuan. Ini termasuk kes-kes di mana tahanan ditendang, dibelasah dengan batang buluh dan getah paip dan terpaksa melakukan *master bastion* dan juga kerajaan telah mengakui bahawa terdapat 159 orang tahanan bawah umur di bawah POCA dan SOSMA.

#### ■1710

Cadangannya, mansuhkan SOSMA, POTA dan POCA dengan segera. Mengkaji semula semua akta berkenaan supaya mengendalikan isu-isu jenayah keras dan *terrorism*. Membina *Select Committee* untuk mereformasikan undang-undang yang zalim dan menjejaskan hak asasi manusia dan wanita. Menubuhkan IPCMC sebagai sebuah badan bebas dan mempunyai kuasa yang memantau pergerakan dan salah laku anggota polis. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menekankan bahawa satu reformasi institusi perlu dijalankan terhadap sistem pilihan raya kita.

Cadangannya ialah menerima pakai cadangan daripada Bersih 2.0 dan juga cadangan daripada Parlimen *Select Committee* mereformasikan pilihan raya pada tahun 2011. Mengkaji semula pelbagai aspek sistem sedia dan membina SPR bebas, adil dan bersih. SPR terus mesti lapor kepada Parlimen menggantikan sistem *first-past-the-post* dengan sistem seperti *proportional representation* atau *mixed-member proportional representation*. Ini juga termasuk kembalikan pilihan raya tempatan atau *local council elections*.

Undang-undang berkenaan dengan *political financing* juga harus diketatkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 Julai kata bahawa kerajaan akan membentangkan undang-undang baharu mengenai pembiayaan politik di Parlimen untuk membendung rasuah dan melobi. Ini adalah inisiatif yang perlu disokong. Mengadakan sebuah Akta Kebebasan Informasi (*Freedom of Information Act*) bagi mengukuhkan agenda reformasi demokratik dan juga pilihan raya yang adil. Juga, kita hendak mereformasikan Parlimen dan saya akan tambah tentang cadangan yang dibagi oleh Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tambahan, menerima pakai memorandum tentang *political financing* daripada CSO termasuk Bersih 2.0. Menginstitusikan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas supaya institusi Parlimen dapat menyelia eksekutif termasuk setiap kementerian.

Mengadakan proses dalam *Select Committee* untuk penyertaan NGO dan orang awam. Bagi menggiatkan lagi perbincangan mengenai isu-isu nasional penerbitan kertas hijau untuk menggalakkan perbincangan sebelum bahas dalam Dewan Rakyat. Penerbitan kertas putih juga harus dilakukan untuk dasar-dasar kerajaan yang besar.

Selain itu, reformasi Parlimen yang saya cadangkan termasuk penetapan sekurang-kurangnya 100 hari minimum untuk persidangan Parlimen dalam setahun dan mengadakan peruntukan yang sama rata kepada semua Ahli Parlimen.

Saya akan merumuskan dengan beberapa soalan tentang dasar-dasar luar negara kita. Pagi ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan negara sentuh tentang perhubungan Malaysia dengan Saudi Arabia.

Saya ada beberapa soalan. Apakah penglibatan Malaysia dengan Saudi dan sejak bila perhubungan ini? Apakah peruntukan operasi dan adakah ini memenuhi kepentingan negara kita? Adakah lebih baik kita fokus kepada *region* kita yang terdekat dan saya juga memahami kerajaan lama yang akan menubuhkan *King Salman Centre for International Peace*. Apakah status projek ini? Saya harap kementerian boleh menjawab soalan-soalan saya.

Dengan ini, saya mewakili rakyat P.105 Petaling Jaya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Petaling Jaya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian.

#### **5.14ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Hutang kerajaan dijadikan isu besar sejak Pakatan Harapan berkuasa hinggalah angka dan data yang mengelirukan disebut dan mengakibatkan pasaran saham bertindak balas secara negatif. Bukankah Kementerian Kewangan dalam bajet-bajet yang terdahulu telah memperuntukkan sejumlah yang tertentu setiap tahun untuk membayar hutang?

2016 misalnya, 10 peratus daripada bajet diguna untuk bayaran khidmat hutang. 11.1 peratus tahun 2017 dan 11 peratus tahun 2018. Nisbah hutang pada KDNK untuk tahun 2016 ialah 52.7 peratus atau RM648.48 bilion daripada RM1.22 trilion KDNK.

Nisbah hutang pada KDNK untuk tahun 2017 turun kepada 50.8 peratus atau RM686.83 bilion daripada RM1.352 trilion KDNK.

Adakah bayaran khidmat hutang sekitar 11 peratus itu suatu yang serius dalam sesebuah ekonomi? Adakah nisbah hutang sekitar 50 peratus daripada KDNK itu boleh menjadikan negara ini bankrap? Sebutkan senarai negara yang hutangnya sekitar 40, 50 dan 60 peratus daripada KDNK dan nyatakan negara mana yang sudah muflis. Oleh itu, menuduh segalanya tidak boleh diteruskan dan menjadikan hutang kerajaan sebagai alasan adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan bermotif politik yang tidak baik.

Memanglah hutang patut dikurangkan namun seperti kita berhutang dengan bank untuk membeli rumah tempoh untuk membayar bukan dalam masa setahun dua, namun ia adalah untuk 20 atau 25 tahun. Begitu jugalah tentang hutang kerajaan. Sementara itu, 97 peratus daripada hutang kerajaan adalah bersumber daripada dana dalam negara dengan tidak terlibat dengan kesan turun naik ringgit. Bank Dunia juga mengakui bahawa hakikat ini dan merumuskan bahawa hutang Malaysia adalah terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, ada pendapat yang meminta agar madrasah tahfiz ditutup. Saya kira ia adalah pendapat yang tidak wajar. Sepatutnya ia wajar dibuat ialah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) wajar diteruskan. Melahirkan 125,000 huffaz wajar diteruskan. Memberi kemahiran hidup dengan tertentu melalui GIATMARA pada anak-anak tahfiz wajar diteruskan. Menubuhkan universiti al-Quran sebagai lanjutan kepada pengajian al-Quran atau lepasan madrasah tahfiz wajar diteruskan. Bantuan tahunan pada Nasyrul Quran, pusat percetakan al-Quran kedua terbesar di Putrajaya wajar diteruskan. Saya pohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri atas lima perkara yang saya utarakan ini.

Perumahan adalah suatu yang penting untuk rakyat. Saya ingin mengesyorkan agar KPKT berhubung dengan Pejabat Daerah Pontian tentang sebuah tanah kosong dan memulakan usaha untuk membina Projek Perumahan Rakyat (PPR) kawasan Parlimen Pontian. Kepada Kementerian Pendidikan adalah dipohon agar sebuah kolej komuniti dibina di kawasan Benut, Pontian begitu juga sebuah sekolah agama berasrama penuh di Benut. Permohonan rasmi telah dibuat sebelum ini lagi.

Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah mengumumkan akan menaik taraf dan membesarkan Hospital Pontian. Saya dengan ini memohon bagi pihak rakyat agar ia diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Keperluan untuk membesarkan hospital

ini adalah berdasarkan kepentingan awam dan tidaklah wajar dilihat dari sudut kepentingan politik namun ia perlu dilihat dari sudut kesejahteraan hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya persoalan pada kementerian-kementerian yang berkaitan. Pertama, saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan senarai projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang telah diumumkan tetapi dibatalkan atau ditangguhkan. Apakah kebaikan dan keburukan perkara ini? Berapa kehilangan peluang pekerjaan akibat tindakan ini? Kedua, saya mohon Kementerian Kewangan nyatakan dengan terperinci kerugian yang ditanggung oleh semua syarikat GLC, KWSP, PNB, Syarikat Milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) akibat daripada kejatuhan indeks Bursa Malaysia sejak 9 Mei 2018? Apakah kaedah kerajaan untuk memastikan kerugian itu dapat diatasi?

Ketiga, saya mohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan berapa kos ECRL yang telah diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional? Berapa kos yang diumumkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan? Mengapa ada perbezaan? Adakah berlaku urus niaga dalaman *insider trading* yang menyalahi undang-undang dalam pembelian saham syarikat T7 Global? Keempat, saya mohon Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah FDI yang keluar dari Malaysia sejak 9 Mei 2018? Mengapa ia berlaku? Apakah langkah-langkah untuk menarik semula pelaburan asing yang keluar itu? Berapakah FDI untuk tahun-tahun 2010 hingga 2017?

Kelima, saya mohon Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan berapakah jumlah usahawan bumiputera yang telah dilahirkan mengikut pecahan setiap kementerian sejak penubuhan bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera di setiap kementerian? Adakah bahagian itu akan dibubarkan dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan? Jika ya, mengapa? Keenam, pembangunan luar bandar adalah suatu yang perlu sentiasa diberi perhatian utama. Berapakah peruntukan pada Sabah dan Sarawak untuk KKLW dalam Bajet 2018 dan adakah ia akan dipotong atau diteruskan? Berapakah untuk Parlimen Pontian bagi KKLW dan sebutkan senarai projek-projek yang berkaitan dalam Bajet 2018 dan kedudukan projek-projek luar bandar di Pontian itu pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekitar 600,000 ke 800,000 pekebun kecil sawit dan getah serta peneroka FELDA bergantung pada harga sawit dan getah yang baik untuk menyara kehidupan. Saya ingin bertanya apakah usaha-usaha untuk mencari pasaran

sawit dan getah ke lain-lain negara dapat dilakukan dalam masa sebulan dua ini untuk memastikan harganya stabil?

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kekurangan hasil pendapatan kerajaan sekarang tiada kena-mengena dengan rakyat yang tiada kena-mengena dengan kerajaan terdahulu. Namun, ia adalah keputusan yang silap yang dilakukan oleh kerajaan sekarang. Contohnya apabila tiada kutipan GST dan tiada kutipan SST selama tiga bulan bermula 1 Jun hingga 1 September 2018.

■1720

Kerajaan Pakatan Harapan kehilangan hasil sebanyak RM11 bilion. Ini kerana kutipan GST setahun berjumlah RM44 bilion dibahagi 12 bulan. Bermakna RM3.666 bilion dan didarab tiga bulan semasa *tax holiday* atau tiada kutipan cukai, maka kehilangan hasil berjumlah RM11 bilion. Kerajaan Pakatan Harapan boleh sifarkan GST pada 1 Ogos atau 1 September dan terus berubah kepada SST pada tarikh yang sama pada 1 Ogos atau 1 September agar tiada sebarang kehilangan hasil. Apa yang menjadi masalahnya ialah akibat kehilangan hasil itu, mereka menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional pula. Ini yang tidak adil, tidak baik dan tidak profesional.

Apabila disebut hasil GST RM44 bilion dan hasil SST cuma RM21 bilion, Menteri Kewangan menyebut bahawa rakyat mempunyai RM23 bilion wang untuk berbelanja. Saya kira kenyataan itu kurang tepat kerana perbezaan kutipan SST dan GST itu juga disebabkan sistem SST yang banyak ketirisan dan penipuan cukai. Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) menyebut SST akan mengembalikan trend lama pelarian cukai dan meningkatkan aktiviti pasaran gelap atau istilahnya *the black economy*.

Sementara itu, umum mengetahui bahawa rakyat yang berpendapatan tinggi membayar GST yang lebih kerana mereka lebih berbelanja dibanding dengan mereka berpendapatan rendah yang membeli barang keperluan harian yang majoritinya adalah *zero rated* atau sifar GST sejak dimulakan dahulu. Dengan lain perkataan, angka RM23 bilion itu lebih menguntungkan mereka yang berada.

Satu lagi dasar Kerajaan Pakatan Harapan yang...

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Menguntungkan mereka yang lebih kaya ialah subsidi minyak petrol secara pukal untuk RON95. Mereka yang kaya memiliki kenderaan yang lebih kapasiti dan lebih bilangan kenderaan...

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat Pontian, minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dibandingkan dengan mereka yang miskin hanya memiliki motosikal atau kereta kecil. Oleh itu, mereka yang kaya menerima lebih subsidi minyak dibanding mereka yang miskin. Sepatutnya mereka yang susah diberi lebih subsidi. Ini satu lagi kepincangan dasar Kerajaan Pakatan Harapan...

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita jumpa di luar.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat, cuma hendak tanya sahaja. Ada pandangan tentang GST sama dengan dulu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kerajaan Barisan Nasional dahulunya menyedari kesilapan dan telah menghentikan subsidi tersasar ini dan digantikan dengan subsidi bersasar. Antara contoh subsidi bersasar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kluang.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Iaitu GST dilaksanakan, harga barang akan turun. Akan ada— Yang Berhormat Pontian...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kluang...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tidak bagi peluang. Tinggal dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kluang, teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Antara contoh subsidi bersasar atau *targeted subsidy* yang kita beri ialah BR1M kepada 7 juta penerima bantuan yang lain-lain setiap bulan, bantuan tiga bulan kepada penoreh getah, tiga bulan kepada pesawah padi. Adakah bantuan-bantuan ini akan diteruskan atau akan dihentikan dengan terus mencari alasan? Walhal sebenarnya silap dasar mereka sendiri.

Saya mohon Menteri Kewangan menjelaskan mengapakah hampir 170 buah negara di dunia melaksanakan GST/VAT? Apakah kebaikan GST/VAT di banding SST? Berapakah anggaran pendapatan tambahan LHDNM akibat sukar menipu cukai ketika GST dilaksanakan? Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini sudah menurunkan kadar SST 10 peratus dan enam peratus dan lain-lain pada kadar standard enam peratus.

Tuan Yang di-Pertua, SST juga mewujudkan cukai atas cukai atau *tax on tax* jika 10 peratus dikenakan ke atas barang RM100, maka jadi RM110 bila keluar dari kilang. Akan tetapi jika tiba kepada pengguna, ia boleh jadi RM115, RM125. Peningkatan harga di banding ketika GST cuma RM106 sahaja. Saya pernah menyebut pada awal tahun 2015 bahawa GST boleh mengurangkan harga barang. Ini berdasarkan kepada SST 10 peratus yang diturunkan pada GST enam peratus kepada bulan Oktober 2017 di Dewan yang mulia ini. Jawapan bertulis KPDNKK pada Ahli Parlimen PAS Kubang Kerian pada ketika itu mengesahkan bahawa 223 barang turun harga apabila GST dilaksanakan.

Kadar inflasi tahun 2014 ialah 3.2 peratus selepas GST dilaksanakan. Mengikut Bank Negara Malaysia, purata kadar inflasi turun kepada 2.1 peratus pada tahun 2015 dan kekal 2.1 peratus pada 2016.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini GST yang kosong peratus akan diganti pada...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong baru masuk. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Enam peratus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Memang hampir pasti banyak barang...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Macam manakah ia boleh menyebabkan harga barang turun Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dan ini...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap. Yang Berhormat Jelutong, dia tidak bagi kebenaran.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya baru sempat masuk sebab kawasan saya banjir pagi tadi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Kalau tertarik, kita bincang di kafeteria selepas ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hendak tahu macam mana...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** GST boleh menyebabkan harga barang turun? Mengapa GST tidak dibayar untuk semua barang kemas yang dibawa masuk melalui kastam oleh isteri Yang Berhormat...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Masa saya dikacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian teruskan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, mengapa GST tidak dibayar oleh isteri Yang Berhormat Pekan?

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mengacau masa saya. Bincang di luarlah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini hendak mengetahui mengapa GST tidak bayar...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya mohon masa tambahan kerana diganggu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak, saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong, jangan ada gangguan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita bincang di luar. Masa kecemasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih.

*'ABCD SST,*

*Harga akan melambung tinggi,*

*Cukai yang sudah tidak digunakan lagi,*

*Oleh majoriti negara dunia kini.*

*ABCD SST,*

*Rakyat terbanyak perlu ketahui,  
Cukai tidak telus dan tersembunyi,  
Dalam harga, tinggi menjadi.*

*ABCD SST,*

*Pengundi tidak sangka jadi begini,  
Ingat mansuh GST tiada cukai lagi,  
Rupanya beban bertambah, diberi.*

*ABCD SST,*

*Kenalah ditanggung suami isteri,  
Rasa menyesal di dalam hati,  
Mereka tidak akan memberi undi.*

*ABCD SST*

*Janji hanya tinggal janji'.*

Tuan Yang di-Pertua, maksud surah Al-Maidah ayat 5 iaitu, "*Wahai orang-orang yang beriman, tunaikanlah janji-janji*". Maksud surah Al-Isra' ayat 34 pula, "*Sempurnakanlah perjanjian dengan Allah dan dengan manusia. Sesungguhnya, perjanjian itu akan dipertanggungjawabkan*". Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepong.

**5.26 ptg.**

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kerajaan Pakatan Harapan tidak boleh memaksa Ahli-ahli Parlimen pembangkang untuk mengisytiharkan aset mereka. Akan tetapi kita nampak setiap hari, kebanyakan Ahli Parlimen daripada pembangkang, dia datang ke Parlimen ini dengan kereta-kereta yang cukup mewah sekali dengan *driver*, dengan

pengiring. *[Disampuk]* Bukan semua, kebanyakan Ahli Parlimen pembangkang. Jadi saya hendak minta kerajaan...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Salahkah? Salahkah?

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Bersama dengan agensi LHDN.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Jelutong, salahkah?

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** *Shut up.* Saya minta kerajaan bersama dengan agensi LHDN, menyasat kekayaan Ahli-ahli Parlimen pembangkang ini sama ada cukai pendapatan yang mereka bayar setimpal dengan kekayaan mereka. Kalau tidak, saya minta tindakan yang tegas diambil. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penyelidikan Temasek dan Google tahun 2017, ekonomi internet dijangka bernilai RM800 bilion menjelang tahun 2025 iaitu tujuh kali ganda dari tahun 2015. Asia Tenggara adalah pasar internet yang paling banyak berkembang sedunia menjelang tahun 2020. Dengan ini, sudah tiba masanya untuk kerajaan memainkan peranan utama untuk mengembangkan ekonomi negara menggunakan permasalahan digital *online*. Kerajaan perlu memasarkan negara Malaysia di dua aspek iaitu pertama, pelancongan. Kedua, eksport.

Selain itu, kerajaan juga perlu berkomunikasi secara *digital online* untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan baharu. Mengikut penyelidikan Nelson pada tahun 2016 dan 2017, perbelanjaan iklan Kementerian Komunikasi dan Multimedia adalah sebanyak RM100 juta dan Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan membelanjakan sebanyak RM72 juta. Manakala SPAD telah membelanjakan sebanyak RM8 juta. Mengikut dokumen yang diperolehi secara *online*, Kementerian Pelancongan telah menandatangani kontrak sebanyak 99 juta keterbelakangan ini.

Soalan saya kepada kementerian-kementerian tersebut, adakah penyelidikan ini tepat? Berapa peratus ini telah dibelanjakan secara permasalahan *digital online* untuk memasarkan negara kita kepada seluruh dunia? Saya ingin menyarankan supaya kerajaan perlu lebih prihatin terhadap penggunaan dana awam terhadap aktiviti yang lebih bermakna. Sebagai contoh, kita boleh memasarkan dan mengeksportkan kandungan media kepada penonton antarabangsa dan melalui kolaborasi, *collaboration* dengan izin, dengan pihak *YouTube* supaya kita boleh menjana pendapatan negara dengan *profit sharing*, dengan izin melalui iklan yang ditunjukkan.

## ■1730

Selain itu ada teknologi, *online to offline*, dengan izin iaitu teknologi yang dapat mengukur pelancong yang telah terdedah terdedah kepada aktiviti pemasaran secara *online*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang, saya ucap ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bachok.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Azizi [Bachok]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca selawat].* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan dan merakamkan ucapan junjung kasih ke atas titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Isitadat Pembukaan Penggal Pertama Parlimen Ke-14 pada 17 Julai yang lalu.

Izinkan saya memulakan perbahasan dengan membaca satu petikan ayat Al-Quran iaitu ayat ke-26 daripada surah Ali-Imran. *[Membaca ayat al-quran]. "Katakanlah wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan. Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang engkau kehendaki. Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang engkau kehendaki. Dan engkau jualah yang menghina sesiapa yang engkau kehendaki. Dalam kekuasaan engkaulah adanya segala kebaikan. Sesungguhnya engkau Tuhan yang maha kuasa atas segala sesuatu." Sadaqallahu azim.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang baharu, yang akan mengetuai kami Wakil-wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini. Begitu juga ucapan tahniah saya kepada Timbalan-timbalan Yang di-Pertua dilantik. Semoga Dewan Rakyat yang mulia ini akan terus berseri dengan agenda penambahbaikan, yang pastinya akan memantapkan dan mengukuhkan lagi peranan Dewan yang mulia ini, yang merupakan enjin kepada kemajuan dan kejayaan negara kita Malaysia. Harapan adalah begitu menggunung daripada rakyat negara kita agar kita sebagai Ahli-ahli Dewan dapat memikul tugas, amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin merakamkan sekalung tahniah kepada kerajaan baharu yang dipimpin oleh Pakatan Harapan di atas kejayaan membentuk

kerajaan baharu Malaysia. Yang pastinya menjadi satu sejarah yang besar untuk negara kita, yang buat julung kalinya menyaksikan tamatnya pemerintahan lama semenjak kemerdekaan negara oleh kerajaan lama Barisan Nasional. Ia adalah satu hadiah, hasil perjuangan yang tidak mengenal erti lelah, oleh parti-parti pembangkang yang dikongsikan bersama rakyat teramai, yang mengimpikan sebuah kerajaan baharu yang lebih baik, yang dapat memacu kejayaan negara dengan agenda-agenda perubahan, selain memperbaiki segala kerosakan lama yang dikesan dalam pelbagai sektor terutamanya sektor ekonomi yang menjadi faktor penyatu kepada harapan rakyat untuk melihat sebuah kerajaan baharu yang lebih baik dan amanah.

Justeru, secara ringkasnya, sukalah saya menitipkan pesanan kepada kerajaan baharu Pakatan Harapan agar melaksanakan segala janji-janji perubahan dan penambahbaikan untuk negara, sebagaimana ianya terkandung di dalam manifesto Pakatan Harapan dalam PRU-14 yang lalu. Kedua, kekalkanlah kesatuan di dalam Pakatan Harapan sesama parti-parti pembangkang dulu yang bergabung selain PAS dan Gagasan Sejahtera. Secara peribadi saya memandang hebat di atas kejayaan kesatuan sesama parti-parti dalam Pakatan Harapan yang berjaya mengetepikan segala perbezaan demi sebuah kejayaan manis yang menanti daripada rakyat. Dua faktor ini, iaitu menepati janji manifesto dan kesatuan di dalam komponen Pakatan Harapan bagi saya adalah merupakan nyawa dan hayat penentu kepada panjangnya jangka hayat kerajaan Pakatan Harapan, sama ada boleh kekal bertahan atau tumbang dalam PRU yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan salam takziah kepada rakan saya di pihak pembangkang hari ini, sama ada BN di sebelah kanan saya dan Gabungan Parti-parti Sarawak GPS di sebelah kiri saya di atas kekecewaan dan kekalahan yang menimpa parti pemerintah pada PRU yang lepas. Walaupun ia adalah kekalahan yang besar yang patinya amat sukar untuk ditelan, dan dilupakan, tetapi dengan takdir Allah kekalahan itu belum pun lagi mematikan Barisan Nasional dan menghilangkannya daripada terus bersilat dalam kancah politik tanah air. Ambilah pengajaran-pengajaran yang banyak daripada kesalahan-kesalahan yang dilakukan sepanjang begitu lama di anjung kuasa. Sehingga memaksa rakyat untuk mengundi menolak kerajaan Barisan Nasional, yang tidak dinafikan jua jasanya yang banyak kepada negara.

Nasihat saya jika ingin bangkit semula. Tinggalkan satu perkara dan berpeganglah pada satu perkara. Pertama, tinggalkanlah asyik menyalahkan orang lain

dengan berkata, BN kalah adalah kerana fitnah pembangkang. Kedua, kembalilah dan berpeganglah pada agama Islam. Itulah kekuatan sebenar umat Islam dan rakyat Malaysia tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di Dewan yang mulia ini ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tertinggi kepada rakyat Malaysia yang telah turut mengundi parti PAS dan Gagasan Sejahtera, sehingga turut melonjakkan PAS sebagai parti yang lebih kuat berbanding sebelumnya dengan menguasai dua buah negeri iaitu Kelantan dan Terengganu selain pencapaian yang amat memberangsangkan di negeri Kedah dan Pahang. Ia adalah menjadi petanda yang amat jelas bahawa seruan dan ajakan agar negara kita kembali kepada kehidupan beragama Islam yang benar dan syumul, semakin mendapat dukungan dan sokongan daripada rakyat dan amatlah wajar sekali diambil perhatian oleh pihak kerajaan yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh mengenai penambahbaikan SPR. Saya menyambut baik hasrat kerajaan untuk meletakkan SPR di bawah Parlimen sebagai satu tindakan ke arah memastikan SPR menjadi sebuah badan yang bebas dan adil dalam menjalankan tugasnya. Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung penambahbaikan proses pilihan raya telah mengeluarkan beberapa syor untuk penambahbaikan sistem pilihan raya di negara ini. Antaranya berkait dengan pendaftaran automatik 21 tahun kepada warga negara. Cadangan ini telah lama disuarakan oleh pelbagai pihak. Kita merasa bimbang dengan jumlah yang masih gagal mendaftarkan diri sebagai pengundi. Hampir 3.6 juta di kalangan mereka yang berusia 21 tahun ke atas, termasuk mahasiswa masih tidak mendaftar dalam PRU yang lalu.

Saya juga ingin menyentuh mengenai kerajaan sementara yang dibentuk setelah pembubaran Parlimen. Sesuatu yang amat dikesalkan adalah kegagalan pihak bertanggungjawab menyediakan padang yang sama rata dalam sistem pilihan raya di negara kita. Akan tetapi kita melihat bagaimana kempen penerangan kerajaan digunakan seluasnya bagi mempromosi parti bukan aktiviti kerajaan. Media komunikasi termasuklah media elektronik, premis kerajaan dan sebagainya di manipulasi sepenuhnya untuk keperluan parti dalam tempoh pilihan raya. Malah ada sidang media khas dalam tempoh pilihan raya. Ini sesuatu yang tentunya tidak sihat dalam sistem pilihan raya hari ini. Saya mengesyorkan supaya panduan terhadap *caretaker government* ini diperhalusi dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh beberapa isu penambahbaikan demokrasi di Malaysia. Pertama soal penubuhan Jawatankuasa

Ombudsman di Malaysia. Perkara ini termasuk dalam misi PAS dan Gagasan Sejahtera dalam pilihan raya yang lalu iaitu menubuhkan Jawatankuasa Hisbah Rakyat atau *People Ombudsment* sebagai satu langkah memastikan *transparency* dan *accountability* kepada pihak kerajaan secara lebih dekat. Jawatankuasa Ombudsman ini mestilah bebas daripada kongkongan pihak eksekutif dan *transparent* dalam menjalankan tugas serta mempunyai kuasa yang lebih mendalam menyiasat salah laku, termasuk pejabat Perdana Menteri sendiri walhal -- saya ringkaskan.

■1740

Kedua, berkaitan dengan isu *opposition day* atau hari pembangkang. Perkara ini dibangkitkan oleh sebahagian ahli pembangkang sebelum ini ketika membahaskan pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan *parliamentary reform* di Dewan yang mulia ini. Saya ingin melihat sejauh mana idea ini akan dilaksanakan oleh kerajaan hari ini. Hari pembangkang ini telah lama diamalkan oleh Parlimen UK berdasarkan peraturan 14. Mereka telah memberi 20 hari bagi setiap sesi Parlimen khusus kepada pihak pembangkang membawa sebarang isu untuk dibentangkan di Parlimen.

[Tuan yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu dana pembiayaan politik. Saya meneliti syor yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional mengenai pembiayaan politik yang ditubuhkan pada Ogos 2015. Saya fikir tiba masanya Malaysia mengambil serius untuk memperkenalkan Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik sebagai satu langkah komprehensif bagi mengawal sumber perbelanjaan parti-parti politik yang ada di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sekijang untuk berbahas.

5.41 ptg

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, izinkan saya di Dewan yang mulia ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian buat pertama kalinya di dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi sesi kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah di atas pelantikan yang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang kesembilan. Saya yakin dan percaya bahawa di bawah pengalaman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, maka pastinya prinsip kesaksamaan, keadilan dan kebebasan akan diterapkan di dalam institusi ini, justeru diangkat martabat dan wibawanya. Dalam masa yang saya kira amat singkat ini iaitu hanya 10 minit sahaja, izinkan saya memanjangkan pandangan saya iaitu dengan cara, dengan izin, *short and sweet*. Tidak macam Yang Berhormat Pontian tadi, laju macam kereta api ETS.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Dua isu yang perlu saya bangkitkan untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Pertama iaitu isu pendidikan. Sebagai mantan guru atau mantan pendidik, saya akan sentiasa membawa isu-isu pendidikan serta memperjuangkannya selagi hayat dikandung badan, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin menyentuh berkaitan program PERMATApintar yang telah menjadi tanda tanya ramai masyarakat di daerah saya sendiri, mungkin masyarakat di seluruh negara. Program PERMATApintar adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh PERMATA bagi mengenal pasti dan membangunkan kanak-kanak yang berbakat besar dan semula jadi dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, seterusnya menjadi modal insan yang membantu negara mencapai status maju menjelang tahun 2020.

Program PERMATApintar ini telah diperkenalkan pada tahun 2008. Namun begitu, program ini dilihat sebagai satu pembaziran yang besar yang dilakukan oleh kerajaan kerana peruntukan yang besar telah disalurkan dalam menjayakan program PERMATApintar ini hingga menyebabkan kerajaan terpaksa memotong peruntukan pendidikan bagi peringkat sekolah dan universiti, termasuklah pemetongan biasiswa pendidikan. Ini amat merugikan. Peruntukan kepada PERMATA bagi program-program sedia adapun sudah mencecah belanja yang tinggi setiap tahun.

Untuk makluman, jumlah yang diperuntukkan kepada program sedia ada PERMATA pada tahun 2018 adalah sebanyak RM75.19 juta. Perkara yang menjadi persoalan pada saya adalah apakah matlamat sebenarnya PERMATApintar ini? Mengapakah PERMATApintar tidak diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan? Berapa ramai murid-murid yang telah dihasilkan oleh PERMATApintar ini? Siapakah

yang layak untuk memohon atau mendapatkan pendidikan awal kanak-kanak di dalam program PERMATApintar ini? Saya minta penjelasan Kerajaan Pakatan Harapan, adakah program PERMATApintar ini perlu dikaji semula? Sekiranya program ini tidak mencapai objektif penubuhannya, adalah molek sekiranya program PERMATApintar ini diberhentikan serta-merta.

Kedua, Jabatan Kemajuan Masyarakat atau lebih sinonim di kalangan masyarakat umum sebagai KEMAS adalah lanjutan dari Bahagian Pelajaran Dewasa yang telah ditubuhkan pada tahun 1961 melalui Kertas Kabinet Bilangan 385/25/60 dengan memberi fokus utama kepada Program Pembasmian Masyarakat Buta Huruf. Pusat pendidikan awal kanak-kanak ini yang telah diasaskan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu perlu dikaji semula kerana saya mahu institusi pendidikan adalah institusi yang bebas daripada pengaruh sebarang parti politik. Jika dilihat pada institusi pendidikan awal kanak-kanak negara buat masa ini, kita mempunyai Tabika KEMAS, prasekolah, PERMATApintar dan berbagai taska swasta.

Saya ingin menyarankan supaya pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Pendidikan melaksanakan pelan hala tuju pendidikan awal kanak-kanak agar dapat diselaraskan supaya kos yang dibelanjakan akan dapat dikurangkan, seterusnya matlamat pendidikan awal kanak-kanak seperti perkembangan menyeluruh kanak-kanak, keselamatan akademik untuk bersekolah, penjagaan kanak-kanak, perkembangan persekolahan kanak-kanak, pendidikan keibubapaan, perkembangan kerohanian dan perkembangan daya kreatif dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen Sekijang juga terdapat isu yang melibatkan Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah Segamat. Sekolah ini merupakan sekolah yang berstatuskan sekolah bantuan modal yang mana tanah bagi tapak sekolah ini adalah bukan milik kerajaan. Oleh kerana itu, pembangunan infrastrukturnya seperti tambahan bangunan kelas, makmal komputer dan padang sekolah ini agak tercicir atas alasan tanah di sekolah ini bukan tanah kerajaan atau bukan milik kerajaan. Saya menyeru agar pihak kementerian melihat semula semua sekolah di Malaysia khususnya sekolah-sekolah yang didirikan di atas tanah bukan milik kerajaan supaya pembangunan infrastruktur sekolah dapat diselaraskan seperti mana sekolah-sekolah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perbandaran Segamat telah dinaiktarafkan sebagai Majlis Perbandaran pada 1 Januari 2018. Beberapa usaha untuk menjadikan Daerah Segamat sebagai salah sebuah daerah yang terbaik sedang giat dijalankan. Namun begitu, beberapa isu timbul yang telah merencatkan usaha ini perlu diambil kira.

Antaranya, terdapat beberapa bangunan di Segamat yang telah menjadi '*gajah putih*' merupakan satu pembaziran yang sangat ketara. Pembinaan beberapa bangunan tinggi dan mewah yang pada awalnya bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan pelancongan di Segamat telah jauh terpesong.

Kerajaan terdahulu rancak membina bangunan tanpa melihat keperluan bangunan tersebut di Daerah Segamat yang telah mengheret kepada pembaziran. Contoh bangunan yang telah mengheret kepada pembaziran ialah Bangunan UMNO yang terletak di tengah-tengah Bandar Segamat. Ia hanya- rasa saya sekarang sesuai untuk pemeliharaan burung walet sahaja. Itu pun rasa saya burung-burung itu pun tidak sanggup hendak singgah di situ. [*Dewan ketawa*]

#### ■1750

Tambahan lagi, terdapat juga bangunan dan kuarters-kuarters kerajaan yang telah usang dan telah lama ditinggalkan, dibiarkan begitu sahaja tanpa ada sebarang tindakan yang diambil. Bangunan-bangunan usang yang tidak digunakan lagi perlu dimusnahkan dan dihapuskan supaya ia tidak menjadi tempat yang bakal mendatangkan sebarang risiko kepada penduduk dan mencemarkan pemandangan Bandar Segamat yang sepatutnya kelihatan bersih dan indah itu. Ada lagi bangunan-bangunan lain, ada satu lagi bangunan yang saya rasa sesuai untuk dijadikan filem seram ataupun filem-filem yang berunsur *twilight zone* dan masih ada.

Saya tidak faham, adakah ini untuk menarik pelancong ataupun adakah ini untuk menunjukkan status Segamat yang sebenarnya? Jadi, saya harap mereka yang terlibat dalam pembangunan di Segamat dan juga di lain tempat ambil peka terhadap perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin, tidak ada? Dia keluar?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan ambil Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Labuan tidak ada dalam *list*. Kena ikut *list*. Minta Yang Berhormat Sik.

#### 5.51 ptg.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi masih lagi dalam segar untuk mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan

Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk Penggal Keempat Belas Parlimen yang mulia ini. Terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya berbahas bersama dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Sik yang telah memberi mandat kepada saya untuk mewakili mereka di Dewan yang sangat mulia ini.

Kita sentiasa mengharapkan kebahagiaan dan sudah pastilah kebahagiaan ini perlu dibina dan disusun atur dengan usaha kita di peringkat sebuah Parlimen dan juga sudah pastilah kerajaan yang memerintah pada hari ini mempunyai tanggungjawab yang besar demi tanah air yang tercinta dengan kita ingin membina negara kita yang aman, makmur dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya menukilkan suatu firman Allah SWT, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ertinya, “*Mereka umat Islam yang jika diberikan kepada mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mereka menyuruh kebaikan serta melarang daripada melakukan perkara yang mungkar. Ingatlah bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.*” Surah Al-Hajj, ayat 22.

Agama Islam yang meliputi seluruh kehidupan yang syumul dan inilah yang dibawa gagasannya oleh PAS dan sudah pastilah kepada seluruh umat Islam di mana sahaja mereka berada. Menjadi harapan kepada kita semua agar kita yang terlibat di dalam arena politik kenegaraan ini berusaha memajukan agama, negara dan bangsa. Menjadi harapan kita juga agar perbezaan politik antara masyarakat tidak membawa kepada perpecahan dan ketidakharmonian. Selain itu, menjadi harapan agar masyarakat juga bijak berpolitik dengan matang tanpa meruntuhkan asas keharmonian persaudaraan dan kenegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi beberapa *point* penting bagaimana kita hendak membina negara yang kontemporari yang sudah pasti menjadi aspirasi seluruh masyarakat dan rakyat negara kita. Pertama iaitulah pengisian dalam negara yang berasaskan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan dan agama lain juga dibenarkan diamalkan di mana-mana di negara ini dengan penuh aman. Kedua, mari kita terus berusaha menjadi negara yang baik yang senantiasa meletakkan *accountability* dan kebertanggungjawaban itu sebagai suatu perkara yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak. Ketiga, mari kita membina keamanan dalam negara kita ini dengan kita meletakkan keharmonian dan

kesaksamaan seluruh masyarakat itu sebagai tanggungjawab kita bersama dan keempat ialah kemakmuran dari segi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita meneruskan bagaimana kita perlu melihat tugas kita sebagai seorang ahli politik yang kita meletakkan kejujuran dan amanah itu sebagai neraca yang akan melihat sama ada kita ini orang yang boleh dipercayai oleh masyarakat ataupun tidak. Jangan lagi kita berbohong di atas pentas politik, jangan lagi kita menjadikan fitnah itu sebagai makanan kita ketika mana kita berkempen.

Ketika pilihan raya umum yang lepas, banyak suara-suara yang sangat kita sedih dan pilu apabila mendengar di antara ahli-ahli politik ini yang bercakap dalam keadaan mereka tidak mengetahui apa yang diberi maklum itu kepada rakyat sehinggalah sebahagian rakyat mempercayai tuduhan-tuduhan dan fitnah. Seperti mana juga PAS menerima fitnah besar, menerima wang daripada pihak tertentu sebanyak RM90 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita membuang sikap yang disebut kriteria politikus yang populis iaitu berjanji di luar kemampuan, memasarkan janji manifesto yang seindah bulan dan bintang sedangkan ia tidak mampu dilaksanakan. Tidak mengapa tidak menunaikan janji asal beroleh sokongan yang melimpah ruah. Kedua, politikus yang populis ini lebih tertumpu kepada hebahan isu-isu hangat untuk menjentik emosi rakyat tanpa menyediakan pelan penyelesaian yang konstruktif. Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam, Islam tidak menghargai sikap dan watak yang suka menabur janji. Namun Islam menekankan sikap menunaikan janji seperti mana yang disebut oleh Allah SWT dalam Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi penegasan bahawa kita menyokong segala usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan khususnya untuk mempertingkatkan pemahaman syariah dan Islam di kalangan penduduk khususnya umat Islam di negara ini. Indeks Syariah Malaysia yang diperkenalkan kerajaan sebelum ini perlu diperluaskan perlu dilaksanakan dengan tidak ada suatu pun kerugian jika kita laksanakan perkara yang bermanfaat ini.

Kita pada hari ini, PAS bersetuju menyokong penuh Jawatankuasa Tertinggi Institusi Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan yang telah diumumkan penubuhannya oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang dikeluarkan pada 30 Julai iaitu hari ini. Kami mencadangkan supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM dinaiktarafkan menjadi Suruhanjaya Kemajuan Islam yang menjadi suatu badan besar untuk mengurus hal ehwal umat Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu yang juga saya ingin sentuh khususnya bagi penduduk-penduduk Daerah Sik dan sudah pastilah melibatkan juga penduduk-penduduk iaitu mereka penoreh getah 600,000 keluarga penoreh getah sama ada yang tinggal di daerah Sik, di daerah-daerah lain daripada Johor hingga ke Perlis, Sabah dan Sarawak. Mereka hari ini menunggu bagaimana kerajaan dalam usaha mereka untuk menyelesaikan masalah penurunan harga komoditi getah yang sangat tidak terkawal hari ini.

■1800

Kita mencadangkan pelbagai kaedah dan langkah yang sangat konstruktif untuk kerajaan melihat, khususnya kita memohon supaya kerajaan memperuntukkan dana khas negara berjumlah RM1.6 bilion untuk membantu melaksanakan Skim Harga Lantai kepada RM4 sekilogram. Jumlah itu tidak terlalu besar dibandingkan penerimaan manfaat seramai lebih kurang 600,000 keluarga penoreh getah. Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir. Saya ingin menyentuh hal yang berkaitan dengan pelaksanaan UEC yang diuar-uarkan akan dilaksanakan pada tahun ini. Saya menyatakan bahawa marilah pihak kerajaan dengan penuh teliti, tidak melaksanakan UEC ini dengan tergo-pogapah.

Lihatlah pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar bahasa, termasuk Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim dan beberapa orang lagi, yang mereka menyatakan kerajaan perlu menilai pelaksanaan ini dalam konteks sebuah negara yang berbilang kaum dan sudah pastilah melibatkan perlembagaan negara kita. Jangan kita menjadikan pelaksanaan UEC ini menggembirakan satu kelompok masyarakat tetapi mengecewakan dan memilukan serta membangkitkan kemarahan sepuluh kelompok majoriti masyarakat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya memohon untuk bersama-sama kita menjadikan negara kita ini negara yang sentiasa menitik beratkan rakyat itu sebagai keutamaan untuk kita mempedulikan mereka sama ada mereka ini berada di bandar-bandar besar, di kampung-kampung, di pedalaman-pedalaman yang terpencil. Mudah-mudahan kita terus melaksanakan tugas kita untuk kemakmuran kita bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri, saya memohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Gajah.

**6.02 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Salam sejahtera diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang dihormati sekalian. Pertama sekali, saya bersyukur kerana dapat bersama-sama menjunjung kasih Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa melengahkan masa, saya akan terus ke perbahasan saya. Isu pertama saya ialah mengenai pendidikan pra-sekolah. Pendidikan prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran untuk kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih, sebelum memasuki ke Tahun Satu.

Kementerian Pelajaran Malaysia mula melaksanakan Program Pendidikan Prasekolah sebagai projek rintis pada tahun 1992, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Disember 1991 yang telah bersetuju untuk mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah. Kini terdapat 9,321 institusi pendidikan prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil di seluruh negara dengan pendaftaran sejumlah 203,745 murid. Akta Pendidikan 1996 juga memperuntukkan bahawa sistem pendidikan kebangsaan merangkumi pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepasan menengah dan pendidikan tinggi.

Namun begitu, pendidikan pra-sekolah tidak diwajibkan di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ibu bapa hanya digalakkan untuk menghantar anak-anak ke prasekolah kebangsaan mengikut kesesuaian lokasi. Kerajaan diminta untuk memberi penekanan serius terhadap pendidikan pra-sekolah dengan mewajibkan pendidikan tersebut di Malaysia sebagaimana kita mewajibkan pendidikan rendah, menengah, lepasan menengah dan pendidikan tinggi.

Antara cadangannya ialah menambahkan jumlah kelas pra-sekolah di sekolah-sekolah kerajaan. Pada ketika ini, setiap sekolah hanya mempunyai satu atau dua buah kelas prasekolah sahaja dengan jumlah maksimum murid sebanyak 25 orang di dalam setiap kelas. Di dalam PIPP, teras strategi ketiga iaitu memperkasakan sekolah kebangsaan, kerajaan telah menyatakan komitmennya untuk menambah bilangan kelas prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan. Berapakah jumlah institusi prasekolah yang telah ditambah sehingga kini? Adakah penambahan jumlah prasekolah di SJK(C) dan SJK(T) berada di dalam perancangan kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua saya adalah mengenai kegiatan merokok secara terbuka di tempat-tempat awam, terutamanya di premis-premis makan. Saya hendak tanya kerajaan. Bilakah larangan terhadap merokok di restoran berhawa dingin atau tidak berhawa dingin akan dikuatkuasakan sepenuhnya? Pada tahun 2015, Kementerian Kesihatan mengumumkan tentang pengharaman merokok di semua premis makan, termasuk kedai yang terbuka seperti kedai kopi, kedai makan dan restoran.

Namun, langkah itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan sepenuhnya walaupun tiga tahun sudah berlalu. Apakah kekangan yang dihadapi oleh kerajaan untuk menguatkuasakan perintah ini? Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, kos perubatan minimum untuk seorang pesakit yang menghadapi penyakit seperti kanser paru-paru, penyakit paru-paru kronik dan penyakit jantung koronari akibat terdedah kepada asap rokok ialah lebih kurang RM20,000. Apatah lagi kerajaan terpaksa membelanjakan lebih kurang RM3 bilion untuk merawat penyakit berkenaan. Ini adalah satu bentuk perbelanjaan yang tidak produktif dan merugikan negara. Mengapakah kita masih memberi ruang kepada gejala sosial yang berbahaya ini? Larangan merokok di kawasan awam harus dilaksanakan dengan tegas dan tidak boleh dikompromi demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat Malaysia.

Seorang doktor veteran bernama H. Krishna Kumar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Kolej Diraja Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi berkata, banyak di antara negara dunia pertama sudah pun mengharamkan merokok di khalayak umum. Kementerian Kesihatan juga menganggarkan 100,000 rakyat Malaysia meninggal dunia akibat penyakit yang berpunca daripada asap rokok setiap tahun. Dalam pada itu, Presiden Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC), Dr. Molly Cheah menegaskan bahawa apa yang diperlukan adalah iltizam politik yang sebenar. Menurutny lagi, kajian mencukupi telah dilakukan terhadap kesan asap akibat merokok.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terdapat bukti yang mencukupi untuk melarang merokok di restoran. Hujahnya dilaporkan dalam media FMT, Februari 2017. Harap kerajaan kita, Kerajaan Pakatan Harapan meneliti pandangan-pandangan ini dan mengambil tindakan sewajarnya melarang merokok di tempat awam secara amnya dan di premis-premis makan secara khususnya.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Sungai Siput minta laluan, berkenaan dengan...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, saya tidak cukup masa. Maaf, ya.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak beri laluan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Hujah saya seterusnya adalah mengenai sekolah Tamil. Dalam Manifesto Pakatan Harapan, terdapat satu bab khusus menyebut tentang iltizam bagi kaum India. Terdapat 25 janji di bawah iltizam khusus untuk masyarakat India dengan tujuan menghapuskan diskriminasi yang menzalimi kaum India di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional selama ini. Salah satu daripada janji manifesto yang ingin saya sorot di sini ialah untuk memastikan kaum India mendapat peluang pendidikan yang baik.

Pakatan Harapan menjanjikan bahawa semua sekolah jenis kebangsaan Tamil akan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan infrastruktur di setiap SJK(T) akan dinaik taraf agar sama dengan kualiti di sekolah kebangsaan. Kerajaan baru harus pandang serius tentang janji ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu sekolah-sekolah Tamil yang sebahagian besarnya memerlukan bantuan kerajaan, terutamanya sekolah-sekolah bantuan modal.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakan sekolah-sekolah Tamil menghadapi masalah dari segi bangunan, infrastruktur dan peralatan. Sebelum ini, setiap tahun, kerajaan menyalurkan sebanyak RM50 juta untuk tujuan penyelenggaraan sekolah-sekolah Tamil. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan baru supaya meluluskan peruntukan sekurang-kurangnya RM100 juta bagi tujuan ini dalam Bajet 2019 untuk menepati janji kepada kaum India. Peruntukan ini sedikit sebanyak dapat membantu sekolah-sekolah Tamil untuk dinaik taraf secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat saya ialah mengenai SEDIC. Dalam Bajet 2018, Yang Berhormat Pekan menyebut bahawa kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM230 juta kepada masyarakat India mulai tahun 2014 melalui SEDIC. Mungkin jumlah ini telah melangkaui RM250 juta sehingga bulan Mei 2018. Saya pernah membangkitkan isu ini berkaitan dengan peruntukan dan perbelanjaan SEDIC kerap kali dalam sidang-sidang sebelum ini. Akan tetapi saya tidak pernah mendapat satu jawapan yang baik daripada Menteri yang bertanggungjawab ketika itu.

■1810

Ini telah menimbulkan kesangsian mengenai pengurusan dana oleh SEDIC. Saya khawatir terdapat unsur-unsur penyelewengan dalam agensi tersebut. SEDIC

diwujudkan di bawah Unit Perancangan Ekonomi untuk pembangunan sosioekonomi kaum India. Adakah wang yang diperuntukkan itu telah disalurkan secara jujur dan telus kepada masyarakat India yang benar-benar memerlukannya? Saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya satu audit forensik perlu dilakukan oleh kerajaan terhadap SEDIC yang diberi mandat dan kepercayaan untuk menguruskan dana yang sebegitu banyak. Tindakan tegas perlu diambil jika terdapat apa-apa penyelewengan. Ini adalah penting supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan seperti ini pada masa hadapan. Saya juga mencadangkan kepada Dewan ini supaya Badan Pembangunan Sosioekonomi (SEDIC) terus dikekalkan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Walau bagaimanapun, satu reformasi yang menyeluruh daripada segi struktur dan operasi perlu dilakukan supaya dana disalurkan melalui program-program sosioekonomi yang benar-benar boleh meningkatkan taraf hidup kaum India bukan sekadar memberi peruntukan untuk program-program NGO seperti mencurah garam ke laut. Oleh kerana kesuntukan masa, saya terpaksa pintas kepada *point* saya yang terakhir iaitu isu kawasan saya.

Saya telah menerima satu memorandum yang ditandatangani oleh 1100 penduduk Taman Batu Gajah Perdana yang mendesak supaya satu lampu isyarat dipasang di persimpangan masuk ke Taman Batu Gajah Perdana dari jalan besar Ipoh–Lumut. Permintaan ini telah dibuat lama, malah saya sendiri pernah bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Alasan yang diberikan oleh JKR ialah terlalu banyak lampu isyarat di sepanjang jalan besar dari Jelapang hingga ke Lumut. Ini melambatkan perjalanan penggunaan jalan raya tersebut.

Bagi saya, alasan ini adalah tidak munasabah. Biar lambat asalkan selamat tetapi kaedah yang kita laksanakan pada hari ini adalah bertentangan dengan prinsip keselamatan ini. Kita mahu cepat dan laju mengetepikan isu keselamatan. Banyak kemalangan telah berlaku di persimpangan tersebut, malah saya sendiri pernah melihat beberapa kemalangan di persimpangan itu. Ada juga yang telah meninggal dunia di tempat kejadian. Perkara ini telah dibawa kepada perhatian JKR beberapa kali tetapi tindakan-tindakan pengubahsuaian yang dilakukan di jalan itu tidak membawa apa-apa kesan positif. Selain daripada itu, keadaan bertambah sukar pada waktu puncak terutamanya bagi kenderaan keluar dari Taman Batu Gajah Perdana memasuki jalan besar Ipoh–Lumut menghala ke kanan menuju ke Jelapang.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada Menteri Kerja Raya untuk mengambil tindakan segera memasang lampu isyarat di tempat yang dinyatakan. Ini

boleh menyelesaikan masalah yang saya bangkitkan. Dengan ini, saya menyokong Titah Ucapan Diraja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kanowit untuk berbahas.

### 6.13 ptg.

**Datuk Ago Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama terlibat dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Diraja. Dengan masa yang singkat ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada beberapa isu yang berkaitan dengan negeri Sarawak. Terutamanya adalah isu royalti minyak dan gas dan dalam hal ini, saya amat menyokong hujah-hujah yang telah disampaikan oleh rakan-rakan saya dari Sarawak yang tegas dalam permohonan negeri Sarawak supaya royalti minyak kita dinaikkan daripada lima persen kepada 20 persen. Dalam beberapa minggu ini, banyak kekeliruan telah pun terjadi oleh kerana jawapan daripada pihak kerajaan telah amat mengelirukan terutamanya kita di Sarawak dan Sabah yang banyak mengeluarkan minyak dan gas.

Jadi daripada jawapan Perdana Menteri sendiri, royalti 20 persen itu adalah akan dibayar berdasarkan keuntungan Petronas. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa sedikit *definition*. Dengan izin, *royalty is a payment to an owner for the ongoing use of their asset or property such as patent, franchise, natural resources and etc.* ataupun dengan kata lain, *royalty is designed to compensate the owner for the asset's use and they are legally binding*. Dalam hal ini, *the owner is the Sarawak state and the user is Petronas. So, Petronas should be paying royalty based on the asset they used* dan dalam keadaan ini, saya ingat beberapa tahun yang berlalu, lima persen yang dibayar oleh Petronas kepada negeri Sarawak adalah berasaskan kepada pengeluaran.

*Every barrel of oil and gas produced by Petronas, the five percent is paid based on the production* dan bukan daripada keuntungan dan saya ingat, kita terpaksa berulang-ulang dalam hal ini oleh kerana ia menjadi kekeliruan kepada rakyat kita di Sarawak terutamanya dan kepada semua sebab kalau kita menyebut ianya 20 persen yang akan dipohon kita dan mungkin akan ditunaikan oleh Kerajaan Pusat dan akan diasaskan ke atas keuntungan, ini amat tidak diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak oleh kerana sekarang ini kita memang ketahui bahawa *cost of production* menaik dan mungkin keuntungan akan turun dan ianya tidak setimpal dengan *even the five percent* yang kita telah janji dalam awal-awal dahulu.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada isu penurunan harga-harga komoditi yang amat memberi banyak kesan kepada penduduk-penduduk atau pekebun-pekebun kecil di Sarawak terutamanya lebih-lebih lagi komoditi seperti sawit, getah, lada, koko yang kita ketahui memang kalau di Sarawak, kebun-kebun kecil adalah mereka yang di pedalaman terutamanya orang Iban dan orang Dayak yang amat bergantung kepada kenaikan ataupun kepada harga-harga komoditi ini dan Yang Berhormat Pekan pun telah menyuarakan kebimbangan beliau terhadap harga komoditi seperti sawit yang beberapa bulan ini amat turun harganya yang mungkin dalam kalau harga barang diikutkan makin turun, mungkin ia tidak akan memberi keuntungan kepada pekebun-pekebun kecil terutamanya.

Bagi contoh, getah. Sekarang ini saya difahamkan saya baru balik dari kawasan. Getah di Sibu dan di Bintulu tidak ada peniaga atau mereka atau tauke-tauke yang dahulunya membeli getah, tidak mahu membeli getah sekarang ini sebab harga getah sudah tiada lagi dan ini amat merunsingkan kita oleh kerana sekarang adalah musim kemarau dan kebun-kebun atau petani-petani kecil di rumah-rumah panjang, mereka mahu menoreh getah tetapi *there is no market for rubber*. Ini amat menyusahkan mereka.

Kedua, lada sekarang ini. Kalau dahulu kita mendengar harga lada naik kepada RM40 ataupun RM50 sekilo ataupun RM40,000 kepada RM50,000 dalam satu tan. Sekarang ini sudah menjunam turun kepada RM8 ataupun RM9 ataupun RM8,000 ataupun RM9,000 dalam satu tan. Dengan kos racun dan baja yang amat meningkat, ini adalah memberi kesan yang buruk kepada pekebun-pekebun kecil kita di Sarawak ini yang amat bergantung kepada komoditi-komoditi ini dan mereka ini adalah pekebun-pekebun kecil luar bandar.

Isu ketiga yang saya ingin sentuh dengan masa yang singkat ini adalah isu pembangunan infrastruktur di kawasan pedalaman di Sarawak. Sebab kita ketahui dengan kerajaan baru ini, kita amat kluatir oleh kerana ada segelintir daripada soalan yang kita sampaikan dalam Jawapan Lisan ini, kita mendapati bahawa mungkin banyak projek infrastruktur yang telah diluluskan di bawah Kementerian Luar Bandar dalam beberapa tahun yang dahulu, mungkin dalam tahun yang akan datang di bawah kerajaan baharu ini, tidak akan dilaksanakan.

Ini adalah satu kekhuatiran dan saya mengambil satu contoh di kawasan saya sendiri, satu jalan yang telah lama dipohon daripada dulu iaitu jalan daripada Ngungun ke Jagau yang peruntukannya telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan

sepatutnya dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan di bawah Program Jiwa Murni. Saya berharap jalan 20 kilometer ini dengan peruntukkan yang sedia ada, saya harap Kerajaan Pakatan Harapan sekarang ini teruskan pelaksanaan projek ini sebab ini amat memberi *accessibility* kepada mereka yang amat jauh tinggal di kawasan pedalaman.

■1820

Kita mesti ingat juga mereka ini, di Jagau ini adalah mereka yang telah dikumpul untuk semasa- ditempatkan di satu kawasan semasa komunis dulu supaya mereka berkumpul di dalam satu kawasan dan mereka sepatutnya diberi pembangunan dari segi sosioekonomi dan jalan adalah satu daripada yang saya percaya amat penting untuk sampai ke tempat-tempat mereka yang jauh di pedalaman ini. Jadi saya harap kerajaan dalam hal ini melihat bukan jalan sahaja dalam banyak kehendak ataupun orang-orang di pedalaman ini seperti bekalan air dan elektrik juga ia amat dipohon, banyak dipohon daripada penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya harap dalam Kerajaan Pakatan Harapan ini projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan dulu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang sekarang ini Kementerian Luar Bandar perlu diteruskan supaya mereka ini- supaya projek-projek ini dapat sampai ke kawasan luar bandar di Sarawak yang amat selama ini tertinggal.

Oleh sebab itu juga saya kembali kepada awal tadi, inilah sebabnya kita memohon supaya peruntukan daripada royalti daripada minyak dan gas perlu dinaikkan kepada 20 peratus sebab kita masih banyak yang belum dibangunkan di Sarawak terutama sekali dari segi infrastruktur, sekolah, klinik dan sosioekonomi penduduk-penduduk luar bandar yang amat memerlukan peruntukan yang banyak setiap tahun. Tuan Yang di-Pertua dengan itu saya menyokong usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Kanowit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan. Tidak ada? Yang Berhormat Sarikei?

**6.22 ptg.**

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Sarikei untuk mengambil peluang dalam perbahasan usul Menjunjung Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah Tuanku di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Poliklinik Sarikei tidak mempunyai tempat letak kereta khas untuk orang awam. Makanya setiap kali orang awam datang ke Poliklinik Sarikei mereka terpaksa meletakkan kereta mereka di tepi-tepi jalan dan mengakibatkan kesesakan di jalan raya dan juga di sekitar kawasan tersebut. Keadaan ini menjadi bertambah teruk terutamanya pada hari pertama di setiap minggu dan juga selepas cuti umum.

Buat pengetahuan kalian semua, Poliklinik Sarikei mendapat kunjungan daripada tempat seperti dari Bintangor, Pekan Payung, Selalang, Roban, Julau dan masyarakat Sarikei sendiri. Semestinya kunjungan yang ramai membuatkan Poliklinik Sarikei menjadi sesak dan juga padat. Oleh yang demikian, keadaan yang sangat sibuk amatlah menyukarkan untuk pihak Poliklinik Sarikei memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Merujuk kepada permasalahan ini, saya ingin Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan apakah ada langkah-langkah lagi mempertingkatkan ataupun menambahbaikkan fasiliti ada sekarang bagi mengurangkan kesesakan di Poliklinik Sarikei sekali gus menyelesaikan permasalahan kekurangan tempat letak kereta awam yang sedang berlaku? Saya amatlah berharap agar Kementerian Kesihatan Malaysia dapat menyelesaikan permasalahan ini dengan segera dan berkesan demi mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang sedia ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya juga berkenaan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Seperti yang kita semua sedia maklum sekarang ini kita melihat bilangan pesakit semakin bertambah. Kos ubat semakin meningkat dan saya difahamkan bahawa peruntukan kepada hospital-hospital tidak bertambah dan sesetengahnya berkurangan. Perkara ini juga berlaku di Hospital Sarikei di mana banyak bekalan ubat yang tidak mencukupi.

Pihak hospital telah menghadkan bekalan ubat terutamanya ubat untuk kegunaan pesakit jangka panjang contohnya bekalan ubat yang dahulunya diberi kepada pesakit untuk kegunaan selama sebulan akan tetapi hanya dibekalkan ubat untuk seminggu dan yang paling sedihnya ada yang dibekalkan hanya untuk kegunaan selama tiga hari sahaja. Perkara ini amatlah membebankan pesakit di mana mereka terpaksa berulang alik ke hospital untuk mendapatkan bekalan ubat mereka. Selain itu juga ada kalanya pihak hospital menasihatkan pesakit agar membeli bekalan ubat di farmasi luar.

Perkara ini juga merisaukan pesakit terutamanya pesakit yang tidak berkemampuan dari segi kewangan kerana kita sedia maklum bahawa ubat di farmasi

luar dijual dengan harga yang agak mahal. Apakah dalam keadaan demikian, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai jalan penyelesaian ataupun mempunyai langkah-langkah yang lebih baik bagi menangani permasalahan ini?

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin bertanyakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak kementerian telah membelanjakan begitu banyak peruntukan bagi menjayakan Klinik 1Malaysia di Jakar, Sarikei. Akan tetapi klinik ini tidak mempunyai doktor yang berkecualan dan hanya menempatkan pembantu perubatan sahaja sedangkan negara kita melahirkan sekurang-kurangnya 5,000 orang doktor pada setiap tahun. Perkara ini mengakibatkan pesakit tidak berminat untuk mendapat rawatan di Klinik 1Malaysia di Sarikei dan mereka terpaksa berkunjung ke Poliklinik Sarikei. Disebabkan akan perkara ini Poliklinik Sarikei menjadi sesak dan padat.

Sekiranya Klinik 1Malaysia Jakar, Sarikei menempatkan seorang doktor berkecualan saya merasakan bahawa pesakit akan berkunjung ke klinik tersebut. Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai niat untuk menempatkan seorang doktor di Klinik 1Malaysia di Jakar? Sekiranya tidak sila nyatakan kenapa.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Lada Malaysia (MPB) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Industri Utama dan ibu pejabat terletak di Kuching, Sarawak. Sarawak juga adalah pengeluar lada terbesar kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain iaitu lebih 90 peratus daripada jumlah pengeluaran di Malaysia. Selain itu juga lada Sarawak antara produk semakin mendapat tempat di seluruh dunia dan amatlah penting bagi kerajaan memastikan keasliannya terpelihara. Adakah Kerajaan Pusat mempunyai niat untuk membiarkan Kementerian Pemodenan, Pertanian Negeri Sarawak mengambil alih kawalan MPB memandangkan lada merupakan hasil keluaran pekebun di Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini semenjak penurunan harga lada di pasaran, pada masa kini ramai pekebun-pekebun yang mengusahakan kebun lada merasakan penurunan harga lada ini memberi impak yang mendalam kepada mereka dari segi mata pencarian mereka dan juga amatlah membebankan pekebun-pekebun bagi membeli baja dan juga racun bagi kegunaan perusahaan lada. Adakah Kementerian Industri Utama akan mengambil langkah dan tindakan yang lebih baik bagi menangani penurunan harga lada? Bagaimanakah kerajaan membela nasib pekebun-pekebun industri itu?

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Lada Malaysia mempunyai kuota terhadap pembelian lada pada setiap bulan. Apabila kuota telah tercapai maka MPB akan

menghentikan pembelian lada daripada pekebun. Ramai pekebun merasa terbeban terutamanya pada musim perayaan contohnya pada Hari Gawai disebabkan pembelian lada diberhentikan mereka terpaksa menjual lada kepada peniaga lain. Peniaga tersebut mengambil kesempatan ke atas pekebun dengan membeli lada jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga di MPB. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi menangani masalah ini? Adakah Kementerian akan mengatur semula kuota terhadap tersebut? Sekiranya tidak sila nyatakan sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyatakan apakah ada penyelesaian atau langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian tersebut bagi menangani kenaikan harga minyak masak di pasaran?

■1830

Harga minyak di pasaran ini melambung tinggi dan tidak mengikut harga minyak sawit mentah antarabangsa. Semenjak subsidi minyak masak diberhentikan pada 1 November 2016, harga minyak sawit mentah dalam pasaran kini turun lebih 20 peratus sehingga RM2,200 satu tan dari RM2,800 satu tan pada 1 November 2016. Sepatutnya harga minyak masak di pasaran juga turun. Akan tetapi harga minyak masak di pasaran tidak turun seperti yang kita cakapkan iaitu mengikut penurunan harga minyak sawit mentah.

Permasalahan ini menyebabkan banyak persoalan dan membebankan pengguna. Bahan asas seperti harga minyak masak ini harus dikekalkan di paras sederhana kerana ia barangan keperluan asas bagi kesejahteraan rakyat. Apakah kerajaan tidak mengawal harga minyak masak di pasaran mengikut harga minyak sawit antarabangsa seperti di janji pada masa subsidi minyak masa dimansuhkan?

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Pan Borneo dilaksanakan, banyak jambatan lama diubahsuai dan dibina baru di bahagian Sarikei, khususnya. Di sini saya ingin menyatakan berkaitan dengan jambatan baru yang akan dibina di Jakar, Sarikei di mana Jambatan Jakar yang akan dibina akan rendah dan kenderaan tidak dapat melintas di bawahnya. Akibat daripada permasalahan ini, pengguna terpaksa mengambil jalan yang lebih jauh, *U-turn* barulah dapat memasuki pekan Jakar. Perkara ini mengganggu perniagaan penduduk di Jakar, khususnya. Adakah Kementerian Kerja Raya berhasrat untuk mengubahsuai Jambatan Jakar agar dibina lebih tinggi lagi untuk memudahkan pengguna melalui bahagian bawah jambatan terutamanya penduduk daripada kawasan Merudong. Merudong dan Sarikei? Sekiranya tidak, sila nyatakan sebabnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sarikei.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** Satu poin lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan permasalahan berkaitan peluang pekerjaan di sektor kerajaan melebihi satu kaum daripada kaum-kaum lain. Peluang pekerjaan di sektor kerajaan menampakkan ada sedikit ketidakseimbangan di mana isu perkauman sering dipertikaikan. Apa yang kita sedia maklum, peratusan kaum Melayu lebih ramai di dalam sektor kerajaan kalau dibandingkan dengan kaum-kaum lain di mana kaum Melayu 77 peratus, orang Cina 10 peratus, orang India 6 peratus dan lain-lain 6.6 peratus.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Melihat kepada peratusan itu, jelas sekali isu perkauman telah terlibat di dalam peluang pekerjaan di sektor kerajaan di Malaysia. Perkara ini tidak seharusnya berlaku di mana kerajaan kita haruslah mengimbangkan pengambilan pekerja mengikut kaum bagi mempromosi keharmonian kaum di negara kita. Kerajaan haruslah lebih peka dan mengambil kira terhadap isu ini. Apakah kerajaan akan mengambil langkah yang lebih baik bagi menyeimbangkan peluang pekerjaan mengikut kaum? Sekiranya ada, bagaimanakah mengatur penyelarasan ini?

Akhir kata, saya menjunjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat kawasan Sarikei. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat kawasan Tasek Gelugor.

**6.34 ptg.**

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Yang di-Pertuan Agong. Pertama sekali saya juga hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-15, Sultan Muhammad V yang telah pun menyempurnakan Majlis Perasmian Parlimen Ke-14 dengan meninggalkan amanat-amanat dan pesanan-pesanan yang cukup bermakna kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini, saya ingin menyentuh tentang satu perkara yang menjadi isu sejak kebelakangan ini iaitu berkenaan dengan

kedudukan institusi-institusi yang berkaitan dengan Islam di Malaysia. Di Malaysia, kita sedia faham bahawa dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan kedudukan Islam itu sebagai agama yang dijaga dan dipelihara oleh Kerajaan Persekutuan dengan pelbagai peruntukan perundangan dan juga kewangan, bagi membolehkan Islam diamalkan mengikut apa yang telah pun ditentukan di dalam sifatnya di dalam Perlembagaan.

Namun begitu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh manakah pihak kerajaan merancang untuk mengambil perhatian dan juga mengadakan program dan tindakan-tindakan tertentu, bagi meletakkan Islam itu bersesuaian, betul dan benar sebagaimana yang terkandung di dalam Perkara 3(1) tadi. Jadi dalam hal ini kita lihat, dari segi Islam, sekarang ini dicabar. Islam kadangkala kita lihat ada perlakuan-perlakuan yang biadab dilakukan oleh sesetengah pihak kepada penganut-penganut agama Islam, kepada orang-orang Islam, mahupun kepada institusi Islam dan sebagainya.

Terakhir sekali hari itu kita ada mendengar bahawa kerajaan ada perancangan untuk menyemak semula kedudukan institusi-institusi Islam seperti JAKIM, JKSM, JAWHAR, IKIM dan yang terakhir sekali ialah IKSIM iaitu Institut Kajian Strategik Islam Malaysia. Jadi dalam hal ini, kita melihat satu keadaan yang tidak begitu menentu dan tidak begitu meyakinkan, khususnya di kalangan orang Islam tentang kedudukan institusi-institusi ini, sejauh mana ia dipertahan dan diperkukuhkan oleh kerajaan yang ada sekarang.

Contohnya, kalau kita melihat dalam salah satu daripada agensi ini ialah IKSIM ataupun Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, ia ditubuhkan adalah daripada keputusan mesyuarat Majlis Raja-raja yang bersidang bagi kali yang 225. Sejak dari beberapa tahun dahulu, mengambil masa lebih kurang sehingga enam tahun, sehinggalah ia telah dimasyhurkan. Jadi IKSIM ini menerima peruntukan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan setelah ia diluluskan oleh Majlis Raja-raja untuk ditubuhkan dan IKSIM ini ditadbirkan di bawah suatu agensi yang berdaftar sebagai pendaftaran syarikat.

Namun begitu, baru-baru ini, kita melihat pihak kerajaan ada menyebutkan bahawa IKSIM akan dimansuhkan dan yang paling ketara ialah segala peruntukan kepada IKSIM ini telah pun dihentikan. Jadi IKSIM ini sudah tidak mempunyai lagi apa-apa peruntukan pembiayaan bagi menjalankan pentadbiran, mahupun untuk membuat aktiviti-aktiviti yang termaktub di dalam peraturan penubuhan IKSIM itu sendiri, yang

dipersetujui oleh Majlis Raja-raja. Jadi apabila IKSIM diperlakukan sedemikian rupa, kita boleh melihat ia seperti kita memperlekehkan institusi raja-raja yang memberi persetujuan mereka untuk IKSIM ini bertindak sebagai suatu badan yang membuat kajian, yang membuat penulisan dan sebagainya dan apa yang terkandung di dalam gerak kerja IKSIM ini adalah bersesuaian dengan tuntutan di dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 3(1).

Jadi dalam hal ini, kalau kita melihat proses yang dibuat untuk menyekat peruntukan kepada IKSIM juga tidak menurut saluran yang sepatutnya.

#### ■1840

Ia tidak diputuskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang mana sepatutnya mestilah perkara ini diputuskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Namun begitu hanya seorang CEO sahaja yang tidak mempunyai kuasa yang sebenar, mungkin atas nasihat pihak-pihak tertentu telah menyebabkan kewangan kepada IKSIM ini dihentikan sedemikian rupa. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kenapakah perkara ini berlaku? Apakah alasan-alasan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan dan apakah pihak kerajaan memang berniat untuk membunuh institusi seperti IKSIM ini daripada ianya berfungsi, menyediakan sistem maklumat kepada institusi Islam dan umat Islam di Malaysia?

Saya ingin bertanya juga pada pihak kerajaan bahawa apakah pendirian pihak kerajaan terhadap institusi-institusi lain yang ada bagi melaksanakan Perkara 3(1) yang berkaitan dengan hal ehwal Islam tersebut. Sebagai contohnya, apakah JAKIM akan dipertahankan seperti keadaan sekarang atau diberikan penambahbaikan atau diperkukuhkan lagi, ditambahkan lagi peruntukan? Begitu juga dengan JAWHAR, begitu juga dengan IKIM dan juga apa juga institusi yang termaktub sebagaimana yang disebutkan tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang satu isu yang berkaitan dengan kejatuhan harga komoditi sawit yang pada ketika ini nampaknya menjejaskan pengeluaran industri sawit dan juga pendapatan khususnya kepada orang-orang yang terlibat di dalam penanaman sawit ini sendiri. Kalau kita melihat, menurut data *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB,) sebelum PRU ke-14, harga dagangan bagi minyak sawit Malaysia dicatatkan pada kadar RM 2418 per tan pada April 2018. Namun sekarang ini harga itu telah tinggal RM 2143, berbeza RM 265 per tan. Jadi, ianya berkaitan dengan isu yang telah pun timbul apabila negara China, apabila negara-

negara lain tidak lagi berminat untuk mendapatkan ataupun mengimport sawit daripada Malaysia sebaliknya berubah kepada negara Indonesia dan sebagainya.

Jadi soalan saya kepada kerajaan, apakah impak yang akan berlaku kepada eksport minyak sawit Malaysia setelah China menandatangani import sawit bersama-sama dengan Indonesia? Apakah terdapat usaha kerajaan untuk meneroka pasaran baru bagi eksport minyak sawit Malaysia dan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu para peneroka sawit dalam menghadapi ketidakpastian pasaran sawit?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, isu berkenaan dengan kawasan setempat saya. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan, sama ada kerajaan bersetuju untuk menyambung semula peruntukan yang telah pun dipersetujui sebelum ini untuk membina sebuah masjid di Sungai Lokan, Sungai Dua dan juga untuk membina sebuah bangunan Sekolah Agama Rakyat di Simpang Ampat, Permatang Buloh dan juga untuk membina *parking* bertingkat di stesen kereta api Tasek Gelugor? Jadi saya mohon kerajaan menjelaskan tentang status ketiga-tiga projek yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas masa yang diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tebrau.

#### **6.44 ptg.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya berbahas di Dewan yang Mulia ini. Saya tertarik kepada Perkara 9, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mengalu-alukan sebarang inisiatif melalui penggubalan dasar, strategi dan kerangka pembentangan untuk mendepani era Revolusi Perindustrian 4.0. Saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan berusaha untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam perkara ini kerana negara lain di rantau Asia Timur, Selatan telah jauh di depan.

Usaha-usaha yang harus diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk menarik pelabur-pelabur tempatan dan asing termasuk memastikan negara kita menyediakan infrastruktur seperti pelabuhan yang sesuai untuk kawasan tertentu dan *highspeed broadband*, dengan izin di kawasan-kawasan industri dan komersial, memudahkan proses penubuhan kilang, memudahkan proses urusan import dan eksport, mempercepatkan proses pemulangan cukai yang terlebih bayar dan memudahkan dan

mempercepatkan proses pengambilan pekerja-pekerja asing untuk industri-industri tertentu supaya tidak menjejaskan pembangunan dan pemodenan negara, menghapuskan segala gejala-gejala seperti rasuah dan *red tape* dengan izin.

Peraturan Bank Negara Malaysia yang memerlukan 75 peratus jualan eksport dalam mata wang asing perlu ditukar balik ke Ringgit Malaysia yang telah menjadi halangan untuk membangunkan negara kita. Memastikan graduan-graduan IPTA dan IPTS kita mempunyai kemahiran yang praktikal supaya memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Di atas adalah masalah-masalah yang buat pelabur-pelabur tempatan dan asing menjauhkan mereka daripada Malaysia. Sebagai contoh, banyak kawasan yang dibangunkan masih tiada perkhidmatan *high-speed broadband* dengan izin.

Proses barang-barang yang diimport masuk ditahan di pelabuhan atas pelbagai sebab. Permintaan bayar balik cukai import dan eksais dan juga cukai pendapatan selalunya ambil masa panjang yang tidak munasabah. Prosedur untuk membayar balik cukai memerlukan pasukan audit menyemak terlebih dahulu. Akan tetapi, audit mengambil masa yang terlalu lama untuk memberi pelepasan untuk memproseskan bayaran balik.

Proses kelulusan daripada semua agensi dan pihak berkuasa yang berkenaan mengambil masa yang terlalu lama untuk penubuhan syarikat dan kilang. Proses ini harus dipendekkan dan menubuhkan satu agensi untuk menyelaraskan semua agensi lain untuk bersatu di bawah tanggungjawab agensi yang dilantik dan menyelesaikan segala isu yang berbangkit. Pelabur-pelabur asing sentiasa mengalami masalah dalam pengambilan pekerja-pekerja yang mahir, bukan hanya dalam aspek teknikal tetapi dalam aspek kemahiran menyelesaikan masalah. Maknanya *problem solving skills*, dengan izin.

Sistem pendidikan harus dikaji semula untuk memastikan graduan-graduan daripada IPT dan IPTS yang praktikal untuk menyesuaikan diri di dalam dunia ekonomi kini. Walaupun kerajaan Barisan Nasional memperkenalkan insentif untuk menarik balik pakar-pakar dalam pelbagai bidang tetapi ianya gagal. Saya berharap kerajaan Pakatan Harapan memahami bahawa bukan gaji sahaja yang menjadi kriteria seseorang warga yang bekerja di negara lain untuk membuat keputusan balik ke tanah air atau tidak, sebaliknya kriteria-kriteria lain seperti keselamatan, peluang kenaikan pangkat, sikap penjawat awam dan agensi-agensi kerajaan, sistem dan kualiti pendidikan adalah amat penting untuk mereka membuat keputusan supaya pulang ke tanah air.

Proses pengambilan pekerja-pekerja asing juga menjadi satu isu besar yang dihadapi oleh pelabur-pelabur tempatan dan asing. Proses permohonan mempunyai banyak tahap dan agensi tidak profesional dalam pengurusan untuk membantu mendapatkan permit kerja. Kebanyakan permohonan ada dalam status, dalam proses, dengan izin walaupun permohonan telah dibuat dalam satu atau tiga tahun yang lalu. Saya difahamkan ini adalah satu kelakuan sengaja untuk perasuah. Saya menyeru Kerajaan Pakatan Harapan untuk menyiasat tuduhan ini.

#### ■1850

Pada masa yang sama saya dengan izinnya, ingin memberi satu cadangan untuk menambah baik Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan menyatukan semua pindaan undang-undang atas akta yang tersebut di dalam satu akta baharu yang akan diselaraskan dengan perkembangan di dunia komersial yang terkini. Tidak lupa, cara-cara menyediakan akaun telah banyak berubah sejak tahun 1967 dengan pengenalan piawaian perakaunan dengan izin, *accounting standards* yang semakin rumit. Satu akta cukai pendapatan yang lebih *tax payer friendly* dengan izin, dan memperkenalkan kadar cukai yang lebih berdaya saing atau *competitive* dengan izin, sudah pasti akan membantu pembayar cukai melaporkan keuntungan yang benar dan hasil kutipan cukai pendapatan bagi kerajaan pun pada masa yang sama akan meningkat besar.

Akta Cukai Pendapatan harus memberi kepentingan kepada pembayar cukai supaya taksiran perbelanjaan yang dibenarkan lebih adil dan saksama dengan mengambil kira amalan komersial. Sebagai contoh, keraian dan fi setiausaha korporat, juruaudit dan jurukira hanya boleh dibenarkan jika mematuhi syarat-syarat yang kurang munasabah bagi dunia korporat. Akta Pendapatan baharu harus juga diselaraskan dengan Akta Keuntungan Harta Tanah atau *Real Property Gains Tax* dengan izin, untuk mengelakkan satu keuntungan harta tanah boleh dikenakan cukai di bawah kedua-dua akta yang membolehkan pembayar cukai atau Lembaga Hasil Dalam Negeri memilih mana yang lebih manfaat kepada mereka.

Banyak masa dan juga duit akan dibazirkan jika berlaku pertentangan pendapat di antara pembayar cukai dan Lembaga Hasil Dalam Negeri di dalam sesuatu perkara dengan membawa kes ke mahkamah. Justeru, adalah lebih baiknya jika Akta Cukai Pendapatan yang baharu membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan yang biasa dan munasabah bagi sesuatu *business* dan juga fi yang harus ditanggung oleh pembayar cukai oleh sebab keperluan akta-akta lain.

Begitu juga jika satu keuntungan harta tanah berlaku, adalah baiknya keuntungan harta tanah itu hanya dikenakan cukai di bawah Akta Keuntungan Harta Tanah sahaja kecuali bagi pembayar cukai yang aktivitiya berkait dengan pemaju rumah atau komersial atau kilang atau percampuran di mana keuntungan itu harus dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan. Dengan izin, saya bercadang bahawa Cukai Keuntungan Harta Tanah adakan satu kadar sahaja tidak kira berapa lama harta tanah itu dipegang sebelum 'cagaran'. Kadar itu harus lebih kurang daripada kadar maksimum 30 peratus dan lebih tinggi daripada kadar sifar yang berkuat kuasa setakat ini.

Akta Syarikat 2016 kena disemak semula supaya amaun denda-denda dan tempoh penjara yang tersebut di dalam keseluruhan akta itu boleh dikurangkan ke tahap 50 peratus bagi syarikat persendirian atau syarikat tanpa kepentingan awam. Saya yakin dengan perubahan-perubahan yang saya cadangkan di atas akan mengurangkan *red tape* dengan izin, dan juga pembaziran sumber daripada pihak bukan sahaja kerajaan tetapi pembayar cukai juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila gulung.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Sudah tidak cukup masa, jadi saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong sepenuhnya Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau kerana menepati masa. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar.

**6.54 ptg.**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya serta inayah-Nya, dapatlah saya berpeluang untuk pertama kalinya ucapan sulung saya membahaskan usul menjunjung Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi pembukaan Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tingginya terima kasih yang tidak terhingga kepada warga rakyat P.084 Paya Besar kerana telah memberi amanah dan mandat yang besar kepada saya untuk menjadi wakil rakyat kepada kawasan Parlimen Paya Besar untuk membawa suara, membawa harapan dan

membawa segala keluh resah rakyat Paya Besar di Dewan yang mulia ini. *Insyah-Allah*, saya akan memikul amanah ini dengan sebaik mungkin bagi menjalankan tanggungjawab tugas dengan penuh keinsafan dan rasa tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, saya ingin menegaskan bahawa kami menyatakan ikrar kesetiaan dan kasih yang tidak berbelah bahagi kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Perkara ini selaras dengan salah satu perkara dalam Rukun Negara, "*Kesetiaan kepada Raja dan Negara*". Saya ingin tegaskan bahawasanya Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, konsep Raja Berperlembagaan amat penting sekali kerana ia telah menjadi satu teras kerukunan yang kita pegang selama ini kerana apa, kita mesti mempunyai Raja yang perlu ditaati. Kita mesti mempunyai negara yang menghormati perlembagaan dan kerukunannya. Dengan itulah, barulah dapat kita mencipta sinergi keharmonian dan keamanan bernegara.

Kita mesti melihat bahawasanya konsep kesetiaan kepada Raja dan negara ini semakin hari semakin tercabar dan mungkin sengaja dicabar kerana Kerajaan Pakatan Harapan memerintah. Dalam perihal pelantikan Peguam Negara secara contohnya, mengapa pihak kerajaan menunjuk kedegilan dan kederhakaan kepada institusi Raja dan mengapa nasihat dan pandangan pihak istana tidak dipertimbangkan. Kita mesti memahami sebagai wakil rakyat di Dewan yang mulia ini, inti pati titah Tuanku jelas menggambarkan harapan supaya pentadbiran negara kita akan berjaya memenuhi ekspresi rakyat, beriltizam untuk mengangkat satu kehidupan rakyat yang lebih pentingnya memelihara dan memperkukuhkan keharmonian kaum, hentikan dalam kita mengungkit perkara-perkara yang melibatkan sensitiviti kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti melihat bahawasanya apa yang telah berlaku 61 tahun yang lepas, Kerajaan Barisan Nasional telah memimpin negara ini ke satu tahap yang lebih baik. Itu sebabnya saya yakin dan percaya, apa yang kita harus lihat pada hari ini ialah bagaimana kita mesti melihat segala perkara-perkara yang kita fikirkan amat baik untuk diteruskan, kita mesti teruskan. Kita tidak boleh memadam sejarah bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional telah meletakkan negara kita di peta dunia dengan satu kejayaan yang mendapat pengiktirafan daripada badan-badan yang berautoriti antarabangsa.

Akan tetapi, kita seolah-olahnya melihat kerajaan baharu yang ada pada hari ini seolah-olahnya ingin memadam sejarah kejayaan ini seolah-olahnya bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional yang telah mentadbir negara dalam satu tempoh yang agak

lama tidak pernah melakukan apa-apa kejayaan. Sebagai contoh Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), dahulunya mereka mengatakan bahawa BR1M ini adalah satu perkara yang disifatkan sebagai haram.

Ada juga yang dilihatkan kejap-kejap hendak hapus, kejap-kejap hendak teruskan, tetapi akhirnya apa yang diputuskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini, mereka ingin meneruskan dengan mengubah nama Bantuan Sara Hidup. Inilah contoh-contoh bahawasanya apa yang telah diputuskan oleh Kerajaan Barisan Nasional amat baik sekali dan tidak salah. Kerajaan hari ini sepatutnya meneruskan apa legasi yang baik kerana apa, kita yakin bahawa kerajaan yang baharu pada hari ini juga membawa aspirasi rakyat bukan sahaja rakyat yang mengundi mereka, tetapi rakyat Malaysia secara amnya.

Saya tidak mahu bahawasanya di Dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan Pakatan Harapan seolah-olahnya ingin mencipta perkara-perkara yang bersifat populis dan persepsi. Sebagai contoh, kerajaan berbohong kepada rakyat tentang jumlah hutang negara yang sangat tinggi sehingga melebihi RM1 trilion. Saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan, bolehkah disebut dengan jelas di Dewan yang mulia ini, berapa sebenarnya jumlah hutang negara.

Ini kerana apa, jumlah hutang negara ini telah memberikan satu implikasi yang amat buruk kepada ekonomi negara. Kalau kita lihat sahaja pada Bursa Saham apabila *Bloomberg* dalam laporannya pada Jun lalu, indeks petunjuk utama Bursa Saham jatuh 1 peratus menjadikan penurunan sebanyak 11 peratus yang meningkat pada dua bulan sebelumnya. Kejatuhan itu merupakan penurunan 9 hari berturut-turut dan akhirnya, pasaran saham Malaysia telah menjadi antara yang terburuk sejak April, menyusut sebanyak 10 peratus.

#### ■1900

Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini kita amat memahami sejak Mei 2018, pelabur asing tidak berkeyakinan dan telah menarik dana ekuiti pada setiap hari. Pelabur asing menarik jumlah keluar sejumlah USD880 juta atau RM3.5 bilion daripada ekuiti tempatan pada bulan Jun selepas membawa keluar sebanyak RM5.62 bilion pada bulan Mei 2018. Lebih mendukacitakan nilai mata wang ringgit juga merosot dengan teruk. Hari ini sahaja jumlah wang ringgit kita berbanding dengan nilai Amerika Syarikat sebanyak RM4.06. Saya ingin bertanyakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, bagaimanakah kedudukan sebenar ekonomi negara

dan berapakah jumlah pelabur yang telah dibawa oleh Pakatan Harapan semasa memerintah?

Isu kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa Dewan yang mulia ini kepada CEP dengan izin *Council of Eminent Persons* telah ditubuhkan pada Mei 2018, kerajaan mengatakan bahawa CEP membantu pihak kerajaan membentuk dasar dan program untuk mencapai 100 hari janji Pakatan Harapan. Saya melihat CEP lebih dilihat bertindak melebihi sekadar menasihati pihak kerajaan dengan mengawal dengan izin, *absolute power* sehingga melangkau keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kabinet seolah-olahnya bersaing dengan Menteri-menteri. Saya mengharapkan Kementerian Kewangan perlu mengumumkan di Dewan yang mulia ini berapakah gaji, *allowance*, keistimewaan dan kemudahan yang diterima oleh setiap ahli CEP kerana rakyat berhak tahu kerana mereka juga dibayar menggunakan wang rakyat. Kedua, di Dewan yang mulia ini kita mahu pendirian pihak kerajaan sama ada benarkah tempoh untuk CEP ini hanya untuk 100 hari, manalah tahu 18 hari lagi akan berlaku *U-turn* yang berikut-berikutnya.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu daripada Paya Besar, daripada rakyat-rakyat yang telah memberikan mandat kepada Barisan Nasional pada pilihan raya lepas berkaitan tujuh projek yang harus mendapat perhatian kementerian-kementerian. Kita juga ingin bertanya kepada Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar berkaitan status moratorium perlombongan bauksit di FELDA Bukit Goh. Kenapa Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah pada hari ini adalah perjanjian, peneroka berjanji dengan pihak syarikat. Syarikat tidak boleh melakukan apa-apa tindakan sama ada membenarkan tanah yang telah disewa kepada syarikat dikembalikan kepada pemilik selagi belum ada keputusan daripada Kerajaan Persekutuan. Kita mohon kementerian untuk menyatakan pendirian pihak kementerian.

Kedua kita mohon juga supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mewujudkan sebuah balai bomba di kawasan bandar Gambang. Ini kerana setakat hari ini apabila berlaku sahaja masalah di kawasan Gambang, masalah di kawasan Lepar Hilir di kawasan FELDA mereka terpaksa mendapatkan bantuan daripada balai bomba yang kira-kira satu jam. Apabila berlaku sebarang kebakaran satu jam baru bantuan daripada balai bomba yang berhampiran di Taman Tas. Saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mewujudkan balai bomba dengan seberapa yang segera.

Berkaitan Sekolah Kebangsaan Paya Bungor, saya minta Kementerian Pendidikan supaya mewujudkan sebuah padang sekolah. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Kebangsaan Paya Bungor sudah hampir 100 tahun dan tidak ada sebuah padang sekolah. Kerajaan terdahulu telah berjanji untuk mewujudkan sebuah padang sekolah dan saya mengharapkan kementerian yang ada pada hari ini dan kerajaan yang ada pada hari ini untuk meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penggulungan Tuan Yang di-Pertua, apa yang paling pentingnya adalah bagi kita supaya kementerian dan kerajaan yang ada pada hari ini mesti mengambil kira tentang masa depan terutamanya masa depan anak-anak muda. Anak-anak muda sedang memerhati apa yang sedang ditadbir oleh kerajaan pada hari ini dan pada saya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hari ini perlu belajar dan bekerjasama dengan pihak pembangkang yang mempunyai pengalaman mentadbir di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Ini kerana pengalaman-pengalaman tadbir dan menguruskan negara dengan baik dan berjaya dan cemerlang.

Usah sombong dan berdendam dengan dendam politik yang sempit dan jumud itu, kita tidak akan boleh membawa Malaysia ke tahap yang lebih baik. Mari kita bekerja untuk rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat kawasan Nibong Tebal.

**7.05 mlm.**

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ke Bawah Duli Tuanku bertitah di antara lain, menyeru anggota Dewan yang mulia ini memberi perhatian kepada beberapa perkara pokok dan saya menyokong Titah Baginda supaya kita semua berusaha. Pertama, memelihara ketenteraman awam bagi menjamin kestabilan politik sebagai teras utama pembangunan negara. Kedua, memperbaiki ataupun memperkasakan ekonomi rakyat dan ketiga mengiktiraf sumbangan golongan pekerja dan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan Pakatan Harapan merakamkan penghargaan dan mengucapkan setinggi terima kasih kepada rakyat Malaysia yang bangkit dengan

berani membuat perubahan menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional dan menobatkan Pakatan Harapan sebagai kerajaan baru dalam PRU14 pada 9 Mei lepas. Pakatan Harapan menang PRU14 dengan bergaya. Mengapa saya berkata demikian? Pertama, Pakatan Harapan berjaya kekalkan kemenangan di negeri-negeri Selangor dan Pulau Pinang yang berjaya ditawan daripada Barisan Nasional dalam PRU tahun 2008 melalui Pakatan Rakyat pada ketika itu dan telah membuktikan prestasi pemerintahan yang cemerlang di kedua-dua negeri tersebut.

Keduanya, dalam PRU14 Pakatan Harapan dapat menawan dan membentuk kerajaan di negeri Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, negeri Johor, ya negeri Johor yang dikatakan negeri kubu kuat UMNO. Bersama-sama dengan Warisan dapat merampas negeri Sabah dari Barisan Nasional. Direkodkan juga Tuan Yang di-Pertua, yang undi popular Pakatan Harapan melonjak naik malah lebih tinggi dari undi popular yang diperolehi dalam PRU13. Contohnya dalam pertandingan tiga penjuror undi popular Barisan Nasional merudum daripada 49 peratus yang mereka perolehi dalam PRU13 kepada hanya 37 peratus dalam PRU14. Manakala Pakatan Harapan mencatat 43 peratus undi popular dan PAS memperoleh 19 peratus.

Seterusnya Pakatan Harapan dapat memenangi hampir ke semua kerusi-kerusi campuran yang ditandingi bermakna beroleh kejayaan di kawasan-kawasan pilihan raya yang komposisi penghuninya merangkumi keseimbangan kaum yang tidak ada majoriti ketara di kalangan pelbagai kaum. Contohnya, seperti 52 ke 48 peratus, Melayu dan bukan Melayu nisbahnya. Yang mana kerusi-kerusi ini Tuan Yang di-Pertua yang dahulunya di bolot oleh Barisan Nasional ataupun dikatakan sebagai *fixed deposit* Barisan Nasional, dengan izin.

Pakatan Harapan juga berjaya kemenangan apabila berjaya menang dengan majoriti berlipat ganda di kebanyakan kerusi-kerusi yang ditandingi oleh calon-calonnya. Saya kekurangan masa, tak dapat sebut kerusi-kerusi tersebut tetapi di seluruh negara keseluruhan calon-calon Pakatan Harapan memenangi dengan majoriti yang cukup lebih. Lebih penting lagi juga Tuan Yang di-Pertua, Pakatan Harapan mendapat sokongan daripada pengundi-pengundi awal iaitu anggota keselamatan dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang dahulunya ini merupakan undi deposit bagi Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya kemenangan bergaya ini? Apa signifikannya, apa pengajaran yang dapat kita perolehi dan apakah harapan rakyat di masa hadapan? Natijahnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat menuntut kerajaan baru

Pakatan Harapan bekerja lebih keras untuk pertamanya, menjamin kestabilan politik dengan membuat perubahan-perubahan tertentu dalam sistem politik sama ada dalam aspek pemerintahan dan juga politik pilihan raya. Rakyat menuntut supaya budaya politik diubah, mesti berganjak daripada politik yang berpaksikan perkauman kepada politik yang berteras atau berorientasikan isu-isu kepentingan rakyat, maka Kerajaan Pakatan Harapan perlu memupuk budaya politik baru ini.

#### ■1910

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, rakyat menuntut supaya PH memakmurkan negara dengan pertumbuhan ekonomi yang mantap dan menjamin kelestariannya. Ketiga, merakyatkan ekonomi negara ataupun memperkasakan ekonomi rakyat dan ini cukup konsisten dengan apa yang ditah oleh Tuanku Yang di-Pertuan Agong. PH memenangi Pilihan Raya ke-14 bukan secara *accident*, dengan izin, *it's not an accidental win*. Kita boleh gariskan tiga faktor utama kemenangan ini. Pertama, ia terhasil daripada gerak kerja reformasi yang dipelopori oleh Mantan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim semenjak tahun 1998 lagi. Pekerjaan dan gerak kerja yang mantap ini disokong oleh Pakatan Rakyat pada ketika itu iaitu parti-parti DAP dan juga PAS. Slogan '*lawan tetap lawan*' itu Tuan Yang di-Pertua, terbukti menjadi kenyataan dengan membangkitkan isu-isu reformasi serta isu-isu rakyat iaitu kepincangan-kepincangan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan pemerintah yang rakyat mahu tahu dan lebih penting lagi, mahu ditangani dengan segera.

Jadi, slogan itu Tuan Yang di-Pertua, '*lawan tetap lawan, lawan sampai menang*', memang menjadi kenyataan. Kedua, dengan tertubuhnya Pakatan Harapan yang dianggotai oleh PKR, DAP, Bersatu dan juga Amanah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Langkawi, terbukti menjadi satu suntikan yang berkesan dalam mempengaruhi rakyat untuk membuat perubahan dalam negara ini.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, ialah rekod kecemerlangan yang ditunjukkan oleh Kerajaan-kerajaan Pakatan Harapan di negeri Selangor dan juga negeri Pulau Pinang dengan melaksanakan berbagai-bagai Program Peduli Rakyat, maka rakyat memberi sambutan yang cukup hebat kepada program-program itu. Saya menyeru yang program-program ini perlu diteruskan untuk memenuhi harapan baru yang disuarakan oleh rakyat melalui pilihan raya yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, program-program ini seperti yang saya sebutkan tadi perlu diteruskan. Saya ingin menyentuh program-program yang merakyatkan ekonomi negara

ataupun dalam usaha-usaha untuk memperkasakan ekonomi rakyat dengan memberi fokus kepada satu program khusus iaitu Program Mikrokredit TEKUN. Tuan Yang di-Pertua, TEKUN secara ringkasnya, sejarah penubuhannya ialah tercetus dari Konvensyen Ekonomi Bumiputera Pulau Pinang dalam tahun 1994. Objektifnya untuk melaksanakan skim mikro kredit untuk membantu peniaga-peniaga kecil mendapatkan kemudahan pinjaman bagi mengembangkan aktiviti perniagaan mereka. Didapati perniagaan memerlukan modal pusingan.

Jadi, kita ada satu kajian yang dilaksanakan sebelum TEKUN dilaksanakan. Kita dapati yang 70 peratus peniaga-peniaga kecil ini memerlukan pinjaman tambahan untuk mengembangkan perniagaan mereka. 70 peratus ini bermakna, kalau 1,000 orang - RM700, kalau 1,000 orang - 7,000 orang yang memerlukan modal pusingan ini. *Tagline* ia pada masa itu dan hingga ke hari ini saya percaya ialah 'mudah, cepat dan tidak membebankan'. Mudah - kerana satu *form* saja, cepat - kerana lebih kurang 10 hari dapat diluluskan, tidak membebankan - kerana tidak ada *collateral* dan tidak begitu membebankan seperti pinjaman-pinjaman di luar. Projek perintis telah pun dijalankan di Pulau Pinang pada waktu itu. Daripada tahun 1998, TEKUN Nasional ditubuhkan dan Februari 2008 Yayasan TEKUN dinamakan sebagai nama baru dengan TEKUN Nasional, di bawah seliaan Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani.

Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaan dan isu-isu serta prestasinya. TEKUN dapat pembiayaan melalui pinjaman daripada Kementerian Kewangan dan geran dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Bermula dari tahun 1998 contohnya hingga ke tahun 2016, TEKUN dapat pembiayaan pinjaman RM1.86 bilion dengan geran berjumlah RM670 juta. Pada keseluruhannya, TEKUN telah menyalurkan pinjaman sejumlah RM42.9 bilion kepada 473,182 orang ataupun pinjaman ataupun usahawan. Soalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita nilai prestasinya, kalau kita perhatikan 18 tahun pelaksanaannya, jumlah pinjaman yang ditawarkan ataupun yang disalurkan ialah kepada 473,182 usahawan. Ini bermakna, lebih kurang 26,334 orang pinjam satu tahun dan kalau satu bulan adalah 2,194 orang dan ada 196 bilik operasi untuk melaksanakan TEKUN.

Ini bermakna, kalau bahagi 2,194 dengan 196 bilik operasi, satu operasi hanya mengeluarkan pinjaman 12 orang. Ini adalah satu prestasi yang cukup-cukup lemah, a *very dismal performance*, Tuan Yang di-Pertua. Justeru, saya perlu sangat-sangat untuk semak sistem penyaluran modal-modal ini. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Laporan Audit 2007 melaporkan yang TEKUN mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM209

juta. RM410 juta telah diisytiharkan sebagai hutang lapuk ataupun 96 peratus dan bayaran balik keseluruhannya direkodkan sejumlah RM2.71 bilion ataupun 63.2 peratus. Justeru, ini bermakna sistem kutipan bayaran balik adalah tidak begitu baik kalau kita bandingkan dengan Amanah Ikhtiar Malaysia umpamanya, yang mencatat sistem bayaran balik sebanyak 99 peratus.

Laporan Audit juga menyebutkan TEKUN gagal melaksanakan tiga projek yang dirancang pelaksanaannya seperti Portal Keusahawanan TEKUN, Kad Komuniti Usahawan TEKUN, *Cyber Mall* dan ketiga-tiga projek ini melibatkan kerugian sebanyak RM872,000. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya Jabatan Audit melaporkan atau merumuskan pengurusan aktiviti TEKUN Nasional adalah selaras dengan objektif penubuhannya tetapi kurang teratur, ini adalah kerana penilaian keberkesanan pembiayaan tidak dilaksanakan. Kutipan bayaran balik pembiayaan pula tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan menyebabkan kadar NPL dan hapus kira yang tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Ya, saya akan *conclude*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Ya, hendak gulung sudah. Selain itu, terdapat amaun bayaran balik usahawan berjumlah sebanyak RM96 juta yang tidak dapat dikenal pasti. Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara ini perlu diambil tindakan segera untuk tangani kepincangan-kepincangan yang terdapat dalam TEKUN. Justeru, organisasi TEKUN perlu disusun semula dan saya sarankan supaya ia nya di *centralize*, maknanya memberi kuasa lebih kepada di peringkat negeri. Skim ini perlu diteruskan untuk memberi kepentingan kepada rakyat, terutama sekali peniaga-peniaga kecil yang memerlukan modal tambahan. Sekian Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Memang tidak mengizinkan. *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat sudah dapat lima minit tambahan.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oleh sebab dia memang khusyuk dalam hujah dia, kita biarlah dia habiskan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Limbang.

**7.18 ptg.**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismilaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang saya turut berbahas. Saya menjunjung kasih Titah Duli Yang di-Pertuan Agong dan turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan-timbalannya di atas lantikan. Tahniah juga saya ucapkan kepada seluruh Ahli Dewan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat untuk rakyat dalam PRU 14 yang lalu.

Semoga kita bersama-sama menjulang amanah ini dengan jujur dan penuh dedikasi sebagaimana yang di titahkan oleh Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Senario sekarang berubah dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan yang baru dan hal ini sekali gus membuktikan bahawa demokrasi di negara kita yang tercinta ini masih subur. Menteri baru, Timbalan Menteri baru, mungkin dasar dan polisi juga berubah, ada yang terlepas pandang, apatah lagi dalam *transition* ini, dengan izin. Saya berpandangan, berfahaman dan berharap walaupun kerajaan berubah, namun agenda untuk membangunkan negara serta rakyatnya disambung dan diteruskan. Banyak sudah janji-janji, tawaran-tawaran yang diluahkan dan diucapkan.

*Terlajak sampan boleh ditarik,*

*Terlajak kata sudah dicatat,*

*Terlajak janji sudah pun diikat.*

**■1920**

Saya beralih kepada *Oil Mining Ordinance*, dengan izin, yang ingin saya suarakan yang telah pun dipinda di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Saya ingin membawa sedikit pengisian atau pun sedikit sedutan daripada apa yang telah diusulkan. Pindaan tersebut akan membolehkan negeri Sarawak untuk menguatkan lagi kawalan pengawal seliaan ke atas cari gali petroleum, dengan izin, *which by definition includes natural gas* dan aktiviti perlombongan di negeri Sarawak ini sama ada di daratan (*on shore*) mahupun di luar pesisir (*off shore*) *in the continental shelf* dengan mengambil kira bahawa takrif tanah negeri dalam seksyen 2 *Land Code*, dengan izin, *includes the foreshore and beds of the sea within the boundaries of Sarawak as extended by the Sarawak (Alteration of Boundaries) Order in Council 1954*. Dengan izin, *the British Government safeguarded Sarawak's rights to the oil and gas resources in the continental*

*shelf by the Sarawak Order 1954 to extend the boundaries of Sarawak to cover the seabed and subsoil in the continental shelf without affecting the character of the high seas above the continental shelf.*

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *when Parliament pass the Continental Shelf Act in 1966 and Petroleum Mining Act 1966 to regulate mining of petroleum in the continental shelf, this act was not extended to Sarawak. However, these two acts were makes applicable to Sarawak after the 1969 Proclamation of Emergency when in the exercises of emergency powers on the Article 150 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong promulgated the Emergency (Essential Orders) Ordinance No. 10 to extend the said acts to Sarawak and Sabah.*

Walau bagaimanapun, *Oil Mining Ordinance 1958* tidak pernah dimansuhkan oleh *Emergency Ordinance No. 10* yang mana tidak lagi berkuat kuasa pada tahun 2012 as *Articles 150(7)* daripada Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua undang-undang yang diluluskan semasa *emergency* hendaklah terhenti berkuat kuasa enam bulan selepas *Proclamation of Emergency is annulled by Parliament*, dengan izin. *The said Proclamation of Emergency was annulled by both houses of Parliament at the end of year 2011.*

Oleh itu, dari tahun 2012, *Oil Mining Ordinance* menjadi satu-satunya undang-undang yang mengawal selia penerokaan cari gali dan perlombongan petroleum di negeri Sarawak sama ada di daratan mahupun di luar persisiran. Dinyatakan juga di dalam usul secara mendalam bahawa dengan mengambil kira seksyen 8 Akta Pembangunan Petroleum 1974, syarikat-syarikat minyak tidak dikecualikan daripada memenuhi *Oil Mining Ordinance* dan juga *Land Code* apabila menjalankan aktiviti cari gali dan perlombongan di Sarawak. Kerajaan negeri tidak pernah mengecualikan tanggungjawab mana-mana syarikat minyak daripada mematuhi undang-undang negeri kami apabila menjalankan aktiviti-aktiviti hulu tersebut sama ada di daratan mahupun di luar persisiran negeri Sarawak.

Tujuan mengawal selia aktiviti hulu adalah untuk memastikan ia mematuhi undang-undang negeri Sarawak. Undang-undang ini adalah untuk memastikan bahawa eksploitasi sumber-sumber berharga negeri dilaksanakan dengan cara yang memberi kepentingan terbaik untuk negeri dan rakyatnya. Dengan izin, *the state ought to be able to derive optimal economic and fair and equitable monetary return from hydrocarbon resources. The state seeks to have the greater and more meaningful participation in both the upstream and downstream sector of the oil and gas industries for Sarawakian and*

*Sarawak's companies. For this reason, petrol source form to derive this agenda of the state.*

Mana-mana syarikat minyak sekali pun apabila beroperasi dalam Sarawak mestilah mematuhi undang-undang negeri terutamanya *Oil Mining Ordinance* dan *Land Code*. Apa yang rakyat Sarawak mahu hanyalah agar undang-undang negeri dihormati dan aspirasi kami untuk mendapat kawalan pengawal seliaan eksplorasi cari gali minyak dan gas yang lebih baik dan juga kelebihan dan hasil pulangan daripada minyak dan gas yang diperolehi di dalam kawasan Sarawak yang lebih adil dan saksama. Kerajaan Negeri Sarawak mahu memastikan agar aspirasi rakyat Sarawak direalisasikan dan akan terus memperjuangkan hak-hak negeri untuk minyak dan gas yang diperolehi sama ada di daratan mahupun di luar pesisir.

Hasil daripada pindaan umum ini akan mewujudkan lebih banyak rangka kerja pengawal seliaan yang lebih efisien dalam sektor hulu dan hiliran dengan penguatkuasaan ordinan ini. Ini adalah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak komited dalam usaha untuk menjaga hak dan kepentingan negeri Sarawak terhadap sumber minyak dan gasnya. Kerajaan negeri juga bersedia untuk bekerjasama secara konstruktif dengan Petronas untuk mewujudkan rangka kerja bagi tujuan mengawal selia aktiviti cari gali dan perlombongan gas dan minyak di Sarawak.

Rangka kerja pengawal seliaan tersebut dijangka tidak akan melemahkan operasi dan pelaburan Petronas di Sarawak dan mestilah menunjukkan kesediaan dan kesanggupannya untuk menghormati dan mematuhi Undang-undang Kerajaan Negeri Sarawak dan perlulah menunjukkan komitmen dalam usaha untuk memenuhi aspirasi negeri Sarawak agar pulangan hasil daripada eksploitasi minyak dan gas adalah saksama dan penyertaan anak-anak Sarawak dan syarikat-syarikat Sarawak perlu diperbanyakkan dan diperluaskan dalam sektor hulu mahupun sektor hiliran minyak dan gas di negeri Sarawak. Saya berharap perundingan yang telah, sedang dan akan dilakukan berjalan dengan lancar dan tidak perlulah saman menyaman dan akan mewujudkan situasi kepentingan Sarawak khususnya dan Malaysia amnya.

Saya beralih kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan di tempat saya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bilakah Lebuh Raya Pan Borneo Fasa 2 akan diteruskan iaitu di kawasan Limbang dan Lawas? Di mana Menteri Kerja Raya adalah daripada Lawas. Saya juga ingin menyentuh tentang apa yang telah pun dibincangkan dengan kerajaan negara jiran, negara Brunei Darussalam iaitu tentang

persoalan *seamless drive* yang telah dibawa oleh kerajaan sebelum ini dalam *bilateral meeting* dengan negara Brunei.

Keduanya, apakah perancangan kerajaan khususnya Menteri Kesihatan tentang khidmat pakar yang telah ditamatkan serta-merta di Hospital Limbang? Pada masa ini, di Limbang ada pakar untuk ibu-ibu yang mengandung, *gynecology*, dan apabila berlaku perubahan ini, ia ditamatkan serta-merta dan sekarang ini ibu-ibu yang mempunyai masalah terpaksa di bawa ke Miri. Mereka mengadu bukannya kos, Yang Berhormat, tetapi sakitnya ibu mengandung dibawa pakai jalan darat ke Miri sebab perkhidmatan pakar ekspatriat daripada Burma ini telah pun ditamatkan dengan serta-merta. Jadi saya rasa ini adalah satu penyeksaan kepada ibu-ibu kita, ibu-ibu wanita yang mengandung. Sebelum ini, setelah dipinta, dipohon oleh saya dalam Dewan ini, *alhamdulillah*, ia nya berhasil tetapi sekarang ini pula ditamatkan.

Jadi, ketiganya apakah bantuan-bantuan kepada Kementerian Kebajikan? Apakah bantuan-bantuan yang bermacam-macam sebelum ini akan diteruskan atau pun tidak?

Keempatnya, apakah langkah-langkah Kementerian Kesihatan untuk menyiapkan Klinik Long Napir yang sudah pun dibina tetapi terbengkalai disebabkan oleh pelaksanaan kontraktor tidak cekap? Jadi, apakah usaha?

Seterusnya kepada KPLB. Apakah langkah-langkah untuk menyiapkan Fasa 2 Jalan Meritam-Telahak dan Buangabai-Pengkalan Rejab yang juga terbengkalai. Fasa 4 sedang dibina, Fasa 3 sudah siap, Fasa 1 sudah siap. Fasa 2 ini. Saya berharap kerajaan baharu ini dapat menyelesaikannya.

Seterusnya kepada Kementerian Kesihatan. Saya mewakili seluruh rakyat Sarawak juga ingin bertanya apakah servis *flying* doktor di Sarawak akan diteruskan atau pun tidak? Ini persoalan sekarang.

Seterusnya, apakah kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek mesra rakyat yang telah pun diluluskan pada awal tahun 2018 yang begitu bermakna kepada rakyat di kampung-kampung, di luar bandar dan di rumah-rumah panjang?

Seterusnya, apakah kerajaan akan meneruskan pembinaan Klinik Nanga Medamit yang telah pun diluluskan untuk memindahkannya ke Pekan Medamit di Limbang?

Penghabisan sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah sebelum ini kita selalu mendengar dalam Dewan tentang judi siber yang begitu berleluasa. *Alhamdulillah*, pada hujung tahun lepas, ia bersih semuanya. Saya baru menerima telefon bahawa perkara ini berleluasa lagi balik khususnya di Limbang. Ini pagi tadi saya kena telefon. Jadi saya

minta kepada KDN teruskanlah usaha untuk memastikan judi siber ini tidak menular lagi seluruh negara demi untuk kepentingan anak-anak muda generasi muda kita.

Maka, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana memberi peluang kepada saya dan saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong . Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah.

### 7.29 mlm.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Bismilahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut sama berbahas menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya juga mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua yang kembali ke Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua yang lepas juga, saya ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini, saya ingin menyentuh dua isu nasional dan satu isu kawasan saya.

#### ■1930

Pertamanya ialah isu tentang harga sawit dan harga getah yang sangat rendah sekarang dan sangat membebankan penanam sawit serta penoreh getah dan juga kita sebagai rakyat Malaysia kerana ia membebankan kewangan negara.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya pernah sarankan dulu harga sawit sama sekali tidak akan stabil dan tinggi kalau kita gagal untuk melaksanakan beberapa perkara asas. Perkara asasnya ialah sawit ini ialah makanan. Asasnya dicipta oleh Allah SWT sebagai makanan. Maka kita kena kembali memasarkan sawit sebagai satu makanan sihat yang istimewa. Apabila kita dapat memasarkannya dengan bijak seperti mana juga sekarang kelapa dipasarkan sebagai *virgin coconut oil* atau minyak kelapa dara misalnya dan ia berjaya menangkap imaginasi masyarakat dan dalam benak masyarakat, minda mereka yang kelapa itu sihat. Maka imej kelapa telah berubah dengan begitu hebat. Kalau kita pergi ke Eropah dan kita masuk ke *supermarket* dan kita tanyakan produk atau kesihatan untuk apa-apa masalah, kita akan disyorkan kelapa. Malangnya itu tidak berlaku kepada kelapa sawit.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Antara sebabnya ialah kerana kita memasarkannya sebagai berbagai-bagai benda. Antara yang banyak kita berikan fokus ialah sebagai diesel. Saya harus menyebut di sini bahawa fokus itu tidak tepat. Kelapa sawit sebagai diesel sebagai misalnya tidak akan bertahan lama kerana dunia bergerak ke arah kenderaan elektrik. Dengan kita menjual kelapa sawit sebagai makanan dan sebagai diesel, maka dalam benak manusia ia serba boleh dan bukan terbaik sebagai makanan sedangkan ia sebenarnya makanan yang sangat berkhasiat. Ada nutriennya yang tidak ada di tempat lain. Vitamin E dalam bentuk *tocotrienol*, ada *coenzyme Q10* dan ada berbagai-bagai lemak tepu yang baik dan *medium chain fatty acid* dan berbagai-bagai benda.

Jadi kalau kita pasarkan dan dengan memasarkan melalui rangkaian orang-orang yang *health conscious* di barat dan di seluruh dunia, doktor-doktor dan juga pengamal perubatan dan juga orang-orang yang sekarang pasaran barang-barang kesihatan ini sangat besar. Mereka rasa sawit ini sangat baik, sangat elok, sangat penting dan mereka jatuh cinta kepada sawit. Maka masalah imej tadi akan selesai. Apabila ditohmah dengan pelbagai tohmahan seperti sekarang, ia tidak akan memberikan kesan yang besar. Itu kita lihat kepada kelapa. Ini kerana bila orang cinta, orang tidak akan pandang sisi lemah dan sisi buruk sesuatu produk atau seseorang itu.

Jadi itu perlu dilakukan dan itu saya pernah syorkan.....

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, boleh tak saya hendak tanya sikit?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Minta maaf. Sekejap. Sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Dari Parit Sulong.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Half a second.*

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, okey, okey. Terima kasih, terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penghujahan Yang Berhormat mengenai kelapa sawit. Soalan saya berkaitan dengan perkara ini adalah apa cabarannya sekarang ini yang boleh kementerian *encounter* ataupun dia boleh buat dalam usaha untuk kita memasarkan kelapa sawit sebab bila dekat luar sana dia banyak cabaran. Cabarannya yang saya rasa mungkin Yang Berhormat boleh kongsi juga dengan kita sebab Yang Berhormat sendiri sebagai seorang *medical person* yang banyak tahu mengenai kebaikan. Contohnya, santan kelapa sawit. Ia lebih baik daripada santan kelapa sebenarnya tetapi bagaimana kita hendak maklumkan kepada orang ramai mengenai perkara ini? Saya minta penjelasan pihak Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Itu yang saya sebut tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Saya sebut tadi, kita kena jenamakan dia sebagai makanan sihat yang istimewa. Agak panjang kalau hendak berucap tetapi selagi kita tidak jenamakan sebagai makanan sihat yang istimewa, maka masyarakat antarabangsa tidak akan melihat sudut baik dan sudut kekuatannya itu. Maka dengan cara itu, setiap apa yang ditohmah kepada sawit semua orang terima. Ini kerana rasa cinta, rasa tertarik itu tidak ada dalam hati pengguna.

Itu tentang sawit dan saya pernah mengutarakan konsep *virgin palm oil* yang mana warna merahnya itu penuh dengan antioksidan, *carotene* dan lain-lain lagi. Kita lihat tomato merah, kita rasa banyak antioksidan. Banyak baik. Kelapa sawit 50 kali lebih baik. 100 kali lebih baik. Maka itu perlu kita pasarkan. Dengan cara itu, maka lebih mudah kita menghadapi segala cabaran di Eropah dan di Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai getah. Harga getah rendah antara sebab terbesar ialah kerana kita tidak menggunakan getah. Kita tidak ada industri yang menggunakan getah. Saya sangat terkejut bahawa dari dulu perbincangan kita bila sebut tentang industri getah, kita hanya berkisar di sekitar jalan daripada getah. Kita tidak pergi kepada produk lain. Tadi sementara dalam perjalanan, saya *Google* tentang produk daripada getah asli dan ada lebih 50 jenis produk. Saya perlu sebut di sini, tayar getah asli, sarung tangan, kondom ada disebut, rantai, kasut *boot*, bahagian dalam tilam, kusyen, bantal, *bath tub plug* dengan izin, *aquarium tubing*, *faucet washers*, *rack baking* dengan izin, *surgical tubing*, *chemical resistant mats and pads*, *prosthetics rolling chair wheel*, *carpet underlays*, *mouse pads computer*, *headphone pads* dan lain-lain lagi. Banyak. Banyak produk. Maka pada saya untuk menyelesaikan masalah ini kita perlu mengadakan industri. Industri itu perlu di Malaysia. Kita kena bagi segala insentif supaya industri itu kukuh dan menarik pelaburan. Maka kita gunakan produk getah. Kalau tidak bila harga getah— bila negara luar seperti China dan US tidak membeli getah....

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** ...Maka harga getah akan rendah.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Mohon mencelah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Minta maaf. Sedikit sahaja. Tidak sempat. Minta maaf, minta maaf.

Itu kita perlu lakukan dan kita telah terlalu lama berlengah-lengah dengan *Rubber City*. Kena diteruskan. Seterusnya kita juga kena mengurangkan jurang pendapatan antara penoreh getah dan orang tengah. Saya ingat sungguh ketika harga getah rendah, ada orang tengah yang berpendapatan RM30,000 sebulan. Saya tidak kata dia menghisap darah. Tidak. Akan tetapi ada cara, ada kesilapan dalam mekanisme pemasarannya hinggalah penoreh sangat sedikit pendapatannya dan penjual getah tinggi pendapatannya. Itu kena diperbetulkan. Barulah selesai masalah harga getah tadi.

Di kesempatan yang sangat sedikit ini, saya hendak menyentuh sedikit isu – ada lagi isu lain tetapi tidak sempat. Isu nelayan. Kawasan saya ada ramai nelayan. Apa yang diperkatakan oleh nelayan bila kita tanya, antara masalah terbesar mereka ke laut ialah penguatkuasaan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan di laut dengan Akta Perikanan dan lain-lain lagi disebut oleh kebanyakan nelayan telah dilaksanakan dengan berhemah dan berkesan serta bijak oleh Jabatan Laut. Penguatkuasaan di laut tidak boleh dibuat secara robotik. Menguruskan nelayan terutamanya nelayan asing tidak boleh dibuat secara robotik. Ia sekompleks menguruskan pekerja-pekerja di industri lain seperti industri elektronik dan industri-industri lain di negara kita. Ia tidak mudah. Ini kerana ada bot yang diberikan syarat, bot itu mesti 20 peratus orang tempatan dan 80 peratus oleh orang asing. Akan tetapi orang tempatan bila mereka sakit, seorang misalannya ada kematian di kampung, semua pekerja tidak pergi. Bot yang keluar dengan 80 peratus warga asing tadi akan ditahan, disaman dan dikompaun sedangkan ini masalah teknikal yang boleh diselesaikan. Akan tetapi bila penguatkuasaan dibuat secara robotik, ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sebut di sini bahawa penguatkuasaan ini sangat penting dalam sektor perikanan di laut terutamanya di laut dalam kerana kompaunnya sangat berat. *Death sentence* dengan izin. Apabila kapal 400,000, 5000,000 atau 600,000 ditahan, setahun tidak boleh keluar, digantung lesen setahun, itu *death sentence*. Maka tauke kapal itu, tuan punya kapal boleh bankrap. Kapal yang setahun tidak keluar tadi habis berkarat paku-pakunya dan lain-lain lagi. Maka saya mengesyorkan supaya penguatkuasaan APMM ditumpukan kepada bidang yang APMM berkebolehan dan berkepakaran seperti menjaga perairan kita, mencegah pencerobohan oleh bot asing dan lain-lain lagi yang makro. Hal yang mikro, yang kena

*fine-tune*, yang kena buat dengan bijak dan berhemah, yang tidak boleh dibuat robotik itu dibuat oleh Jabatan Laut.

Terima kasih banyak atas peluang yang diberi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Kedah. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Tumpat.

■1940

7.40 ptg.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim [Membaca sepotong doa].* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dititahkan pada hari pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ke-14 pada 17 Julai 2018 yang lalu.

Walaupun hari ini telah masuk hari yang ke sembilan Parlimen dan hari yang ketujuh perbahasan Titah Diraja, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan-timbalan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Speaker. Seperti kawan-kawan pembangkang yang lain, sukalah saya sekali lagi tegaskan bahawa bantahan yang dibuat pada hari pembukaan baru-baru ini bukanlah ke atas batang tubuh Tuan Yang di-Pertua kerana kami juga sangat meyakini kelayakan dan kemampuan Tuan Yang di-Pertua untuk jawatan ini.

Cuma apa yang dibangkitkan dan di bantah oleh pihak kami adalah proses pelantikan di mana peraturan yang gagal dipatuhi dalam membuat pelantikan yang cukup penting ini dan ia membawa mesej awal bahawa Malaysia baharu ini seolah-olah Malaysia tanpa peraturan. Sedangkan harapan rakyat yang menukar kerajaan cukup tinggi untuk benar-benar melihat sebuah kerajaan yang lebih telus dan terbuka dan berdisiplin untuk mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Kalau di Parlimen ini ada pembangkang, terbuka dan di perhati oleh rakyat ini, kerajaan gagal untuk menunjukkan kepada rakyat untuk mematuhi peraturan, apakah jaminan perkara-perkara lain yang dibuat di tempat tertutup boleh mengikut peraturan, berbanding dengan kerajaan yang lalu dalam situasi yang sama pada Disember 1999, sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat diberi peluang untuk menyatakan bantahan walaupun akhirnya bantahan itu tidak diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ucapan sulung ini juga, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi P.19 di Tumpat dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India dan Siam yang telah memberikan kemenangan kepada saya, yang mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk merampas kembali kerusi Parlimen Tumpat dari PKR yang dibawa lari di pertengahan penggal yang lalu dan hari ini Yang Berhormat Tumpat dahulunya adalah Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Pun demikian, saya tidak berkecil hati. Sesuai dengan Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong agar kesemua pihak perlu berlapang dada dan tidak emosional, saya ingin menyeru Yang Berhormat Bandar Tun Razak supaya atas kapasiti Timbalan Menteri, pulanglah ke Tumpat. Saya dengan jiwa yang besar, menyeru supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat kembali ke Tumpat dan bersama saya membangunkan Tumpat. Cuma bukan untuk bertanding pilihan raya kerana rakyat tidak mahu disengat dua kali dari lubang yang sama.

Terima kasih kepada rakyat Tumpat yang bukan sahaja mengembalikan Parlimen Tumpat tetapi turut memenangkan keempat-empat DUN di Tumpat sekali gus menyumbangkan kemenangan Parti Islam Se-Malaysia untuk mempertahankan kerajaan Islam Kelantan dan menghilangkan deposit sebahagian besar calon-calon Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang lalu, walaupun mereka mengemukakan banyak janji manis kepada rakyat dan tidak kurang juga fitnah-fitnah yang direka-reka terhadap pimpinan kami.

Saya cuba untuk berpantun,

*Kalau hendak kenal ikan haruan,*

*Turunlah ke tanah ke bendang padi,*

*Kalau hendak kenal orang Kelantan,*

*Tak termakan dek fitnah, tak tertipu dek janji.*

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang janji pada muka surat 21, Buku Harapan – saya baca. *“Kerajaan Pakatan Harapan akan menambah jumlah royalti petroleum kepada Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri pengeluar petroleum yang lain kepada 20 peratus atau nilai yang bersamaan sebagai salah satu langkah pembahagian hasil petroleum yang lebih adil”*. Biar apa pun yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi selaku Perdana Menteri atau jawapan Yang Berhormat

Gombak selaku Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam isu royalti petroleum, seluruh rakyat khususnya rakyat Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu yang keluar mengundi pada 9 Mei yang lalu, teruja dengan janji 20 peratus royalti yang ditingkatkan daripada lima peratus sebelumnya.

Tidak terfikir oleh mereka akan permainan janji kerajaan pilihan mereka, kononnya 20 peratus yang dijanjikan itu adalah 20 peratus daripada keuntungan. Bahkan tidak terfikir oleh sesiapa jua yang waras di Dewan ini, untuk berfikir yang demikian ini. Ini adalah merupakan satu penipuan terbuka kepada rakyat dalam usaha untuk memenangi pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu janji penghapusan GST, rakyat yang keluar mengundi khususnya yang mengundi Pakatan Harapan dalam PRU yang lalu, begitu teruja untuk melihat dan menikmati kekurangan bebanan yang ditanggung mereka seperti mana janji Pakatan Harapan dalam muka surat 16 dalam Buku Harapan ini seperti mana, saya cuba baca, *"Pakatan Harapan akan menghapuskan GST dalam tempoh 100 hari selepas membentuk Kerajaan Persekutuan. Langkah ini akan sertamerta mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh rakyat"*.

Tuan Yang di-Pertua, namun apa yang berlaku hari ini setelah GST di *zerorized*-kan, harga barangan masih juga tidak turun, sedangkan pada 1 September nanti, rakyat akan dibebankan dengan 10 peratus SST yang sudah tentu akan meningkatkan harga barangan dan menambah lagi bebanan yang ditanggung oleh rakyat, tidak seperti janji untuk mengurangkan bebanan rakyat. Sehubungan itu, seperti mana Manifesto Gagasan Sejahtera, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya meneliti bentuk cukai simpanan korporat dan cukai saham yang lebih memenuhi cita rasa Islam, bertepatan dengan prinsip keadilan masyarakat yang bukannya dari bentuk cukai kepenggunaan yang membebaskan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong dalam perbahasannya tempoh hari, yang mana Yang Berhormat Jelutong dalam perbahasannya menyentuh tentang larangan di bawah kerajaan lalu terhadap beliau selaku pimpinan pembangkang untuk memasuki kawasan sekolah, untuk menjalankan tugasnya sebagai wakil rakyat. Sehubungan dengan itu, saya mahukan satu penjelasan dan jaminan daripada kerajaan baharu ini bahawa kerajaan hari ini tidak akan menghalang mana-mana wakil rakyat untuk memasuki mana-mana pejabat, mana-mana premis kerajaan untuk menjalankan tugasnya sebagai wakil rakyat.

Pengalaman ini beberapa hari selepas pilihan raya yang lalu, apabila saya dijemput di klinik desa di kampung saya untuk merasmikan satu program kecil, apabila saya dijemput dan tersebar di media, terdapat bantahan-bantahan daripada pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan di negeri Kelantan, menekan supaya jabatan berkenaan disiasat, kononnya kerana membenarkan pemimpin pembangkang untuk merasmikan program di bawah jabatan kerajaan. Jadi saya meminta Menteri supaya memberikan jaminan sesuai dengan kerajaan baharu yang terbuka ini bahawa kerajaan tidak akan menghalang mana-mana pemimpin daripada pembangkang untuk memasuki premis kerajaan bagi menjalankan tugasnya sebagai wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri perbahasan ringkas saya ini, sukaiah saya membangkitkan isu-isu yang membabitkan rakyat di Tumpat secara khususnya dan juga di Kelantan. Pertama, soalan lebuh raya. Apakah kerajaan menyedari bahawa Kelantan satu-satunya negeri di Malaysia atau barangkali di dunia, yang tidak mempunyai ataupun tidak ada lebuh raya, sedangkan lebuh raya adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan?

Keduanya, supaya Kerajaan Persekutuan menyegerakan pembinaan tebatan banjir di kawasan sekitar tebing Sungai Golok, di Pasir Mas, Tumpat dan kawasan sekitarnya bagi mengatasi masalah banjir termenung yang berlaku setiap tahun di Tumpat, yang merugikan dan menyusahkan rakyat. Saya juga meminta Kerajaan Persekutuan untuk mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah kecetakan muka kuala Pantai Sri Tujuh di Tumpat yang menyukarkan nelayan untuk keluar ke laut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah habis. Rumuskan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Sungai Besar.

■1950

7.50 mlm.

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang, *dàjiā xiàwǔ hǎo, vanakkam*, mohon izin. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada sidang pertama, penggal pertama Kerajaan Pakatan

Harapan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pakatan Harapan atas kepercayaan kepada saya menggalas cabaran Sungai Besar pada PRU14 yang lepas. Terima kasih juga kepada rakyat, pengundi Sungai Besar yang bersama saya dalam perjuangan, kudrat, semangat dan air mata untuk menawan Sungai Besar buat pertama kalinya dan terima kasih kepada jentera parti Pakatan Harapan Sungai Besar yang percaya ada sinar di hujung terowong untuk menghadiahkan satu kerusi Parlimen untuk Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, Sungai Besar mengambil peluang membahas Titah Diraja dalam pentadbiran baharu, kerajaan baharu, watak baharu sebuah Pakatan Harapan yang diimpikan oleh rakyat. [*Tepuk*] Ayuh rakan-rakan Pakatan Harapan kita bangunkan sebuah pentadbiran baharu secara bersama. Ibarat cangkaknya sama kita daki, kalau lurahnya itu sama kita turuni. Kalau seliang bagai tebu, serumpun itu biar bagai serai. Kalau kita terapung sama hanyut, biarlah kita terendam sama basah. Kalau sambalnya, kuahnya sama-sama kita hirup, sambalnya biarlah sama-sama kita colek. Kalau kundurnya menjalar ke hulu, biar labunya menjalar ke hilir, pucuknya sama-sama kita getis, tangkainya sama-sama kita rasa. Biarlah dalam membangunkan pentadbiran baharu ini, susah senang memperjuangkan bangsa, agama dan negara, kita dapat pertahankan secara bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang bahas Titah Diraja, lebih 80 pembahas rasanya tidak termasuk percelahan. Hampir kedengaran tuntutan manifesto kepada kerajaan yang baharu yang baharu berusia 80 hari. Saya kira Tuan Yang di-Pertua bab tuntutan janji, bab melaksanakan manifesto, biarlah kami wakil rakyat Pakatan Harapan yang berjuang meminta kerajaan melaksanakan. Ini adalah kerana kami yang berjanji dengan pengundi, biar kami yang menuntut untuk melunaskan janji-janji kami. Bukannya orang lain yang tidak mengundi Pakatan Harapan, akan tetapi tanpa segan silu menuntut janji-janji itu ditunaikan, walaupun kerajaan ini baharu berusia 80 hari, bukannya 80 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa fokus sebagaimana yang disentuh sedikit oleh rakan-rakan kita daripada Batu Kawan dan Batang Lupar berkaitan masalah kemurungan di kalangan guru yang disifatkan cukup serius, termasuk kisah tragis seorang guru wanita berusia 36 tahun mengalami kemurungan yang ditemukan mati terjatuh dari tingkat lima disebabkan oleh bebanan kerja yang terlalu banyak. Saya yakin tiada siapa yang mampu memahami perubahan tingkah-laku kemurungan, tiada siapa yang mampu empati dengan tekanan dan kesihatan mental yang mereka lalui.

Dengan 421,828 orang guru berhadapan dengan lebih lima juta pelajar, perlu ada personalia yang *caring, trusting and understanding*, dengan izin dengan mereka.

Maka sebab itu, peranan kaunselor Tuan Yang di-Pertua perlu dipertingkatkan, berhadapan dengan lebih 400,000 guru, hanya 300 kaunselor organisasi yang mengendalikan mereka. Daripada 10,400 kaunselor sekolah, hanya 3,231 kaunselor yang berdaftar sahaja yang memiliki sijil perakuan amalan yang telah berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya hendak ambil satu contoh, di Sabak Bernam jumlah guru adalah sebanyak 2,500 orang. Akan tetapi kaunselor organisasi, hanya seorang sahaja yang mengendalikan mereka termasuk yang *pull*, yang *burnout*, yang *mental disorder*, tidak termasuk yang memendam perasaan terlalu lama dengan permasalahan yang ada.

Maka sebab itu, saya mencadangkan perjawatan kaunselor terutamanya kaunselor berdaftar diambil dengan mereka yang tahu, ambil peduli tentang mereka, perlu ditambah. Ini saranan saya kepada kementerian yang berkaitan. Saya juga mencadangkan Kementerian Pendidikan mewujudkan satu dasar kaunseling yang jelas berkaitan perkhidmatan kaunseling bagi menangani cabaran kesihatan mental Revolusi Industri 4.0 termasuk mengekang kegiatan *gangsterism*, *monism* dan *extremist* di kalangan segelintir rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan kaunselor di KPM dan di kementerian lain serta di jabatan-jabatan diberi latihan yang sesuai untuk meningkatkan kompetensi perkhidmatan kaunseling. Latihan seperti *clinical psychology*, penggunaan ujian psikometri, pendekatan terapi baharu dan penggunaan alat teknologi adalah contoh latihan yang sesuai dan holistik untuk meningkatkan perubahan emosi dan tingkah-laku kepada perubahan positif dan bermotivasi. Dengan peningkatan kompetensi ini, kita yakin dapat membantu semua kakitangan termasuk guru meningkatkan indeks kesejahteraan psikologi sebagaimana yang telah kita hasratkan iaitu kegembiraan, persefahaman dan harmoni.

Kita juga tidak mahu pegawai dan kakitangan Pejabat Pelajaran Daerah Sabak Bernam, saya ambil contoh dalam keadaan *stress* dalam mengalami tekanan emosi kerana menduduki bangunan pejabat pada fikiran JKR dan KPM sudah lupus tempoh mendudukinya. Bangunan sementara yang hanya boleh digunakan untuk tiga tahun sahaja sudah beroperasi lebih enam tahun, dengan terlalu banyak kerosakan dan kebocoran dan suasana kerja pegawai tidak kondusif dan terapeutik. Kita mahu kelulusan sedia ada, lebih RM15 juta yang telah diluluskan sebelum ini dapat diberi

keutamaan untuk dilaksanakan pada tahun ini, sebuah bangunan baharu Pejabat Pelajaran Daerah Sabak Bernam dapat dibangunkan pada kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, Sungai Besar juga bersedia menjadi hab pendidikan. Kami menyediakan sebuah tanah seluas 60 ekar untuk pembangunan sebuah kolej komuniti dan latihan perindustrian untuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia membina institusi tersebut di Sungai Besar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah daerah yang dikenali sebagai Jelapang Padi, Sungai Besar mewakili beratus ribu pesawah mahukan MOA melalui Bernas, mengkaji semula potongan padi daripada 17 peratus ke 20 peratus hingga 25 peratus, setiap per kilogram. Potongan padi yang tinggi menjejaskan pendapatan pesawah setelah mengambil kira bebanan sewaan dan kos-kos yang lain dengan mengembalikan potongan kepada 17 peratus, saya kira mampu meningkatkan sedikit pendapatan petani.

Tuan Yang di-Pertua, satu peringatan kepada semua pegawai kerajaan supaya jujur dalam mengemukakan jawapan kepada Menteri. Saya ambil contoh jawapan daripada Yang Berhormat Menteri KKR daripada soalan lisan saya bertarikh 24 Julai berkaitan dengan penggunaan FR5 Jalan Persekutuan, penyambungan lebuh raya dari Banting ke Taiping daripada Tanjong Karang ke Sabak Bernam melalui Sungai Besar. Jawapan Menteri pada perenggan ketiga, baris keenam menyatakan bahawa naik taraf dan pelebaran daripada dua lorong ke empat lorong. Saya suka mengingatkan kepada kakitangan, jajaran sepanjang 50 kilometer daripada Tanjong Karang ke Sabak Bernam sudah sedia ada empat lorong, bukan dua lorong sepanjang lebih 45 kilometer. Kecuali dari Pekan Sabak Bernam ke Jambatan Sungai Bernam lebih kurang lima kilometer yang disebut sebagai dua lorong kepada empat lorong.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak berpuas hati. Perjuangan mantan Ahli Parlimen Sungai Besar supaya jajaran FR5 kekal sebagai laluan alternatif untuk rakyat dan WCE syarikat konsesi serta LLM menggunakan jajaran yang lain sebuah lebuh raya dalam 'EC' pernah disebut jajaran ini dibatalkan. Akan tetapi kita tidak faham kenapa akhirnya diteruskan juga. Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada itu sebagaimana yang kita nyatakan, kesan ketidakcekapan kontraktor, kemalangan yang cukup tinggi bermula pada Mac 2016 hingga Julai 2018, kemalangan lebih 3,084. Jadi menzahirkan dalam tempoh masa yang diberikan ini untuk saya meminta supaya jajaran itu dikaji semula.

**■2000**

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dari Sungai Besar ada sepuluh saat, kepada semua rakan Pakatan Harapan ayuh kita kuatkan kesepakatan. Ayuh kita bangunkan negara ini dengan semangat kepedulian kepada rakyat. Jangan nanti sudah terhantuk, baru kita hendak tengadah. Jangan nanti, sudah kecurian baru kita hendak kunci pintu. Jangan nanti, sehabis kelahi baru kita hendak ingat silat. Sudah kalah, baru kita hendak berkubu nanti. Jangan nanti kita baru mahu ambil pengayuh, orang sana sudah sampai ke seberang. Tuan Yang di-Pertua, Sungai Besar mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Berbahas sambil bermadah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kepala Batas.

**8.01 mlm.**

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak mengucapkan terima kasih kerana saya dapat peluang dalam waktu-waktu yang berbaki ini untuk turut mengambil bahagian dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam sesi Parlimen kali ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan dan juga kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah membentuk kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi.

Banyak yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen. Melihat kepada laluan yang saya berikan dua kali kepada Ahli-ahli Parlimen yang baru untuk mengambil tempat dalam perbahasan ini, saya fikir saya hanya akan menyentuh satu atau dua perkara sahaja. Barangkali kurang daripada sepuluh minit sebagai untuk memanfaatkan kepada Menteri yang akan melakukan penggulungan pada hari esok.

Pertama, saya fikir saya mahu sentuh berkaitan dengan isu Kementerian Luar Negeri iaitu isu tentang kemelut antara konflik Israel dan juga Palestin yang sememangnya diketahui berlarutan sepanjang tujuh dekad. Terbaru yang telah menjadi kejutan kepada seluruh dunia, bila mana, kerajaan Israel di bawah Benjamin Netanyahu di bawah Israel Parlimen telah pun meluluskan apa yang dinamakan sebagai "*Jewish Nation State Law*", yang secara tidak langsung telah menafikan keberadaan Arab Jewish. Merupakan undang-undang dianggap *racist, oppressive* tentu sekali menggugat proses damai yang selama ini diusahakan oleh dunia antara Palestin dan juga Israel

dalam soal penentuan apa yang disebut sebagai “*two state solutions*” with *East Jerusalem as a capital*.

Ini sememangnya merupakan perkara yang diperjuangkan oleh Malaysia daripada dahulu, daripada Perdana Menteri ke-4 sehinggalah Perdana Menteri ke-7, memang perkara ini adalah antara yang sentiasa dekat di hati rakyat Malaysia. Malahan Malaysia sentiasa lantang dalam isu-isu yang membabitkan Palestin. Umpamanya, Resolusi 2334 yang diperoleh di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2016. Itu adalah satu-satunya resolusi yang telah berjaya diputuskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah mengutuk Israel atas *illegal settlements* di Jerusalem.

Untuk pengetahuan, dalam tempoh 36 tahun, tidak pernah ada satu resolusi pun di Majlis Keselamatan kerana sentiasa di veto oleh Amerika. Malahan, itu adalah salah satunya resolusi yang bukan hanya *American abstain*, malahan diluluskan dan juga dipersetujui Tuan Yang di-Pertua oleh semua P4 dan semua Ahli-ahli Majlis Keselamatan. Resolusi 2334 yang dikatakan “*momentous achievement*” adalah merupakan resolusi yang dibawa tidak lain dan tidak bukan oleh negara Malaysia ketika menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Namun begitu, isu ini sebenarnya tidak berakhir di situ. Hari ini pun kita dengar Kapal Al-Awda, *Freedom Flotilla*, mungkin Tuan Yang di-Pertua pun tahu, sahabat kita Prof Madya Dr Mohd Afandi Salleh juga antara yang dikatakan terlibat. Ini adalah sememangnya keangkuhan yang berterusan yang ditunjukkan oleh pihak Israel. Oleh sebab itulah, dalam hal ini saya melihat setelah tujuh dekad kita lakukan pelbagai perkara, pelbagai usaha mengikut konvensyen, mengikut cara-cara yang konvensional. Mungkin sudah tiba waktu dan ketikanya kita melihat kaedah-kaedah yang berbeza dari segi pendekatan.

Saya mahu bertanya dan mahu mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri untuk juga meneroka *approach* yang lebih bersifat *constructive engagement*. Umpamanya, kalau kita lihat *Jewish Nation State Law*, ia diluluskan dalam keadaan 60 orang bersetuju tetapi 55 orang menentang. Sebelum itu ada *Regulations Bill* yang telah diluluskan di bawah kepimpinan Netanyahu, yang mana 60 orang juga yang lulus, yang mengatakan ya, akan tetapi 52 orang yang menentang. Bererti, ada penentang-penentang di dalam Parlimen Israel menentang apa yang dilakukan oleh Zionis ini. Saya fikir ini adalah satu *golden opportunity* untuk kita lihat perbezaan yang kita guna dahulu dengan perbezaan yang mungkin kita terokai sekarang.

Antaranya, mungkin kita boleh adakan *engagement* dengan 55 orang. Apakah Kementerian Luar Negeri boleh melihat ini sebagai salah satu trend baru? Ini kerana selama ini kita melihat semua usaha kita buat selama tujuh dekad tidak berjaya. Mungkin kalau kita boleh adakan *engagement* sebagai mana yang disebut *the enemy of our enemy, supposed to be our allies*, iaitu musuh kepada musuh kita sepatutnya menjadi sekutu kita.

Demikian juga apa yang disebutkan oleh *Einstein*, dengan izin, "*It is a complete insanity if you keep doing the same thing over and over again but expect different results*". Maksudnya, adalah suatu kegilaan kalau kita buat benda yang sama berulang-ulang kali, tetapi kita mengharapkan keputusan yang berbeza. Selama tujuh dekad kita guna benda yang sama, saya fikir, mungkin kita boleh tanpa kita mengiktiraf Israel tetapi kita boleh untuk mengadakan *engagement* bersama mereka yang ada *on the same page* dalam penentangan bersama-sama di dalam Parlimen Israel.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu atau dua perkara berkaitan dengan perkara yang telah disebut oleh rakan-rakan berkaitan dengan ekonomi. Ini juga disebut oleh Titah Diraja untuk kita mempamerkan angka-angka ekonomi secara telus, secara *transparent* supaya ia menjadi tatapan rakyat. Sebanyak mana ia disebut satu trilion berulang-ulang kali, saya ingin menyebut lagi sekali sebagai mana saya menyebut ketika pencelahan ketika perbahasan Ketua Pembangkang, kita sebut satu trilion walaupun kita boleh perbahaskan bahawa hakikatnya hutang itu adalah RM686 trilion. Apa yang menjadi angka lain itu adalah angka kontinjen liabiliti dan *list*. Akan tetapi, kita kena lihat aset-aset yang dimiliki oleh negara juga meningkat. Saya sebut dulu, Petronas pada tahun 2008, RM247 bilion hari ini RM432 bilion kenaikan 100 peratus.

Bank Negara Malaysia, dahulunya RM31 bilion, hari ini RM136 bilion, kenaikan 300 peratus. Khazanah Nasional, walaupun telah bertukar *board of director* nya, dulu RM33.7 bilion pada tahun 2008, setelah 10 tahun RM115 bilion kenaikan hampir 300 peratus. Tabung Haji jumlah simpanan dulu RM20 bilion pada tahun 2008, sekarang RM73 bilion kenaikan 250 peratus. KWSP, menunjukkan lonjakan yang jauh lebih tinggi RM341 bilion sekarang RM814 bilion, kenaikan 150 peratus. Bererti, ini adalah semua angka-angka yang bukan di reka tetapi adalah angka-angka yang benar. Inilah sebenarnya yang diminta oleh Titah Diraja supaya kita menceritakan kedua-dua yang benar.

Sebagaimana yang Al-Quran sebut kepada kita sebagai orang Islam, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan sebut di dalam Al-Quran, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Jangan kamu menutupi perkara yang benar dengan perkara yang batil, sedangkan kamu menutup apa yang benar yang betul*”. “*Wa antum la ta'lamun*”, “*Sedangkan kamu mengetahui kebenaran tersebut*”.

Maka, sebab itulah kita kena menceritakan benda yang lebih bersifat *balance and tawazun* agar kita mendapat penilaian yang lebih seimbang. Dalam masa yang berbaki juga, *since* ada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sini, saya mahu ambil kesempatan mahu ucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita kerana telah memperkenalkan skim caruman untuk suri rumah. Saya cuma mahu tanya soalan ketika soal jawab lisan tetapi tidak berkesempatan.

#### ■2010

Cuma, saya hendak maklumkan mungkin ada apa yang saya sebutkan sebagai *blindspot*. Maknanya, terdapat wanita-wanita yang tidak berada di bawah *systemic employment structure*. Maknanya, isteri-isteri nelayan, isteri-isteri petani, isteri-isteri B40, isteri-isteri buruh, isteri-isteri di Sabah dan Sarawak yang kebanyakan, bahkan jumlahnya mungkin jauh lebih tinggi. Maka, mereka ini akan dilihat sebagai mereka yang berada dalam *blindspot* yang tidak mendapat pembelaan terhadap *social safety net* sebagaimana yang dicadangkan oleh kementerian. Cadangan itu baik tetapi mungkin ada cadangan-cadangan tambahan sebagai menambah, *an extension* kepada pembelaan kaum-kaum yang berada dalam *blindspot* tersebut.

Saya fikir itu sahaja, cukup 10 minit. Kepala Batas mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor.

#### 8.11 mlm.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah diucapkan atas pelantikan Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, usul saya berkenaan rungutan peniaga-peniaga kecil terhadap Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya dimaklumkan oleh peniaga-peniaga kecil,

mereka berasa tertindas disebabkan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil langkah yang mengejut dan drastik dalam menyabitkan mereka dengan sesuatu kesalahan.

Seperti yang kita telah maklum, undang-undang sebenarnya meletakkan kewajipan bagi kita untuk menyimpan dokumen yang boleh memberi kesan terhadap pendapatan percukaian kita. Mengikut seksyen 82(1) dan (2) Akta Cukai Pendapatan, kita perlu menyimpan dokumen tersebut sekurang-kurangnya tujuh tahun. Namun, segelintir pegawai cukai telah meminta peniaga-peniaga kecil ini untuk memberikan penyata dalam lingkungan 10 hingga 15 tahun. Kegagalan peniaga kecil menyimpan rekod kertas ini akan dianggap kesalahan jenayah di bawah seksyen 119A yang boleh menyebabkan denda sebanyak RM300 hingga RM10,000 atau penjara setahun.

Oleh itu, saya memohon Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melihat kembali isu ini. Elok jika penyasatan dapat dilakukan terhadap para pegawai cukai jika didapati ada sebarang salah guna kuasa di dalam institusi Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menyentuh isu gejala gengsterisme di sekolah. Gengsterisme merujuk kepada kelakuan yang memusnahkan, merosakkan harta benda atau kemudahan awam yang dilakukan secara berkumpulan. Gengsterisme adalah sejenis salah laku yang sudah lama wujud di kalangan pelajar dan masih berterusan hingga kini. Keadaan menjadi bertambah serius apabila didapati semakin ramai pelajar dan murid sekolah rendah dikesan terlibat dengan gejala ini.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, faktor-faktor gengsterisme yang utama terdapat di sekolah adalah dari pengaruh rakan sebaya, pengaruh keluarga dan pengaruh individu. Isu ini memerlukan perhatian serius dan strategi perlu dirangka bagi membendung gejala ini dari berleluasa. Pihak sekolah, terutama sekali pihak guru, perlu peka terhadap masalah ini. Keprihatinan mereka dalam mengenai pasti punca dan tanda-tanda awal berlakunya gengsterisme adalah amat penting bagi mengatasi masalah ini. Sekolah seharusnya menjadi kawasan yang selamat untuk pertumbuhan dan perkembangan anak-anak. Persekitaran sekolah yang selamat dan selesa dapat menjana proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Sebahagian ancaman serta rasa tidak selamat di kalangan pelajar akibat masalah perlakuan gengsterisme ini sedikit sebanyak akan mengganggu proses pengajaran.

Oleh yang demikian, saya ingin mengajukan kepada Kementerian Pendidikan, adakah sebarang langkah mahupun kerjasama yang proaktif dapat kita wujudkan bagi mengatasi isu gengsterisme ini dengan lebih terperinci dan efektif?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mewakili rakyat Hulu Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kepadatan penduduk di Hulu Selangor telah mencecah 300 ribu orang penduduk. Kepadatan ini adalah disebabkan faktor kedudukan strategik Daerah Hulu Selangor yang berdekatan dengan pusat bandar di mana ia menjadi pilihan orang ramai luar untuk mendiami daerah ini. Tambahan pula, kos sara hidup yang masih di tahap sederhana menjadi faktor utama daerah ini menjadi pilihan untuk didiami.

Lantaran itu, kemudahan pusat kesihatan perlulah seiring dengan peningkatan kepadatan penduduk. Sekali lagi, untuk perhatian Yang Berhormat sekalian, Daerah Hulu Selangor hanya mempunyai satu kemudahan pusat kesihatan iaitu Hospital Kuala Kubu Bharu yang telah dibina pada tahun 1936. Sehingga kini, Hospital Kuala Kubu Bharu telah memberikan perkhidmatan selamat 82 tahun kepada penduduk setempat. Hospital ini tidak mampu lagi menampung kepadatan penduduk di Hulu Selangor, di samping kurangnya kepakaran dan peralatan perubatan.

Oleh yang demikian, saya ingin mengusulkan kepada Kementerian Kesihatan untuk menaik taraf fasiliti Hospital Kuala Kubu Bharu serta menjadikannya hospital berkepakaran khusus. Jika kerajaan dapat meluluskan permohonan ini, secara tidak langsung, kerajaan telah memelihara nasib rakyat Hulu Selangor, khususnya dengan membantu meringankan beban rakyat yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan khidmat doktor pakar di hospital luar.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan satu elemen penting di negara kita. Kerajaan begitu proaktif dalam merangka pelan pendidikan dan memastikan masa depan rakyat Malaysia berpendidikan tinggi. Maka, amatlah tinggi harapan rakyat Hulu Selangor kiranya dapat mewujudkan sebuah universiti awam di daerah ini. Dengan kewujudan universiti di Hulu Selangor, ia dapat menjadi pemangkin kepelbagaian pembangunan ekonomi penduduk setempat. Keluasan Daerah Hulu Selangor adalah sebesar negeri Melaka. Justeru, pembinaan sebuah universiti di daerah ini amatlah berpatutan di samping dapat membantu para ibu bapa mengurangkan kos perbelanjaan penghantaran anak-anak ke institut pendidikan di luar Daerah Hulu Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Daerah Hulu Selangor merupakan sebuah daerah yang terletak di utara negeri Selangor. Dari sudut geografi, daerah ini terletak di utara Lembah Klang dengan hampir sama keluasan dengan negeri Melaka. Pembangunan mula rancang selepas Perusahaan Automobil Kedua iaitu PERODUA membuka kilang

pemasangan kereta kedua nasional di Serendah pada tahun 1992. Dengan pembukaan kilang PERODUA, ia merancakkan kembali kemajuan di Hulu Selangor apabila dapat menarik industri automobil yang lain seperti pemasangan Tan Chong & Sons Motor Company Sdn. Bhd, kilang pemasangan bas monorel di Serendah.

Krisis ekonomi pada tahun 1998 membawa kesan kepada pembangunan di daerah ini sehingga projek pembangunan tergendala di beberapa kawasan seperti Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Bandar Sungai Buaya, Lembah Beringin. Sehingga kini, infrastruktur di Daerah Hulu Selangor adalah amat mendukacitakan.

#### ■2020

Justeru, saya memohon agar pihak kerajaan dapat membantu menaikkan kembali taraf infrastruktur di daerah Hulu Selangor seiring dengan kemajuan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa ada lagi satu minit saya ingin menyentuh mengenai pemerksaan wanita dalam bidang keusahawanan. Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili suara wanita di Hulu Selangor. Bidang keusahawanan telah menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi negara terutama bagi negara-negara maju. Bidang keusahawanan telah dilihat sebagai bidang yang telah meningkatkan ekonomi dan daya saingan negara menjana pendapatan individu, mengatasi masalah kemiskinan, mewujudkan peluang pekerjaan baharu serta meningkatkan kualiti kehidupan.

Lantaran itu, kami di Hulu Selangor khususnya memperkasakan penglibatan golongan wanita dalam bidang keusahawanan. Dengan langkah ini, diharap agar pihak kerajaan dapat menyediakan platform untuk wanita luar bandar bagi membantu mereka menjana pendapatan mampan di samping meningkatkan simpanan kewangan, membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri sekali gus berdikari demi memajukan ekonomi keluarga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat Yang Berhormat.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Oleh itu, saya mengusulkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mewujudkan peruntukan kewangan dan kursus pendedahan berkala buat golongan wanita dan ibu tunggal bagi menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, kerajaan juga perlu merangka langkah baharu bagi membantu wanita dan ibu tunggal di luar bandar supaya mereka dapat bersaing dengan masyarakat di bandar.

Sekali lagi saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Berhormat Hulu Selangor memohon disokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Seri Aman.

### **8.22 mlm.**

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan banyak terima kasih ke atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini dan juga kerana memberi saya peluang untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan rasmi Penggal Pertama Parlimen Ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh saranan Ahli Parlimen GPS seperti Yang Berhormat Santubong, Batang Sadong, Hulu Rajang, Kota Samarahan yang menyentuh isu royalti minyak yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Sarawak supaya Kerajaan Pakatan Harapan menunaikan janji untuk memberi 20 peratus royalti berdasarkan *gross production* bukannya *profit* atau mengikut *Production Sharing Contract (PSC)* seperti perjanjian terdahulu.

Baru-baru ini Yang Berhormat Gombak mengatakan bahawa royalti diberi adalah berasaskan keuntungan sahaja. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, sejak bilakah kerajaan yang terdahulu atau sekarang memutuskan untuk memberi royalti berasaskan keuntungan Petronas sahaja? Bilakah *Production Sharing Contract* dimansuhkan sekiranya ia berasaskan kepada *Petroleum Development Act 1974 (PDA)*? Pada pendapat saya, PDA 1974 itu tidak sah bagi negeri Sarawak kerana ia tidak diterima pakai oleh DUN Sarawak. Maka ia adalah *null and void*, itu pendapat saya Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyeru Yang Berhormat Gombak untuk memberi penjelasan terperinci mengenai hal-hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu sejarah sebelum dan selepas penubuhan Malaysia. Kalau kita lihat *Malayan Emergency* ataupun semasa Darurat Malaya ketika itu dalam tahun 1948 hingga tahun 1950, pasukan Sarawak Rangers banyak membantu dan berkorban untuk membebaskan Tanah Melayu ketika itu dari ancaman komunis dalam tahun 50-an. Kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan terdahulu iaitu Kerajaan Barisan Nasional kerana berjaya membuat balik kerangka 29 orang Iban *tracker* yang terkorban di Semenanjung pada masa itu dan di bawa balik ke Sarawak untuk bersemadi di tanah asal mereka.

Saya juga ingin menyentuh tentang Menteri Pertama dari kaum Iban iaitu mendiang Tun Jugah, cucunya ada di sebelah saya ini. Ini kerana itulah...

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Kapit.

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Dalam tahun 1963 apabila kita menubuhkan Malaysia dan mendiang Tun Jugah dilantik Menteri mengenai hal-hal ehwal negeri Sarawak.

Ketiga, sejarah orang Iban ini ialah penerima *George Cross* iaitu saudara Awang Rawing yang masih hidup di kawasan saya. Ini adalah paling tinggi darjah keberanian daripada tentera British atau *British army* dengan izin. Juga kita ada seorang Iban yang terkenal juga, yang telah menerima anugerah tentera kita paling tinggi iaitu Seri Pahlawan (SP) mendiang Kanang anak Langkau telah pun meninggal juga dari kawasan saya di Sri Aman. Kelima, satu lagi sejarah kaum Iban yang pertama menerima anugerah ataupun memakai pangkat tertinggi dalam tentera kita iaitu Datuk Stephen Mundaw, Leftenan Jeneral. Ini yang pertama, *the first Iban to get that* pangkat. Keenam, sejarah juga hari ini terbukti dan tercipta juga kerana di Dewan Rakyat Ke-14 ini apabila Kerajaan Pakatan Harapan tidak melantik seorang pun Iban di kalangan anggota pertabalan pada kali ini. Tahniah Pakatan Harapan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Itu buat saya marah.

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Itulah secara sedikit tentang...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Saya rasa terpanggillah. Boleh?

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Okey.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Saya rasa terpanggil Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya celah sedikit ya. Oleh sebab itulah tempoh hari minggu lepas saya semasa mencelah Yang Berhormat Hulu Rajang, menekankan bahawa patutlah Kerajaan Pakatan Harapan pada ketika ini selepas memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 – sekurang-kurangnya seoranglah daripada kaum Dayak, kaum Iban di dalam Kabinet ataupun kalau tidak di – sebagai Timbalan Menteri. Kalau ada, sekurang-kurangnya diletak di kementerian yang amat berkenaan dengan Sarawak iaitu dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebab kita masih luar bandar, banyak keperluan. Dalam kerajaan terdahulu ini saya yang di sana dan saya tahu kementerian itu banyak – boleh membantu kami di Sarawak.

Oleh sebab itu kami di sebelah sini semua sebulat suara mengesyorkan agar Yang Berhormat Saratok ini dibawa masuk kepada kementerian itu sebagai Timbalan

Menteri yang kedualah sebab sudah ada sekarang. Apa yang ada sekarang saya hormat dia sebab dia sudah memang seorang pemimpin. Akan tetapi Menteri penuh, Timbalan Menteri dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar sekarang mungkin tidak berapa *familiar* kata orang, mengetahui sangat kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak sebab itu kalau hendak memberi yang terbaik kepada Sarawak, biarlah seorang dari Sarawak dalam menyandang Timbalan Menteri di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi setuju atau tidak Yang Berhormat Sri Aman?

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dan masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong ucapan terdahulu iaitu Yang Berhormat Hulu Rajang tentang peluang-peluang kaum Iban di jawatan tertinggi di kementerian ataupun jabatan. Saya nampak ada kekurangan dalam perkhidmatan kerajaan seperti KSU ataupun ketua pengarah langsung tidak ada kaum Iban. Saya harap Kerajaan Pakatan Harapan akan meneliti perkara ini dan memperbaiki perkara ini pada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Satu lagi.

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Satu lagi.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Sri Aman, tadi Yang Berhormat Sri Aman menyebut tentang sekarang kita ada jeneral tiga bintang iaitu Leftenan Jeneral Datuk Stephen Mundaw. Yang Berhormat Sri Aman, sejarah kita hampir sudah 60 tahun kita merdeka. Hanya dalam era Yang Berhormat Pekan menerajui kerajaan, barulah ada daripada kaum Dayak dapat dinaikkan pangkat sehingga ke pangkat jeneral dan bukan dinaikkan begitu sahaja kerana beliau juga yang amat berkelayakan. Jadi kita berterima kasihlah menghargai apa-apa jasa Yang Berhormat Pekan daripada era beliau menerajui kerajaan terdahulu. Sekian, terima kasih.

#### ■2030

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Okey. Terima kasih, Yang Berhormat Kapit. Masukkan sebahagian lagi dalam ucapan saya kerana saya amat setuju *the first General from the Iban community* di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu isu yang berkaitan dengan kawasan saya di Sri Aman iaitu Pesta Benak yang dikenali sebagai *Tidal Bore Festival* yang akan diadakan tidak lama lagi, dua minggu lagi. 10 hingga 12 Ogos tahun ini. Saya harap kementerian pelancongan cubalah datang ke sana, pergi ke kawasan pedalaman

bandar terpencil di Sri Aman untuk melihat apa dia Pesta Benak. *Local name* Benak means *tidal. Tidal bore*. Jadi, kita ingin Kementerian Pelancongan mengkaji dan meneliti dan juga mendapat dana supaya pesta ini dapat di *promote* atau dipromosikan di luar negara. Hal ini kerana baru-baru ini ramai mereka yang minat *surfing* iaitu meluncur air Benak walaupun agak bahaya kerana banyak Bujang Senang di sana di Batang Lupar tetapi mereka yang minat tidak risau. Mereka masih lagi mahu meluncur dan mereka datang dari Eropah, Brazil dan sebagainya. *[Disampuk]*

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** *[Mencelah]* Yang Berhormat Sri Aman, boleh Hulu Rajang mencelah sedikit? Terpanggil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa tinggal 50 saat sahaja.

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Ada masa lagi? Tidak ada masa lagi.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sedikit lagi. Mengenai pelancongan, Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan saya banyak tempat menarik untuk pelancongan. Satu daripadanya ialah Baleh-Kapit Raft Safari. Jadi, saya mohon kepada Kementerian Pelancongan supaya infrastruktur pelaksana prasarana pelancongan mesti dan Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab Kementerian Pelancongan itu terus pergi ke Sarawak untuk melihat ada tempat-tempat yang begitu menarik seperti di kawasan-kawasan di Sarawak supaya pelancongan dapat menarik ke kawasan tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Sri Aman.

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Okey. Samalah. Saya harap kementerian akan mengkaji perkara ini kerana safari di Kapit pun juga agak rancak. Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mencukupi. Saya akan menyentuh perkara ini dalam perkara-perkara lain dalam bajet nanti. Saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sri Aman. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tangga Batu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

### 8.32 mlm.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang dan ruang untuk saya mengambil bahagian buat pertama kalinya dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada

kali ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, pencetus reformasi yang sekarang menjadi realiti. Reformasi 20 tahun. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengimbau kembali sejarah pemimpin wanita rantau Asia seperti berikut. Di Indonesia kita ada Megawati Seokarnoputri. Di Thailand kita ada Yingluck Shinawatra. Presiden Filipina yang Ke-11, Corazon Aquino. Presiden Filipina Ke-14, Gloria Macapagal Arroyo. Presiden Singapura dan bekas Speaker Parlimen Singapura Puan Halimah Yacob. Izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah melakar sejarah dengan mengiktiraf Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai wanita pertama sebagai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. [*Tepuk*] Penghargaan ini membuktikan status yang tinggi kedudukan wanita di bawah Pakatan Harapan.

Jika Presiden Corazon Aquino menerima jolokan sebagai *Mother of Asian Democracy* disebabkan beliau menjadi pemimpin wanita pertama negara di rantau Asia Tenggara pada tahun 1986, maka pastilah gelaran sebagai *Mother of Malaysian Democracy* harus diberikan kepada Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Saya juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada saudara Rafizi Ramli dan INVOKE yang dari awal percaya bahawa kerusi Tangga Batu ini boleh dimenangi kerana jumlah pengundi atas pagarnya adalah 60 peratus dan terus menggesa dan membantu agar kami melipat gandakan usaha. Sudah tentu atas kerja kuat jentera yang tidak mengharap balasan serta kasih sayang pengundi-pengundi Parlimen Tangga Batu dengan izin Allah, yang memberi kemenangan kepada saya calon Pakatan Harapan. Parlimen ini terdiri dari Sungai Udang iaitu kawasan bekas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, DUN Pantai Kundur, DUN Paya Rumput dan DUN Klebang.

*Tangga Batu nama kawasan,*

*Terbentang indah Pantai Puteri,*

*Kalau tidak kerana tuan,*

*Tidak kami berdiri di sini.*

Ucapan saya akan tertumpu pada beberapa perkara. Pertama ialah isu wanita. Dalam ayat al-Quran terdapat ayat yang berbunyi begini [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], "*lelaki itu adalah pemimpin wanita, lelaki itu adalah pelindung wanita.*" Usul-usul memartabatkan wanita dari segi penglibatan dari segi ekonomi, sosial dan politik telah banyak diperkatakan dan sedang diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Masyarakat.

Saya melihat kedudukan wanita dari segi fitrah asalnya iaitu sebagai ibu rumah tangga dengan mengukuhkan fungsi suami sebagai pemberi nafkah dan ketua keluarga. Apabila fungsi menafkahi suami tidak dapat dijalankan dengan baik atas pelbagai sebab maka wanita atau ibu rumah tangga ini menjadi pencari rezeki utama atau *breadwinner*. Ini menyebabkan anak-anak terpaksa dihantar kepada pengasuh yang menyebabkan — tetapi memang ini adalah ketentuan Allah. Akan tetapi, adalah merupakan pengajaran kepada kita menyebabkan kes-kes kematian seperti adik Adam Rayqal yang amat menyedihkan. Sedikit masa dahulu, kita digemparkan dengan bayi meninggal di belakang di tempat duduk belakang kereta kerana ibunya yang terlupa disebabkan tergesa-gesa untuk menghadiri mesyuarat.

Mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah pula, ramai guru-guru murung iaitu guru wanita majoritinya kerana berpisah dengan keluarga atas sebab mencari rezeki di tempat yang lain dan biasanya wanitalah yang ditugaskan untuk menjaga anak-anak dan secara amnya wanita Malaysia yang hebat ini berjaya menjalankan tugas dengan baik. Namun, yang tidak berjaya akan menjadi murung dan ada kalanya ke tahap ingin membunuh diri.

Mengikut laporan LPPKN 2016, dalam laporan penemuan utama kajian penduduk dan keluarga Malaysia kelima hampir satu per lima iaitu 18.7 peratus wanita bekerja menghadapi masalah dalam mengimbangi antara kerjaya dan keluarga. Antara masalah yang dihadapi ialah pertama, kurang masa bersama keluarga yang merangkumi 51.9 peratus, masalah penjagaan anak merangkumi 13 peratus, kurang masa sendiri yang merangkumi 11.9 peratus. Bila kurang masa sendiri ini mulalah badan pun bau bawang — mula masalah nanti dalam keluarga dan bebanan tugas di tempat kerja yang merangkumi 11.2 peratus.

Saya mencadangkan agar kementerian-kementerian bekerjasama untuk menggembleng tenaga bukan hanya kepada Kementerian Wanita untuk mengukuhkan institusi keluarga yang semakin menyebabkan masalah timbul. Program-program memperkasa para suami dari segi tanggungjawab menafkahi mesti ditingkatkan. Kesedaran peri pentingnya konsep tanggungjawab kerana ada kita dapati golongan yang berpendapatan rendah mampu membeli rokok tetapi tiada wang membeli lampin pakai buang untuk bayi dan juga susu.

Kedua, isu pendidikan. Izinkan saya memetik kata-kata Benjamin Franklin, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“An investment in knowledge pays the best interest”*. Malcom X pula mengatakan *“Education is a passport for the future, for tomorrow belongs*

*to those who prepare for it today*". Berdasarkan kepada MalaysianDigest.com, *world class education*, dengan izin *Malaysia ranked 52 from 722 countries based on math and science performance of 15 years old*. Negara yang pertama ialah Singapore, kedua Hong Kong, ketiga, South Korea dan keempat, ialah Jepun.

Di tangga ke-12 adalah negara Vietnam. Perkara ini didedahkan oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai, Yang Berhormat Nurul Izzah yang sekarang Parlimen Permatang Pauh. Saudara Rafizi juga pernah bertanya bagaimana negara Vietnam dengan sumber-sumber yang terhad, kurang infrastruktur dan ekonomi yang kecil berbanding dengan Malaysia mampu dan boleh mempunyai sistem pelajaran yang jauh lebih baik mengatasi kita? Masa sangat mencemburui.

Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan agar melihat secara serius beban pentadbiran yang ditanggung oleh pensyarah-pensyarah yang boleh menyebabkan tumpuan kepada kerja-kerja hakiki akademik mereka terjejas. Bijak pandai mengatakan untuk maju dalam sesebuah negara itu perlu melihat berapakah kerajaan memperuntukkan belanjawan pada pendidikan. Saya ingin bertanya adakah peruntukan 30 peratus yang dipotong daripada belanjawan IPTA dan IPTS berapa tahun lalu akan dikembalikan kerana ini sudah tentu menjejaskan pentadbiran universiti yang terpaksa mencari dana kesinambungan di universiti.

Cara penilaian kenaikan pangkat juga perlu dilihat semula. Saya merujuk kepada kes UiTM, kenaikan pangkat pensyarah dinilai dengan empat kategori. Pensyarah boleh memilih untuk menilai sama ada dengan penyelidikan pengajaran, pengamal dan pentadbiran akademik. Ketidakpuasan hati timbul apabila pensyarah yang memilih menilai untuk pentadbiran akademik kerana banyak terlibat dengan kerja-kerja pentadbiran namun dinilai dengan kriteria penyelidikan seperti yang digunakan ke atas mereka.

#### ■2040

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta Menteri Pendidikan melihat pengiktirafan kepada Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah, Universiti Sains Malaysia.

Isu-isu tempatan di Tangga Batu. Pertama, banjir kilat. Apabila hujan saja, saya pun susah hati. Mana kawasan yang akan dilanda banjir kilat ini? Jadi ini, saya ingin bertanya kepada Menteri, di manakah— maknanya, bagaimanakah tahap kepatuhan terhadap penguatkuasaan undang-undang apabila diluluskan pembangunan? Ini kerana

perparitan yang tidak teratur menyebabkan masalah banjir berulang dan merosakkan harta benda rakyat.

Kedua, kesan penambakan laut kepada nelayan. Tangga Batu mempunyai pantai yang cantik iaitu Pantai Klebang dan Pantai Puteri. Terdapat ramai nelayan bergantung hidup pada industri ini. Namun penambakan laut yang dibuat secara besar-besaran oleh kerajaan yang dahulu menyebabkan hilangnya pantai semula jadi dan kenaikan aras laut yang tinggi di Pantai Puteri. Ini menyebabkan nelayan sukar untuk melakukan aktiviti menyungkur untuk mendapatkan udang geragau bagi industri cencaluk yang menjadi industri tradisi nelayan pantai. Jadi, apakah usaha kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Kerjasama antara agensi contohnya TNB, TM dan polis perlu diperbaiki. Kadang-kadang ada lori langgar, lepas itu wayar jatuh, jadi bahaya, mungkin ada elektrik. Jadi bila kita panggil ataupun kita minta kerjasama polis, polis kadang-kadang, polis bila kita tengok, hanya seorang sahaja. Saya *refer* kepada Balai Polis Tanjung Minyak. Hanya seorang polis sahaja bertugas. Bagaimana beliau hendak keluar untuk menjaga kawalan keselamatan. Jadi saya minta Kementerian Dalam Negeri menambah *taskforce*, dengan izin kepada ini.

Juga pengangkutan awam, Melaka yang diisytiharkan maju oleh Tan Sri Ali Rustam pada pukul 20:10 malam, 20 Oktober 2010. Namun pengangkutan awam terutamanya Bas Panorama, amat menyedihkan. Ada monorel tetapi tidak bergerak. Jadi ini menimbulkan kerisauan kepada ibu bapa apabila anak mereka terpaksa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan bas. Ini membahayakan keselamatan mereka.

*Last* sekali iaitu tentang perkhidmatan Hospital Melaka. Saya ingin bertanya, mengapa hospital besar Melaka yang masih menggunakan bangunan zaman British tidak boleh menggunakan sistem yang sama jika tidak lebih baik dengan Hospital Shah Alam atau Hospital Putrajaya. Apabila kadang-kadang sebab tertentu kita gagal untuk pergi temu janji ataupun hilang surat preskripsi ubat, maka tidak boleh digunakan sistem komputer, kita kena datang lagi. Kalau untuk orang tua-tua yang jauh-jauh, luar bandar hendak datang, ini adalah mendatangkan masalah.

Tuan Yang di-Pertua,

*Sedap sungguh si asam pedas,*

*Enak di makan di tengah hari,*

*Amanah diberi akan digalas,  
Kesejahteraan rakyat, keutamaan kami.*

Dengan itu, saya menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Labuan.

**8.43 mlm.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan baru-baru ini. Sebelum saya lupa, saya ingin memberitahu Tuan Yang di-Pertua, suhu di dalam Parlimen ini terlalu sejuk. [*Dewan ketawa*] Terutamanya di bahagian sini, di bawah bumbung yang rendah. Ia tidak selesa dan ia boleh memudaratkan kesihatan dan juga...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Sokong, sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ambil maklum.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ia boleh membazirkan tenaga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tinggal sembilan minit lagi.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya juga mengucapkan tahniah kepada Pakatan Harapan yang telah memenangi PRU14, yang mana saya walaupun rasa terpegun sekejap tetapi saya merasa begitu bangga apabila melihat penyerahan kuasa ataupun pentadbiran kerajaan berjalan dengan begitu licin dan aman.

Ini menunjukkan bahawa negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang sudah membangun dengan begitu baik, dengan institusi-institusinya yang sudah matang dan mantap. Jadi tidak hairanlah banyak penulisan daripada dalam negara dan luar negara yang mengatakan bahawa Malaysia ini adalah sebuah cerita kejayaan. Sebuah cerita kejayaan, sebuah negara yang telah dibina di bawah teraju Kerajaan Barisan Nasional. Sekarang, negara yang begitu kukuh...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Begitu kukuh *foundation*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong minta laluan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sekejap, sekejap. *Foundation*-nya dan kita dapat melihat daripada indikator-indikator ataupun *rating-rating* yang diberikan oleh

agensi-agensi bebas, diserahkan kepada kerajaan baharu. Maka saya seperti juga dengan rakan-rakan lain, ingin memohon dan meminta supaya kerajaan baharu menjaga dan meneruskan kejayaan ini. Kita di masa awal peralihan ini, adalah penting untuk kita memberikan signal, memberikan signal pada rakyat kita dan kepada dunia bahawa negara ini adalah negara yang stabil, negara yang mempunyai arah tuju yang jelas, negara yang mempunyai dasar-dasar yang berjaya di dalam berbagai-bagai aspek.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi tidak perlulah untuk kita membuat sesuatu...

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong** minta laluan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tentang surat CIA Yang Berhormat. Boleh beri penjelasan? Surat CIA oleh Yang Berhormat, Setiausaha Yang Berhormat Pekan kepada negara Amerika Syarikat, meminta campur tangan CIA. Bukankah itu menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya sudah pun merancang membuat sesuatu sekiranya Pakatan Harapan menang? Menuntut campur tangan daripada Amerika Syarikat. Sehingga sekarang tidak ada sebarang penjelasan...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Faham, faham, saya faham soalan itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Boleh beri penjelasan Yang Berhormat? Bukankah itu menunjukkan bahawa Barisan Nasional tidak berhasrat untuk menyerahkan...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey, okey saya faham soalan.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar, biar Yang Berhormat menjawab sekarang. Dia hendak menjawab. Ya, silakan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Negara yang cukup berjaya ini bukanlah ia tidak mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Pasal itulah saya katakan, kita terus...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Penambahbaikan dengan campur tangan CIA, penambahbaikan dengan campur tangan Amerika Syarikat.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa tinggal empat minit Yang Berhormat Jelutong. Teruskan Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Dan soalan Yang Berhormat Jelutong itu boleh dimasukkan sebagai soalan saya juga untuk dijawab oleh kerajaan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, surat itu ditulis oleh Setiausaha Yang Berhormat Pekan, bukan kerajaan Pakatan Harapan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tidak apa. Ia boleh dijawab.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak!

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Poin, poin telah dibuat. Berikan kesempatan untuk Yang Berhormat Labuan menjawab. Kita kesuntukan masa, ramai lagi yang hendak berbahas. Teruskan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita adalah satu institusi yang mana apa pun, ia boleh dijawab dan boleh diwakili oleh siapa-siapa yang mewakili jabatan ataupun agensi tersebut. Jadi sebenarnya, sekarang kita sudah berada di satu era baharu. Marilah kita bersikap positif. Marilah kita kurangkan *politicking*. Kita buat penambahbaikan. Kita teruskan pembinaan negara ini dan kita laksanakan mengikut keadaan yang tidak perlu membuatkan keadaan nampak panik dan sebagainya.

#### ■2050

Cuma ada juga yang boleh kita laksanakan segera, yang begitu *clear*, yang begitu panas diperkatakan sekian lama, malah sebelum PRU-14 lagi iaitu untuk kita memberikan autonomi ataupun *devolution of power* seperti yang kita persetujui. Semua pun secara dasarnya telah bersetuju untuk kita melaksanakan seperti yang termaktub di dalam MA 63, *Malaysia Agreement 1963* iaitu Malaysia ini sepatutnya adalah satu Persekutuan yang mempunyai tiga rantau—tiga *region*. Persekutuan dengan ada dua *autonomous region* iaitu Sabah dan Sarawak.

Jadi sebenarnya ini adalah sesuatu yang perlu dilaksanakan segera dan ianya akan membantu menambahbaikkan isu-isu yang perlu kita tangani terutama di Sabah dan Sarawak sebagai satu kawasan yang begitu besar dan masih begitu mundur. Jadi dengan *empowerment* yang akan diberikan, sudah tentu penyelesaian kepada isu-isu dapat dilaksanakan dengan cepat.

Dan saya seperti yang pernah suarakan di dalam soalan lisan baru-baru ini, saya ingin menyatakannya sekali lagi, cara yang paling berkesan adalah untuk kita mengadakan Kerajaan Persekutuan ini— di bawah Perdana Menteri ada tiga Timbalan Perdana Menteri mewakili tiga *region* ini, iaitu Sabah dan Sarawak — Ketua Menterinya

secara automatik akan menjadi Timbalan Perdana Menteri, selain daripada seorang yang akan dipilih lagi daripada Semenanjung oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dengan begitu sebenarnya, ketua kepada dua *autonomous region* tadi akan ada duduk di Kabinet Persekutuan. Ini juga akan membuatkan sebenarnya tidak perlu untuk mengambil banyak di dalam Kabinet Persekutuan—Menteri-menteri dari Sabah dan Sarawak sebab kita akan *empower state government* Sabah dan Sarawak tersebut.

Sebenarnya banyak yang saya ingin perkatkan, termasuklah sebenarnya isu-isu yang banyak, yang masih perlu diselesaikan di kawasan saya di Labuan seperti isu kapal nelayan Vietnam yang tidak —*enforcement* dapat elakkan, pengangguran, setingan—kita *champion* dalam setingan. per kapita paling tinggi di Malaysia.

Begitu juga *stateless kid* kemiskinan B40, kita punya *average income* RM1200 dibandingkan dengan *national* punya *average income* B40 RM2900 lebih. Jadi ramai yang miskin, hampir separuh kalau dikatakan B40 di Labuan. *Cost of living* yang tinggi dan begitu juga hal-hal yang lain dan banyak projek-projek yang sudah lulus sekarang ini di-review. Saya harap ia akan diteruskan.

Sebelum saya menghentikan perbahasan saya ini, saya juga ingin menyokong beberapa saranan yang mengatakan Parlimen ini perlu di-*reform* — diteruskan *reform* yang sedang dijalankan ini, terutamanya untuk memastikan ia menjadi *independent* ataupun bebas, tiga *branch* ini.

Sebagai *reflect* kepada kita punya *independent* sebenarnya saya ingin mencadangkan seperti yang saya pernah nampak apabila Speaker dulu membawa saya ke Kanada melihat sistem yang ada di beberapa *another Commonwealth country* iaitu elaun atau *remuneration* kepada *Speaker* dan juga *Chief Judge* sepatutnya sama dengan Perdana Menteri dan dia tidak ditentukan oleh eksekutif.

Begitu juga dengan Ahli Parlimen ataupun Ahli Kabinet lain ia patutnya ada satu formula yang cuma mengatakan *percentage of* dia punya *head*. Kita punya elaun dan sebagainya tidak bergantung kepada keputusan eksekutif. Akan tetapi ia akan menjadi sebahagian daripada apa yang diluluskan kepada Perdana Menteri yang mana Perdana Menteri sama *remuneration* dengan *Speaker* dan juga kita punya Ketua Hakim.

Jadi itulah yang sempat saya perkatkan, Insya-Allah kita akan mohon untuk diberikan peluang lagi di masa-masa depan. Menjunjung kasih, Labuan mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Labuan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kalabakan.

### 7.55 mlm

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya ingin mengambil kesempatan juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas pelantikannya dan di Dewan yang mulia ini juga saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga Kalabakan yang mengundi saya menggantikan mantan Yang Berhormat Kalabakan yang sangat popular dengan kari kambingnya — rata-ratanya Yang Berhormat-Yang Berhormat sini kenal dia dengan kari kambingnya.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, bercakap sedikit fasal Kalabakan, Kalabakan ini tempat yang bersejarah. Satu peristiwa berdarah berlaku 29 Disember 1963 di mana anggota tentera kita telah diserang oleh tentera Indonesia sewaktu konfrontasi. Seramai lapan orang terbunuh di sana. Jadi tempat ini amat-amatlah bersejarah dalam sejarah konfrontasi Malaysia-Indonesia selepas Sabah merdeka.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, merujuk kepada konsep feudalisme, Sabah dan Sarawak adalah merupakan dua buah negeri yang menjadi sebahagian daripada negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia. Sebelum bersetuju menyertai Malaysia Sabah dan Sarawak telah berunding untuk mempertahankan beberapa perkara demi kepentingannya sehinggalah termeterainya Perjanjian Malaysia 1963.

Sabah dan Sarawak ketika itu masih jauh tertinggal terkebelakang dalam berbagai aspek khususnya ekonomi, sosial, pembangunan infrastruktur dan juga pendidikan. Melalui penyertaan di dalam Malaysia, Sabah sepatutnya tidak boleh tertinggal jauh terkebelakang di banding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Ini adalah disebabkan Kerajaan Persekutuan perlu membangunkan negeri-negeri dalam Persekutuan secara adil dan saksama.

Melalui konsep feudalisme juga Sabah sepatutnya telah menerima peruntukan yang telah termaktub mengikut dasar-dasar yang telah dipersetujui bersama untuk memenuhi keperluan-keperluan bagi tujuan membangunkan negeri. Sabah sepatutnya telah menikmati kemajuan yang — telah begitu lama di kecapi oleh rakan-rakan lain di negeri-negeri lain di Semenanjung.

Sabah sepatutnya telah lama menikmati pembangunan seperti negeri-negeri lain di Semenanjung sekiranya peruntukan yang disalurkan ditadbir urus dan digunakan dengan cara yang betul. Namun ketirisan wang peruntukan berlaku begitu serius. Wang yang diperuntukkan tidak digunakan sepenuh 100 peratus semata-mata untuk pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, air, elektrik, sistem komunikasi dan lain-lain.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada ketidaktelusan tadbir urus terhadap peruntukan-peruntukan yang disalurkan selama ini, Sabah ketika ini masih jauh mundur dan memerlukan perhatian khusus untuk ditangani. Saya juga ingin mencadangkan terdapat satu mekanisme yang khusus, yang perlu dibuat untuk menyalurkan peruntukan-peruntukan kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri seharusnya mempunyai autonomi menggunakan peruntukan berasaskan kepada keperluan kerajaan negeri.

Selain daripada itu, pemimpin perlu lebih telus untuk menggunakan peruntukan dan dizahirkan dalam bentuk pembangunan berasaskan kepada keperluan-keperluan yang diperlukan. Mesti ada satu sistem pemantauan yang lebih telus dan bersistematik, agar tidak ada lagi berlakunya ketirisan yang bukan hanya akan merugikan negara, malahan yang lebih rugi lagi ialah kepada rakyat yang sepatutnya menikmati pembangunan yang mana ia dinikmati oleh orang lain.

#### ■2100

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik ayat Janelle Barlow dalam bukunya *A Complaint Is a Gift* di mana beliau mengatakan bahawa *complaints are not problem to be avoided, complaints are actually gifts to be welcomed* dengan izin. Selaras dengan kerajaan baru Malaysia baru dan juga barisan Kabinet serba baru yang mengangkat suara-suara rakyat perlu dipedulikan. Ia juga perlu dizahirkan dengan mendengar suara hati rakyat dan boleh menerima usul-usul rasional kemenjadian kerajaan baru di alaf baru.

Sungguhpun sehingga hari dan abad ke-21 ini belum ada kajian saintifik menyeluruh di buat menyumbang kepada kekerapan peribumi Parlimen Kalabakan memasuki menara gading dalam negara mahupun luar negara serta kemenjadiannya diterjemahkan di pelbagai industri mahupun sebagai pemimpin akan datang. Saya berjanji akan membuka lembaran baru proses pendidikan Parlimen Kalabakan perlu direntas sedalam-dalamnya pada alaf baru seiring dengan wawasan negara 2020 sebagai keseimbangan kepada proses kemajuan luar bandar yang diimpikan, bukan semata-mata impian bahkan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh di kawasan saya iaitu P191 Kalabakan. Selama Barisan Nasional memerintah kawasan yang begitu luas dan terletak jauh daripada bandar Tawau belum ada wujud sebuah majlis daerah. Selama ini kawasan ini begitu mundur dan daif. Penduduk di Kalabakan terpaksa menaiki bas ke bandar Tawau yang jauhnya lebih kurang 100 kilometer. Kalau naik bas dianggarkan memakan masa dua jam hanya semata-mata untuk berurusan dengan bank, majlis daerah dan lain-lain urusan. Ini membuktikan pemimpin selama ini langsung tidak peduli dan tidak mengambil tahu tentang kesengsaraan yang dialami oleh mereka.

Sebelum Yang Berhormat menyoal saya, sebagai Kerajaan Pakatan Harapan yang peduli rakyat dengan mengambil kira suara dan hasrat rakyat dan sebagai memenuhi kepercayaan pengundi-pengundi khususnya di Kalabakan, *insya-Allah* saya akan merangka pelan pembangunan dalam kawasan Kalabakan untuk diangkat agar diluluskan. Pelan pembangunan ini dirangka dalam tiga peringkat iaitu pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. *Insya-Allah* nanti Kalabakan akan wujud satu majlis daerah yang akan menjadi titik permulaan kepada asas pembangunan Kalabakan.

Rentetan pembangunan akan menyusul satu persatu selepas asasnya telah menjadi realiti. Penduduk Kalabakan akan menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti pejabat daerah, pejabat pos, perkhidmatan bank, menaik taraf klinik atau *upgrade* dengan izin, kemudahan balai polis dan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Saya juga sedang membuat rancangan agar penduduk dapat menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi berasaskan produk-produk tempatan yang boleh menjana sumber pendapatan seterusnya untuk menyara keperluan kehidupan seharian mereka, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai kemajuan, perkara yang paling dekat dan kerap diadakan adalah tentang kemenjadian proses pendidikan bangsanya di Sabah khususnya dan khasnya di Parlimen Kalabakan. Proses pendidikan sangat penting dan perlu di transformasi bagi membantu merencanakan ekuiti dalam pembangunan pendidikan yang berperanan sebahagian daripada proses urbanisasi kemenjadian landskap Parlimen Kalabakan di masa depan ke arah idea kelangsungan bandar berkarisma, berwawasan dan maju dapat dizahirkan untuk berdiri sama tinggi serta duduk sama rendah khasnya dengan pembinaan negara bangsa-bangsa lain di Malaysia.

Dalam aspek pembangunan pendidikan, banyak sekolah yang berada dalam keadaan tidak kondusif dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang berada di

Semenanjung. Banyak teori pembelajaran menegaskan bahawa persekitaran pembelajaran yang positif sangat diperlukan untuk memungkinkan pelajar-pelajar dapat belajar dengan berkesan. Persoalannya, bagaimana pelajar dapat belajar sekiranya sekolah-sekolah berada dalam serba kekurangan.

Terdapat sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Jika adapun, penggunaan elektrik yang sangat terhad dengan bergantung pada genset sahaja. Kita sedia maklum, jika bekalan elektrik hanya bergantung kepada genset, barangkali hanya lampu sahaja yang boleh digunakan. Hendak pasang kipas angin pun, genset tidak larat hendak angkat. Jauh sekali hendak pasang *air conditioner*. Itu belum menyentuh tentang kemudahan internet yang diperlukan untuk menyokong murid-murid menikmati proses pembelajaran dengan baik dan berkesan. Sistem komunikasi di daerah pedalaman khususnya di Kalabakan perlu ditingkatkan. Semua keperluan asas untuk proses pembelajaran murid-murid di sekolah perlu dilengkapi agar mereka dapat belajar dengan lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan ditubuhkan satu institut pendidikan tinggi atau institut kemahiran di Kalabakan seperti politeknik atau kolej komuniti. Kewujudan politeknik atau kolej komuniti kelak dijangka dapat menjadikan aktiviti di daerah menjadi rancak dan secara tidak langsung aktiviti akan berkembang. Ini sekali gus dapat menjadikan pemangkin kepada pertumbuhan pembangunan Kalabakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah selesai.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Ya, saya habiskan. Jadi penggemblengan usaha yang ikhlas dan bersungguh-sungguh daripada kerajaan baru Pakatan Harapan yang diketuai oleh Warisan Sabah di Sabah sudah bermula dan yang hanya menjadi pemerhati akan tertinggal, apatah lagi yang mendengki pasti akan rugi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Marudu. *[Disampuk]* Maaf, Yang Berhormat Tanah Merah.

**9.06 mlm.**

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu, saya ingin merafakkan ucapan terima kasih kepada Seri

Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V yang mencemar duli bagi merasmikan sidang Parlimen pada sesi kali ini.

Sudah tentulah segala nasihat dan pandangan dalam Titah Seri Paduka akan diambil berat bukan sahaja Ahli Dewan yang mulia ini tetapi rakyat jelata. Tuanku ada bertitah, jangan lari. Akan tetapi masalahnya malam ini kita tengok semua Menteri sudah lari. Jadi saya haraplah para Menteri dapat akur dengan hadir, apatah lagi inilah yang selalunya dilaung-laungkan oleh pihak sebelah sana semasa duduk di sini.

Akan tetapi pujian saya ialah kepada tiga orang Timbalan Menteri. Saya nampak itu ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah. Saya juga bagi pujian kepada Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Boleh minta laluan? Boleh minta laluan Yang Berhormat Tanah Merah? Fasal hendak lari itu.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *Last ya, final.* Saya minta Yang Berhormat Menteri yang jaga hal ehwal Parlimen menegur para Menteri *to be serious* dengan izin *and to take serious* sidang Parlimen kita kali ini. *Last*, saya boleh lagi.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tidak bagi?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, silakan sekejap. *Quick one.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *Quick one.*

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *Go ahead, go ahead.* Teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi ya? Okey, silakan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Cuma saya hendak dapatkan pandangan Yang Berhormat yang mana Titah Tuanku pada hari itu adalah sehari selepas rakan-rakan di sebelah sana sudah lari keluar dari Dewan.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, faham. Okey, terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** So, itulah tujuan utama Tuanku memberikan Titah tersebut.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tuanku ini, Tuanku adalah berasal daripada Kelantan. Saya Kelantan, Tanah Merah ini Kelantan. Perkataan jangan lari ini ada maksudnya. Jangan lari, boleh tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu apa maksud jangan lari. Orang Kelantan, Dr. Mohd Radzi.

Okey, Tuan Yang di-Pertua. Pilihan Raya Umum Keempat Belas telah mengubah wajah landskap politik tanah air. Ia ibarat tsunami yang melanda Aceh sehingga mengubah struktur geologi wilayah berkenaan. Namun, barang perlu diingat di sebalik sorak-sorai keterujaan dan kegembiraan yang disulami dengan perasaan bangga yang bertompok di hati pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan, ingin saya nyatakan kemenangan tersebut bukanlah kemenangan mutlak yang membuktikan sokongan rakyat kepada Pakatan Harapan. Ia memandangkan berdasarkan statistik dan kajian oleh pelbagai pihak termasuk Merdeka Centre mengenai keputusan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, ia menunjukkan kemenangan Pakatan Harapan didorong sokongan padu pengundi Cina dan India. Manakala majoriti pengundi Melayu masih bersama UMNO dan PAS.

Ia terbukti apabila UMNO muncul sebagai parti tunggal dalam PRU-14 memperoleh kerusi sebanyak 54 kerusi manakala pihak PAS sebanyak 18 kerusi. Apa pun kita akur dan menghormati keputusan rakyat. Namun, saya menggesa Kerajaan Pakatan Harapan berhati-hati dalam perkara-perkara yang dilihat boleh menyentuh sensitiviti orang Melayu dan umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan perkara ini bukanlah atas kepentingan politik tetapi merasa bimbang melihat perkembangan dari semasa ke semasa menyaksikan satu demi satu perkara yang dilihat menyentuh sensitiviti orang Melayu mula dilakukan. Ia bermula dengan tuntutan melampau HINDRAF yang menggesa kerajaan membuka UiTM kepada semua kaum dan desakan supaya kedudukan JAKIM dikaji semula. Kini terbaru, isu mahu mengiktiraf UEC pula kedengaran hanya disebabkan ia terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan, peraturan Yang Berhormat. Peraturan, peraturan. Peraturan Mesyuarat 36(10)(c).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** "*Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum*". Isu-isu berkenaan dengan HINDRAF itu saya rasa tidak perlu kita berbincang sekarang Yang Berhormat.

■2110

Jadi, saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua supaya menyarankan kepada Yang Berhormat Tanah Merah supaya jangan bangkitkan isu ini.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tidak ada, ini yang telah disuarakan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya cuma nak minta supaya beliau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kita elakkanlah untuk masa kini.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih tetapi ini yang telah disiarkan dalam media sosial dan juga di akhbar. Memang benar apa yang terkandung dalam manifesto perlu dilaksanakan ialah satu aku janji tetapi apa yang saya perhatikan banyak lagi janji-janji yang sepatutnya ditunaikan, tidak ditunaikan. Apa yang kita dengar, ia alasan demi alasan. Contohnya, penurunan harga bahan bakar yang kononnya harga petrol mahu diturunkan kepada RM1.50 sahaja dan ternyata semua itu hanyalah mimpi di siang hari untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu UEC saya menggesa kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan supaya tidak tergesa-gesa melaksanakan semata-mata disebabkan ia terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan. Kajian terperinci dan pandangan semua pihak perlu diambil. Ini kerana UEC adalah isu rakyat yang memberi implikasi besar dan seharusnya diperhalusi dengan mendalam. Oleh itu, saya mencadangkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi mengkaji perkara ini. Jawatankuasa khas ini bukan sahaja disertai oleh pihak kerajaan tetapi juga semua pihak yang berkepentingan dalam soal pendidikan negara. Ia memandangkan ada perkara yang perlu diperhalusi dan diteliti kerana jika rakyat, khususnya orang Melayu tidak faham, ia boleh mencetuskan pertembungan politik yang akan merugikan semua pihak. Justeru itu, penubuhan jawatankuasa tersebut amat penting bagi memastikan tidak berlaku pelanggaran atau percanggahan di bawah Akta Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini selain daripada isu UEC terdapat satu lagi isu berkaitan pendidikan yang menarik perhatian saya iaitu berhubung kekurangan guru di bandar yang semakin meruncing. Dalam soal berkaitan kekurangan guru, saya difahamkan terdapat hampir 6,000 lulusan pengajian pendidikan daripada universiti pengajian tinggi awam yang masih belum mendapat tempat. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya mereka diberi peluang mengisi masalah kekurangan guru di bandar. Saya yakin dan percaya mereka tidak akan keberatan untuk ditempatkan di bandar-bandar besar seperti di Pasir Gudang, Shah Alam, Johor Bahru seperti mana dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini.

Saya juga ingin bertanya, jika menghormati dan akur arahan sebelum ini tidak boleh ada aktiviti politik di sekolah. Namun, saya ingin bertanya adakah larangan untuk semua parti politik, termasuk parti kerajaan? Saya juga ingin tahu bagaimana jika kita Ahli-ahli Parlimen dijemput untuk merasmikan PIBG? Adakah semua Ahli-ahli Parlimen, termasuk pembangkang boleh pergi merasmikan mesyuarat PIBG?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Baharu yang dilaungkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan bukanlah maksud Malaysia memasuki era yang segala-galanya di bawah pemerintahan Barisan Nasional dahulu perlu diubah, terutama berkaitan orang Melayu dan umat Islam. Perlu memahami siapa paling berkuasa dalam Pakatan tersebut. Akan tetapi pada masa yang sama, kerajaan bertanggungjawab memastikan perpaduan kaum terpelihara. Oleh itu, saya menggesa kerajaan bertindak tegas dan tidak bersandiwara dalam mempertahankan kepentingan orang Melayu, umat Islam dan institusi Raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya merasa simpati dan kasihan kepada rakyat Malaysia yang menyokong Pakatan Harapan. Saya tidak salahkan mereka yang mudah terpedaya dengan janji manis kerajaan melalui manifesto dalam PRU-14 baru-baru ini. Akibat janji-janji manis tersebut, khususnya melibatkan kos sara hidup, maka ramai yang menyebelahi Pakatan Harapan. Siapa yang tidak mahu kalau minyak turun sehingga RM1.50 seliter? Siapa yang tidak merasa lega jika pemansuhan GST akan memastikan harga barang-barang akan turun mendadak? Ini belum lagi ambil kira bagaimana janji menghapuskan hutang PTPTN yang saya percaya menyebabkan ramai anak-anak muda terpengaruh untuk menyokong Pakatan Harapan. Akan tetapi bak kata orang, 'ku harap panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari'. Ia memandangkan apabila kuasa sudah ada di tangan, bila mandat diberikan oleh rakyat, 1001 alasan diberikan oleh kerajaan untuk mengelakkan menunaikan janji manis yang mereka taburkan. Hutang negara dijadikan alasan kononnya mencecah RM1 trilion. Walau bagaimanapun saya mengharapkan sangatlah segala janji-janji dalam manifesto harus dilaksanakan, ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sebelum manifesto itu dilaksanakan, apakah Pakatan tidak membuat penyelidikan terlebih dahulu berhubung apa juga janji yang dibuat? Adakah segala janji sengaja dilakukan untuk tujuan menarik undi semata-mata? Apabila kuasa diperolehi, janji itu entah dicampak ke mana. Oleh itu, saya menggesa Kerajaan Pakatan Harapan menjadi kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab, tunaikanlah segala janji yang telah dibuat. Rakyat memilih kerajaan sedia ada kerana mereka mahu kehidupan yang lebih baik berdasarkan kepada janji-janji yang ditaburkan

dalam manifesto. Justeru, janganlah memperdayakan rakyat dengan 1001 alasan kenapa satu janji itu tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perbahasan ini dengan menegaskan apabila rakyat membuat keputusan memilih sesebuah parti atau gabungan menjadi kerajaan, maka sudah tentulah kerajaan yang ditubuhkan itu lebih baik daripada kerajaan yang terdahulu. Oleh itu, saya menggesa Kerajaan Pakatan Harapan supaya berlaku adil dan saksama dalam menjalankan pemerintahan. Musim pilihan raya sudah berlalu, sekarang adalah masa untuk kita sama-sama berganding bahu membangunkan tanah air tercinta ini. Kita mungkin berbeza pendapat dan perbezaan fahaman politik tetapi dalam memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan memakmurkan negara, kita perlu mengetepikan perbezaan tersebut.

Justeru itu, saya juga berharap dalam melaksanakan apa juga tindakan atau mahu memperkenalkan sesuatu dasar, fikirkanlah sensitiviti semua kaum. Janganlah terburu-buru sehingga kita akhirnya dilihat bagaikan menyalakan api dalam sekam yang saya percaya lama-kelamaan boleh marak sehingga memusnahkan negara. Sesungguhnya sebagai Ahli Parlimen pembangkang sudah pasti saya dan rakan-rakan akan menjadi blok pembangkang yang *constructive* dan menjadi *check* dan *balance*, dengan izin, kepada kerajaan, bukan menjadi pembangkang yang membangkang apa sahaja seperti mana yang dialami oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Akhirnya sekali, saya juga ingin tahu status kedudukan yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Tanah Merah. Pertama, saya ingin tahu bagaimanakah status asrama penuh integrasi? Saya juga ingin tahu status MRSM. Saya juga ingin tahu bagaimana naik taraf Jalan Kusia dan begitu juga dengan projek perumahan rakyat. Akhir sekali, kompleks sukan komuniti yang ini semua telah pun diluluskan dan bagaimanakah status mereka?

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Tanah Merah menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Saratok.

**9.17 mlm.**

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Mungkin saya yang terakhir saya rasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. *[Ketawa]*

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang kepada saya untuk berbahas di dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya rakyat Malaysia mencapai impian untuk membentuk kerajaan baharu. Syabas saya ucapkan kepada rakyat Malaysia yang berani berubah. Terima kasih juga tidak terhingga kepada pengundi Saratok kerana telah memberikan saya mandat dan kepercayaan untuk mewakili suara mereka, khususnya pengundi Kabong yang dulunya *fixed deposit*, dengan izin, Barisan Nasional.

Meskipun lebih setengah abad dimomokkan dengan doktrin *anang laban perintah*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, itu bahasa Iban. Bermakna, jangan lawan pemerintah. Akhirnya, warga Saratok berjaya memecahkan tembok minda yang sekian lama menghantui mereka. Setelah lama minda mereka dijajah oleh propaganda BN iaitu BN itu pemerintah, pemerintah itu BN.

Sekolah daif di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai 1,450 buah sekolah. Dukacitanya saya memaklumkan bahawa daripada jumlah tersebut, 70 peratus ataupun 1,020 buah sekolah berada dalam keadaan daif. Manakala, 405 buah sekolah berjaya dinobatkan sebagai tersangat daif. Menurut anggaran Kerajaan Negeri Sarawak, sebanyak RM4 bilion diperlukan untuk membaik pulih atau membina kesemua sekolah tersebut. Dana sebanyak RM1 bilion telah dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan yang terdahulu. Pada masa sekarang masih ada 428 buah sekolah tidak mempunyai bekalan air terawat. Di Saratok, sebanyak 20 buah sekolah tidak ada bekalan air terawat.

Banyak sekolah di Saratok berada dalam keadaan daif dan memerlukan dana membaik pulih. Peruntukan RM1.2 juta telah disalurkan, sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Keadaan SMK Saratok dan SMK Kelakak adalah sangat menyedihkan. Asramanya macam tongkang pecah, keadaan sistem pendawaian di SMK Kelakak tersangat berbahaya kepada pelajar dan boleh menyebabkan kebakaran.

Sekolah yang menggunakan set jana kuasa diesel. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 369 buah sekolah di Sarawak masih menggunakan set jana kuasa. Di Saratok, terdapat 20 buah sekolah masih menggunakan set jana kuasa diesel untuk beroperasi. Ini melibatkan penggunaan secara purata 3,000 diesel untuk sesebuah sekolah itu. Untuk kesemuanya, 400,000 penggunaan diesel sebulan untuk 20 buah sekolah dan RM48 juta setahun.

#### ■2120

Ini adalah untuk kawasan Parlimen Saratok sahaja. Persoalannya, apakah rasional di sebalik keputusan untuk masih menggunakan set jana kuasa diesel puluhan tahun yang sudah sedangkan lebih jimat kos jika 17 daripada 20 sekolah tersebut

disambungkan terus kepada grid kuasa utama yang dalam lingkungan 500 meter. Langkah Kerajaan Negeri Sarawak untuk membaik pulih sekolah dengan mengeluarkan dana RM1 bilion adalah perlu, akan tetapi ini tidak patutnya berlaku sekiranya pihak Kementerian Pelajaran yang dulu peka terhadap rintihan rakyat.

Projek Kerajaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa 447 projek PIA/PIAS berjumlah RM42.49 juta untuk seluruh Sarawak sama ada telah dibatalkan atau dikaji semula bagi melaksanakan Pelan Realisasi kerajaan sekarang. Daripada jumlah tersebut, 22 projek PIA/PIAS bernilai RM2.15 juta adalah untuk Saratok dan sejumlah besar projek tersenarai tersebut sangat diperlukan. Sebagai contoh, Projek Jambatan Gantung Tabau yang senget 45 darjah. Ramai budak sekolah dan penduduk rumah panjang menggunakan jambatan itu setiap hari untuk menyeberangi Sungai Kerian di mana buaya-buaya kelihatan bersadai di bawahnya. Bagi penduduk Tabau, sekian lama menunggu bajet, tiba-tiba dilengahkan amatlah mengecewakan mereka. Justeru itu, saya memohon pelaksanaan projek kecil tersebut dimulakan secepat mungkin.

Masalah bekalan air terawat di Saratok. Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan air terawat ini adalah masalah yang diwarisi daripada Kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Selepas 55 tahun, adalah menyedihkan kerana masih banyak kawasan di Parlimen Saratok menghadapi masalah kekurangan air atau tiada bekalan air terawat langsung. Sudah banyak terdengar rungutan dan rintihan daripada warga Saratok. Semasa Hari Raya Aidilfitri yang lepas, di beberapa kampung di Kabong, saya mendapati sebahagian besar daripada kampung langsung tidak ada air ataupun kekurangan air dan ini amat menyukarkan kehidupan seharian penduduk di kawasan berkenaan. Ada juga yang ada paip tetapi buka keluar angin bukan air tetapi meter berjalan juga.

Berikut adalah kampung dan rumah panjang di Parlimen Saratok yang masih tiada bekalan air terawat:

- (i) Kampung Perpat;
- (ii) Kampung Paloh;
- (iii) Kampung Kaba;
- (iv) Lubok Nibong;
- (v) Kali;
- (vi) SK Ulu Sebetan;
- (vii) SK Mudong;

- (viii) 10 buah rumah panjang di Brayang; dan
- (ix) kawasan Ulu Roban.

Di sini saya menyeru agar Kementerian Luar Bandar dapat memberi keutamaan kepada projek tersebut. Jangan menunggu hingga Kerajaan Negeri Sarawak terpaksa mengeluarkan dananya sendiri.

Penambahan peruntukan *Member of Parliament* (MP) kita ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, peruntukan kepada MP dari Pakatan Harapan sekarang amatlah terhad. Setiap ADUN / MP GPS di Sarawak sebagai contoh, diperuntukkan RM2 juta untuk MRP dan RM5 juta untuk RTP. *Total* seorang ADUN atau MP dari GPS di Sarawak mendapat akses RM7 juta setahun. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar peruntukan bagi MP Pakatan Harapan ditambahkan sekurang-kurangnya RM7 juta dan juga MP pembangkang...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Saya menyokong.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** *[Ketawa]* Dan juga MP pembangkang seharusnya menerima sebahagian.

Royalti minyak. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan saya akui yang royalti minyak dan gas adalah isu yang sangat dekat di hati semua anak Sarawak tanpa mengira latar belakang ideologi. Hampir semua MP di Sarawak menyentuh isu royalti dengan menyatakan rasa tidak puas hati dengan lima *percent* royalti yang ada sekarang. Manakala Yang Berhormat Gombak sudah mencadangkan pemberian 20 peratus keuntungan. Oleh yang demikian amatlah bertepatan sekali dengan pengumuman persetujuan yang dibuat tengah hari tadi oleh PH Sarawak menyatakan sedemikian.

Sarawak masih mendapat lima peratus royalti daripada pengeluaran sama seperti sekarang, ditambah lagi dengan 20 peratus keuntungan. Ini bermakna Sarawak akan mendapat jauh lebih banyak dibandingkan dengan daripada zaman Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa hari yang lepas ramai ex-BN atau GPS Sarawak mengecam cadangan pemberian 20 peratus keuntungan dan meminta 20 peratus royalti pengeluaran. Saya faham dengan isu ini kerana selaku ADUN Sarawak, isu penambahan royalti kepada 20 peratus pengeluaran memang telah diluluskan sebulat suara oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada tahun 2014 yang lalu. Juga isu yang sama telah diutarakan oleh Pakatan Rakyat sejak tahun 2011 sebelum arwah Ketua Menteri Adenan Haji Satem membawa isu royalti. Manifesto Pakatan Rakyat 2013 dan Deklarasi Kuching 2012 pun menyebut isu royalti dengan jelas.

Isu permintaan 20 peratus tidak pernah dimasukkan di dalam manifesto GPS ataupun ex-BN dulu malahan seorang Timbalan Ketua Menteri Sarawak menyatakan beliau tidak peduli sama ada Petronas gulung tikar kalau tuntutan 20 peratus tidak dilayani. Tidakkah beliau faham akan beribu-ribu anak Sarawak yang bekerja dengan Petronas akan kehilangan pekerjaannya seandainya Petronas gulung tikar? Untuk makluman, PDA 1974 telah dibentangkan oleh Barisan Nasional sendiri iaitu bekas Ketua Menteri Sarawak, TYT sekarang pada 24 Julai 1974 dan diluluskan. Ketua Menteri Sarawak pada masa itu juga orang BN, Tun Abdul Rahman Ya'kub.

Pada hakikatnya, punca masalah royalti ini, punca penyerahan kuasa kekayaan kepada Petronas adalah Barisan Nasional sendiri. Dalam isu penambahan, ex-BN beraksi kononnya tidak bersetuju dan cuba menggambarkan seolah-olah PH ini telah menipu rakyat. Padahal semua masalah ini berpunca daripada BN. *[Tepuk]* PH sekarang terpaksa mewarisi masalah ini...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Boleh?

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** ... disebabkan kegagalan pemerintahan yang dulu. BN sekarang telah gagal mempertahankan hak bumi Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapit minta laluan.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Anak Sarawak telah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluan tidak diberikan.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** ...Di-kongkalikung-kan oleh BN. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri laluan? Tidak?

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Ha, beri laluan kepada Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ha ini cara baik, terima kasih ya. Ha ini dia kuorum dialah dalam Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, benar PDA tahun 1974, akan tetapi saya ingat Yang Berhormat sendiri pun sedar juga. Di peringkat Dewan Undangan Negeri sebab Yang Berhormat pun Ahli Dewan Undangan Negeri sejak sekarang dah dua penggal, kita tidak pernah *endorse*, boleh dikatakan begitu dan mengadakan satu perlunya satu pindaan kepada undang-undang ataupun digubal satu undang-undang baru. Kalau tidak ada kita buat begitu, maka kita menganggap PDA itu *null and void*.

Jadi di situlah, kita di peringkat negeri Sarawak membuat satu pendirian pada masa itu juga dan selama ini juga kita menjaga hak kita negeri Sarawak. Saya pasti Yang Berhormat pun tahu.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Kapit tetapi yang peliknya sejak daripada tahun 1974, BN Sarawak tidak pernah mengusulkan pindaan tersebut di Dewan Undangan Negeri. *[Tepuk]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Sebab kita tak *endorse* PDA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa dah habis.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Ya, okey Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya ingin menyokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Saratok. Sebenarnya kita ada dua minit lagi. Jadi, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Marudu dan saya gunakan aturan 12(3) untuk memberikan kesempatan untuk Yang Berhormat Kota Marudu berbahas. Ada Yang Berhormat Kota Marudu?

**Beberapa Ahli:** Dia dah balik, dah balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah balik? Kalau dah balik... *[Ketawa]*

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Kemaman, Kemaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kita tamatkanlah kalau Yang Berhormat Kota Marudu dah balik.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Kemaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 31 Julai 2018.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.28 malam]***